

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 47

Rabu

12 November 2014

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2015

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.20 (Halaman 26)

Maksud B.42 (Halaman 41)

Maksud B.22 (Halaman 122)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 25)

Usul Anggaran Pembangunan 2015

Jawatankuasa:-

Maksud P.20 (Halaman 26)

Maksud P.42 (Halaman 41)

Maksud P.22 (Halaman 122)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 12 November 2014
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) mengenai sistem pendidikan di negara kita yang terdapat sekolah antarabangsa yang semakin mendapat perhatian masyarakat terutamanya yang berpendapatan tinggi, berapakah jumlah sekolah antarabangsa yang berdaftar dengan kementerian; dan
- (b) apakah kurikulum yang diguna pakai dalam sekolah antarabangsa berkenaan dan adakah sama kurikulum tersebut antara satu sekolah dengan sekolah antarabangsa yang lain; dan adakah kurikulum sekolah antarabangsa selari dengan kurikulum sekolah kebangsaan, kerana kita khuatir jika tidak selari ia akan menjejaskan semangat patriotisme remaja terhadap negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu atas soalan yang berkaitan dengan sekolah antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mendaftarkan sebanyak 125 buah sekolah antarabangsa. Sebanyak 104 daripadanya telah beroperasi manakala 21 buah lagi masih dalam pembinaan.

Sekolah-sekolah antarabangsa ini menggunakan sama ada kurikulum Kanada, Amerika, Australia, United Kingdom atau IGCSE dan kurikulum *International Baccalaureate*, dengan izin, atau IB mengikut permohonan masing-masing. Kurikulum antarabangsa ini adalah berbeza dan tidak selari dengan kurikulum kebangsaan.

Walau bagaimanapun, bagi pelajar warganegara Malaysia yang belajar di sekolah antarabangsa, Kementerian Pendidikan Malaysia mewajibkan mata pelajaran Sejarah Malaysia, Bahasa Malaysia dan Pendidikan Agama Islam atau Pendidikan Moral diajar kepada mereka berdasarkan Surat Pekeliling Iktisas Bilangan 1/2012 – Pelaksanaan Dasar Kemasukan Murid Warganegara Malaysia ke Sekolah Antarabangsa bertarikh 28 Jun 2012. Ini adalah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuh semangat patriotisme dan jati diri murid sebagai warga Malaysia. Sekian, terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan saya. Saya dapati pada tahun 2012, kerajaan telah mengumumkan penghapusan kuota 40% untuk rakyat tempatan memasuki sekolah antarabangsa ini. Bererti, sekarang ini ianya dibuka makin luas kepada penduduk-penduduk tempatan terutama sekali mereka yang berpendapatan tinggi. Saya melihat bahawanya kalau kita tidak kawal, ia sudah pasti akan menjejaskan sistem pendidikan sekolah kita kerana saya tengok makin ramai di kalangan rakyat tempatan yang menghantar anak mereka ke sekolah tersebut.

Kalau kita tengok Singapura sendiri, mereka tidak membenarkan langsung warga mereka menghantar anak mereka ke sekolah antarabangsa ini. Jadi sudah pasti mesti mempunyai alasan yang kukuh kenapa Singapura berbuat demikian. Jadi saya berharap kepada kementerian supaya melihat balik kepada kuota ini kerana kita takut ia akan menjejaskan sistem pendidikan kita.

Selain daripada itu juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalan.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Tadi satu soalan. Soalan yang kedua iaitu berkenaan dengan memperkukuhkan dan memartabatkan bahasa Melayu terutama sekali di sekolah antarabangsa ini. Kalau kita tengok dari segi memandangkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Tahun 2013 hingga 2025, ia tidak langsung menyentuh tentang sekolah antarabangsa ini. Bererti, bahawasanya ia tidak memberi penekanan kepada bahasa Melayu di sekolah ini. Jadi sudah pasti makin hari makin ramai anak-anak kita yang dihantar dan sudah pasti penguasaan bahasa Melayu akan terjejas demi untuk perpaduan negara kita.

Jadi kita harap bagaimanakah pemantauan yang dibuat oleh kerajaan sehingga menentukan bahawa bahasa Malaysia ini akan dapat diperkasakan? Kita tidak nak benda ini berlaku seperti sekarang ini kepada IPTS yang tumbuh, yang banyak di negara kita yang tidak terkawal walaupun kerajaan, walaupun Kementerian Pendidikan mempunyai garis panduan tentang kawalan IPTS ini. Akan tetapi saya tengok sekarang ini tidak terkawal. Ramai pelajar-pelajar yang mendaftar di IPTS ini tidak belajar tetapi mereka melakukan perkara-perkara lain. Ini saya lihat benda ini kemungkinan berlaku kepada sekolah antarabangsa ini yang tumbuh seperti cendawan sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya diingatkan lagi oleh Tan Sri Speaker, ikut peraturan, soalan tambahan satu sahaja dan tidak boleh panjang-panjang. Yang Berhormat Kubang Pasu tiga minit lebih untuk bertanya soalan. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu soalan sahaja.

Datuk Yap Kain Chaing @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peringatan. Jadi, saya akan menjawab soalan yang pertama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Ini ada berkaitan dengan buka atau melaksanakan dasar kemasukan murid warganegara Malaysia ke sekolah antarabangsa dan memang betul bahawa Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru Bilangan 3 tahun 2006 yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar kemasukan 40% murid warganegara ke sekolah-sekolah antarabangsa telah dimansuhkan.

Ini adalah berdasarkan dengan izin, satu mesyuarat Economic Transformation Program Steering Committee Ke-9 pada 6 Oktober 2011 dan dalam mesyuarat ini telah bersetuju supaya kuota tersebut iaitu 40% dimansuhkan bagi membantu pengusaha sekolah antarabangsa untuk beroperasi secara optimum dan lebih berdaya saing bagi meningkatkan kualiti pendidikan yang ditawarkan. Ini juga adalah untuk memberi pilihan pendidikan swasta dan ini juga merupakan satu subsektor yang dikenal pasti di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, mengapakah lesen ataupun kebenaran untuk menubuhkan sekolah antarabangsa telah pun dihentikan ataupun telah dibekukan kerana untuk negeri-negeri seperti Pulau Pinang memang sekolah antarabangsa adalah satu daya tarikan yang penting untuk menarik bukan sahaja pelaburan luar negeri tetapi juga untuk menarik *talents* dengan izin, aspek-aspek yang kita perlukan kepakaran dan juga pengetahuan serta inovasi mereka untuk datang. Kalau mereka punya keluarga, anak-anak tidak dapat tempat di sekolah antarabangsa di mana kebanyakannya penuh, bolehkah lesen ini dibenarkan tetapi untuk sekolah-sekolah yang mempunyai latar belakang yang unggul. Sekian, terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat. Yang berkaitan dengan lesen dan kes yang disebut oleh Yang Berhormat tadi boleh dikaji dengan teliti. Sekian, terima kasih.

2. Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa orang telah dihukum mati dan sedang menunggu hukuman gantung dan kewarganegaraan negara mereka. Juga berapa orang dirotan mengikut kewarganegaraan.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 2012 dan 2013, Jabatan Penjara telah melaksanakan tiga hukuman mati. Dua banduan merupakan banduan warganegara Malaysia manakala seorang warganegara asing. Seramai 975 banduan telah disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman mati oleh mahkamah tetapi masih lagi dalam proses rayuan sama ada di Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan atau Lembaga Pengampunan Negeri. Sepanjang tahun 2013, seramai 8,481 banduan telah menjalani hukuman sebatan rotan. Seramai 2,483 ialah warganegara Malaysia manakala 5,998 adalah warga asing.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah adakah kementerian bersedia untuk menambah baik atau memperbaiki keadaan dalam penjara untuk banduan hukuman mati terutamanya dari segi psikologi kerana tema tahun ini tentang hukuman mati ialah psikologi di dalam penjara. Adakah

kementerian juga bersedia untuk memikir ataupun menggantikan hukuman rotan di bawah 'Akta Imigrasi' yang melibatkan terutamanya warga Indonesia. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sememangnya menjadi tugas KDN melalui Jabatan Penjara untuk menaikkan taraf dan memperbaiki kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada banduan atau dengan izin, imej terutamanya mereka yang dipanggil *condemned prisoners* mengikut istilah perundangan dan Lembaga Pelawat Penjara telah mengesyorkan beberapa penambahbaikan dan kita harap peruntukan yang kita perolehi akan dapat digunakan bagi menaikkan taraf kemudahan yang dihuni oleh banduan-banduan berkenaan.

Mengenai hukuman rotan, kita masih belum berhajat untuk menukar hukuman itu kepada meringankan hukuman namun jika pihak Jabatan Peguam Negara mengubah dasar maka Jabatan Penjara bersedia melaksanakan hukuman berdasarkan kepada perubahan dasar berkenaan. Namun, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini hukuman sebatan ini telah dapat mengurangkan pesalah-pesalah yang dipanggil dengan izin *recidivist* atau *recidivism* iaitu kesalahan berulang, terutamanya mereka yang terlibat di dalam pengedaran dadah.

Saya juga ada menyebutkan bahawa ejen-ejen pekerja asing harus dikenakan hukuman sebatan mandatori kerana hukuman cara denda tidak begitu berkesan nampaknya dengan kebanjiran pekerja-pekerja asing terutamanya di negeri Tuan Yang di-Pertua. Saya harap cadangan ini dapat diambil kira oleh Ahli Dewan sama ada belah sini atau belah sana.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Apakah pendorong kepada pelaku-pelaku jenayah ini sehingga mereka melakukan jenayah berat dan berapa lamakah hukuman gantung sampai mati itu ditempoikan kepada seorang yang telah dijatuhkan hukuman sebab kalau di China apabila diputuskan mahkamah hukum mati, dia keluar sahaja terus tembak. Di sini berapa lama kita simpan dalam penjara sedangkan dia sudah dihukum mati. Kalau di China begitulah. Yang lebih berat peluru yang menembak itu disuruh bayar kepada keluarga yang ditembak itu. Di tempat kita ini terlampau baik. Berapa lama agak-agaknya?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Mungkin Yang Berhormat Kinabatangan ada pengalaman *[Ketawa]* di negara berkenaan. Akan tetapi sebenarnya sistem undang-undang di negara kita ini lebih berperikemanusiaan. Saya ingin menyebutkan statistik bahawa mereka yang sedang menunggu rayuan adalah seramai 975 orang dan kita lihat bahawa daripada 975 orang itu seramai 347 sedang mengemukakan rayuan. Ertinya tempoh tidak ada ditentukan. Ia bergantung kepada mahkamah berkenaan. Seramai 310 orang sedang merayu di Mahkamah Persekutuan dan kita juga mempunyai kes-kes rayuan kepada Lembaga Pengampunan Negeri, 255 telah dikemukakan dan 63 belum dikemukakan.

Namun, saya ingin menyebutkan di Dewan yang mulia ini terdapat Lembaga Pengampunan Negeri yang telah melihat kes-kes yang berkenaan dan apa yang kita lakukan apabila kes-kes rayuan ini dibawa maka beberapa kajian untuk tidak mengenakan hukuman mati

dikenakan sebaliknya dikenakan hukuman sepanjang hayat ataupun penjara 20 tahun. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa faktor-faktor yang digunakan oleh Lembaga Pengampunan Negeri termasuklah berdasarkan kepada rayuan yang dibuat oleh banduan itu sendiri atau laporan yang diperoleh daripada lembaga yang melakukan pemulihan ataupun Laporan Pemulihan Diri Banduan oleh pihak penjara sendiri. Faktor yang ketiga ialah laporan oleh pihak hakim yang menjalankan hukuman.

■1020

Keempatnya, Peguam Negara akan melihat sama ada ketiga-tiga faktor yang telah saya sebutkan ini boleh diterima pakai untuk menerima kes-kes rayuan berkenaan. Ertinya kalau ada di kalangan Ahli Dewan yang mulia ini bertanya adakah hukuman mandatori mati ini akan diadili semula, maka saya fikir proses perundangan yang dibuat oleh negara kita ini adalah antara yang terbaik dan saya fikir ianya harus diberikan keprihatinan kerana matlamat penjara sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kluang tadi bukan hanya menghukum tetapi adalah juga untuk melakukan pemulihan dan pemulihan ini diharap akan dapat mengurangkan kadar jenayah.

Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Kinabatangan bahawa kadar *recidivism*, kesalahan jenayah yang berulang sejak pemulihan ini dilakukan telah menurun daripada kadar 32% kepada 7.6% sahaja. Kiranya kejayaan ini cukup baik malah ada sebuah penjara, iaitu Penjara Kluang, kami menubuhkan Maahad Tahfiz. Kita membuat satu kelas untuk banduan-banduan Islam supaya menjadi penghafaz Al-Quran.

3. Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta Perdana Menteri menyatakan sepanjang tempoh perintah berkurung di perairan ESSZONE adakah pihak kerajaan memberi insentif kepada golongan nelayan yang terjejas sumber ekonomi akibat pengisytiharan darurat. Apakah pula peranan agensi kerajaan yang terlibat dalam menjaga kebajikan nelayan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perintah berkurung yang berkuat kuasa di ESSZONE adalah bertujuan untuk meningkatkan kawal selia keselamatan perairan Sabah khususnya di kawasan ESSZONE. Aktiviti penangkapan ikan di ESSZONE tidak terjejas akibat pengisytiharan perintah berkurung ini. Bagi nelayan yang ingin keluar menangkap ikan sepanjang tempoh perintah berkurung, mereka boleh mendapatkan permit untuk menjalankan aktiviti perikanan di zon perairan perintah berkurung daripada Ketua Polis Daerah.

Sebanyak 1,697 permit telah dikeluarkan sejak dari 19 Julai sehingga 9 Oktober 2014. Sebagai sebuah kerajaan, kita sentiasa prihatin maka pelbagai insentif telah dilaksanakan untuk membela nasib golongan nelayan di seluruh negara. Golongan nelayan di ESSZONE sedang menikmati bantuan subsidi diesel dan juga petrol serta menerima elaun sara hidup nelayan sebanyak RM200 sebulan. Bagi terus menjamin kesejahteraan hidup golongan nelayan, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa elaun sara hidup nelayan akan dinaikkan kepada RM300 sebulan kepada pemilik individu *vesse/* perikanan dan pekerja warga tempatan yang bekerja di atas *vesse/* yang berlesen.

Selain daripada itu, kerajaan juga turut memberi insentif pendaratan ikan iaitu sebanyak RM0.20 sen bagi sekilo ikan laut dalam dan RM0.10 sekilo bagi ikan laut cetek. Memandangkan kuantiti tangkapan nelayan adalah berbeza mengikut jenis perkakasan dan kategori *vesse/* yang digunakan ketika aktiviti perikanan, maka Lembaga Kemajuan Ikan menggunakan kaedah berikut sebagai asas pembayaran kepada golongan nelayan.

- (i) *Vesse/* berjentera sangkut yang menggunakan perkakasan pukot tradisi sebanyak RM150 sebulan.
- (ii) *Vesse/* berjentera dalam yang menggunakan perkakasan pukot tradisi sebanyak RM350 sebulan
- (iii) *Vesse/* berjentera dalam yang beroperasi di kawasan Zon B dan menggunakan perkakasan pukot tunda dan pukot jerut sebanyak RM750 sebulan.
- (iv) *Vesse/* berjentera dalam yang beroperasi di kawasan Zon C dan menggunakan perkakasan pukot tunda dan pukot jerut sebanyak RM1,500 sebulan
- (v) *Vesse/* berjentera dalam yang beroperasi di kawasan Zon C2 dengan menggunakan perkakasan pukot tunda dan pukot jerut sebanyak RM2,500 sebulan.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu ringkas, yang begitu panjang lebar dan juga penuh dengan maklumat. Apabila perintah berkurung dikuatkuasakan di Pantai Timur Sabah, seperkara yang merisaukan kita ialah perusahaan nelayan sebab di Pantai Timur Sabah memang sebahagian besar daripada pengusaha-pengusaha ialah nelayan.

Jadi seperkara yang merunsingkan kita ialah apakah hasil, apakah akibatnya daripada penguatkuasaan perintah berkurung. Satu daripadanya ialah adakah harga barangan seperti ikan dan lain-lain meningkat setelah perintah berkurung dikuatkuasakan dan juga berapakah jumlah permit yang telah dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa kepada kapal-kapal dan juga nelayan-nelayan yang berurusan di dalam kawasan-kawasan darurat ini. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, kita berdasarkan kepada, terima kasih kepada soalan tambahan. Jadi berdasarkan kepada beberapa pandangan di peringkat bawah dan juga maklumat-maklumat daripada agensi kerajaan, yang pertama Pengerusi Persatuan Nelayan Lahad Datu memaklumkan kepada kita bahawa perintah berkurung tidak meninggalkan kesan yang ketara dari segi harga tangkapan ikan. Sebagai contohnya di Lahad Datu pada masa ini ikan tenggiri RM13 sehingga RM15. Ikan putih RM13 hingga RM15 sekilo. Ikan kembung ataupun selar yang besar RM7 sehingga RM8. Kemudian yang kecil ialah RM3 sehingga RM5. Udang kertas kasar RM20. Harga ini kekal sebelum dan juga selepas perintah berkurung.

Berhubung dengan permit yang telah dikeluarkan, walaupun perintah berkurung tetapi kita keluarkan permit kepada nelayan yang ingin menangkap ikan. Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya ialah bot nelayan di Sandakan, kita keluarkan 1,405, Kinabatangan tidak ada, Lahad Datu (192). Kemudian Kunak tidak ada, Semporna (254). Kemudian Tawau (394). Jumlah nelayan yang kita telah keluarkan permit ialah sebanyak 2,245. Kalau termasuk dengan kapal dagang, kita telah keluarkan 2,672 permit. Jadi tujuan utama perintah berkurung ini ialah untuk memastikan keselamatan di sana dan dalam masa yang sama kita berusaha supaya aktiviti kehidupan harian mereka tidak berubah ataupun mendatangkan kesan yang ketara.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Perintah berkurung ini kita dapati daripada Sandakan hinggalah ke daerah Tawau. Jadi syarat-syarat yang dikenakan kepada nelayan-nelayan yang ada mempunyai permit, mereka hanya boleh menangkap ikan tiga nautika *mile* dari darat, daripada tebing. Jadi ini menyusahkan nelayan kerana nelayan tidak tahu yang mana satu tempat tiga nautika *mile* ini sedangkan kita pun tidak tahu kalau tidak bawa kompas. Jadi saya fikir ini menyusahkan nelayan-nelayan kerana mereka yang menangkap ikan kecil-kecilan ini, mereka tidak dapat menambah pendapatan mereka.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sampai bila perintah berkurung ini diadakan kerana kalau setakat ESSCOM masih lagi berjalan di kawasan Pantai Timur tentu sekali ia selama-lamanya. Jadi saya mahu tahu sampai bila perintah berkurung ini akan ditarik?

■1030

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, sampai bila, Menteri KDN akan jawab. Saya menguatkuasakan apa yang telah ditentukan oleh kerajaan dan saya bukan ahli Majlis Keselamatan. Saya cuma, arahan dikeluarkan untuk menguatkuasakan apa sahaja polisi yang telah dibenarkan oleh kerajaan.

Akan tetapi pada dasarnya sampai bila, ialah sampai keselamatan di kawasan kita ini terjamin. Itu sebab ditubuhkan ESSZONE dan ESSCOM sebagai agensi pelaksana. Saya rasa di antara orang yang bercakap tentang masalah keselamatan ialah Yang Berhormat Kalabakan, yang bercakap tentang betapa pentingnya kawasan ini diurus tadbir dengan betul supaya keselamatan terjamin. Jadi menyahut seruan Yang Berhormat itulah di antaranya, maka perintah berkurung dilaksanakan. Saya percaya Yang Berhormat bergembira kerana dengan perintah berkurung sekarang ini, kita lihat aktiviti-aktiviti rentas sempadan itu berkurangan ataupun mungkin tidak ada langsung dan aktiviti-aktiviti jenayah tempatan juga berkurangan. Jadi yang sesuatu yang patut kita berterima kasih.

Kemudian fasal nelayan Yang Berhormat, nelayan ini mereka bukan sahaja dibagi permit, dipantau, mereka pun sebenarnya sebagai nelayan dia tahu, 3 batu nautika itu dia tahu ke mana, sebagai nelayan dia tahu. Yang terhormat pun sebagai bukan nelayan pun Yang Berhormat tahu, boleh agak-agak tentang 3 batu nautika sebab kita sudah ada garisan. Akan tetapi yang penting ini, mereka ini dipantau oleh pihak PDRM, ATM dan juga APM. Ini sesuatu yang luar biasa. Di tempat lain kita lihat mungkin ada pemantauan dari jarak jauh, hal ini dipantau

dengan terperinci. Kita hendak pastikan supaya mereka selamat dan dalam masa yang sama kita tidak mahu mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti jenayah tanpa sempadan.

Jadi sekali lagi perintah berkurang ini sebenarnya bukan sahaja menjamin keselamatan, tetapi perlahan-lahan kita lihat ada peningkatan dari segi aktiviti ekonomi terutamanya pelancongan. Walaupun di peringkat awalnya jatuh tetapi dengan kehadiran perintah berkurang ini, kita lihat ada tanda-tanda peningkatan dalam aktiviti pelancongan.

Jadi, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat dan marilah kita berdoa supaya kawasan ini sentiasa selamat, Sabah selamat.

4. **Tuan Lim Lip Eng [Segambut]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan statistik terkini mengikut bulan, jumlah pelawat ke Zoo Negara, antara jumlah berapa yang melawat pasangan panda juga statistik haiwan-haiwan yang mati di Zoo Negara dari bulan Januari dan punca sebab kematian haiwan-haiwan peliharaan itu.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Seri G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua giant panda yang bernama Xing Xing, nama lama ialah Fu Wa dan Liang Liang, nama lama pun Feng Yi telah tiba di Malaysia pada 22 Mei 2014. Pusat Konservasi Giant Panda dibuka kepada orang awam bermula dari 27 Jun 2014 selepas satu bulan tempoh kuarantin.

Berikut adalah statistik terkini mengikut bulan pelawat Zoo Negara dan pelawat ke Pusat Konservasi Giant Panda pada bulan Jun sehingga bulan 30 September. Bagi 27 Jun sehingga 30 Jun 2014, seramai 8,366 orang telah melawat Zoo Negara dan daripada jumlah itu, seramai 5,908 orang telah melawat Pusat Konservasi Giant Panda. Bagi bulan Julai 2014, seramai 59,396 orang telah melawat Zoo Negara dan daripada jumlah itu, seramai 41,632 orang telah melawat Pusat Konservasi Giant Panda. Bagi bulan Ogos 2014 pula, seramai 66,530 orang telah melawat Zoo Negara dan daripada jumlah itu, seramai 35,057 orang telah melawat Pusat Konservasi Giant Panda. Bagi bulan September 2014 hingga 30 September 2014, seramai 83,454 orang telah melawat Zoo Negara dan daripada jumlah itu, seramai 44,668 orang telah melawat Pusat Konservasi Giant Panda. Secara kesimpulannya, sejak Pusat Konservasi Giant Panda dibuka pada 27 Jun 2014 sehingga 30 September 2014, Zoo Negara telah menerima pelawat seramai 217,746 orang. Daripada jumlah itu, sebanyak 127,265 orang telah mengunjungi Pusat Konservasi Giant Panda.

Dari Januari sehingga bulan Ogos 2014, sebanyak 69 hidupan liar mati disebabkan penyakit, kecederaan pneumatik, masalah nutrisi dan kematian neonatal. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menurut laman web Zoo Negara, jumlah pengunjung zoo pada tahun 1986 sudah ada satu juta, *one million*. Itu pada tahun 1986, *one million* tetapi tahun ini tambah pula ada panda, hanya menarik tadi Yang Berhormat Menteri bagi tahu, hanya menarik pelawat sebanyak 217,000 sahaja. Jadi saya hendak tahu, apa sudah terjadi? Patut tahun ini tahun 2014, *three million, four million compare to*

1986. Jadi, kenapa ada penurunan yang sungguh memalukan? Saya minta satu alasan daripada Yang Berhormat Menteri kenapa pelawat semakin kurang.

Kedua, saya hendak tahu sama ada bangkai binatang yang telah mati dia ditanam atau dibakar dan sama ada tulang dia disimpan untuk kajian? Akhirnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, cukuplah. Yang Berhormat Segambut, peraturan mesyuarat soalan tambahan satu sahaja.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Okey, ini akhir, ini akhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri, satu soalan sahaja. Sila Yang Berhormat Menteri. Kalau saya benarkan Yang Berhormat Kubang Pasu, Yang Berhormat Menteri jawab satu, Yang Berhormat Menteri pun jawab satu sahaja.

Datuk Seri G. Palanivel: Terima kasih. Zoo Negara telah memainkan satu peranan yang penting dalam menyokong usaha konservasi hidupan liar termasuk membantu dalam usaha memberi pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat. Namun, terdapat juga hidupan liar di Zoo Negara yang mati. Zoo Negara telah berusaha sedaya upaya merawat kecederaan hidupan liar dan memberi penjagaan yang baik dalam usaha meminimumkan kematian hidupan liar dalam peliharaan. Saya dapat tahu ada 69 kematian dari Januari hingga bulan Ogos. Dalam hal ini, Zoo Negara juga telah menerima kelahiran berjumlah 147 individu hidupan liar dalam tempoh yang sama iaitu Januari hingga Ogos 2014.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan terus mempromosikan program konservasi hidupan liar termasuk *giant species* hidupan liar yang ditempatkan dan giant panda.

■1040

Kementerian juga akan menyokong dan sentiasa bekerjasama dengan Zoo Negara dalam usaha konservasi hidupan liar. Saya dapat tahu dari Zoo Negara bahawa mereka akan selalu bakar kalau binatang mati, itu yang dapat tahu. Yang penting ialah kita perlu jaga binatang-binatang kita yang ditempatkan di Zoo Negara. Kita sudah belanja banyak untuk Zoo Negara iaitu bagi tahun 2013 sebanyak RM10.1 juta diperuntukkan. Saya harap kita akan menyelamatkan semua binatang di Zoo Negara. Jika ia mati ini jadi satu punca yang susah sedikit. Sekian terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tidak jawab, saya tanya punca kenapa pengunjung semakin kurang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya tahu. Nanti Yang Berhormat Menteri bagi jawapan bertulis ya.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya pengunjung yang selalu ke Zoo Negara ini kerana saya ada anak kecil dua orang. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah langkah kerajaan untuk meletakkan Zoo Negara ini setanding dengan zoo di Singapura ataupun di The Australia Zoo. Kerana pengalaman saya ke sana sebab saya ada anak kecil dua orang saya rasa mereka yang mengunjungi itu tidak akan *repeat* lagi dengan keadaannya, persekitarannya, cara kita menjaga

animal kita, sikap penjaga zoo itu sendiri, *tourist guide* dia, kereta api kita, jalan *pathway* yang ada ke situ, jadi apakah langkah kerajaan dan berapa peruntukan yang kerajaan telah membelanjakan ataupun merancang untuk dibelanjakan. Terima kasih.

Datuk Seri G. Palanivel: Untuk tahun hadapan 2015, kerajaan akan belanja lagi banyak bantuan, lebih kurang RM15 juta untuk Zoo Negara dan 1MDB pun akan belanja untuk Zoo Negara. Kita sudah mula menanam pokok-pokok di Zoo Negara. *We are greening the place. It's quite important for us.*

Pelawat zoo yang datang ke sana dari bulan Januari hingga September ialah 217,746 orang dan jumlah pelawat yang masuk Pusat Konservasi Giant Panda dari bulan Jun hingga September

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Menteri sudah ulang tadi itu.

5. **Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah benar Syarikat Perumahan Negara (SPNB) menghadapi masalah kewangan yang teruk dan terpaksa meminjam CIMB sebanyak RM500 juta untuk membina rumah-rumah mesra rakyat.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang dipertua, untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) merupakan syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk menyediakan rumah mesra rakyat (RMR) yang mana program ini diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani, keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang, daif tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa. Terdahulu kerajaan membiayai subsidi 1/3 daripada harga rumah mesra rakyat ini.

Pada ketika ini pula pelaksanaan program RMR dibiayai melalui subsidi oleh kerajaan iaitu pada kadar RM15,000 hingga RM20,000 subsidi seunit dan ditawarkan dengan reka bentuk menarik berkonsepkan rumah sesebuah. Berkeluasan antara 700 kaki persegi hingga 1,000 kaki persegi dengan komposisi dua bilik tidur dan dua bilik air atau tiga bilik tidur dan dua bilik air. Oleh itu disebabkan pakej yang menarik tersebut ianya telah menjadi sangat popular sehingga bilangan permintaan yang diterima oleh SPNB melebihi jumlah peruntukan yang disediakan.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat sememangnya SPNB telah memohon pinjaman daripada CIMB Bank Berhad sebanyak RM495 juta untuk membiayai pembinaan 11,000 unit rumah mesra rakyat pada tahun 2012 hingga tahun 2013. Ini berlaku oleh kerana pada tahun 2012 terdapat perubahan dasar pembiayaan oleh kerajaan seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri di dalam ucapan bajet 2012 dan 2013, di mana SPNB hanya diperuntukkan wang subsidi sebanyak RM20,000 untuk setiap unit RMR. Manakala SPNB pula perlu meminjam baki pembiayaan sebanyak RM45,000 bagi setiap unit rumah mesra rakyat tersebut.

Oleh yang demikian dengan persetujuan Kementerian Kewangan, SPNB telah mengambil keputusan untuk membuat pinjaman berjangka daripada CIMB Bank sebanyak RM495 juta bagi memastikan aspirasi kerajaan terhadap rakyat tercapai. Kaedah ini dipilih bagi mengelakkan pemohon meminjam dari bank di mana bayaran balik tidak akan dikekalkan

sebanyak RM150 sebulan. Justeru dakwaan yang mengatakan SPNB mempunyai masalah yang teruk sehingga terpaksa meminjam daripada CIMB Bank sebanyak RM500 juta adalah kurang tepat. Walau bagaimanapun, SPNB ialah syarikat yang sentiasa peka dengan kehendak rakyat yang memerlukan rumah idaman mereka. Oleh yang demikian SPNB telah berusaha sedaya-upaya menyediakan rumah mesra rakyat yang terbaik di Malaysia, terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kurang tepat, jawapannya kurang tepat. Dia pinjam RM496 juta kurang tepat. Soalnya saya mendapat maklumat sehingga 7 Ogos 2014 jumlah rumah yang diluluskan ialah 41,311 yang mampu dilaksanakan hanya 25,324 buah rumah. Bermakna SPNB gagal untuk menyediakan rumah seperti mana yang dikehendaki oleh rakyat. Soalan saya berapakah jumlah kesemua setakat ini perbelanjaan yang telah pun dibelanjakan oleh SPNB untuk bina rumah mesra rakyat dan apakah SPNB akan mengeluarkan wang semula untuk membaik rumah-rumah yang tidak sempurna yang ditinggalkan oleh kontraktor Pulau Pinang yang buat di Pendang. Kontraktor Pulau Pinang buat rumah di Pendang tidak sempurna sampai sekarang Yang Berhormat. Apakah ini menjadi tanggungjawab SPNB untuk memulihkannya semula?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Adakah SPNB gagal? Saya ingin memaklumkan bahawa jumlah yang kita telah bina ialah 30,647 buah rumah mesra rakyat.

NEGERI	UNIT
Terengganu,	4,228
Kelantan	4,568
Pahang	2,531
Perak	3,191
Pulau Pinang	377
Kedah	3,788
Perlis	641
Selangor	1,425
Negeri Sembilan	2,589
Melaka	1,555
Johor	4,074
Kuala Lumpur	15
Sabah	695
Sarawak	940
Labuan	30
JUMLAH	30,647

Kita dalam proses pembinaan 3,638, yang kita luluskan 34,285. Sudah selesai 30,647.

■1050

Sebenarnya kita boleh membina lebih daripada itu jika kita tidak memberikan subsidi RM20,000 sebuah. Untuk memenuhi kehendak rakyat yang begitu ramai, maka kerajaan memutuskan untuk meminda kaedah SPNB ini untuk rumah mesra rakyat. Antaranya apakah kaedahnya? Kita akan beri subsidi berubah-ubah mengikut jumlah keluasan. Jika pinjamannya

RM65,000, maka subsidi kerajaan RM20,000. Jika harganya RM65,000, subsidi RM20,000. Harga RM55,000, subsidi RM17,500. Harga RM45,000, subsidi kerajaan RM15,000. Pada ketika ini kita memberikan *free interest, zero percent interest* terhadap rumah SPNB. Sebanyak 6% *interest* itu ditanggung oleh kerajaan. Bukan hanya kita beri subsidi, *interestnya* juga ditanggung oleh kerajaan.

Selepas ini, kerajaan hanya akan menanggung 2% *interest* bukan lagi 6% dan setelah baki ditolak dengan subsidi itu, apakah pandangan kita? Pemohon kena meminjam dengan tiga buah bank yang akan diumumkan. Kaedah ini bermula pada tahun 2015 dan untuk membantu mereka yang tiada slip gaji, maka Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) di bawah Kementerian Kewangan akan menjamin pinjaman mereka dengan tiga buah bank itu.

Namun bayaran daripada RM150 sebulan akan naik kepada RM280 sebulan. Jadi kaedah baru rumah mesra rakyat ini akan kita laksanakan pada tahun 2015 bagi memastikan permohonan itu banyak dan tertanggung itu boleh kita selesaikan dengan kadar lebih daripada 10,000 buah rumah mesra rakyat akan kita boleh bina dalam masa setahun. Mengenai kontraktor Pulau Pinang yang membuat rumah di Pendang, saya kira perkara itu tidak wajar diteruskan lagi. Kita harap kontraktor tempatan akan diberikan peluang untuk membina rumah di kawasan di mana rumah itu dibina. Mungkin itu kes-kes yang terpencil. Jika tidak disiapkan rumah itu adalah menjadi tanggungjawab SPNB untuk memastikan ia disiapkan, namun perkara ini mungkin adalah kes yang terpencil. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan. Syabas kerana ada rancangan untuk membina rumah untuk pihak yang mendapat pendapatan kurang, *hard core poor* dan sebagainya. Akan tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa ramai di antara pemohon yang telah memohon beberapa tahun tidak mendapat rumah tersebut tetapi orang-orang yang berpendapatan lebih daripada RM3,000 ada ramai di antara mereka juga telah mendapat rumah-rumah tersebut?

Apakah tindakan susulan yang akan diambil untuk mengatasi masalah supaya yang benar-benar mengehendaki rumah-rumah tersebut boleh mendapat rumah tersebut? Berkaitan - adalah kenapa Kementerian Kewangan menjaga kawal selia pembinaan Syarikat Perumahan Negara walhal kita ada satu kementerian yang khas iaitu Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengendalikan perkara ini? *Why two ministries, to overlook one type of job?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada dua soalan. Satu soalan sahaja sepatutnya.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Semua syarikat di bawah kerajaan ini kebanyakannya kita kumpulkan dalam Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan SPNB yang mendapat bantuan RM200 juta tiap-tiap tahun itu, wajar di bawah kawal selia Kementerian Kewangan sebab bukan hanya SPNB yang berada di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan

ini, ada berpuluh lagi syarikat yang lain. Jadi tidak timbullah mengenai kenapa tidak dihantar ke kementerian yang lain. Selepas itu apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tentang mereka yang berpendapatan lebih daripada RM3,000 ini dapat Rumah Mesra Rakyat. Ini juga ialah kes terencil sebagaimana kontraktor Pulau Pinang buat rumah di Pendang dan ia bukan menjadi suatu perkara yang menyeluruh daripada permohonan.

Saya juga ingin menyatakan di sini syarat permohonan iaitu warganegara Malaysia tanpa mengira kaum, berumur 18 hingga 60 tahun, berpendapatan kasar antara RM750 hingga RM3,000 sebulan seisi rumah. Ia bukan pendapatan seorang tetapi suami campur isteri. Tanah bebas dari sebarang sekatan, pemohon ialah tuan tanah atau tuan tanah bersama di dalam geran suratan hak milik yang diberi kebenaran oleh keluarga, katalah tanah itu milik ibu bapanya, maka adik beradiknya memberi kebenaran termasuk ibu bapanya supaya satu keluasan sejumlah 2,800 kaki persegi diberikan sebagai keluasan minimum untuk didirikan RMR di atas tanah itu. Satu lagi syarat ialah pemohon atau pasangan belum mempunyai rumah atau rumah yang mereka ada itu terlalu daif dan usang.

Saya juga ingin memaklumkan di sini bahawa SPNB bukan hanya melaksanakan rumah mesra rakyat tetapi SPNB juga melaksanakan rumah idaman rakyat yang berharga kurang RM250,000 sebuah semacam rumah di taman dan kos infranya 30% ditanggung oleh kerajaan, dibuat di tanah kerajaan negeri ataupun agensi-agensi kerajaan dan kita telah siap 3,046 unit dalam pembinaan dan siap. Pada tahun 2015, SPNB akan membina 2,000 lagi unit rumah idaman rakyat, satu lagi projek SPNB untuk mendapatkan keuntungan.

Rumah Mesra Rakyat tidak ada untung untuk SPNB, rumah idaman rakyat juga tidak memberikan keuntungan kepada SPNB. Apa yang mendapat keuntungan untuk SPNB ialah rumah aspirasi rakyat di tanah swasta. SPNB bertindak sebagai *developer*. Kos sebuah rumah ialah RM35,000 ke atas dalam satu pembangunan bercampur termasuk rumah kedai. Ini tiada subsidi daripada kerajaan dan pada setakat ini, sebanyak 16,646 unit rumah telah dibina di bawah rumah aspirasi rakyat ini. Untuk tahun hadapan, kita akan membina lagi 20,000 unit untuk rumah aspirasi rakyat. Terima kasih.

6. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta Menteri Pendidikan menyatakan senarai pelajar yang diterima untuk mengikuti kursus perubatan, farmasi, pergigian di setiap universiti awam tempatan pada tahun 2010, 2011, 2012, 2013, dan 2014. Nyatakan sebab kementerian mengurangkan penerimaan pelajar baru ke fakulti perubatan di universiti awam tempatan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching@Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Seputeh atas soalan yang berkaitan dengan pengambilan pelajar di IPTA. Tuan Yang di-Pertua, secara puratanya pada setiap tahun, jumlah pelajar lepasan STPM, matrikulasi dan asasi yang ditawarkan program pengajian perubatan adalah seramai 807 orang pelajar. Bagi program pergigian pula berjumlah 166 orang pelajar, dan bagi program farmasi ialah seramai 227 orang pelajar. Bilangan tempat yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) adalah ditentukan oleh Senat IPTA masing-masing setelah mengambil kira nisbah

pensyarah dan pelajar, kemudahan pengajaran dan pembelajaran, kemudahan tempat latihan atau praktikal serta peruntukan yang sedia ada di IPTA.

Pengambilan pelajar bagi program pengajian perubatan bukan sahaja berasaskan pencapaian akademik calon yang cemerlang tetapi aspek kualiti calon yang memohon juga turut diberi keutamaan. Dengan bilangan calon yang memperoleh keputusan cemerlang meningkat setiap tahun, maka persaingan bagi mendapatkan tempat di IPTA terutamanya dalam program pengajian kompetitif seperti perubatan adalah sangat sengit. Justeru, pencapaian akademik yang cemerlang sahaja tidak mencukupi untuk menjamin calon ditawarkan ke program pengajian kompetitif. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat yang kontroversi di antara penerimaan pelajar-pelajar baru yang masuk dalam kursus perubatan, kenyataan dibuat oleh Kementerian Pendidikan adalah tidak sama dengan Kementerian Kesihatan. Ini kerana kita lihat kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Kesihatan, beliau berkata bahawa *Malaysia Medical Council* tidak pernah mengarahkan universiti awam untuk mengurangkan penerimaan pelajar baru dalam kursus perubatan.

■1100

Mereka telah pun memperuntukkan 1,550 tempat dalam kursus perubatan kepada 11 universiti awam yang mempunyai kursus perubatan tetapi hanya 919 pelajar diterima. Kita lihat kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan yang lain adalah dari Hulu Selangor ialah dia kata tahun ini UPU hanya terima 418 pelajar perubatan yang baru. Jadi, kita lihat angka-angka yang berlainan yang dikeluarkan daripada Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Pendidikan.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Eh, ini soalan, ini penting. Sekarang ialah...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Bintulu dan juga Yang Berhormat Putatan, *we are on the air*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh, menteri...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, jadi soalan saya ialah apakah kerajaan mempunyai keinginan untuk turunkan atau pun kurangkan tempat kursus perubatan di universiti awam tetapi dia seolah-olah menggalakkan pelajar yang layak untuk belajar *medicine* mereka pergi ke IPTS. Kita tahu sejak tahun lepas, Oktober tahun lepas terdapat 33 universiti swasta yang menawarkan kursus perubatan. Jadi, soalan saya adakah ini tujuan kerajaan. Kalau kerajaan mendapati bahawa kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sudah ada soalan dah itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adanya kelebihan doktor. Adakah ini, kenapa mereka tidak kurangkan kuota penerimaan pelajar perubatan di universiti dan kolej swasta tetapi kurangkan kuota penerimaan pelajar perubatan di universiti awam.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Soalan panjang sangat lah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi, ini adalah satu...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini ialah soalan yang penting. Jadi, saya tidak tahu kenapa, semua ini wakil rakyat, yang bising-bising kerana anak muda kita yang layak masuk kursus perubatan ini...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Seputeh panjang lah soalan Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dinafikan untuk masuk universiti awam tetapi mereka terpaksa untuk bayar lebih untuk masuk ke universiti swasta. Ini soalan saya.

Seorang Ahli: *Okey, thank you, thank you.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tiga minit lebih satu soalan.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Seputeh dan nampaknya bukan hanya satu soalan dikemukakan dan nampaknya walaupun soalan dikemukakan Yang Berhormat Seputeh juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jawab satu sahaja.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Menjawab soalan itu. Jadi, saya akan rujuk balik kepada saya punya jawapan tadi di mana saya sudah beritahu bahawa bilangan tempat yang ditawarkan oleh IPTA ditentukan oleh Senat IPTA berdasarkan beberapa syarat yang saya sudah baca. Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak jawab pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sekijang, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Eh, apa jawapan ini? Tidak jawab pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ingatkan Bagan Serai.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sekijang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mahu kena potong gaji?

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagilah Yang Berhormat Sekijang tanya pula. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebut tentang aspek kualiti calon yang memohon untuk masuk ke program perubatan, farmasi dan pergigian ini yang akan diberikan keutamaan. Soalan saya apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian bagi menyediakan murid-murid yang berkualiti ini dan memenuhi keperluan bagi ketiga-tiga program tersebut daripada peringkat sekolah lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan dari Yang Berhormat Sekijang yang berkaitan dengan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan para pelajar untuk menjadi pelajar berkualiti. Jadi, dengan rujukan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, memang ada enam ciri utama yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global dan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk melahirkan pelajar yang berkualiti di mana kita kata kita hendak melahirkan pelajar yang terdidik, *educated student instead of just learned students*, dengan izin. Jadi, ini ada peperiksaan dan sekiranya para pelajar ialah para pelajar yang terdidik, pelajar akan mempunyai kemahiran kepimpinan, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti nasional, pengetahuan dan kemahiran berfikir.

Banyak inisiatif sudah dilaksanakan dan akan dilaksanakan sepanjang masa, Pelan Pembangunan Pendidikan dilaksanakan pada tahun 2013 hingga tahun 2025. Semua ciri yang tersebut ada berkaitan dengan kualiti pelajar khususnya apabila mereka menghadiri temu duga dan ini ada perkaitan dengan sikap dan sahsiah pelajaran, pengetahuan atau ilmu sedia ada tentang bidang yang dipohon, penguasaan pelajar bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan cara pelajar berkomunikasi. Sekian, terima kasih.

7. **Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada negara kita, khususnya hospital-hospital kerajaan menghadapi kekurangan *physiotherapist*; dan
- (b) apakah tindakan-tindakan yang akan diambil demi mengatasi kekurangan *physiotherapist* di Hospital Sultan Ismail, Pandan, Johor Bahru.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tebrau. Soalan ini berkenaan dengan *physiotherapist* Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terdapat sejumlah 2,281 ahli *physiotherapist* di seluruh negara dan dari jumlah itu 1,425 di dalam jawatan di dalam kerajaan dan 856 di pihak swasta.

Memang pada kadar ini memanglah tidak mencukupi Tuan Yang di-Pertua. Kalau ikut-ikut dibandingkan norma kerja di berbagai negara yang lain contohnya di Singapura, seorang

physiotherapist kepada lapan orang pesakit sehari, Thailand satu kepada sepuluh pesakit sehari, Australia satu kepada lapan pesakit sehari dan Malaysia satu *physiotherapist* kepada 15 hingga 20 pesakit sehari. Kalau mengikut norma populasi pula Tuan Yang di-Pertua di Singapura satu *physiotherapist* kepada 3,000 penduduk. Di Australia satu *physiotherapist* kepada 4,000 penduduk. Di UK satu *physiotherapist* kepada 3,000 penduduk tetapi di Malaysia satu *physiotherapist* kepada 13,000 penduduk. Ini menunjukkan bahawa kita perlu tambahan lebih daripada sekali ganda daripada yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Hospital Sultan Ismail, hospital ini besar ada 704 katil dan mempunyai sub kebakaran, perubatan am, pembedahan, ONG, pediatrik, ortopedik, perubatan *refermentasi*, onkologi, dan perubatan paliatif dan juga *pain management*. Pada peringkat ini terdapat 13 jawatan *physiotherapist* dan yang diisi 12 dan mereka dapat merawat di dalam wad-wad 50 hingga 60 pesakit sehari dan pesakit luar dalam lingkungan 60 kes sehari Tuan Yang di-Pertua.

Temu janji ulangan bagi pesakit luar untuk *physiotherapist* ialah dalam tempoh empat minggu. Kalau mengikut idea nya sepatutnya seminggu sekali tetapi oleh kerana kekurangan *physiotherapist* maka temu janji hanya boleh dibuat dalam empat minggu sekali Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengikut Presiden Persatuan *Physiotherapist* Malaysia, Doktor Balwant Singh Bain yang berpendapat bahawa pertambahan secara *eksponen* ahli *physiotherapist* di negara ini dikhuatiri akan mengakibatkan bidang ini menjadi tepu di masa yang akan datang. Jadi, kalau begini kenapa pula bahawa kita masih begitu kekurangan ahli *physiotherapist*? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Memang kita keluarkan ahli *physiotherapist* oleh institusi kerajaan dan juga swasta lebih kurang 500 setahun. Bila kita tolak yang pencen dan sebagainya mungkin pertambahan tidak sampai 500 setahun. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya *physiotherapist* ini pada masa akan datang memang kita merancang untuk menyediakan perkhidmatan ke rumah, dipanggil *the domiciliary service*. Ini pada Rancangan Malaysia Kesebelas kita akan buat begitu dan pasukan yang kita tubuhkan ialah mengandungi jururawat, MA, *physiotherapist* dan juga *dietitian*. Mereka akan pergi rawatan ke rumah.

■1110

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkhidmatan ini diperlukan oleh rakyat, maka mereka yang tidak dapat tempat bekerja di dalam kerajaan atau swasta mereka boleh menubuhkan peruntukan sendiri. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sudah ada klinik-klinik swasta yang memberi perkhidmatan fisioterapi yang mana orang ramai boleh pergi ke pusat ini ataupun mereka boleh pergi ke rumah untuk membuat rawatan. Ini perkhidmatan yang potensi dan boleh berlaku pada masa akan datang, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Menteri Kementerian Kesihatan, pada masa sekarang fisioterapi ini diambil

daripada pelajar fisioterapi dari kolej kerajaan Kementerian Kesihatan sahaja ataupun juga diambil dari kolej-kolej swasta? Kalau ya, sudah banyak mana sekarang diambil dari kolej swasta? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ahli fisioterapi yang dikeluarkan oleh kerajaan adalah di peringkat yang dikeluarkan oleh institusi kerajaan adalah di peringkat diploma, yang dikeluarkan oleh pihak swasta dan juga pengajian tinggi sama ada IPTA ataupun IPTS ialah peringkat *degree*. Setakat ini memang tidak mencukupi. Masalah kita Tuan Yang di-Pertua ialah perjawatan. Kita minta tambah banyak tetapi yang dapat sedikit. Jadi kita tidak dapat hendak mengisi keperluan kita sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua.

8. Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta Perdana Menteri menyatakan rasional untuk menggunakan laman web peribadi baru iaitu NajibRazak.com untuk menggantikan dengan laman webnya yang terdahulu iaitu www.1Malaysia.com.my. Senaraikan secara terperinci keberkesanan dan kejayaan laman webnya terdahulu iaitu www.1Malaysia.com.my sejak ia digunakan dari tahun 2009.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab soalan nombor 8. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelancaran laman web NajibRazak.com pada 5 September 2014 tidak bertujuan untuk menggantikan 1Malaysia.com.my. Malah laman 1Malaysia.com.my telah diperkembangkan dan diperkemaskan serta dipelbagaikan. 1Malaysia.com.my telah diberi nafas baru sebagai sebuah laman web komuniti yang fokus terhadap usaha-usaha untuk menggalakkan interaksi dan perpaduan termasuk menyemai konsep penerimaan serta toleransi antara semua rakyat Malaysia seiring dengan Gagasan 1Malaysia.

Laman web 1Malaysia.com.my telah dilancarkan pada tahun 2008 sebagai sebuah laman yang mempunyai dwifungsi iaitu blog peribadi Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan juga sebagai laman komuniti bertemakan 1Malaysia. Kini setelah lima tahun berlalu, laman 1Malaysia.com.my diberi fokus yang lebih utama untuk seluruh rakyat Malaysia. Justeru, laman web NajibRazak.com diwujudkan pada bulan September sebagai blog peribadi untuk berkongsi catatan blog, teks ucapan, informasi dan termasuk juga membincangkan polisi kerajaan. Ini informasi bukan transformasi, ya.

Dalam erti kata lain, semua kandungan peribadi Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang sebelum ini berada di dalam laman web 1Malaysia.com.my kini berada di laman NajibRazak.com. Manakala laman 1Malaysia.com.my pula dijenamakan semula sebagai sebuah platform komuniti untuk semua rakyat Malaysia.

Keduanya, peranan internet melalui laman web dan juga laman sosial sebagai medan komunikasi serta informasi terkini tidak boleh dipandang enteng. Adalah amat mustahak bagi pihak kerajaan untuk menyampaikan informasi yang betul, berkesan, dan terkini untuk rakyat Malaysia serta pada masa yang sama memastikan informasi tersebut sebagai sasaran yang lebih luas. Sehubungan dengan itu, laman 1Malaysia.com.my sesuai bagi dijadikan platform untuk menggalakkan pelbagai rakyat dalam memperbetulkan polisi-polisi kerajaan secara *direct* atau

terus. Antaranya termasuklah seperti suntikan, idea-idea rakyat ke dalam bajet tahunan negara, penyiaran maklumat terkini dan interaksi secara langsung dengan rakyat. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2008 dan tahun 2009 setelah menjadi Perdana Menteri selaras dengan konsep 1Malaysia, laman web 1Malaysia telah diperkenalkan dan digunakan. Namun mulai September 2014 Perdana Menteri mengalihkan web peribadi dari yang asalnya kepada NajibRazak.com. Bukan saya seorang tetapi ramai yang beranggapan bahawa ini ialah satu langkah melarikan diri Perdana Menteri daripada kegagalan daya tarikan laman web 1Malaysia setelah Barisan Nasional kehilangan lebih banyak kerusi dalam PRU 2013. Adakah ini langkah Perdana Menteri melarikan diri daripada kecaman dan bebanan yang tidak dapat dipenuhi dan sepatutnya dicapai oleh laman web 1Malaysia? Adakah juga Perdana Menteri gagal memasarkan konsep 1Malaysia? Saya juga perlukan kos kedua-dua laman web ini. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Soalan tersebut berniat jahat dan tidak betul.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Berniat pengetahuan informasi, Tuan Yang di-Pertua, Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Berniat jahat, menuduh bahawa Barisan Nasional kalah dalam tahun 2013. Salah Yang Berhormat. Kalau Barisan Nasional kalah, Barisan Nasional tidak ada di sini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya tidak kata kalah, hilang lebih banyak kerusi Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Hilang kerusi kerana fitnah yang dibawa oleh pihak pembangkang. Banyak benda dan banyak perkara yang berbentuk fitnah yang dibawa oleh pihak pembangkang setengahnya telah diterima oleh rakyat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ini sangka jahat ini Menteri, sangka jahat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini berniat jahat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Lebih jahat daripada soalan saya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tarik baliklah, tarik balik.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Memfitnah Barisan Nasional sedangkan Barisan Nasional yang banyak memfitnah kami.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ramai di luar hendak tahu Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk Yang Berhormat. Anak-anak pelajar kita di sebelah atas kita itu. Sila.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya sangka...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, jangan buat tuduhan-tuduhan liar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, cukup, cukup.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Shah Alamlah di antara orang yang paling suka melanggar peraturan mesyuarat. Dia bangun...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu bukan fitnah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kita panggil Ahli Parlimen tidak ada *break*, dia bangun dia cakap terus. Jadi tidak kira sama ada mengikut peraturan mesyuarat ataupun tidak. Cuba lihat anggota PAS yang bersongkok putih, dia bangun dia akan bertanya minta kebenaran dari Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua benarkan, baru dia bercakap. Ini Yang Berhormat Shah Alam bangun dia cakap terus seolah-olahnya tanpa *break*. Jadi saya hendak beritahu konsep 1Malaysia yang diperkenalkan telah berjaya. Sekarang ini kita hendak alihkan supaya 1Malaysia ini ialah menjadi hak rakyat, komuniti, semua pemikiran-pemikiran yang bagus, bernas yang menjurus ke arah perpaduan kita akan masukkan di sini. Dalam masa yang sama, kita sendiri akan keluaran pandangan berdasarkan konsep 1Malaysia.

Yang Berhormat 1Malaysia telah berjaya. Saya percaya Yang Berhormat sendiri juga sedang menikmati konsep 1Malaysia di mana banyak usaha yang - 1Malaysia ini berdasarkan Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Jadi kita lihat penjenamaan 1Malaysia ini kita terjemahkan dalam bentuk yang lebih luas termasuk juga keprihatinan kerajaan ini diberi nama 1Malaysia untuk program-program dan projek yang melibatkan rakyat yang beri keutamaan kepada rakyat. Contohnya, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia, Pusat Latihan 1Malaysia, Kedai 1Malaysia, Produk Kedai 1Malaysia dan Mini 1Malaysia.

Saya percaya Yang Berhormat di antara orang yang sama-sama menikmati program dan juga produk 1Malaysia. 1Malaysia ini untuk komuniti untuk rakyat yang sentiasa mencari jalan ke arah perpaduan dan integrasi bukan permusuhan. Contohnya, kita berbincang di Parlimen ini tujuannya untuk menyatupadukan rakyat bukan memecahbelahkan rakyat. Kita tidak mungkin boleh berkuasa di atas perpecahan. Kalau kita berkuasa sekejap selepas itu kita akan jatuh lebih teruk dari itu. Akan tetapi kalau kita berkuasa di atas perpaduan kita bertahan lama. Contoh, sebuah parti dalam dunia ini yang diasaskan kepada kesederhanaan dan perpaduan ialah Barisan Nasional yang memerintah daripada merdeka 1957 dahulu sampai sekarang, Yang Berhormat.

■1120

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya percaya Pakatan tidak mungkin boleh memerintah kerana satu, mereka berbeza, bendera berbeza, fikiran berbeza, tidur sebantol, mimpi lain-lain. Kami walaupun ada perbezaan tetapi bila datang pilihan raya, kami tunjukkan hanya satu bendera, Barisan Nasional. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak tengok perpaduan yang nyata, lihatlah apa yang berlaku kepada Barisan Nasional.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib tidak lari malah dia menyerahkan balik 1Malaysia kepada komuniti. Jadi, bermakna rakyat boleh menulis dan mereka boleh masuk

dalam 1Malaysia tetapi Najib Razak ini lebih kepada perkara-perkara yang melibatkan Perdana Menteri yang dia tanya pandangan rakyat dan sebagainya. Perdana Menteri sendiri dan rakyat.

Maknanya kita masuk dan Perdana Menteri sendiri yang akan menjawabnya. 1Malaysia itu komuniti, rakyat, itu bezanya. 1Malaysia setelah berjaya, rakyat. Sekarang ini Najib Razak lebih kepada Perdana Menteri sendiri yang akan menentukan blog yang akan dimasukkan.

Yang Berhormat sedia maklum, kalau Yang Berhormat kata kita tidak dapat sambutan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini di peringkat Asian dari segi *Twitter* saya bagi contoh. Yang paling tinggi sekarang ini ialah Jokowi – 2.5 juta, Aquino – 2.2 juta dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib – 2.2 juta. Akan tetapi kalau sekiranya kita berdasarkan kepada populasi Indonesia dan Filipina yang jauh lebih tinggi, ini menunjukkan bahawa dari segi *ratio* populasi, Najib Razak lebih tinggi daripada Jokowi dan juga Aquino dari segi Asia. Di Malaysia, Yang Berhormat sedia maklumlah di Malaysia ini bahawa yang paling tinggi sekali ialah Lisa Surihani, Dato' Sri Mohd. Najib yang nombor dua. Lisa ini ialah selebriti, orang lawa, jadi dia sentiasa berada di dalam sana.

Yang Berhormat saya tidak tahu, Yang Berhormat hanya bercakap yang ini tetapi kalau saya tanya Yang Berhormat, siapa yang paling popular dari segi *Twitter* dan juga *Facebook*? Yang Berhormat tidak tahu, Yang Berhormat tidak tahu berapa banyak orang yang respons kepada 1Malaysia dan juga Najib Razak, Yang Berhormat tidak tahu. Kalau Yang Berhormat hendak percaya tahu atau tidak tahu, saya boleh tanya sekarang. Kalau Yang Berhormat boleh jawab, bererti Yang Berhormat tahu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia tanya soalan, saya hendak jawab ini. Tuan Yang di-Pertua, boleh? Boleh saya jawab?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat akan jawab secara salah saya tahu ya. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tanya soalan, selepas itu tidak bagi peluang untuk saya jawab. Saya hendak bagi RTM sendiri apa yang dimaksudkan dua hari yang lepas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukup. Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya hendak tanya Yang Berhormat, Siti Nurhaliza nombor berapa dalam Malaysia?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak boleh jawab, okey. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, jadi di sini sekali lagi saya maklumkan kepada rakyat Malaysia bahawa 1Malaysia ialah untuk komuniti, rakyat Malaysia. Najib Razak ialah lebih kepada Perdana Menteri sendiri. Berapa kosnya, akan diberi secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey. Saya jemput Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh Putatan.

9. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan:

- (a) apakah punca utama masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah; dan
- (b) apakah pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirangka oleh pihak kementerian dalam mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah khususnya.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan dan Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah mengenal pasti punca utama masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah itu:

- (i) *reserve* margin, dengan izin yang sebelum ini adalah tipis bagi memenuhi permintaan puncak di Sabah;
- (ii) jaringan penghantaran dan pengalihan elektrik yang masih belum kukuh sehingga menyebabkan lucutan beban atau *emergency load shedding* dengan izin, kadangkala terpaksa dilakukan;
- (iii) kes kecurian elektrik yang kerap menyumbang kepada insiden gangguan bekalan elektrik.

Selain itu, kementerian juga mendapati bahawa pada separuh tahun 2014, komponen penjanaan merupakan penyumbang terbesar kepada gangguan bekalan elektrik di Sabah. Kekurangan kapasiti penjanaan dan henti tugas tidak berjadual yang terpaksa dilakukan oleh stesen-stesen jana kuasa, sama ada stesen-stesen jana kuasa milik persendirian ataupun milik SESB yang telah menyebabkan lucutan beban, *emergency load shedding* dengan izin, terpaksa dilakukan dan seterusnya menyebabkan gangguan bekalan elektrik kepada pengguna.

Sehubungan itu, kerajaan memandang serius akan masalah gangguan elektrik yang sentiasa berlaku di Sabah. Justeru itu, beberapa tindakan telah dilaksanakan dan dirangka bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang untuk menangani masalah gangguan bekalan elektrik. Di antara langkah yang telah diambil ialah pembinaan Stesen Janakuasa Kimanis Power di mana tiga unit jana kuasa telah mula tugas secara berperingkat pada 16 Mei sejumlah 95 megawatt, 22 Julai sejumlah 95 megawatt dan minggu yang lalu iaitu 7 November sejumlah 95 megawatt lagi dan dengan itu memberi sumbangan sejumlah 285 megawatt sistem grid SESB. Sistem grid SESB diperkukuhkan lagi dengan stesen jana kuasa milik SPR Energy sebanyak 100 megawatt yang telah mula tugas pada 13 Ogos. Selain itu, stesen jana kuasa Cash Horse 10 megawatt berasas kepada *biomass* yang saya telah rasmikan empat hari yang lalu, telah mula tugas pada sebenarnya 5 November 2014.

Penambahan kapasiti penjanaan ini bukan sahaja dapat mengurangkan gangguan bekalan elektrik yang disebabkan oleh kekurangan kapasiti tetapi juga mengurangkan gangguan yang disebabkan oleh henti tugas tidak berjadual oleh stesen-stesen jana kuasa kerana margin

operasi yang tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat, misalnya pada hari ini dengan adanya tambahan dua jana kuasa yang 285 dan 100 megawatt itu, hari ini di *operating margin* yang ada *is about 240 megawatt*. Maka dari segi penjanaan harus mencukupi untuk kira-kira dua tahun setengah yang akan datang, tertakluk kepada permintaan pihak industri.

Sedikit lagi, projek penjanaan yang lain dalam perancangan iaitu Pasca 2014 ialah stesen jana kuasa Tawau Green Energy, 30 megawatt berasaskan sumber geoterma Apas Kiri, Tawau yang akan *come on stream* pada 2017. Stesen hidro elektrik Upper Padas 180 megawatt pada tahun 2023 dan sebuah jana kuasa utama berasaskan gas dengan kapasiti 300 megawatt di Pantai Timur menjelang 2021. Saya ingin menyatakan di sini bahawa dari segi penghantaran bekalan *transmission* ini kita sedang perkukuhkan dengan pelan pelaksanaan talian penghantaran sedia ada dengan menaiktarafkan talian 66KV kepada 132KV secara berperingkat yang dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2024. Melaksana litar gelang 132KV di bandar-bandar utama seperti Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Lahad Datu dan membangunkan sistem grid yang bersepadu dengan pembangunan litar gelang bagi rangkaian talian penghantaran 275KV yang akan menjadi tunjang kepada grid di negeri Sabah.

Saya ingin tekankan bahawa sistem penghantaran dan pengagihan yang terdedah kepada gangguan cuaca telah diperkukuhkan melalui tambahan sistem perlindungan kilat dan penggantian komponen-komponen sistem penghantaran seperti alat tuba, pengasing, *capacitor voltage transformer* yang telah berusia serta penggantian talian tidak salut ataupun *bare line* kepada pengalir bertebat ataupun *aerial bundle cable (ABC)*.

Akan tetapi pada keseluruhannya, tindakan-tindakan ini sebenarnya telah mengurangkan *System Average Interruption Duration Index* atau SAIDI dan secara statistik catatan SAIDI pada tahun 2009 misalnya, pada tahap 2,899 minit pelanggan satu tahun telah dapat dikurangkan kepada 423.9 minit pelanggan setahun pada tahun 2013 ataupun pengurangan sebanyak 85. Namun, kadar yang ada pada saat ini, saya secara peribadi dan kementerian belum lagi berpuas hati dan langkah-langkah yang saya telah sentuh itu akan terus dilaksanakan dengan lebih lagi teratur dengan peruntukan tambahan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan sejumlah RM2.2 bilion untuk lima tahun akan datang untuk tujuan penjanaan, penghantaran dan pengagihan. Terima kasih.

■1130

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Belum jelas lagi ya? Panjang lebar.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Begitulah Menteri. Kenapa sekarang baru buat? Dahulu kenapa tidak buat sampai orang marah baru buat? Jadi inilah sekarang rakyat sudah tahu bahawa bekalan elektrik di Sabah ini sudah selesai.

Seorang Ahli: Mana ada selesai? *[Dewan riuh]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Akan tetapi ada lagi takut-takut nanti Menteri datang lagi gangguan elektrik ini. Jadi, kita tidak mahu ini berlaku. Jadi, adakah pihak Menteri tadi walaupun secara peribadi belum puas hati dengan keadaan sekarang? Adakah Menteri - Diamlah Yang Berhormat Shah Alam. Ini Yang Berhormat Shah Alam punya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalan, soalan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Adakah pihak kementerian meminta, mendesak kepada Kerajaan Pusat untuk menambah peruntukan kerana ini amat penting bagi rakyat kita di Sabah? Sama-samalah kita berjuang, ya. Jadi, satu lagi adakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah satu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini R&D, R&D kerana ini yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah. Masa pun sudah habis ini.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sebetulnya saya jelaskan tadi bila kita bincang tentang gangguan bekalan elektrik ini yang melibatkan penjanaan *generation capacity which is good enough* untuk tiga tahun akan datang tetapi tidak guna untuk lebih tahun masa daripada itu. Tujuan kita ialah *to have marketing* mendapatkan *operating margin* 30% daripada 22% menjelang tahun 2020. *Transmission*, seperti yang saya sentuhkan tadi, pun *single loop* pada saat ini. Ertinya kita perlu *complete the loop* supaya *have a line, so we can export power* dari tempat-tempat kita janakan *power*.

Akan tetapi lebih penting. Kira-kira 75% wayar kabel dalam daerah itu, pengagihan itu adalah *bare wire* dan dengan itu, sedikit kilat, monyet sangkut dan burung bercinta di atasnya pun boleh juga *trip* kerana *75% is bare and we are going to spend money* daripada RM2.2 bilion untuk lima tahun akan datang, cukup banyak itu, 400 juta setahun. Geran bukan *full loan* dan memang *SESB will have also to* naik taraf dia punya *performance and we'll assist in that* dan saya yakin walaupun belum selesai semua Tuan Yang di-Pertua, tetapi *I think we can move forward to better days in the future*. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.33 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Khamis 13 November 2014. Terima kasih.”

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Saya rujuk Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) yang menyebut bahawa sesuatu usul tidak perlu diberikan maklumat apabila ia bersabit dengan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku, merujuk kepada kenyataan Timbalan Menteri dan Peraturan Mesyuarat 36(12) dan juga 80A. Jadi kalau saya minta izin Tuan Yang di-Pertua, untuk saya baca dan jelaskan.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tidak perlu Yang Berhormat Pandan. Yang Berhormat Tan Sri Speaker telah menerima surat daripada Yang Berhormat Pandan dan Yang Berhormat Tan Sri Speaker akan memutuskan masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pandan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Bila itu kalau...

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tan Sri Speaker masuk 2.30 petang, tetapi terpulang kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker untuk memutuskan.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang undang-undang Perbekalan 2015 dan Anggaran Pembangunan 2015 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". **[Hari Ketiga]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Maksud B.20 [Jadual] -

Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan 2015] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perusahaan, Perladangan, dan Komoditi diminta Yang Berhormat Menteri menyambung untuk menjawab. Sila.

11.36 pg.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato Sri Douglas Uggah Embas]:

Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Yang Berhormat telah memberi pandangan semasa peringkat Jawatankuasa mengenai kementerian saya.

Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Kapar telah membangkitkan isu kempen anti minyak sawit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri sawit merupakan penyumbang utama kepada pembangunan sosial ekonomi penduduk luar bandar dan pendapatan eksport negara.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Oleh yang demikian kerajaan telah merangka beberapa strategi menangkis segala tohmahan dan isu dalam kempen-kempen anti sawit oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Antara langkah di bawah strategi termasuk mengambil tindakan undang-undang mahkamah perdagangan di negara-negara berkaitan. Misalnya, kementerian melalui Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOIC) akan memfailkan kes di Mahkamah Perdagangan di Perancis pada bulan

Disember 2014 terhadap syarikat Pasar raya Casino di Perancis yang mengedarkan produk-produk makanan dengan label 'No Palm Oil'.

Kementerian akan meneruskan misi-misi teknikal, promosi ke luar negara bagi menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak termasuk kempen anti minyak sawit yang dilakukan oleh sesetengah pihak. Pada tahun 2013, sebanyak 13 misi ekonomi telah diadakan. Bagi tahun 2014, sebanyak empat misi ekonomi telah diadakan dan dijangka menjelang bulan Disember, satu lagi misi ke Eropah akan diadakan.

Selain itu, kementerian juga sedang mengkaji peruntukan-peruntukan di bawah pertubuhan perdagangan sedunia mengenai isu ini dan akan mengambil tindakan susulan seterusnya. Kementerian akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa lain dalam menangani isu ini.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Kementerian akan terus memantau perkembangan sedemikian di pasaran-pasaran lain dan kementerian melalui Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOIC) akan mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk menangkis tohmahan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kelana Jaya bangun, Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang gembiralah mendengar Menteri kata hendak menangani isu anti kempen minyak sawit. Akan tetapi saya lihat, dalam butiran ini, kalau dibandingkan dengan tahun lalu, potong RM6 juta lagi. Tahun lalu RM16 juta, tahun ini RM10 juta. *I do not think* Menteri ini membuat satu - *you have to put the money where the mouth is*. Kata hendak buat kerja tetapi *you cut down the* dana anti kempen ini, kenapa? Sebab kita semua tahu kempen anti minyak sawit ini memang kuat. WWF lawan kita, *Green Peace* lawan kita tetapi *you cut the budget*. Tolong jelaskan.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. *I think* Yang Berhormat Kelana Jaya, *you should put your* - apa tadi? *[Disampuk] Put your money where your mouth is...* *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat. Memang kalau kita melihat daripada peruntukan yang diperuntukkan dalam belanjawan ini, peruntukan memang dikurangkan dari RM16 juta kepada RM10 juta tetapi ini bukan hanya satu sumber yang mana akan membantu kita dalam menangani masalah Kempen Anti Sawit. Kita ada sumber dari *sales* sawit yang mana kita dapat lebih kurang RM40 juta setahun. Ini kita gunakan juga untuk menjalankan kempen-kempen sawit ini.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

■1140

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, kita difahamkan bahawa di Parlimen Perancis mereka secara terang-terangan berkempen, berlawan dengan sawit. Jadi saya mohon apakah

pandangan pihak kementerian boleh membantu rakan-rakan daripada Parlimen seperti Kelana Jaya dan juga rakan-rakan lain yang terlibat dengan industri sawit secara langsung dan secara tidak langsung. Para doktor ini kita melakukan kempen secara jelas dan secara rasmi yang mana diwakili oleh Ahli-ahli Parlimen dan kita boleh mencari sumber-sumber yang lain. Apa pandangan Menteri, tidak semestinya menggunakan peruntukan yang telah ada di situ. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kuala Kedah bangun Yang Berhormat.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh saya tambah? Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas peluang. Saya ingin bercakap sedikit mengenai - pernah bersama berdialog dengan beberapa wakil daripada beberapa kumpulan yang memperjuangkan isu *environment* kelapa sawit ini. Penentangannya dua. Pertama, dulunya dari segi pemakanan, tapi itu semakin jelas bahawa tidak ada asas sains yang kukuh, kerana kita tahu sekarang lemak tepu daripada kelapa sawit adalah yang sihat. Yang tidak sihat ialah lemak poli tak tepu.

Cumanya ada sedikit yang perlu kita jelaskan minyak sawit yang kita hasilkan itu dan kita tapis akhirnya sifatnya menjadi mono tak tepu (*monounsaturated*) tidak tepu seperti minyak kelapa. Lebih tepu lebih baik sebenarnya, dia bagi lemak asli. Tapi itu semakin jelas bahawa ia sihat. Kalau ia mono tak tepu sekurang-kurangnya dia sama setara minyaknya dengan minyak zaitun, yang mana tak ada isu tentang kesihatan.

Yang kita rasa sukar berdebat dengan pengkritik ini ialah bila mana mereka membangkitkan tentang isu hutan dimusnahkan, juga pemanasan global, dan juga "penindasan", dan juga ketidakadilan kepada masyarakat asal. Itu kita tak cukup data untuk berdebat. Walaupun kita boleh bagi alasan-alasan, tapi kita tidak ada data yang kukuh. Kalau kita berjaya memberikan data-data untuk isu kedua tadi, yang pertama itu telah cukup dari segi sainsnya, maka lebih mudah kita menyampaikan pandangan kita tentang kelestarian dan juga kebaikan industri sawit kita. Terima kasih.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Kangsar tadi, kita minta semua pihak khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat di sini sama-sama menyumbang kepada usaha-usaha untuk melawan anti kempen kelapa sawit ini, kerana ianya begitu penting kepada negara kita. Pada pagi ini kita melihat bagaimana seorang Yang Berhormat dari Kuala Kedah yang cukup faham dan fasih mengenai isu-isu sama ada daripada sains atau *sustainability*. Kebaikan minyak sawit ini adalah cukup sihat. Tapi satu isu lagi adalah mengenai *sustainability*, yang saya harap Yang Berhormat juga sama-sama membantu. Kalau kita sama-sama membantu, saya rasa walaupun peruntukan di sini dikurangkan, tetapi kita akan menggunakan sumber-sumber dan pihak-pihak yang sama-sama bertanggungjawab memainkan peranan membantu agensi kita.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri minta laluan sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Bagan Serai Yang Berhormat.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Mengenai isu *sustainability*, memang ini suatu isu yang selalu digunakan oleh pihak NGO yang tidak bertanggungjawab daripada beberapa luar negara. Tapi kalau kita melihat daripada pencapaian kita, misalnya liputan hutan di negara kita sekarang ialah 61.2%. Walaupun janji kita di Rio pada 1990, hanya cuba nak mengekalkan 50%, tapi sekarang kita masih dapat mengekalkan liputan hutan kita dengan kadar yang cukup tinggi. Tidak banyak negara lain di dunia dapat mencapai tahap daripada kita.

Memang ada *information gap*, oleh itu kementerian sekarang telah pun menyediakan *repository conservation*, di mana kita akan menunjukkan apakah pencapaian-pencapaian negara Malaysia dalam usaha-usaha untuk menentukan komitmen kita dalam menangani masalah *sustainability*. Bukan itu sahaja, kita juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Copenhagen untuk mengurangkan *CO2 emissions* kita. Ini pun pencapaian-pencapaian yang nyata. Semua ini memang ada, dengan petanya. Jadi kita bercadang telah merangka satu *conservation repository* supaya seluruh dunia memahami bagaimana negara Malaysia, walaupun kita memerlukan membangunkan tanah-tanah kita dalam masa yang sama *sustainability comes together with development*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju dengan rancangan kerajaan. Cuma saya rasa kita harus menerima bahawa hari ini *palm oil* diserang habis-habisan kerana Amerika, Eropah ini hendak mempertahankan *soya bean* dengan *sunflower*. Jadi alasan *conservation, sustainable* ini semua ini adalah alasan yang dibina untuk memastikan bahawa kuasa-kuasa *supermarket* ini juga dapat menekan harga kelapa sawit. Jadi saya rasa ia memerlukan satu gerakan bersama apakah kerajaan rasa bahawa mungkin sudah sampai masanya kita dan Indonesia terutamanya. Kerana dalam perbincangan dengan kawan-kawan di Indonesia, saya rasa tidak ada satu jawatankuasa rasmi ataupun *even people to people* punya jawatankuasa yang bergerak bersama seperti yang sedang dibuat oleh orang-orang Eropah ini.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas pandangan yang cukup bernas. Memang itulah satu hakikat yang sama-sama difahami kedua-dua negara. Oleh sebab itu, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bermesyuarat dengan mantan Presiden Indonesia tahun lepas, satu persetujuan adalah untuk kita mengadakan kerjasama dalam bidang kelapa sawit ini supaya kita dapat sama-sama merancang, kerana kedua-dua negara mengeluarkan hampir 80% dari minyak sawit di dunia ini.

Kita telah pun berusaha melalui B2B dan juga melalui kementerian-kementerian untuk mengadakan satu kerjasama supaya kita dapat sama-sama merancang dan mengatur langkah untuk menentukan kelapa sawit ini masih menjadi satu minyak yang dapat diterima kerana ianya minyak yang cukup sihat, cukup murah dan produktivitiya lebih baik dari komoditi-komoditi minyak yang lain di dunia.

Tuan Pengerusi, selain itu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia turut melaksanakan pelbagai seminar dan sesi penerangan. Baru-baru ini kita adakan seminar di Singapura, kerana kita ada masalah juga di Singapura dan di China dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Serdang meminta pendirian kementerian yang mengenai *Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)*. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa menggalakkan industri sawit untuk meningkatkan tahap kemapanan dalam rantaian pengeluaran produk-produk sawit. Dalam hal ini kerajaan menyokong supaya industri sawit memperoleh persijilan kemapanan yang diiktiraf dan diterima para pengguna. Ini termasuk *Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)* dan *International Sustainability and Carbon Certification (ISCC)*.

Dalam hal ini seluas 1.22 juta hektar tanaman sawit dan 117 buah kilang sawit telah dipersijilkan di bawah RSPO. Kerajaan komited untuk memastikan bahawa industri sawit diuruskan secara mampan dan memperoleh sijil kemapanan yang diiktiraf. Walau bagaimanapun kos pengauditan skim persijilan antarabangsa khususnya RSPO adalah begitu tinggi dan menjadi beban kepada pekebun-pekebun kecil kita dan kepada industri ladang-ladang yang kecil.

Sehubungan dengan itu, kementerian dan kerajaan telah pun meluluskan satu standard negara, iaitu *Malaysian Standard for Sustainable Palm Oil (MSPO)*. Untuk makluman Yang Berhormat, ada beberapa kelebihan dengan MSPO ini. Yang pertama, MSPO ialah *standard* yang *inclusive* di mana ia dirangka untuk membolehkan semua sektor termasuk pekebun kecil boleh menyertainya.

■1150

Kerajaan tidak sekadar menetapkan standard sahaja tetapi akan memberi bantuan kewangan dan khidmat nasihat terutama kepada pekebun kecil bagi memastikan bahawa mereka mendapat persijilan MSPO. Dalam hubungan ini, RM53 juta telah diperuntukkan bagi membiayai kos pengauditan yang perlu ditanggung oleh pekebun kecil. Kos persijilan adalah lebih murah berbanding skim persijilan yang lain dan ketiga MSPO boleh dijadikan asas untuk menjenama minyak sawit Malaysia di peringkat dalam negeri ataupun global.

Yang Berhormat Jerlun bertanya langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Soalan, soalan Yang Berhormat Menteri. Tentang RSPO. Saya memang mengalu-alukan inisiatif untuk menubuhkan satu *Malaysian Sustainable Palm Oil Certification* tapi soalan saya Yang Berhormat Menteri ialah sekarang ada banyak syarikat yang besar termasuk syarikat seperti Wilmar International yang sekarang telah membuat keputusan untuk membeli minyak kelapa sawit dengan syarat mesti ada *RSPO certification*.

Jadi apakah rancangan yang kerajaan akan buat supaya MSPO ini juga diterima oleh syarikat-syarikat besar seperti Wilmar dan juga syarikat-syarikat besar di Eropah ataupun di Amerika Syarikat khususnya FMCG yang menjual *fast-moving consumer goods* seperti Danone dan sebagainya supaya mereka juga boleh menerima *Malaysian certification* daripada MSPO ini. Terima kasih.

Dato' Sri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian sedar bahawa itulah satu cabaran di hadapan MSPO. Jadi langkah kita ialah kita bekerjasama dengan RSPO dan kita berharap dengan kerjasama kita cari pendekatan yang sama kita berharap MSPO dapat diiktiraf. Bezanya RSPO ialah *B2B certification*. MSPO adalah *government certification*

oleh Kerajaan Malaysia yang mempunyai standard dan kriteria-kriteria yang sama. Jadi dengan itu kita percaya MSPO dapat diterima oleh pihak-pihak yang bersedia bekerjasama dengan kita. Pihak-pihak yang sentiasa mencari masalah *that is another problem*. *Thank you very much*.

Yang Berhormat Jerlun bertanya langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan keluasan penanaman dan pengeluaran koko, penyelidikan pembangunan R&D yang dijalankan. Untuk makluman Yang Berhormat, hala tuju industri koko Malaysia ialah mencapai industri yang mampan, berdaya saing dan berdaya maju, berinovatif. Malaysia kini mengisar ataupun *grinding* kapasiti kita hampir 300,000 tan biji koko kering dan Malaysia merupakan pengisar yang kelima dalam dunia dengan yang menggunakan hampir 90% biji koko import yang tidak dapat ditampung oleh pengeluaran biji koko tempatan.

Memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Jerlun bahawa keluasan ladang koko kita telah pun menurun dari 400,000 hektar pada 1990-an kepada hanya 15,000 hektar sekarang. Ini disebabkan waktu itu harga koko jatuh teruk dan juga masalah-masalah wabak penyakit dan juga alternatif *use* tanah dari segi pulangan ia tidak dapat mengatasi sawit. Maka banyak yang bertukar.

Walau bagaimanapun, kementerian telah pun merangka Dasar Komoditi Negara dan kita menasarkannya iaitu pada tahun 2020 kita akan mengeluarkan 60,000 tan biji koko kering dan menanam seluas 40,000 hektar koko di negara kita. Dasar ini dirangka dengan menyedari hakikat bahawa tanah di negara kita adalah terhad dan juga pelbagai kekangan lain. Walau bagaimanapun, tumpuan kita adalah untuk memperkukuhkan *grinding* kapasiti kita di negara ini.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya mengenai koko ini saya hendak minta penjelasan sedikit. Sebagaimana yang kita maklum bahawa ibu pejabat atau *headquarters* Lembaga Koko Negara ini terletak di Sabah, kalau tidak salah saya. Jadi minta penjelasan apakah faktor yang menyebabkan ibu pejabat ini terletak di sana. Adakah kerana keluasan ladang koko ini terletak di Sabah atau sebagainya. Ia macam tembakaulah. Tembakau terletak di Kelantan.

Yang keduanya saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dalam suasana kita tahu getah harganya merudum sampai ke peringkat yang paling dahsyat sekali. Penoreh-penoreh mengalami masalah yang begitu serius dari segi pendapatan mereka. Adakah kerajaan bercadang untuk di setengah-setengah tempat mungkin koko dijadikan sebagai alternatif kepada getah kerana saya difahamkan Lembaga Koko Negara telah membuat dasar antaranya subsidi ataupun bantuan kepada penanam koko ini agak menarik. Kalau tidak silap saya RM8,000 satu hektar. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk mengambil langkah-langkah seumpama ini dalam konteks koko ini. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya sambung.

Dato' Sri Douglas Uggah Embas: Boleh saya jawab dahulu? Terima kasih Yang Berhormat. Saya agak terkejut apabila seorang Yang Berhormat bertanya kenapa ibu pejabat ini

terletak di Sabah kerana soalan ini tidak seharusnya ditimbulkan. Sabah adalah satu negeri di Malaysia dan kita harus menerimanya. Walau bagaimanapun...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Maksud saya...

Dato' Sri Douglas Uggah Embas: Saya hendak jawab.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya bimbang takut salah sangka. Saya hendak tanya soalan saya adakah kerana Sabah itu luas kawasannya, kewajarannya. Bukan mempersoalkan Sabah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *No malice.* Tiada niat jahat Yang Berhormat ya?

Dato' Sri Douglas Uggah Embas: Tapi *I must clear the malice.* Memang apabila pejabat koko diadakan di Sabah kerana Sabah waktu itu di mana koko yang cukup luas seperti pejabat Lembaga Lada Malaysia pun terletak di Sarawak kerana Sarawak ialah pengeluar lada yang terbesar. Begitu juga kenaf di Kelantan. Jadi prinsip yang sama.

Mengenai cadangan Yang Berhormat inilah satu pendekatan yang dalam pertimbangan kementerian. Kementerian melalui Lembaga Getah dan Lembaga Koko sedang meneliti mengenai faktor-faktor ataupun maklumat-maklumat mengenai pekebun-pekebun kecil kerana arah tuju yang kita harapkan adalah seorang pekebun kecil tidaklah harus bergantung kepada satu komoditi sahaja kerana kita melihat apabila seseorang pekebun kecil bergantung atas satu komoditi sahaja ia menghadapi masalah yang teruk apabila harga komoditi tersebut turun.

Ini bukan hanya untuk getah sahaja. Dahulu terjadi juga kepada koko, terjadi kepada lada hitam dan sekarang getah. Dengan demikian kita menggalakkan pekebun kecil kalau mereka ada tanah untuk sama-sama menambahkan tanaman mereka iaitu menanam getah, menanam sawit ataupun lada hitam dan sebagainya. Inilah pendekatan yang kita akan kemukakan kepada pekebun-pekebun kecil di mana kita merangka subsidi-subsidi supaya mereka dapat mempelbagaikan pendapatan menambahkan apa yang telah dibuat oleh RISDA kepada pekebun-pekebun kecil kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pada tahun 2010 Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri ketika Datuk Hamzah Zainuddin menyasarkan 25,000 hektar lagi tanaman koko di seluruh negara dapat diusahakan dalam jangka masa lima tahun iaitu pada tahun 2010. So, 2010 sekarang sepatutnya 2014 hujung tahun adakah sasaran ini telah dicapai. Baru tadi Yang Berhormat Menteri telah kata kita ada sasaran baru untuk tahun 2020 tapi sebelum ini kita pun sudah ada sasaran 25,000 hektar yang disasarkan pada tahun 2010. So, adakah sasaran ini telah dicapai dan kita ada sasaran baru untuk 2020. Penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

■1200

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat meneliti dengan lebih jelas iaitu tidak ada percanggahan. Ianya ialah kesinambungan dan apabila kita

merangka satu dasar untuk menanam sehingga 40,000 hektar. Ianya kita melihat dari keadaan kita harap capai pada tahun 2020. Tuan Pengerusi...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Inisiatif...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerlun bangun, Yang Berhormat.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Menteri, tambah sedikit Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Kalau bercakap soal *downstream cocoa products*, kita tahu bahawa industri koko walaupun sebenarnya tanaman koko di negara kita ini jauh menurun dari segi *hectare rage* sehingga tinggal lagi 15,000 hektar, kita hanya mampu mengeluarkan lebih kurang 2,800 tan setahun tetapi dari segi *grinding capacity* kita mempunyai kemampuan untuk mengisar sampai 300,000, kita mengeluarkan *cocoa butter*, *cocoa liquor*, *cocoa mess* dan juga *cocoa powder*. Sudah tentulah bawah sekali dijadikan koko coklat dan sebagainya.

Jadi sudah tentu dengan *grinding capacity* yang begini besar dan pengeluaran kita yang amat kecil, kita terpaksa *rely* dengan import biji-biji koko kering sama ada dari Ghana, *Ivory Coast* dan sebagainya. Jadi pada pandangan Yang Berhormat Menteri, adakah *grinding capacity* kita ini, mampu bertahan, dapat *sustain* dengan selama-lamanya, terpaksa bergantung lebih daripada 95% bahan untuk dikisar ataupun biji koko kering itu dari negara luar. Mohon pandangan, terima kasih.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Inilah satu keputusan *economic* yang kita lihat dari beberapa sudut. Pertama, kita melihat keadaan keluasan tanah yang ada di negara kita dan kedua kita juga melihat dari segi kos *production* dan ketiga kita melihat kemampuan *grinding capacity*. Jadi mengapa kita masih mengekalkan sebagai pengisar yang kelima kerana negara kita cukup kondusif dari segi *political stability*, dari segi *economic connectivity* dan dari segi berbagai sudut *for example* kita memang dikenali sebagai negara mengamalkan dasar halal kita dan oleh sebab baru-baru ini satu syarikat besar juga menubuhkan satu kilang di Johor, menambahkan apa yang sedia ada sekarang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Jadi oleh itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar lagi Yang Berhormat.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: ...Kita memang...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: ...*Try to balance* keperluan dan kita melihat apabila kita mengambil kira semua isu ini, kita merancang bahawa pada tahun 2020 kita akan mengeluarkan 60,000 tan koko.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Dalam masa yang sama membantu industri-industri mengisar kita. Ya, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri kita telah memperkenalkan satu Program Koko Untuk Rakyat pada tahun 2010 di Penampang, Sabah. Kita mula di sana. Apakah program ini masih lagi diteruskan? Itu yang pertama. Kedua, baru-baru ini pada bulan September 2014, kita telah menyambut Hari Koko dan Coklat Malaysia 2014 bertemakan, “*Cocoa for Fun and Health*” di kompleks membeli-belah Mid Valley. Apakah keberkesanan kedua-dua yang ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, isu baru itu Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kena mengena dengan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, memang koko...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Akan tetapi mungkin...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Akan tetapi yang itu spesifik tentang keberkesanan satu forum, seminar yang dibuat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya, saya terima Tuan Pengerusi. Kalau boleh jawapan bertulis pun saya terima, terima kasih.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, untuk makluman, yang mengambil bahagian dalam ‘Koko Untuk Rakyat’ ini boleh ajukan surat kepada saya. Saya akan hantar *cutting* untuk Yang Berhormat tanam di rumah. Tiga batang pokok, ya. Mengenai keberkesanan kempen koko ini memang kita melihat ianya cukup berkesan. Satu produk yang paling popular dikeluarkan Malaysia ialah *dark chocolate*. *Dark chocolate* ini ada khasiat. Hasilnya *has proven to be scientifically beneficial for our health*. Jadi kalau Yang Berhormat belum membeli *dark chocolate*, balik dari sini pada hari ini pergi ke pasar raya, beli *dark chocolate*.

Mengenai inisiatif tanaman koko, bantuannya ialah 8,000 sehektar. Seperti Yang Berhormat dari Kota Bharu sebut tadi. Inisiatif lain ialah baja sebanyak 3,000 sehektar dan memang kita sentiasa mengadakan R&D. Kita bersetuju penuh dengan cadangan Yang Berhormat dari Jerlun bahawa satu cabaran di hadapan kita ialah untuk meningkatkan produktiviti kerana itulah satu R&D kita telah buat supaya kita dapat meningkatkan hasil dari empat tan sehingga enam tan, satu hektar. Yang Berhormat dari Jerlun membangkit mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memperluaskan penanaman lada dan penyelidikan penggunaan di Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, harga lada sekarang mencecah RM27 sekilogram bagi lada hitam, RM37 sekilogram bagi lada putih setelah menarik minat luar bandar di Semenanjung, di seluruh negara. Setakat ini keluasan tanaman lada di seluruh negara ialah 15,250 hektar iaitu 200 hektar di Semenanjung Malaysia, 56 hektar di Sabah, 14,994 di Sarawak. Kawasan utama di Semenanjung ialah Johor, 100 hektar; Kedah, 14 hektar; Perak, 12 hektar; Melaka, 18 hektar; Pahang, empat hektar; Terengganu, empat hektar dan bakinya di Perlis, Kelantan dan Negeri Sembilan. Usaha sama penanaman lada di Semenanjung akan terus

dipergiatkan dengan meneruskan program-program bantuan lada bernilai RM18,000 satu hektar untuk memberi input tanaman lada, anak pokok lada, baja, racun perosak dan pokok sokongan.

Kita juga mengadakan kursus-kursus. Kerajaan juga sedang menaik taraf Pejabat Cawangan Lembaga Lada Malaysia di Johor iaitu di Pejabat Wilayah Semenanjung Malaysia. Kementerian berpandangan bahawa lada ialah satu komoditi yang dapat membolehkan pekebun kecil mempelbagaikan sumber pendapatan kerana lada tidak memerlukan tanah yang luas. Contohnya satu hektar lada boleh ditanam dengan 2,000 pokok lada. Ianya boleh menghasilkan lima tan lada hitam setahun. Jadi kalau harganya seperti yang sekarang iaitu RM27,000 satu tan, hasil satu hektar boleh mencecah kepada 135,000 setahun.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Serdang bertanya tentang pencapaian Program Pembangunan Ladang Hutan dan menyarankan supaya kelayakan diberikan kepada syarikat di Sabah dan Sarawak. Sehingga tahun 2014, sejumlah RM 847 juta diluluskan bagi kawasan seluas 115,000 hektar. Kawasan yang telah siap ditanam adalah 94,000 hektar. Sehingga kini sejumlah RM423.5 juta telah pun di salur kepada syarikat peminjam. Pecahan kawasan, Semenanjung ialah 49,000 hektar, Sabah ialah 33,000 hektar dan Sarawak ialah 33,000 hektar. Penuaian hasil kayu daripada program tersebut akan mula dijalankan pada tahun 2022. Penanaman hutan yang menanam spesies getah, lima syarikat telah pun bakal menoreh *latex* secara percubaan dan akan mula mengeluarkan *latex* secara awal tahun depan.

Maka kalau kita melihat daripada data-data tadi, taburan kawasan ditanam adalah sama rata iaitu Sabah, Semenanjung dan Sarawak.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri saya ingin tanya berkenaan dengan masalah harga getah, Yang Berhormat Menteri akan sentuh jugakah selepas ini? Ini kerana isu itu yang penting. Saya harap boleh dapat jawapanlah daripada apa yang saya kata tadi, semalam.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Saya tidak lupa dengan Yang Berhormat Sungai Siput tetapi kena sabar sedikit. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Lumut bertanya dengan belian aset tahun 2015 iaitu RM134 juta. Aset-aset yang dibeli loji rintis peroleh oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Makmal Air 017025, Projek Pemantauan ICT, Stesen Penjagaan Lapangan Bangunan Ladang Kenaf untuk Tembakau.

■1210

Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Jerlun telah membangkitkan isu getah. Saya fikir Yang Berhormat sudah balik.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya isu getah ini sudah banyak kita bincang dalam Dewan ini dan saya tidak bercadang untuk membincangkannya dengan lebih luas atas menjimatkan masa. Walau bagaimanapun, satu isu yang penting yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput adalah mengenai harga. Sama ada harga getah kita Malaysia ini adalah *remunerative* dan sama ada ia setanding dengan harga-harga di negara lain. Apabila Yang Berhormat menyebut bahawa harga getah sepatutnya di antara RM8 hingga RM10

sekarang, saya pun tidak tahu apa asasnya kerana harga sesuatu harga barang itu akan ditentukan oleh *supply* ataupun permintaan dan pengeluaran.

Kalau kita melihat dari segi kelebihan pengeluaran getah, ia memang mendesak. Maka itu sebab harganya turun. Bagaimanapun di Malaysia, harga getah kita ditentukan oleh Panel Penasihat Harga ataupun *Price Advisory Panel* yang terdiri dari 34 buah syarikat. Syarikat-syarikat panel ini menentukan tiap-tiap hari apa harga yang sepatutnya. Harga getah negara umumnya adalah selaras dengan harga yang dikeluarkan oleh SICOM, TOCOM dan harga-harga getah lain mungkin India, mungkin harga dia berbeza sedikit dengan Malaysia kerana India *very much supply* dari *market in the traders* sendiri. Akan tetapi negara-negara kita kurang lebih. Walau bagaimanapun, saya telah pun mengarahkan LGM untuk melihat apakah pendekatan-pendekatan yang lebih baik supaya harga yang ditentukan adalah *remunerative* sepatutnya.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, *point* yang saya ingin bawa malam tadi ialah ini bukan satu pasaran yang *perfect, perfect market*. Satu *perfect market* adalah di mana pembekal ada beribu-ribu, pembeli ada beribu-ribu dan ada satu *level* yang kita boleh katakan natural.

Di sini kita ada syarikat-syarikat besar macam *Bridgestone Corporation, Michael Lane Good Year* dan yang *the big buyers*. So ini satu market di mana pembekal ada beribu-ribu penoreh getah yang membekalkan. Akan tetapi pembeli dia ada beberapa *company* yang tak ramai. So mereka ini boleh kontrol, mereka ada *oligo policy control*. So adalah penting negara-negara yang keluarkan getah ada strategi untuk *control the supply change*. Jangan bagi syarikat besar buli *farmer* kita.

So saya mahu tanya, macam Thailand mereka ada *stockpile*. Kerajaan sendiri ada tubuhkan *stockpile* untuk *absorb* yang surplus. Jika perlu di *absorb*. Kenapa Malaysia tak ada *stockpile*? Itu satu isu, apakah kekangannya?

Yang kedua, saya difahamkan bila kita ada *agreement* dekat ITRC, International Tripartite Rubber Council pada tahun 2012, untuk kurangkan kita punya *supply* ke market, tawaran kita ke market. Thailand ada buat, Thailand ada kurangkan tetapi / dengar Malaysia tak buat macam itu. Kita keluarkan lebih daripada masa itu tahun depan. Adakah ini betul? Jika kita tak ikut apa dipersetujui dalam ITRC, kenapa kita tak ikut dia? Adakah ini betul? Saya mahu tanya.

So saya rasa kita perlu satu strategi di mana kerajaan bantu penoreh getah yang merupakan, *is a very small*, dia tak boleh *fight* dengan tayar *company* yang begitu besar. so ini saya mahu tanya, saya ingat bantuan macam RM500 kita bagi seorang penoreh, itu okey, itu kita boleh buat. Akan tetapi daripada perkara kita dibuli oleh syarikat-syarikat besar itu, *what is the government's stand on that?* Terima kasih.

Dato' Sri Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Kita cukup sedar itu sebab saya pun telah mengarahkan Lembaga Getah Malaysia untuk melihat apakah pendekatan-pendekatan yang cukup baik untuk kita menentukan harga yang kita pameran adalah harga sepatutnya kerana kita memang sedar, pembeli memang *a very power forces*. Ini

juga berlaku seperti minyak sawit tetapi minyak sawit kita tak ada apa-apa masalah kerana sistem lebih baik.

Itu sebab kita hendak memperbaiki sistem ini sama ada kita akan meneruskan menggunakan panel ini di mana kebaikan sebahagian besar mereka adalah *consumer* ataupun kita akan menggunakan pendekatan India yang menggunakan *invoices* ataupun apakah pendekatan yang sepatutnya kita gunakan? Ini dalam kajian dan kita berharap ia dapat dilaksanakan secepat yang mungkin.

Nombor dua, kerajaan telah memutuskan bahawa Lembaga Getah Malaysia menentukan harga di *farm gate*. Ini untuk menentukan bahawa orang tengah tidak mengambil peluang untuk menurunkan harga getah. Apa mekanisme kita melaksanakan di *farm gate*? Kita minta kerjasama-kerjasama koperasi-koperasi pekebun kecil kerana mereka ada kepentingan kalau mereka dapat menentukan sebahagian besar untuk *farm gate* dan ini kita percaya boleh menambahkan harga sehingga 20 sen ke 30 sen lebih dari apa. Kerajaan memberi *working loan* untuk koperasi-koperasi ini untuk menjalankan tugas kerana satu masalah yang dihadapi oleh koperasi kalau apabila dia membeli getah, dia tak boleh bayar cash. Jadi inilah masalah orang pekebun kecil, hari ini dia jual getah, dia hendak cash. Oleh itu kita menyediakan *working capital* untuk koperasi. Ini satu pendekatan, kita berharap dapat membantu pekebun kecil.

Saya harap Yang Berhormat memahami bahawa Kerajaan Barisan Nasional cukup komited untuk membantu pekebun-pekebun kecil kita. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Jerantut dengan Yang Berhormat Jerlun bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Douglas Uggah Embas: Kita tidak membiarkan pekebun kecil menderita. Oleh sebab itu kita adakan RM500 yang tahun ini. Selepas itu kita akan mengadakan *Production Incentive Scheme* untuk kita dapat meningkatkan pendapatan apabila harga getah rendah dari *one dollar seventy five cents*.

Issues stockpile. Isu *stockpile* ini adalah isu yang selalu diperdebatkan di seluruh dunia *as early as 1920's*. Banyak skim telah pun digunakan tetapi satu pun tidak berjaya. Thailand menghadapi masalah yang cukup besar apabila mereka hendak ada *floor price for pin*. Saya tak perlu huraikan kepada Yang Berhormat, saya pasti Yang Berhormat baca juga surat khabar dari Thailand, apa masalah yang mereka hadapi.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Yang Berhormat Menteri, belakang, Jerantut.

Dato' Sri Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Jerantut.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Ya, Terima kasih. Saya hendak balik mekanisme yang menggunakan koperasi untuk membantu pekebun kecil dari segi pembelian harga getah. Ini merupakan satu langkah yang baik. Tahniah kepada kementerian. Cuma bagaimana kawasan-kawasan yang kedudukan pekebun kecilnya berterabur dan jauh daripada perkhidmatan koperasi. Jadi sebelum ini mereka tidak mendapat perkhidmatan jualan koperasi.

Jadi adakah kaedah-kaedah lain yang membolehkan para pekebun kecil ini yang jauh daripada perkhidmatan koperasi ini dapat juga dinikmati oleh pekebun-pekebun kecil di kawasan yang seperti ini dan kalau tak ada, bagaimana kerajaan untuk membantu mereka. Terima kasih.

Dato' Sri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Ini memang masalah yang kita hadapi, bertaburan di seluruh negara. Khususnya seperti di Sarawak banyak koperasi di beberapa tempat.

Arahan kita kepada Lembaga Getah adalah untuk *reaching out* kepada mereka-mereka ini dan mencari jalan bagaimana hendak menyelesaikan masalah. Kita program kita adalah *inclusive* dan oleh itu:

- (i) menggalakkan dia menubuhkan koperasi;
- (ii) Lembaga Getah Malaysia mungkin akan mengadakan satu mekanisme supaya mereka ini juga dapat manfaat daripada apa yang dihasil dan disusun oleh kerajaan.

■1220

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sik bangun Yang Berhormat, di belakang.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Oh, Yang Berhormat Sik.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkenaan Insentif Penjualan Getah (IPG) dan saya ada cadangan kepada Yang Berhormat Menteri. LGM telah menerangkan bahawa dalam insentif penjualan getah ini, kerajaan akan memberi bantuan kepada pekebun atau penoreh sebanyak 30 sen sekilo seandainya SMR 20 ialah RM4.60 sekilo ke bawah. Jadi kalau kita kira daripada SMR RM24.60 sekilo itu, harga sekerap atau getah beku RM4.60 setelah ditolak *cost processing* di antara 40 sen ke 70 sen dan didarab dengan 50% kering, kita hanya akan mendapat harga sekilo sekerap ialah RM1.70.

Jika dicampur dengan 30 sen subsidi yang diberi oleh kerajaan, maka harga sekerap yang dijual oleh penoreh-penoreh getah itu hanya RM2 sekilo. Jadi Yang Berhormat Menteri, kalau kita tengok pendapatan bagi penoreh getah, kalau RM2 sekilo adalah tidak berapa selesa ataupun saya boleh kata tidak begitu cukup bagi penoreh-penoreh getah bagi meneruskan kehidupan perbelanjaan harian mereka.

Jadi saya cadangkan kalau boleh tahap di mana bantuan akan diberikan kepada penoreh getah ini, harga bagi maksimum atau harga SMR 21 kilo itu saya minta mungkin kita boleh naikkan lebih daripada RM4.60 sekilo supaya harga, apabila kita kira dengan formula tadi, harga sekilo sekerap ataupun getah beku yang dijual itu pada tahap RM2.50 sekilo lebih baik ataupun selesa bagi penoreh-penoreh getah ini harga dalam RM3 sekilo itu adalah munasabah bagi mereka. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Angka ini kita dapat lama. Memang kalau kita melihat dari segi pendapatan, dari segi petani pekebun kecil lebih tinggi, lebih baik. Akan tetapi dalam masa yang sama kita kena fikir kemampuan kerajaan. Kita

tidak mahu mereka satu dasar dan kemudian kita tidak mampu untuk melaksanakannya kerana Kerajaan Barisan Nasional, janji ditepati. [Tepuk]

Bukan macam Yang Berhormat Seputeh, tidak ada pekebun kecil. Mengapa RM1.75 ianya dikira kerana mengikut LGM *cost production* RM1.33. So kita *top up* dari kos dengan 42 sen as a *profit* ditambah dengan 30 sen. Bagi kita, ianya munasabah walaupun rendah tetapi sekurang-kurangnya ada untung *more than their cost*. Ini kerana RM1.75. Kita ambil maklum pandangan Yang Berhormat Sik kerana beliau juga begitu prihatin.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya terima baik usaha yang dibuat oleh kerajaan kerana kita ada lebih kurang 400,000 lebih penoreh getah. Macam kawasan saya mereka menghadapi banyak masalah ekonomi. Saya rasa ini idea koperasi, jika kita *cut out the middleman*, kita boleh tambah hanya mungkin 30 sen bagi sekilo. Dengan ini insentif 30 sen. Saya fikir isu yang penting ialah harga di pasaran dunia. Ertinya ini *supply chain management* di mana kita tawarkan amaun yang setimpal dengan *demand*. Ini ialah yang pokok. Kita kena bekerjasama dengan Indonesia, Thailand dan Vietnam untuk pastikan tidak ada lambakan, tidak ada *over supply*.

Ini adalah yang pokok yang saya ingat dan yang lain kita tidak boleh beri banyak, ini adalah satu *drain* kepada kerajaan, saya tahu. Insentif ini semua saya terima. Ada jasa baik kerajaan untuk beri, tapi *how much can we give for 400,000 peoples? So the main thing is the supply chain management*. Ini di mana saya ingat kita mesti tekan kerana jika tidak kita akan dibuli. So, *this is where we got to really look and see*, macam mana kita boleh bekerjasama *control the bekalans at the international market*.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Okey, saya faham. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya beberapa minggu yang lepas, negara-negara yang mengeluarkan getah ada 11 buah negara bermesyuarat di Kuala Lumpur. Terdapat 11 buah negara ini mengeluarkan 95% keluaran getah di dunia. Malaysia telah mencadangkan kerana mesyuarat yang lepas ialah mesyuarat di antara pegawai-pegawai. Selama ini mesyuarat negara-negara pengeluar getah ini adalah di peringkat pegawai dan Malaysia telah mencadangkan ianya dinaiktarafkan kepada peringkat Menteri.

Pada tahun akan datang, diharap pada *first quarter*, mesyuarat pertama diadakan di antara Menteri-menteri pengeluar getah dunia. Di sinilah kita melihat kerana kita faham *economic* dia. Kita faham dari segi *supply* dan *demand*. Apa yang penting ialah sama ada kita dapat bekerjasama untuk membentuk satu badan yang dapat sama-sama mengawal *supply* dengan *demand*. Sementara itu, ITRC masuk di antara Malaysia, Thailand dan Indonesia telah pun nampak berkesan. Pada 22 November ini kita akan mengadakan mesyuarat.

Yang Berhormat membuat tuduhan yang tidak berasas kerana saya tidak juga *blame* Yang Berhormat kerana Yang Berhormat pun tidak faham apa yang berlaku. Memang Malaysia apabila kita eksport, komitmen kita mengurangkan *export by* 30,000 tan. Masalah kita ialah kita import untuk tahun 2013, satu juta tan getah. Jadi di sinilah pengiraannya, di sinilah kesefahaman

di antara ketiga-tiga buah negara belum ditentukan. Jadi, *not fair for* Yang Berhormat *to accuse* kita tidak *honour our promise*. Malaysia *always honour our promise*. [Tepuk]

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan sedikit. Terima kasih. Saya tengok Yang Berhormat Menteri mengatakan kita import sejuta tan *matrix* getah. Saya pun kebetulan selain dari Yang Berhormat Sungai Siput cakap *main product* yang dikeluarkan untuk getah ini adalah *tyres* tetapi ada juga *gloves*, ada juga '*extrusion*' ataupun '*track*' ada juga dahulu sekali kita buat *rubber boots*. Akan tetapi *rubber boots* telah dilanda oleh *plastic injection molding products*. Kemudian ada juga sedikit-sedikit digunakan *bridge expansion joints* dan sebagainya.

Namun untuk *glove*, kita kena gunakan *latex*. Jadi di sinilah saya terjumpa seorang *driver lorry*. Dia mengambil *latex* dari Thailand, *Southern Thai* dihantar ke Johor. Saya tanya dia, "Kenapa kita pakai getah Siam, sedangkan Malaysia ini banyak mengeluarkan getah"? Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, dari segi komposisi pengeluaran *raw* getah ini iaitu getah yang dikeluarkan di Malaysia selain daripada dahulu RSS sekarang SMR dan pada satu ketika kita mengeluarkan *latex, coagulated rubber*. Jadi sekarang ini adakah masih dikeluarkan *latex* di peringkat negara kita? Terima kasih.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Saya memang berterima kasihlah kepada Yang Berhormat Jerlun dan saya percaya pengundi-pengundi Yang Berhormat Jerlun juga berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana membela mereka di dalam Dewan ini dengan cukup kuat.

■1230

Inilah satu isu yang dihadapi oleh industri getah kita. Negara kita ialah pengeluar utama sarung getah, *we are the biggest in the world* tetapi seperti yang disebut tadi, bahan yang digunakan adalah *latex*. Di Malaysia memerlukan hampir 400,000 tan *latex* untuk industri sarung tangan kita. Kita cuma mengeluarkan 90,000 tan, yang lain kita import dari Thailand. Di sinilah LGM mempunyai tugas yang berat untuk menstrukturkan semula industri supaya kita dapat mengeluarkan *latex* untuk digunakan dalam negara dan kita mendapati juga harga *latex* pun lebih tinggi daripada harga *cup lump*.

Di sini saya harap semua Yang Berhormat sama-sama bekerjasama apabila kita melancarkan program ini nanti supaya ia dapat memberi manfaat kepada pekebun kecil, mengurangkan import kita dan memperkukuhkan industri sarung getah kita. Itulah kita yang harap nak capai pada tahun akan datang dan inilah menjawab soalan daripada Yang Berhormat Jerlun di mana Yang Berhormat mengatakan industri getah kita, kedudukan dah turun kepada nombor empat dari negara lain.

Memang daripada segi pengeluaran huluan kita nombor empat kerana *limited by our land space*. Itu kita tidak dapat tambah tetapi kita masih mengekalkan sebagai negara utama pengeluar *gloves* ataupun sarung tangan getah. Di sinilah kita akan meneruskan penyelidikan dan pembangunan untuk menentukan bahawa industri hiliran getah kita makin kukuh dan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun membuat satu cadangan inisiatif

kepada *automation* untuk membantu industri-industri ini. Saya yakin dengan dasar kerajaan yang sentiasa menggalakkan pembangunan industri dengan teknologi, dengan *automation*, negara Malaysia terus akan menjadi *top gloves producer* ataupun pengeluar sarung tangan getah terbesar di dunia. Jadi Tuan Pengerusi, saya fikir itu sahajalah isu-isu yang...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Satu isu Menteri, boleh?

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Saya dah tutup, saya minta maaf Yang Berhormat. Apa-apa yang saya tidak jawab, kita akan jawab dengan bertulis dan sekali lagi terima kasih kepada semua Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,237,800,000 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,237,800,000 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM420,996,000 untuk Maksud P.20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM420,996,000 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]

**Maksud B.42 [Jadual] –
Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan 2015] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.42 dan Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Putatan.

12.34 tgh.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya singkat sahaja Tuan Pengerusi. Saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan B.42 – Kementerian Kesihatan yang telah diperuntukkan begitu banyak jumlah wang iaitu RM23.3 bilion. Ini satu sahaja yang rakyat dari kawasan saya telah menghantar satu SMS soal iaitu bahagian pembangunan Butiran 031900 – Radioterapi Onkologi, Butiran 032000 – Pengimejan Diagnostik.

Ini satu permintaan daripada pesakit dari Sabah iaitu PET iaitu *positron emission tomography scan* untuk Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu yang tidak ada sama sekali. Apa yang berlaku Tuan Pengerusi, pesakit-pesakit kita terpaksa dihantar ke Johor Bahru untuk membuat satu *imaging* bagi pesakit kanser. Jadi kenapa pula dengan jumlah begitu banyak

peruntukan kepada kementerian ini, tak akan satu mesin pengimbas ataupun *computed tomography scan* ini boleh dibeli satu unit, sekurang-kurangnya satu unit untuk negeri Sabah. Kalau tidak ada di Sarawak, di Sarawak juga. Tidak tahu kalau Yang Berhormat Kota Kinabalu sedar perkara ini tetapi dia mana tahu itu dia tahu pasal parkir sahaja. Ini soal PET, Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, nak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini soal PET, kalau faham, okey, okey.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih juga Yang Berhormat Putatan kerana bagi laluan. Itu hari saya tidak dapat bagi kerana masa singkat. Ini satu perkara yang penting kerana saya harap Ahli Parlimen dari Putatan pun masih ingat yang saya ada – yang pertama kali saya bawa isu ini, *cancer scan machine* dalam Dewan ini. Jadi dapat keputusan daripada Menteri, dia janji dan juga diluluskan satu sudah dengan kos RM15 juta.

Baru-baru ini saya jumpa dia, tanya “Kenapa itu mesin sudah janji sampai hari ini masih belum sampai? Kenapa belum Yang Berhormat?” “Oh! Akan datang, akan datang. Ada RM15 juta sudah.” Saya tanya, “Bila datang?” Oleh sebab itulah saya mahu Ahli Parlimen Putatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat. Cerita panjang ringkaskan, pendek.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...Setuju kah, kita harap Menteri kita tetapkan satu masa bila mesin ini akan sampai Kota Kinabalu? Okey, terima kasih. Harap masukkan ke dalam ucapan Yang Berhormat Putatan, boleh kah?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Dia tidak akan sampai Yang Berhormat kalau tidak ada duit, jadi kalau ada dana RM15 juta itu kita mengharapkanlah akan sampai sendiri. Jadi saya haraplah, saya mengulang permintaan daripada Yang Berhormat Kota Kinabalu kepada Menteri supaya ini dapat direkodkan dalam diari Yang Berhormat Menteri supaya saya tidak akan timbulkan lagi perkara ini dalam Dewan yang mulia ini. Saya harap Menteri telah mendengar, ini satu desakan dan keperluan kepada rakyat negeri Sabah ini. Bukan sahaja itu Yang Berhormat Menteri, selain daripada itu ada lagi kelengkapan-kelengkapan yang lain patut juga disediakan di Queen Elizabeth I, Queen Elizabeth II dan juga klinik-klinik di luar bandar.

Tuan Pengerusi, soal perubatan rehabilitasi, perubatan tradisional dan *complementary medicine*. Yang ini saya mahu tanya sekali lagi soal keberkesanan, Butiran 032800, Tuan Pengerusi. Adakah pihak kementerian telah melihat keperluan ini terutama sekali pesakit-pesakit kita di luar-luar bandar? Ada kadangkala rakyat kita tidak sempat ke bandar untuk meminta rawatan secara yang biasa iaitu kepada pergi hospital-hospital. Ada juga penduduk kita di luar bandar ini mencari cara yang lain terutama sekali bomoh-bomoh. Tak tahulah kalau Yang Berhormat Kalabakan setuju atau tidak soal bomoh ini. Jadi, soal juga kepada perubatan melalui

cara kepercayaan, *therapy*. Ada juga yang ramai saya nampak, saya pun ada juga *try*, percaya atau tidak.

■1240

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kalabakan bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Putatan, bila kita cerita fasal perubatan di luar bandar, memang kita tahu keadaan di luar bandar di seluruh negeri Sabah dan Sarawak memang begitu daif perkhidmatan perubatan. Saya ada satu contoh Yang Berhormat Putatan, bahawa di Pulau Sebatik itu, di Sungai Tamang sana, kita ada satu bangunan klinik kesihatan. Akan tetapi mengikut laporan klinik kesihatan ini tidak dapat digunakan, ditutup.

Jadi sampai sekarang belum ada pengganti daripada kerajaan terhadap di mana satu klinik perubatan yang mereka mahu pergi di pulau. Mereka ini kalau ada kemalangan, sakit, terpaksa hantar pergi Tawau, dihantar ke Tawau. Ada yang tidak sempat ke Tawau, sudah mati di perjalanan. Jadi adakah kerajaan berfikiran atau menteri, timbalan menteri pergi ke kawasan saya di pulau dan lihat sendiri keadaan. Kalau kita tanya bila, tunggu, tunggu, tunggu. Sampai bila mahu tunggu, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat, saya harap menteri mendengar celahan daripada Yang Berhormat Kalabakan tadi, jangan kita tunggu-tunggu-tunggu. Selepas itu nanti bila kita minta undi mereka, mereka tidak bagi tunggu lagi. Jadi saya harap menteri perkara ini dapat dilihat. Saya akan ke arah itu Tuan Pengerusi iaitu perkhidmatan kesihatan luar bandar termasuk udara.

Saya mahu tanya kepada menteri, Sabah dan Sarawak ini seperti mana sahabat saya dari Kalabakan sentuhkan tadi, masih lagi daif terutama sekali apa Yang Berhormat Kalabakan sebutkan tadi, bangunan sudah daif tidak boleh diguna pakai lagi. Duit banyak RM23.3 bilion, takkan tidak beri serpihan kepada Pulau Sebatik ini Yang Berhormat Menteri. Juga berapakah lagi tempat-tempat yang masih lagi diberi perkhidmatan melalui ruang udara iaitu melalui helikopter di Sabah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kawasan saya lima.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kawasan Beluran juga Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Lima buah kampung.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Lima buah kampung, dengar itu menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Yang cuma boleh sakit sekali seminggu fasal perkhidmatan datang sekali seminggu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Aduh, kasihan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Masukkan dalam ucapan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya ada minta untuk ditukar, dinaiktarafkan kepada klinik kesihatan Yang Berhormat, klinik desa.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri dengar itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Orang Beluran tidak mahu helikopter, mereka mahu klinik desa.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, klinik desa Yang Berhormat Menteri. Kalau klinik desa tidak memerlukan berbilion, ia kurang lebih RM1 bilion, satu unit, setengah juta pun cukup. Kalau Seputeh tidak perlu sebab Seputeh boleh pergi Bangsar. Jadi saya haraplah kawasan-kawasan daripada Sarawak juga diberi kepada klinik desa. Jangan lupa Yang Berhormat Putatan pun ada memohon beberapa kali, empat tahun, lima tahun sudah memohon klinik desa di Putatan, belum lagi. Ada janji, tapi tanah sudah ada, sudah periksa, pelan sudah buat, beberapa kali melawat tetapi apabila ditanya, peruntukan belum ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Walau bagaimanapun Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih. Akan tetapi, saya harap menteri dapat mendengar, membuat satu nota dalam diari beliau supaya perkara-perkara ini dapat ditunaikan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya hendak mencelah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Apa lagi? Sudah habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Seputeh berapa kali dah hari ni, dari pagi tadi.

12.44 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk kepada Butiran 030000 – Perubatan..

Tuan Pengerusi, pada 19 Ogos, Timbalan Menteri Pendidikan dari Hulu Selangor berkata 418 tempat kursus perubatan ditawarkan oleh universiti awam pada tahun ini berbanding dengan 699 tempat pada tahun lepas atas cadangan MMC kerana MCC mencadangkan pengurangan penerimaan pelajar perubatan disebabkan kelebihan doktor di negara kita dan ramai *houseman* di hospital tidak ada kerja. Kemudian Menteri Kesihatan membuat kenyataan dan berkata MMC tidak mengarahkan universiti awam untuk mengurangkan penerimaan pelajar perubatan. Walau bagaimanapun, 1,550 tempat kursus perubatan telah diperuntukkan kepada 11 universiti awam yang menawarkan kursus perubatan, tetapi hanya 919 pelajar diterima oleh pihak universiti awam. Selepas itu, kerana ini menjadi satu kontroversi, jadi kerajaan tambahkan lagi 100 tempat pengajian di universiti awam dalam bidang kursus perubatan.

Menteri Kesihatan juga dilaporkan berkata bahawa beliau telah menyeru Kementerian Pendidikan untuk mencari jalan untuk menambah penerimaan pelajar perubatan di universiti tempatan. Jadi ini adalah bercanggah dengan apa yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri

Pendidikan dari Hulu Selangor kerana yang 418 tempat kursus yang dikeluarkan dalam kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan dari Hulu Selangor adalah daripada UPU ataupun Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar tetapi tidak termasuk universiti kajian ataupun *research universities* seperti UM dan USM yang mengambil pelajar tersendiri.

Di sini saya ingin membangkitkan dua isu. Yang pertama ialah, beberapa isu sebenarnya. Yang pertama ialah terdapat percanggahan di antara kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Pendidikan dan Menteri Kesihatan dan MMC dari segi sama ada terdapatnya arahan ataupun keinginan daripada kerajaan untuk mengurangkan penerimaan pelajar perubatan yang baru. Sekiranya kita percaya kepada kenyataan yang dibuat oleh Menteri Kesihatan bahawa terdapat 1,550 tempat kursus perubatan diperuntukkan kepada universiti awam tetapi universiti awam akhirnya hanya menerima 1,019 orang pelajar baru.

Jadi ini menunjukkan kerajaan mempunyai keinginan untuk mengurangkan tempat kursus perubatan untuk mengatasi masalah kelebihan doktor. Maka, kerajaan seharusnya mengenakan hak pengambilan pelajar perubatan di universiti dan kolej swasta tetapi bukan universiti dan kolej awam kerana statistik menunjukkan bahawa pelajar perubatan di IPTS bagi tahun ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, bukan lebih sesuai di Kementerian Pendidikan kah ini Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sesuai, sesuai, ini kerana berkaitan dengan kelebihan doktor kerana yang pelajar perubatan IPTS bagi tahun ini ialah 9,363 orang tetapi bagi tahun ini di IPTA hanya 1,019 orang. Ini menunjukkan perbezaan. Jadi saya hendak menyeru kerajaan tidak harus menghadkan pengambilan pelajar di universiti awam tetapi had itu tidak dikenakan kepada IPTS untuk mengatasi masalah kelebihan doktor di negara kita.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kedah bangun Yang Berhormat.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Isu kedua. Menteri Kesihatan pada 28 Mac di Malaysia Nanban beliau menasihatkan pelajar kaum India tidak harus rasa kecewa kalau tidak diterima untuk belajar perubatan di IPTA kerana terdapat 37,000 orang doktor berkhidmat di Malaysia. Dijangka negara kita akan melihat penambahan 30,000 orang doktor baru dalam lima tahun yang akan datang. Jadi ini bermaksud ramai lagi doktor akan menganggur dalam bidang perubatan. Jadi saya ingin tanya pada pihak kementerian, apakah Kementerian Kesihatan akan mengadakan koordinasi yang lebih baik dengan Kementerian Pendidikan dari segi pengambilan pelajar perubatan dan juga kelulusan penubuhan institut pengajian perubatan swasta di negara kita.

Kedua ialah, apakah *houseman* sekarang mendapat latihan yang berkualiti yang diperlukan oleh mereka kerana *houseman* kita ini terlalu ramai di hospital kita sekarang.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kedah bangun, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey, *sorry*.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Saya hendak menambah bahawa saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Seputeh dan hendak menambah sedikit, satu isu yang sangat mendesak iaitu lebih kurang 400 pelajar daripada kolej perubatan swasta yang ditutup AUCMS di Kepala Batas, Seberang Perai sampai sekarang sudah tiga bulan masih belum ditempatkan di kolej pilihan mereka setelah kolej itu mengalami masalah kewangan. Mereka berhajat untuk meneruskan kebanyakannya ke CUCMS – *Cyberjaya University College of Medical Sciences* tetapi masih belum dan telah dipersetujui oleh kolej yang menerima tetapi masih belum mendapat tempat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya rasa isu ini lebih sesuai di Kementerian Pendidikan.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ini bab MMC Tuan Pengerusi, terima kasih.

■1250

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada dua orang bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit sahaja sedikit sahaja *about housemanship*. Saya ingin penjelasan ataupun bertanyakan kepada Yang Berhormat, tahukah Yang Berhormat berapa banyak *houseman* ataupun doktor-doktor dalam latihan, doktor pelatih ini yang pulang ataupun yang keluar yang menjalani dua tahun *training* tetapi tidak lulus untuk jadi pegawai perubatan. Tahukah kita berapa banyak *houseman* atau doktor-doktor yang dilatih yang akhirnya jadi gila sahaja. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Doktor jadi gila ini bukan daripada saya tetapi saya rasa apa yang dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat ini memang serius yang saya rasa Menteri Kesihatan haruslah jawab dengan betul dan tepat. Tidak macam tadi dari Yang Berhormat Tawau yang Timbalan Menteri Pendidikan kita ini baca jawapan daripada pegawai kementerian sahaja lepas itu duduk sahaja. Jadi saya berharaplah yang Menteri boleh datang sendiri untuk jawab. Akhirnya, akhirnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akan saya gulung.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada niat jahat itu Yang Berhormat terhadap Yang Berhormat Tawau.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apa itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada niat jahat tidak?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ada niat jahat tidak?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada niat jahatkah terhadap Yang Berhormat Tawau Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak ada niat jahat saya cakap betul.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tadi karangan SPM.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kenapa hendak tarik balik, Yang Berhormat Baling baru masuk sekarang mahu saya tarik balik. Dia mahu daftar kehadirannya. Tuan Pengerusi saya hendak gulung sekarang. Saya hendak tanya lagi ...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seremban bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat Seremban.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apakah rancangan kerajaan, habiskan ya? Okey saya hendak tanya apakah rancangan kerajaan untuk meningkatkan bilangan *specialist* di negara kita memandangkan kita sekarang mempunyai bilangan doktor yang begitu ramai. Akhirnya, apakah doktor yang dikeluarkan oleh IPTA dan IPTS akan mula menganggur? Sebelum saya akhiri, saya hendak jemput Yang Berhormat Seremban.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Yang Berhormat Seputeh, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak tumpang sebab tidak payah nanti ambil masa. Cuma saya hendak tumpang Yang Berhormat Seputeh untuk tanya tiga soalan kepada Yang Berhormat Menteri. Pertamanya pada Bajet 2014 telah diperuntukkan sebanyak RM19 juta untuk membeli 1,000 unit *continuous ambulatory peritoneal dialysis (CAPD machine)* untuk diberikan kepada 1,000 orang pesakit yang mengalami *kidney failure*.

Kementerian juga memperuntukkan sejumlah peruntukan untuk 500 lebih mesin tersebut dan kesemuanya ada 1,500 mesin yang diperuntukkan kepada pesakit-pesakit ini. Saya mendapat maklumat bahawa mesin-mesin ini belum diterima oleh pesakit-pesakit. Sama ada dakwaan ini benar kalau mesin-mesin ini telah pun diberikan kepada pesakit-pesakit tolong berikan pecahan di mana ataupun di negeri-negeri mana yang telah menerima mesin-mesin ini.

Keduanya juga berkenaan dengan dialisis. Adakah benar bahawa kementerian akan membatalkan lesen-lesen untuk hemodialisis *centre* yang dijalankan oleh NGO-NGO? Ketiganya ialah berkenaan satu lagi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat jangan ketara sangat Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan ketara sangat, pencilahan itu mesti *still* pencilahan ya.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ini dia sebab sambung sahaja kepada ucapan Yang Berhormat Seputeh. Satu lagi ialah berkenaan dengan *direct selling*. Saya hendak menarik perhatian kementerian sebuah syarikat *direct selling* RIWAY yang menjual bahan-bahan ataupun barang-barang kesihatan yang telah dibuat aduan oleh orang ramai mengenakan bayaran yang sangat tinggi. Saya minta kementerian untuk memberikan perhatian. Terima kasih

saya harap Yang Berhormat Seputeh memasukkan ucapan saya ini sebagai sebahagian ucapan Yang Berhormat Seputeh. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, gulung Yang Berhormat masa sudah habis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya saya memang gulung. Tuan Pengerusi yang ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat celahan mereka ini semua masuk dalam ucapan saya. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tasek Gelugor.

12.54 tgh.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh tentang Butiran 030200 dan 030300 berkenaan dengan pengurusan hospital dan juga kecemasan dan pesakit luar. Saya hendak maklumkan bahawa klinik kesihatan di Tasek Gelugor tidak mempunyai ambulans kerana ambulans tersebut telah pun rosak disebabkan kemalangan. Jadi perkara tersebut telah lama dan saya mohon kalau boleh dalam peruntukan ini Klinik Kesihatan Tasek Gelugor di Parlimen Tasek Gelugor dapat diberikan sebuah ambulans bagi menggantikan ambulans yang telah rosak.

Kedua Tuan Pengerusi berkenaan dengan perkara 110500 – Perluasan Program Kesihatan Pergigian. Kita pernah dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Kesihatan ada menyediakan bas tertentu sebagai Klinik Pergigian Bergerak. Namun begitu kalau boleh minta penjelasan sejauh mana keberkesanan kewujudan bas klinik bergerak tersebut. Saya dapati bahawa ramai rakyat yang tidak tahu tentang kewujudan kemudahan tersebut. Apakah peranan ataupun perancangan kerajaan bagi memaksimumkan penggunaan bas klinik pergigian bergerak tadi? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Stampin.

12.56 tgh.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 010000, Butiran 030000, Butiran 040000, Butiran 110000 dan Butiran 120000. Tuan Pengerusi memandangkan terdapat banyak peruntukan kepada Kementerian Kesihatan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengetahui komitmen kerajaan terhadap keperluan rakyat Sarawak dari segi keperluan perubatan. Beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan hari ini yang pertama tempat meletak kereta bertingkat di Hospital Umum Sarawak.

Perkara ini telah pun saya bangkitkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini dan jawapan terkini saya terima adalah ianya akan dibina bermula Jun tahun ini. Soalan saya sudahkan ianya dimulakan? Syarikat mana? Jadual pembinaan dan jangkaan siap bagi setiap peringkat serta kos-kos yang terlibat.

Bangunan bertingkat ini telah pun dijanjikan oleh kerajaan semenjak Pilihan Raya Umum Ke-12 serta pilihan raya negeri yang lalu juga digunakan dalam kempen Barisan Nasional, UMNO. Dengan slogan yang diikuti 'Janji Ditepati'...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sarawak ada UMNOkah, Yang Berhormat?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Maaf Barisan Nasional ya. Masa itu...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Hendak cakap buruk fasal UMNO, hati buruk ini macamlah. Hati busuk tidak ada kena mengena UMNOlah.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Baling hendak naik untuk berucap, boleh bagi laluan?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payahlah bersalam-salamlah dekat sahaja tu.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Pengerusi,...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Boleh saya cakap? Boleh saya jelaskan?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tidak biar saya jelaskan.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *You* cakap Sarawak UMNO, *you* tarik balik, Sarawak tidak ada UMNO. Tarik balik *you* cakaplah.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Belum siap saya punya...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tadi *you* cakap UMNO. Tidak bolehlah cakap UMNO. Bongok.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya punya pembentangan belum siap, *you* dengar dahulu.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak boleh dengar.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Dengar saya punya penjelasan.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: UMNO tidak ada kena-mengena. *[Disampuk]* *You* diam.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu bangun Yang Berhormat.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *No, I know but there is nothing to do with UMNO.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *It is not your floor, you sit down.*

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Why're you so paranoid with UMNO? We are not paranoid with DAP, PKR. Kita tidak hairan sama you allah tetapi apa you mahu hairan, kacau sama UMNO.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin hendak bagi Yang Berhormat Batu?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Pengerusi, *the reason why I mention* UMNO, dengan izin,...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *...It's because the Prime Minister was there.*

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Ini kami ada Barisan Nasional bodohlah lu! Lu tara pandailah lu!

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *...Who is not UMNO.*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa ayat ini bodoh, bodoh ini?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *He's stupid! How can you say, how can you say...*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Yalah, you talk to him properly ...*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Janji ini dijanjikan oleh Perdana Menteri...
[Dewan riuh]

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bodoh!

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tidak boleh guna perkataan bodoh. Suka hati sahaja.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Apa ini memek-memek ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar tidak payah campurlah Yang Berhormat Kapar. Ya, Yang Berhormat Stampin teruskan Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Pengerusi kenapa saya cakap UMNO kerana pemimpin UMNO pada masa itu pergi berkempen di Sarawak. Adakah itu tidak betul? Itu betullah kan? *So, that is...*

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak betul. *All the* pemimpin UMNO adalah Pengerusi Barisan Nasional di tempat masing-masing. *So, we come there as platform* Barisan Nasional. Faham?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *So,* Yang Berhormat Baling tidak bersetuju bahawa pada GE Ke-12 itu pemimpin UMNO tidak ada dekat situ untuk berkempen?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak, Yang Berhormat cakap tadi Kerajaan Barisan Nasional UMNO.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Jadi maafkanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tidak apalah ya.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Apa yang penting...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Selingan sahajalah Yang Berhormat, boleh salam-salamlah lepas ini ya.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Biar saya teruskan ya. *Now* bangunan yang bertingkat ini telah pun dijanjikan oleh kerajaan semenjak Pilihan Raya Umum Ke-12. Dengan slogan yang diikuti 'Janji Ditepati', jadi bilakah perkara ini akan ditepati? Saya harap ianya tidak akan jadi capati ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kita *break lunch* dahulu Yang Berhormat ya.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Okey *now...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sambung nanti selepas tengah hari.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Okey bersambung lagi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Mesyuarat bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Sila siapa yang berhak untuk berhujah, berhujah.

2.33 ptg.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bersambung dengan perbahasan saya tadi kerana tergendala tadi. *Point* saya yang pertama iaitu tempat meletak kereta bertingkat di Hospital Umum...

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Pengerusi, *standing order*.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]: *Standing order*, Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) saya telah memfailkan satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) untuk merujuk Yang Berhormat Timbalan Menteri ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan selaras dengan Peraturan Mesyuarat 36(12) dan 80A dan telah dimaklumkan pada pagi ini akan diberi keputusan oleh Tuan Pengerusi pada jam 2.30 ini.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat, saya meneliti usul Yang Berhormat. Daripada penglihatan saya ada perkara-perkara yang perlu saya buat. Umpamanya saya terpaksa mengutus surat kepada Yang Berhormat untuk memberi penjelasan secara terperinci oleh kerana selain daripada kriteria-kriteria yang tiga itu iaitu fakta salah. Apabila diketahui salah, tiada diperbetulkan, ada niat.

Dalam soal mengheret seseorang Ahli Yang Berhormat ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan perlu tuduhan itu secara terperinci. Di dalam soal ini saya tidak nampak di mana tuduhan mengelirukan itu kerana apa yang disebut oleh Yang Berhormat secara *general* bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan berbeza dengan apa yang disebut di luar.

Satu lagi yang saya nampak dalam tuduhan ini iaitu mengenai dengan jaminan sama ada jaminan kerajaan itu cuma kepada RM5 bilion, bukan kepada RM41 bilion dan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa tidak ada surat-surat lain dan sedemikiannya. Jadi, saya akan menghubungi pihak Menteri untuk memberi saya dokumen-dokumen yang disebut dalam perbahasan dan benda-benda juga yang akan disebut oleh Yang Berhormat.

Jadi, apabila sudah saya dapat dokumen yang saya perlu daripada Yang Berhormat dan daripada Yang Berhormat Menteri, baru saya akan buat *ruling*. Ini kerana kalau sekarang ini saya buat *ruling* pun, saya akan boleh buat *ruling* tetapi *ruling* nanti yang saya buat mungkin tidak akan menyedapkan selera semua pihak yang berkenaan kerana kalau saya buat *ruling* dengan sewenang-wenangnyanya begitu, saya akan gunakan sahaja bahawa saya kata 36(12) tidak ada niat untuk mengelirukan. Maka, saya tidak benarkan usul ini. Faham.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya mohon budi bicara Tuan Pengerusi supaya dapat juga diberi peluang pada saya untuk mengemukakan butiran-butiran untuk menyokong dan menghuraikan lagi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, sudah habis.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]: Boleh, kalau soalan terakhir Tuan Pengerusi, agaknya bilakah?

Tuan Pengerusi: Surat sekarang ini belum lagi saya tandatangani, sedang didraf. Jadi Yang Berhormat nanti akan *respond* kepada surat saya. Begitu juga kementerian yang berkenaan telah pun saya nyatakan apa yang saya kehendaki secara lisan. Jadi, sekarang ini saya sedang menunggu *documentary evidence of both side*. Jadi, kalau sudah saya dapat *documentary evidence*, kalau saya rasa saya bersedia untuk buat *ruling*, *then* saya buat *ruling tomorrow*. Kalau tidak, selewat-lewat *Monday*. Boleh? Okey, sila.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bersambung dengan perkara yang saya hendak bangkitkan. Perkara pertama iaitu tentang tempat meletak kereta bertingkat di Hospital Umum Sarawak. Saya sambung. Sudah berapa tahunkah ianya ditangguhkan mengambil pertimbangan bahawa Hospital Umum Sarawak Kuching juga dikunjungi oleh pesakit daripada bandar lain, daripada seluruh Sarawak yang begitu luas kerana kelengkapan yang tidak mencukupi di kawasan tersebut.

Saya ingin mengambil kesempatan ini secara ikhlas Tuan Pengerusi menjemput Menteri Kesihatan untuk membuat satu rombongan turun padang untuk mendekati rakyat di Hospital Umum Sarawak. Biarlah ianya sebagai lawatan mengejut supaya dapat merasai kesengsaraan mereka. Di antaranya bukan sahaja perlu menghadapi masalah kesihatan yang mungkin mencabar, bahkan kesengsaraan hanya untuk menjejaki pintu hadapan hospital.

Bayangkan jika mereka datang dari tempat yang jauh, sejauh seperti Perak ke Johor. Saya sendiri sudah beberapa kali bersama dengan sahabat seperjuangan saya mengunjungi Hospital Umum dan mendapati bahawa ianya mengambil masa secara purata 45 minit untuk mendapat tempat meletak kereta yang sesuai. Itu pun jika tidak kena saman di tempat yang tidak sesuai. Jadi, dengan besar hati saya sekali lagi menjemput Yang Berhormat Menteri ke sana. Saya harap dapat mendapat jawapan serta aturan *schedule* dengan izin secepat mungkin *in advance welcome to Sarawak*, dengan izin.

Perkara yang kedua yang ingin saya bangkitkan iaitu pengendalian keperluan dan kemudahan asas Hospital Umum Sarawak. Dari segi pengendalian kemudahan asas, adakah ianya mengikut suatu piawaian seperti ISO? Jika ada apakah piawaian yang digunakan? Adakah syarikat yang mengendalikan perkara tersebut memuaskan? Saya mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan perkara ini kerana saya banyak menerima aduan terhadap masalah yang ditimbulkan dalam kegagalan dalam mengendalikan kemudahan asas di Hospital Umum Sarawak.

Kita semua tahu Hospital Umum Sarawak dikunjungi ramai dan kemudahan ini penting bukan sahaja untuk keselesaan ramai bahkan ianya juga satu keperluan terutamanya para-para pesakit. Dalam kes yang pernah saya kendalikan tandas di sebuah tingkat di wad pesakit wanita selama dua minggu tiada air dan tidak dibersihkan. Bayangkan berapa baunya keseluruhan wad sedangkan wad hospital sepatutnya bersih dan jauh daripada kuman.

Tanpa membuang masa di Dewan yang mulia untuk mengetahui berapa berat kes ini secara ringkas saya membuat panggilan telefon tidak kurang daripada 30 kali. Sini tolak sana, sana tolak sini. Yang paling menyedihkan mereka tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku sehinggakan saya perlu mengisi mereka terhadap apa yang terjadi *to the very technical details*, dengan izin.

■1440

Saya harap tindakan boleh dibuat terhadap syarikat tersebut. Saya harap *Blue Ocean Strategy* yang telah kerajaan implementasikan secara meluas serta menggunakan banyak duit boleh diguna pakai dan bukan secara teori sahaja. Ingin saya menggunakan kata pepatah daripada surat rasmi kerajaan yang disebut '*1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*'. Jadi, apakah maksud 'pencapaian'? Apakah yang dimaksudkan 'diutamakan'? Adakah penangguhan pembinaan tempat letak kereta yang bertingkat-tingkat ini selama beberapa tahun adalah 'pencapaian'? Adakah syarikat ini yang mendapat kontrak mengendalikan keperluan secara keperluan kemudahan asas ini mendapat secara tender terbuka? Ini pertanyaan saya memandangkan mereka *take things for granted*, dengan izin.

Jadi, saya mencadangkan satu *online questionnaire* secara *online* yang boleh dibuat secara *enormous* oleh kakitangan kerajaan, kakitangan hospital boleh dikaji dengan serta-merta serta *hard copy* kepada pesakit dan pelawat. Ya, ini penting untuk mendapatkan gambaran yang sebenar apa yang berlaku dan jika ada komitmen, adanya komitmen kerajaan menuju ke arah keberkesanan yang mana 'pencapaian diutamakan'.

Jadi, perkara yang ketiga yang saya ingin bangkitkan ialah *maintenance* bagi alat-alat perubatan, dengan izin. Seperti juga perkara yang dibangkitkan di atas, apakah syarikat yang membekalkan serta mengendalikan *maintenance* bagi mesin-mesin perubatan seperti *scanning machine*, mesin radiologi, *planning machine* kerana kes-kes kerap berlaku yang mana mesin seperti *planning machine* rosak dan ia mengambil masa begitu lama untuk diselesaikan. Saya difahamkan, saya harap ini tidak betul. Jadi saya minta pengesahan di mana walaupun hospital *outsource* kerja *maintenance* kepada syarikat tersebut, syarikat tersebut pula *outsource* kepada syarikat kedua yang mana syarikat kedua ini pula *outsource* kepada syarikat yang membuat mesin tersebut. Ini seumpama, *never ending outsourcing story*.

Ini mungkin juga kerana kenapa *reason, why* ia mengambil begitu banyak masa untuk memperbaiki mesin tersebut bahkan saya difahamkan begitu banyak duit diberikan kepada syarikat pertama itu. Perkara ini perlu diambil berat serta suatu *guideline* ataupun SOP perlu diwujudkan supaya syarikat yang tidak dapat memenuhi serta mencapai piawaian yang ditetapkan perlu disenaraihitamkan dan ditamatkan kontrak serta-merta.

Dengan ini, saya minta jawapan secara bertulis daripada kementerian supaya memberikan laporan serta senarai terperinci syarikat yang terlibat serta *guideline* dan piawaian yang digunakan untuk mengatasi prestasi serta *up time*, dengan izin bagi mesin-mesin kritikal di Hospital Umum Sarawak. Jadi, berapakah duit yang telah pun dibayar serta untuk apa? Di sini perlu saya tegaskan satu kali lagi bahawa Hospital Umum di Sarawak, Kuching bukan sahaja digunakan rakyat jelata di Kuching tetapi digunakan oleh seluruh rakyat Sarawak.

Perkara yang terakhir iaitu perkara yang keempat. Saya ingin membuat satu cadangan Tuan Pengerusi, harap Menteri boleh mempertimbangkan cadangan saya ini supaya mewujudkan sebuah helikopter untuk kegunaan hospital yang berkemampuan tinggi bagi memenuhi keperluan hospital.

Tuan Pengerusi, Sarawak mempunyai kawasan yang luas yang mana saya difahamkan secara purata, terdapat sekurang-kurangnya satu kes kecemasan yang perlu *airlift* ke Hospital Umum Sarawak, dengan izin, ini terminologi yang digunakan. Terdapat juga kes-kes kemalangan yang mana mangsa yang perlu dihantar ke Hospital Umum Sarawak meninggal kerana tempat kejadian terlalu jauh dari hospital iaitu dalam jangkaan masa satu jam, dua jam sehingga beberapa hari. Jadi, mangsa kritikal ini hilang semasa kecemasan iaitu jam dalam waktu pertama.

Jika adanya helikopter ambulans ataupun yang dikenali sebagai helikopter yang bertaraf ambulans yang mana doktor pakar boleh membuat *first aid* serta perubatan kritikal, maka mangsa akan mempunyai lebih peluang untuk diselamatkan. Helikopter yang digunakan

sekarang kalau tidak salah saya disewa daripada Layang-layang Aerosapce hanya berkemampuan VFR iaitu dikenali sebagai *Visual Flight Route* yang mana bukan sahaja keadaan cuaca bahkan *visibility* yang berkurangan seperti semasa jerubu, ia adalah membahayakan, jadi tidak boleh beroperasi. Jika hujan, operasi terpaksa digendalakan. Ini mengakibatkan pesakit kritikal hilang masa keemasan serta dalam kes serius, kehilangan peluang untuk diselamatkan.

Tuan Pengerusi, dengan adanya helikopter ambulans, ia boleh diiktiraf IFR iaitu *Instrument Flight Route* iaitu boleh digunakan pada cuaca tertentu walaupun hujan. Jenis helikopter ini bukan sahaja mampu melakukan pengangkutan mangsa tetapi rawatan kritikal boleh dijalankan di atas helikopter bagi menstabilkan mangsa. Saya faham ini memerlukan satu dana tetapi saya harap cadangan ini boleh dipertimbangkan serta saya sedia menyumbang jika perlu. Dengan ini, sebagai penyelesaian sementara waktu, saya bercadang pihak kesihatan bekerja bersama dengan TUDM yang mana sebuah helikopter bertaraf IFR TUDM, saya pasti TUDM ada berada dalam keadaan *standby* ditempatkan di Kuching, Sarawak bagi tujuan mengangkut mangsa kemalangan walaupun pesakit. Ini juga peluang bagi pihak TUDM sebagai satu latihan praktikal yang mana tentera TUDM 24-7, dengan izin bersedia untuk bertindak dalam keadaan segera.

Dengan ini Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila. Suara wanita.

2.46 ptg.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada tiga perkara, Butiran 080000, 080100 iaitu untuk apa yang disebut sebagai Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah perlu kerajaan membiayai lembaga ini yang mana bagi saya lembaga yang begitu baik? Akan tetapi kenapakah tidak kita mengambil cukai daripada mereka yang meminum arak dan juga rokok sebagai salah satu daripada caranya, sebab kita tahu kalau kita menghalang mereka mengatakan ini adalah sesuatu yang mereka melakukan kepada diri sendiri. Jadi kalau kita mengambil cukai daripada arak ataupun rokok sekurang-kurangnya, Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia boleh mempunyai kewangan lebih daripada RM10 juta untuk membantu dalam aktiviti mempromosi gaya hidup yang sihat iaitu yang disebutkan sebagai objektif dan fungsi.

Keduanya, ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kenapa kalau kita tengok dalam objektif dan fungsi lembaga ini, ia menyatakan untuk memajukan keupayaan pertubuhan berkaitan kesihatan dan berasaskan komuniti bagi mempromosikan kesihatan sebagai contoh. Dalam fungsi menyediakan garis panduan pemberian geran, menilai permohonan geran, mengeluarkan geran kepada mana-man pertubuhan yang berkaitan kesihatan dan sebagainya. Jadi, saya melihat daripada segi objektif dan fungsi sesuatu yang baik tetapi kenapakah tidak kami ini sebagai wakil rakyat, Ahli-ahli Parlimen yang memang mewakili

rakyat di bawah sana, diberikan sebahagian daripada geran dalam lembaga ini untuk mengurangkan masalah kesihatan masyarakat yang mana kita tahu pada hari ini, isu-isu yang berhadapan dengan masyarakat kalau kita tengok dalam segi gaya hidup sihat bagi generasi muda dengan generasi tua, kita tengok lembaga ini diberi sebagai dengan izin, *push factor*.

Bukannya kita hendak memohon melalui pertubuhan ataupun NGO tetapi diberi kepada kita sebagai pemimpin masyarakat untuk membantu katakan hujung minggu mengadakan aktiviti kesihatan sebab kita tahu bahawa di seluruh dunia, banyak negara menekankan kepada gaya hidup yang sihat sebagai salah satu daripada pendekatan untuk mengurangkan kos hospital, pembelian ubat, doktor-doktor yang sekian meningkat. Kita tahu juga bahawa untuk mendirikan hospital daerah sebagai contoh, kita tahu pula daripada segi ukuran, selalunya dianggarkan RM1 juta untuk setiap satu katil. Jadi kalau hospital daerah itu katakan ada 30 katil, jadi RM30 juta. Saya sendiri di bawah Parlimen Pengerang di bawah daerah Kota Tinggi, kita ada satu daerah yang ada tiga buah kawasan Parlimen yang hospitalnya bagi saya tidak mencukupi yang mana walaupun ada klinik desa, walaupun disebutkan kita ada klinik-klinik kesihatan tetapi perkara ini, kita mesti berfikir wajar daripada RM10 juta duit yang kita pohon kalau kita tambah dengan cukai arak dengan rokok, kita boleh dapat membantu mewujudkan gaya hidup yang sihat di setiap kawasan Parlimen untuk mengurangkan kos-kos hospital bukan sahaja dalam aspek pendirian hospital tetapi juga pembelian ubat dan juga daripada segi mewujudkan bantuan-bantuan perubatan. Itu perkara pertama yang saya hendak timbulkan kepada Yang Berhormat Menteri.

Keduanya, saya hendak merujuk kepada Klinik Bergerak iaitu 120000, 120700 yang mana kita tengok klinik bergerak ini sebagai satu program *one-off*. Bagi saya ini satu perkara yang cukup baik bagi mereka yang berada di kawasan luar bandar seperti kawasan saya iaitu kawasan Pengerang yang memang kalau kita katakan tadi, hospital daerah di Kota Tinggi itu memang dikatakan begitu jauh. Itu sebabnya klinik bergerak ini yang mana diwujudkan sebagai satu *one-off* program, perlu menjadi salah satu daripada pendekatan baharu kementerian untuk diperbanyakkan. Saya percaya kalau klinik kesihatan ini kita sebut dalam anggaran perbelanjaan RM300,000, kemungkinan kos klinik yang bergerak ini dalam kos RM300,000 ini, bila saya sudah sebut tadi kalau satu hospital satu katil itu RM1 juta, katakan 30 katil itu RM30 juta.

■1450

Kita boleh didarabkan, dibahagikan kepada RM300,000 untuk mendapat satu klinik bergerak. Saya yakin dan cukup dapat melihat satu jalan yang dapat menjamin pendekatan kerajaan di dalam elemen perubatan. Kita tidak boleh lagi tengok tentang kewujudan bahawa kita hendak membawa rakyat daripada hospital. Kita boleh juga membawa hospital ataupun klinik kepada rakyat.

Itu sebabnya kalau kita tengoklah hari ini secara umum, kita tahu kita ada bajet hotel, bajet *airline* AirAsia sebagai contoh. Kenapa kita tidak boleh ada bajet hospital di kawasan luar bandar yang mana kita tidak kata orang mengadakan kelengkapan yang begitu berharga kalau kita tengok dari segi bayaran-bayaran yang diwujudkan dalam aspek perubatan sebagai contoh.

Saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri dalam klinik bergerak ini diperbanyakkan supaya dapat sekurang-kurangnya membantu, mana tahu rakyat-rakyat kita yang walaupun ada klinik desa, walaupun ada klinik kesihatan ini di peringkat-peringkat DUN ataupun Parlimen masih tidak mencukupi.

Perkara ketiga saya hendak menimbulkan tentang isu farmasi iaitu Butiran 060000, 060100, 060200, 060300, 060400. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang *halal certification*. Kita tahu bahawa salah satu daripada pendekatan yang telah ditentukan oleh kerajaan ataupun yang telah ditetapkan ialah pembelian barang-barang daripada mereka yang menjual sebagai contoh ubat-ubat dengan adanya *halal certification*.

Jadi saya dimaklumkan juga kalau kita tengok dari segi apa yang disebut sebagai *sekular*, dengan izin Perbendaharaan. Dia mengatakan kita dalam keadaan cabaran ekonomi kita hendak melihat kepada pembelian yang harga yang paling murah. Saya hendak mengambil contoh sebagai contohnya penjual ubat daripada syarikat di India, Ranbaxy dan juga Chipla sebagai contoh di mana Kementerian Kesihatan membeli kepada mereka, yang pertama persoalannya tidak semuanya diwajibkan adanya *halal certification*, pertama.

Kedua, bagaimana dalam aspek kos kita tahu bahawa Perbendaharaan adanya *sekular* mengatakan kalau kita beli daripada syarikat tempatan mungkin 10% hingga 15% daripada harga itu boleh ditambahkan disebabkan untuk menggalakkan ekonomi dalam negara tetapi secara menyeluruhnya kalau kita tengok. Kalau kita tahu bahawa tentang pembelian ubat-ubatan ini saya hendak sebut dalam aspek Butiran 060100 – RM29 juta; Butiran 060200 – RM44 juta; Butiran 060300 – RM56 juta; dan Butiran 060400 – RM38 juta.

Jadi saya tahu bahawa di antara cabaran dalam pembelian ubat-ubatan ini memang kita hendakkan kos yang rendah kalau *supliernya* memang banyak. Akan tetapi kalau kita sebuah negara yang menggalakkan tentang pengeluaran yang mempunyai *halal certification*, jadi dengan izin saya ingin menyatakan kita mesti menetapkan dengan izin, *Buy Malaysian First* yang mana kita kata jaminan kepada mereka yang ada *halal certification* terutama sekali dalam ubat-ubatan ini mesti kita tuntutan. Kalau tidak seolah-olahnya ubat-ubatan farmasi yang telah digunakan oleh rakyat Malaysia sebagai contohnya kita tidak tahu asal usulnya ubat-ubat tersebut sama ada halal ataupun tidak dalam perkara ini.

Jadi kalau adanya dasar kerajaan untuk penggalakan *halal certification*, saya hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberikan jawapan sama ada ini menjadi satu dasar menyeluruh dalam aspek proses pembelian ubat-ubatan. Kemudian juga saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, saya banyak kali timbul dalam Dewan ini berkenaan pembelian oleh warga asing.

Saya tahu bahawa harga-harga yang disebut ataupun jumlah belanjawan yang dipohon oleh kementerian itu pembeli, penerima adalah warganegara asing sebab saya tahu bahawa kita mungkin memberikan mereka sedikit caj tetapi tidak caj yang begitu besar antara kita bandingkan harga ubat-ubatan yang mereka yang membuat dengan izin, *consumption* pada ubat-ubat tersebut.

Jadi kalau ini adalah dasar kerajaan, bagaimana kita hendak menentukan tidak adanya ketirisan dalam aspek begitu banyak belanjawan yang dikeluarkan dalam pembelian farmasi sebagai contohnya dan tidak diberikan keutamaan kepada rakyat Malaysia. Itu sebabnya saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri antara tiga perkara yang saya timbulkan ini tentang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia, antara klinik bergerak dan juga dalam aspek farmasi.

Saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri bahawa dalam kita membuat proses permohonan dari segi belanjawan ini perlulah kita menilai perkara-perkara ini yang bukan sahaja membebankan rakyat tetapi juga membebankan kerajaan kerana suka tidak suka Yang Berhormat Menteri, masalah kesihatan hari demi hari cabaran pada masyarakat ini memang satu cabaran kita pun tidak tahu contohnya penyakit Ebola sebagai contohnya.

Tourist yang kita dapat ini contohnya pelancong-pelancong ataupun warga asing ini, kita tidak tahu daripada mana. Kita memang menggalakkan pelancongan datang ke Malaysia tetapi bila berhadapan dengan penyakit Ebola sebagai contoh, di Amerika Syarikat sendiri mereka tidak tahu macam mana hendak mengurangkan masalah ini.

Jadi dalam perkara ini kita tidak tahu sama ada perbelanjaan sebanyak mana yang kita pohon ini satu perbelanjaan yang mencukupi sebab hari demi hari rakyat bertambah, masalah *aging process*, dengan izin rakyat yang masih berumur masih berada dalam masyarakat. Jadi kita melihat satu kos yang begitu menambah. Jadi sebelum saya duduk Tuan Pengerusi, saya diminta untuk memohon untuk mengalu-alukan kedatangan pelawat-pelawat daripada Kota Tinggi. Saya tidak tahu belah mana, belah situlah [*Tepuk*] Saya Pengerang ini Kota Tinggi satu daerah, jadi saya bagi pihak sahabat saya yang tidak ada di sini saya hendak mewakili mereka untuk mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan dan puan-puan daripada Daerah Kota Tinggi. Dengan itu Yang Berhormat Menteri saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuala Kedah.

2.55 ptg.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang saya bercakap di peringkat Jawatankuasa tentang Kementerian Kesihatan Malaysia. Saya terus kepada Butiran 020300 – Kawalan Penyakit. Di sini saya hendak sebut tentang keberkesanan dan satu alat yang sungguh *simple* dan mudah iaitu *finders camera*. *Camera finders* yang dapat mengesan perubahan awal pada mata pesakit diabetes terutamanya dalam mencegah hilang penglihatan, buta.

Saya bermohon supaya ditambahkan *finders camera* ini di pusat-pusat kesihatan dan diberikan latihan kepada doktor yang terlibat untuk mengesan pesakit-pesakit yang bermasalah awal kerana dapat mengelakkan daripada buta.

Kemudian Butiran 020400 dan 020500 – Pendidikan Kesihatan dan Pemakanan saya campurkan sekali. Saya pernah bercakap dan menanyakan tentang perkara ini dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda pada bulan Mac dan telah dijawab. Cuma saya hendak menyebut di sini bahawa saya rasa apa yang dilakukan dan pendidikan kesihatan dan

dasar-dasar dan pendapat yang kita gunakan dalam menentukan dasar pemakanan negara itu perlu dilihat semula.

Jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada waktu itu ialah ini adalah satu bidang yang berdasarkan sains dan kementerian bersedia untuk mendengar pandangan. Maka saya merasakan inilah masanya kementerian perlu mendengar pandangan tentang idea-idea baru. Ini adalah kerana seluruh dunia Tuan Pengerusi, telah berubah pandangannya terhadap apa yang disebut konsep-konsep dahulu seperti piramid makanan.

Piramid makanan telah dikritik oleh hampir semua saintis-saintis yang sekarang sebagai tidak sesuai kerana ia tidak menyelesaikan atau membuat penyelesaian kepada dua masalah besar yang menyebabkan penyakit-penyakit kronik hari ini. Pertama ialah *inflammation*, dengan izin, keradangan dan kedua tentang insulin berlebihan. Jadi para pendapat ini tidak diambil kira ketika kita menggunakan piramid makanan sebagai panduan.

Artikel-artikel yang baik tentang perkara ini telah diterbitkan dalam jurnal-jurnal seperti *Lancet*, *British Medical Journal*, *UCL* dan lain-lain lagi. *New Scientist* dan juga majalah *TIME* juga peranan lemak, zat lemak *fat drew of fats*, dengan izin, dan gula misalannya. Saintis-saintis seperti Mary Elit, William Lens dan terakhir ialah Walter Willet daripada Harvard telah menulis tentang kelemahan-kelemahan kita kalau kita mengikuti piramid makanan tadi.

Ini saya rasa *is high time*, dengan izin Kementerian Kesihatan memberi menerima pandangan baru melihat kembali kerana ini adalah punca utama kita tidak dapat menyelesaikan persoalan penyakit-penyakit kronik, darah tinggi, kencing manis, obesiti, sakit jantung, strok dan kanser itu berlaku dan dilihat di semua negara-negara Barat dan negara lain mereka juga telah mengubah konsep mereka. Ini perlu.

Keduanya saya hendak sebut bahawa kita tidak memberikan penekanan yang cukup dalam pendidikan kesihatan dan pemakanan tentang bahaya gula terutamanya yang disebut HFCS, *High Fructose Corn Syrup*, dengan izin. Inilah gula moden yang berbahaya dan digunakan dengan sangat meluas dalam minuman ringan dan 3 in 1. Kalau kita gagal menangani masalah ini maka tidak ada cara kita akan dapat mengatasi kencing manis, diabetes, sakit jantung, strok dan kanser dikaitkan dengan berbagai-bagai penyakit. *Emphasis* atau penekanan kita sangat sedikit.

Ramai orang tidak sedar misalannya punca terbesar sakit jantung, strok, kanser bukanlah misalannya kolesterol sakit daripada sakit jantung dan benda-benda lain merokok malahan yang perlu dipentingkan ialah minuman ringan. *The dangers of soft drink* kita tidak ditekankan.

■1500

Itu tidak ditekankan dan itu saya rasa satu lompong yang sangat besar yang perlu diisi oleh pendidikan kesihatan dan pemakanan.

Juga, konsep pasal lemak, masih lagi tersilap. Kita menganggap lemak itu sebagai musuh dan ini tidak betul. Terlalu banyak artikel-artikel, makalah sains yang keluar yang jelas bahawa ini adalah satu perkara yang salah. Kalau misalannya kita adakan persidangan

membincangkan balik tentang piramid makanan dan juga tentang panduan makanan, maka saya rasa kita akan berpeluang mendengar pendapat baru yang telah terbukti berjaya pada sekurang-kurangnya peringkat klinikal dan berkongsi pengalaman dengan negara-negara lain yang telah mengubah panduan mereka dan telah berjaya.

Seterusnya saya hendak pergi kepada Butiran 030000 – Perubatan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kuala Kedah, sedikit sahaja, sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Kedah. Ini saya dengar cerita tadi gula boleh menyebabkan *havoc* pada badan kita dan akhirnya kepada *chronic diseases*, dengan izin. Jadi baguslah kerajaan sudah tarik subsidi gula. Akan tetapi, kita lihat berapa orang yang kurangkan makan gula? Berapa orang yang betul-betul jaga gula ini? Teh tarik kurang manisnya, makan apa-apa sahaja kurang gula. Sebab, gula dan karbohidrat ringkas akan menyebabkan perkara yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Jadi ini satu persoalan.

Saya juga hendak tanya satu lagi, masalah obesiti. Saya pernah dengar ada satu sistem pemakanan yang mana dia tidak makan karbohidrat langsung. Dia hanya makan protein sahaja. Jadi apa yang protein seperti ayam, daging, semua dia belasah. Jadi kucing. Apa pendapat Yang Berhormat sebab Yang Berhormat Kuala Kedah, nampak gaya orang masih obes lagi sekarang ini [Ketawa]

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih saudara saya dari Bagan Serai. Tentang gula itu saya rasa saya setuju, *emphasis* atau penekanannya kurang pada pendidikan kesihatan. Misalnya kita bercakap kolesterol sedangkan sekarang kita tahu banyak salah faham tentang kolesterol tapi gula itu lebih berbahaya tapi tidak dijelaskan. Jadi, itu peranan pendidikan kesihatan. Oleh kerana itu saya rasa kurang berperanan, maka kita masih gunakan gula. Yang Berhormat Gerik selalu saya tengok dia minum manis sangat [Ketawa]

Kembali tadi kepada tentang diet mengurangkan karbohidrat, itu memang caranya. Bila kita kurang bekerja, kurang *exercise*, memang kita kena kurangkan karbohidrat. Kehidupan moden. Akan tetapi itu tidak dijelaskan dengan baik dalam piramid makanan. Dalam piramid makanan, di bawah itu semuanya karbohidrat akan menyebabkan badan kita mengeluarkan banyak insulin, *hyperinsulinemia* yang boleh menyebabkan darah tinggi, sakit jantung, strok dan lain-lain lagi. Oleh kerana itulah perlu diubah pendekatan pendidikan kesihatan tadi.

Seterusnya pada Butiran 031300 – Dermatologi, pakar kulit. Saya tidak faham kenapa kita kurang pakar kulit dan sangat kurang dalam perkhidmatan kerajaan. Ini kerana saya melihat kalau kita menggunakan pendekatan melatih pakar kulit seperti di Eropah, di Taiwan misalnya, di mana mereka tidak perlu menjadi pakar perubatan dalaman dahulu, *internal medicine* dan terus menjadi pakar kulit, itu lebih praktikal dalam keadaan sekarang daripada kita kekurangan sampai kita menggunakan pegawai perubatan senior untuk membuat kerja-kerja pakar kulit. Itu perlu kita pertimbangkan.

Seterusnya Butiran 060000 – Perkhidmatan Farmasi khusus kepada Butiran 060200 – Amalan dan Perkembangan Farmasi. Tentang suntikan vitamin C 500 miligram, saya difahamkan

ini tidak ada dalam pasaran kita. Saya perlu penjelasan kenapa? Ini kerana ini digunakan meluas dalam apa yang disebut bidang baru *anti-aging* dan *aesthetic medicine*. Kalau kita tidak ada dalam pasaran, kita tidak dapat bersaing dengan Singapura, Filipina, Thailand yang agak maju dalam *aesthetic medicine*. Saya rasa kita perlu melihat kembali apa sebab kita tidak membenarkan suntikan vitamin C tadi berada dalam pasaran.

Selanjutnya Butiran 070000 – Keselamatan dan Kualiti Makanan khusus kepada Butiran 070200. Di sini ialah tentang kesihatan makanan, isu lemak trans yang saya bangkitkan tahun lepas, saya hendak sebut lagi sekali bahawa isu lemak trans ialah satu isu yang kita kena mula bertindak sekarang. Saya faham implikasi politik dan sosialnya kalau kita mengharamkan lemak trans kerana lemak trans digunakan meluas dalam pembuatan roti dan biskut tapi bahaya lemak trans itu diketahui dan tidak ada lagi sebarang kekhawatiran atau sebarang keraguan. Kita kena bermula daripada sekarang. Kalau kita tidak dapat mengharamkan terus, maka kita kena mula mendidik masyarakat bahawa itu bahaya.

Lemak trans yang paling kerap digunakan dalam roti dan biskut ialah *partially hydrogenated mutable shortening*, dengan izin. FDA di Amerika, *Food and Drugs Administration* juga telah memberikan pandangan yang *partially hydrogenated oil* ini tidak selamat dan di Amerika telah mula dikawal dan di banyak negara lain telah dikawal. Di sesetengah negara seperti Austria dan Denmark telah diharamkan. Kalau kita tidak boleh mengharamkan, sekurang-kurangnya kita kena beri kesedaran kepada masyarakat. Itu ialah punca besar sakit jantung dan strok- roti dan biskut. Kita tidak perasan. Jadi kalau kita tidak melakukan sesuatu, kita tidak akan dapat mengatasi masalah penyakit kronik. Saya rasa ini masanya kita bertindak.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Kuala Kedah, celah sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah dan Tuan Pengerusi.

Saya dalam tajuk keselamatan dan kualiti makanan ini saya agak *curios*, agak hairan, mungkin Yang Berhormat Kuala Kedah boleh memberi sedikit pencerahan. Kita *lately*, akhir-akhir ini kita dengar banyak atlet yang terkena atau gagal *dope test* di SUKMA, ada juga di Sukan Asia dan ada juga di peringkat kejohanan dunia.

Jadi soalan saya adalah macam mana seseorang atlet ini dia boleh terkena dengan penggunaan bahan-bahan terlarang ini? Adakah secara dia sedar ataupun tidak sedar ataupun mungkin buat-buat tidak sedar dan sebagainya? Jadi apa benda sebenarnya bahan-bahan terlarang yang dikatakan boleh menggagalkan *dope test* ini dan adakah dia masuk merangkumi dalam bab tajuk yang Yang Berhormat baru sebut tentang keselamatan dan kualiti makanan? Terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Itu adalah satu topik khusus. Lemak trans tadi lain tapi saya perlu respons juga sedikit. Saya rasa misalnya yang disebut ini tentang Datuk Lee Chong Wei. *Dexamethasone* itu digunakan dalam banyak ubat biasa. Banyak doktor, malangnya, *general practitioners* menggunakannya untuk penyakit-penyakit biasa. Saya rasa itu perlu diperhatikan. Itu bukan dadah sebenarnya. Istilahnya dadah tetapi tiada *type*. Dadah, narkotik. Ini bukan dadah. Jadi Majlis Sukan Negara perlu mempunyai

guideline yang jelas bila sakit ke klinik yang tertentu dan klinik itu perlu diberi *caution* daripada awal.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Contoh *brand name*. Let say macam *Paracetamol* itu kita kata Panadol. Orang kampung kan. Cuma yang *you* kata tadi itu, *what sort of brand* yang ada dalam pasaran? Terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Itu biasanya disebut *steroidal anti-inflammatory*. Biasanya ialah ubat-ubat urat dan sebagainya. Itu kena hati-hati.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kuala Kedah, sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah, terima kasih Tuan Pengerusi.

Cuba bayang kita dengar satu cerita baru hari ini, makan biskut, makan roti kena sakit jantung dan kita dengar juga makan lemak sudah tidak bahaya. Itu yang disampaikan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah. Kita perlukan satu anjakan paradigma yang cukup besar, sebab daripada dahulu kita dengar makan lemak kena sakit jantung. Betul? Mana ada kita dengar makan biskut kena sakit jantung. Jadi ini yang masalah persoalan tentang *trans fat* tadi.

Trans fat tadi yang sebenarnya yang menyebabkan inflamasi, yang menyebabkan oksigenasi, radikal bebas yang boleh menyebabkan kerosakan kepada jantung. Saya rasa Yang Berhormat Kuala Kedah telah memberikan satu pandangan yang cukup baik dan perlu diberi saranan yang kuat kepada kementerian untuk membawa anjakan paradigma ini. Lemak tidak bahaya. Biskut dan roti boleh sakit jantung. Terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh ya?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya tertarik juga, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kuala Kedah, orang kampung sekarang ini makan macam mana? Yang banyak depa dok bagi tahu kena sakit gout. Sampai Orang Asli pun ada kena sakit gout. Nasihat Yang Berhormat Kuala Kedah macam mana?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi, sudah jadi dialog dan juga ceramah kesihatan, tapi saya akan sebut sedikit. Anjakan paradigma itu yang perlu kita sebut dalam nasihat pemakanan...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuala Kedah ada klinik tak, ada klinik?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Tidak lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak, saya tanya serius. Ada klinik?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Tidak lagi. Kliniknya ada tapi saya...

Tuan Pengerusi: Buat klinik Yang Berhormat, supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada persoalan itu pergi berkunjung di klinik Yang Berhormat [*Ketawa*]

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *One word* sahaja Tuan Pengerusi, *one word* sahaja.

Tuan Pengerusi: Pasal saya dengar soalan-soalan yang dibangkitkan tadi semata-mata sinis.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Promosi Yang Berhormat Kuala Kedah, promosi.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *One word* sahaja. Punca terbesar gout ialah gula *especially fructose*. Itu sebab Orang Asli juga sekarang guna gula. Juga, kita kena jelas daripada gula dapat *uric acid*. Kita juga kena menjelaskan dalam panduan baru kita tentang kepentingan, *the very powerful power of traditional diet*, dengan izin. Balik kepada diet tradisional.

■1510

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 010100 – Pengurusan Ibu Pejabat. Saya hendak sebut sedikit tentang pelajar-pelajar tadi, bakal-bakal doktor yang telah dilatih AUCMS dan kemudian sesetengahnya, keluarga telah menghabiskan RM100 ribu hingga RM200 ribu, sekarang kolej itu tutup dan tiga bulan tidak ada kuliah. Mereka menunggu untuk masuk ke kolej, misalannya CUCMS yang mereka sebut supaya kita bertindak segera meredakan resah hati ibu bapa dan pelajar. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sila suara dari Sarawak, Yang Berhormat Limbang.

3.10 ptg.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekarang Sarawak, bukan Limbang lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mengemukakan Butiran 030000 – Perubatan. Itu di bawah sub Butiran 030800 – Pediatrik. Pada masa ini di Hospital Limbang, sebelum ini ada dua orang spesialis di Hospital Limbang, satu ginekologi dan satu lagi iaitu pediatrik. Jadi sekarang yang pediatrik ini sudah berhenti, sudah masuk dua tahun sudah di Limbang atas sebab-sebab mungkin Jabatan Kesihatan lebih tahulah kenapa dia berhenti secara sukarela.

Jadi, pada masa ini juga di Limbang sudah ada disediakan ICU untuk NICU ini neonatal ICU dan sebelum masa adanya spesialis itu dulu membawa banyak perubahanlah untuk di Limbang, di Lawas dan sebagainya di mana pesakit budak-budak ini tidak payah lagi bawa ke Miri, di mana kalau sudah pergi Miri itu *it become a family problem*. Ibu terpaksa pergi, jadi siapa anak hendak tinggal. Bukan macam tempat lain, senang. Kalau sudah keluar dari Limbang, pergi Hospital Miri ataupun ke Kuching, tidak ada lagi, bukan lagi semudah itu. Semuanya sudah membabitkan kos dan sebagainya. Jadi. saya meminta kepada kementerian supaya bila hendak *replace* balik bakal pediatrik. Dari dulu dia Myanmar lah, *she was doing a very good job* tetapi sudah berhenti, kita mintalah supaya di *reinstate* balik, mana-manalah *specialist* untuk menggantikan beliau ini. Ianya begitu penting ya untuk kami di sebelah sana.

Jadi, satu lagi ialah saya hendak sentuh tentang Butiran 110000 – Dasar Baru, di bawah perluasan program kesihatan awam bersekali dengan pengoperasian fasiliti baru dan juga pengoperasian klinik desa yang dinaik taraf. Saya sudah beberapa kali menyentuh tentang Klinik Desa di Long Napir, di kawasan pedalaman di pergunungan. Ini adalah untuk penduduk-penduduk Penan, Kelabit dan sebagainya yang di pedalaman, di *highland area*, dengan izin. Mereka ini dulu saya sudah kata kalau hendak turun ke Limbang, hendak pergi hospital, pulang

balik RM600 hingga RM700 biasa. Jadi itulah, saya sudah katakan dulu kalau kita hendak ikut prosedur biasa mesti ada sekian banyak pesakit baru hendak buat ini. Penduduk di luar bandar ini dia scatter dan mereka untuk semua pergerakan mereka di sana berjalan kaki dan sekarang ini banyaklah jalan-jalan tikus, jalan-jalan balak dan sebagainya. Ada yang masih pakai sungai di kawasan pedalaman.

Jadi, saya mintalah supaya klinik desa yang telah pun dulu di cadang dan kalau tidak silap saya diluluskan untuk di kawasan Long Napir ini, diwujudkan ya. Oleh sebab tapak dia sudah sedia, sudah ada sudah batu tapak dengan *signboard* dia, Tapak Klinik Baru Long Napir. Sampai sekarang saya takut sudah buruk papan itu. Sudah semuanya sedia. Saya mintalah supaya direalisasikan, dibina dan saya nyatakan sekali lagi tidak boleh hendak ikut *requirement* yang biasa ini. Mesti ada *scan*, saya ulangilah. Kalau hendak ikut itu memang *you won't reach that kind of number of population* untuk memenuhi syarat tetapi ianya amat penting, keperluan penduduk di luar bandar di kawasan pergunungan ini.

Satu perkara lagi yang saya hendak sentuh hari itu dalam peringkat dasar saya ada menyentuh tentang hospital baru. Jadi, kita ingin hendak tahu apa ceritanya tentang permohonan Universiti Sarawak (UNIMAS) tentang hospital pengajar. Inilah satu-satunya universiti yang sudah lebih 20 tahun, yang tidak ada universiti hospital sedangkan ialah, kita pun bukan hendak banding-banding tetapi rasanya memang sudah tiba masanya untuk mempunyai hospital universiti sendiri. Kita ingin hendak pencerahan sebab saya ada dengar juga fasal hendak gunakan, bina Hospital Petrajaya ataupun bagaimanalah. Jadi, kita ingin hendak tahu sendiri apa perancangan sebenar-benarnya tentang hospital baru khususnya untuk hospital pengajar di UNIMAS ini. Saya rasa itu saja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bakri dan yang di belakang sana itu. Sila Yang Berhormat Bakri.

3.15 ptg

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada Yang Berhormat Bakri. Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, saya merujuk kepada Maksud B.42 Butiran 010000 - Pengurusan. Di sini saya ingin dapatkan jumlah doktor-doktor asing yang diterima khidmat mereka mengikut pecahan kelayakan. Berapakah kemasukan pesakit daripada negara lain ke hospital-hospital swasta dalam negara mengikut pecahan, jenis penyakit, jantina, hospital yang dimasuki untuk rawatan dan negeri-negeri. Tuan Pengerusi, menurut majalah *Taiwan Business Weekly* mendedahkan bahawa terdapat bilangan doktor yang agak ramai dari Taiwan telah dijemput untuk memberikan perkhidmatan mereka di Malaysia terutamanya di hospital swasta di kawasan Iskandar, Johor.

Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memberikan maklumat berkaitan dengan isu ini termasuklah bilangan doktor yang telah berkhidmat di negara kita dari tahun 2010 sehingga kini dengan pecahan negara asal doktor-doktor tersebut. Selain itu, adakah kementerian mempunyai perintah khas supaya doktor-doktor asing tidak perlu berkhidmat di hospital kerajaan

selama tiga tahun seperti yang ditetapkan dan boleh terus bekerja di hospital swasta. Jika kementerian memang mempunyai peraturan khas tersebut, bukankah pertimbangan seharusnya diberi supaya doktor pakar asing ini diminta berkhidmat di hospital kerajaan untuk bidang-bidang yang kekurangan doktor pakar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Selangor.

3.18 ptg.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk turut sama berbahas pada petang ini. Saya ingin merujuk kepada Butiran 032200 – Farmasi dan bekalan.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan preskripsi ubat di hospital kerajaan untuk pesakit warga asing telah dihadkan selepas Kementerian Kesihatan mengeluarkan pekeliling mengarahkan hospital dan kliniknya membuat demikian mulai 1 Mac tahun ini. Saya berharap pekeliling yang dikeluarkan yang menyatakan warga asing yang diberi rawatan pesakit luar tidak dibenarkan memperoleh ubat dari farmasi hospital selepas lima hari rawatan sebaliknya, mereka perlu membeli ubat di farmasi swasta supaya ianya dapat dilaksanakan secara total di semua farmasi kerajaan dan kementerian melakukan pemantauan terhadap klinik ini secara berterusan.

Statistik menunjukkan semakin ramai warga asing mendapatkan rawatan di hospital kerajaan dan dengan itu ia akan membawa kepada peningkatan kos perubatan. Apatah lagi di beberapa negara Eropah seperti *United Kingdom*, warga asing perlu memiliki polisi perubatan sendiri. Jika tidak mereka terpaksa menanggung segala kos perubatan. Saya juga berharap usaha kementerian supaya semua warga asing akan dikenakan bayaran caj rawatan penuh ketika mendapatkan khidmat dan rawatan di hospital serta klinik kerajaan di seluruh negara dilaksanakan memandangkan langkah ini dapat menjimatkan perbelanjaan perubatan negara sehingga RM100 juta setahun.

■1520

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 032800 – Perubatan Rehabilitasi dan Perubatan Tradisional dan Komplementari. Tuan Pengerusi, saya ingin mengesyorkan supaya Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2013 yang bertujuan mewujudkan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari yang diiktiraf dan berfungsi secara sistematik dapat dikuatkuasakan sepenuhnya di mana penguatkuasaan ini amat penting untuk menjamin kepentingan pesakit dan pengguna selain mutu perkhidmatan yang ditawarkan.

Penguatkuasaan akta akan memberikan dan mampu meningkatkan tahap profesionalisme pengamal perubatan tradisional dan komplementari. Malah adalah juga penting untuk kementerian mencadangkan kepada Parlimen untuk membuat pindaan undang-undang yang sewajarnya supaya kementerian mempunyai peruntukan undang-undang untuk mengambil tindakan sekiranya menerima aduan berhubung rawatan atau pengamal perubatan yang palsu atau menipu.

Ini kerana saya mendapat pelbagai aduan terutama sekali di kawasan saya yang mana ramai pesakit pengamal perubatan tradisional yang tidak diiktiraf ini, mereka menerima natijah yang sangat negatif terutamanya antara contoh-contoh yang telah saya mendapat maklumkan apabila sebagai contoh, apabila dikatakan untuk mempunyai tenaga batin yang kuat, mereka bertemu dengan pakar perubatan tradisional yang kononnya mereka arif tetapi bila mereka mendapatkan rawatan sebenarnya tenaga batin mereka menjadi lemah, Tuan Pengerusi
[Ketawa]

Saya juga ingin mencadangkan...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Boleh saya celah Yang Berhormat Kuala Selangor? Sekijang, Sekijang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sekijang tertarik dengan ayat penghabisan itu...
[Dewan riuh] [Ketawa]

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terlebih dahulu Tuan Pengerusi, saya hendak minta pandangan dari Yang Berhormat Kuala Selangor, beliau menyebut tadi ramai pengamal yang dikatakan pengamal perubatan alternatif yang menggunakan khidmat mereka kadangkang boleh menyebabkan kesan yang tidak baik kepada rakyat kita. Setuju atau tidak Yang Berhormat Kuala Selangor kalau kita minta mereka yang hendak mengamalkan perubatan alternatif ini juga mendaftar ataupun didaftarkan dengan- mungkin kalau di hospital-hospital yang berdekatan, maka kalau selepas mereka berjumpa dengan doktor, mereka mungkin perlukan cadangan untuk perubatan alternatif ini. Maksudnya senarai itu ada di hospital. Maksudnya kalau berlaku apa-apa perkara yang tidak baik, mereka boleh terus dikenakan sebarang tindakan undang-undang. Itu pandangan sayalah.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Saya selari dengan pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Sekijang. Oleh sebab itu saya ingin menyarankan supaya akta perubatan tradisional dan komplementari ini dapat dikuatkuasakan kerana bagi hemat saya, dengan adanya pendaftaran ini dan kementerian mewajibkan pendaftaran pengamal perubatan tradisional dan komplementari ini akan memberikan bukan hanya dari segi pemantauan tetapi juga dari segi bentuk latihan, kursus, penambahbaikan kualiti serta pemantauan dari segi ubatan dan juga kepuasan pengguna.

Ini kerana saya tidak mahu lebih ramai lagi terutamanya di kawasan saya, bila mereka diketemukan untuk mendapat tenaga batin yang kuat, mereka bertemu dengan sesetengah pengamal tetapi bila diberikan setengah-setengah ubat yang mungkin tidak diiktiraf oleh kementerian, akhirnya natijah yang sangat negatif berlaku di kalangan golongan lelaki.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *[Bangun]*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kuala Selangor, belakang.

Tuan Yang di-Pertua: Mana satu Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Beri siapa? Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: ...Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor yang mengizinkan saya untuk sedikit pertanyaan ataupun cadangan. Setakat ini banyak manakah pihak Yang Berhormat dari Kuala Selangor menerima aduan yang menyebabkan dari ubat-ubatan kuat ini yang memberi kesan kepada mereka sama ada dari segi kesan kekuatannya Tuan Pengerusi ataupun dari segi kesan yang boleh mendatangkan kurang baik di sebaliknya kepada pesakit tersebut? Bagaimana pula dari kes segi rawatan tradisional ini yang menggunakan urutan? Saya ada mendapat maklumat, kekuatan itu bertambah baik
[Ketawa]

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Okey, Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tuan Pengerusi, hendak mencelah sedikit. Saya undur ke belakang sedikit. Tadi tentang polisi kesihatan, penduduk kita di negara lain. Jadi macam mana pendapat Yang Berhormat Kuala Selangor? Ia seperti kami di Limbanglah, kita ini betul-betul berjiran dengan negara asing dan tiak boleh hendak *avoid*. Dalam perjalanan untuk pergi tempat lain di Sarawak, mesti melalui kawasan negara asing. Terjadilah contohnya *accident*lah, di mana kena masuk hospital. Orang biasa di mana cajnya hospital di sana, macam mana kita hendak bantu kalau rakyat kita sendiri yang terkena musibah begini di negara asing? Contohnya, tempat kami itulah. Apa yang patut dibuat oleh kerajaan dari segi Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak respons Yang Berhormat Limbang dahulu. Bagi hemat saya, perkara yang paling penting bagaimana rakyat Malaysia didedahkan tentang modus operandi sekiranya mereka menerima kecelakaan di negara asing dan saya fikir ini sangat penting sebagai bentuk pendedahan kerana bukan semua mereka ini berkemampuan.

Mengenai apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Lipis sebentar tadi, saya fikir beliau sangat tertarik dengan apa yang saya sebutkan sebentar tadi. Mengenai urutan saya tidak pakar Tuan Pengerusi kerana saya lihat ada berbagai-bagai jenis urutan yang saya telah lihat dalam artikel saya sama ada urutan itu berlandaskan tentang apa yang beliau maksudkan dalam pemikiran beliau ataupun dari segi fisioterapi yang mungkin disebut oleh sesetengah pengamal perubatan.

Akan tetapi apa yang saya ingin tegaskan di sini, peting bagi pihak kementerian untuk mewujudkan atau mengetatkan undang-undang kepada pengamal khususnya tradisional dan juga komplementari kerana saya lihat semakin lama semakin ramai khususnya mereka yang ingin untuk meningkatkan perkara-perkara yang di luar batasan mereka.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Di belakang, Yang Berhormat Kuala Selangor, belakang.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Kanowit di belakang.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Okey, Yang Berhormat Kanowit.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Berkenaan dengan perubatan tradisional ini, saya pun telah berbahas sedikit berkenaan dengan ini di dalam peringkat dasar. Akan tetapi Yang Berhormat Kuala Selangor, Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari ini saya difahamkan tidak memberi perlindungan kepada perubatan-perubatan tradisional suku kaum Dayak ataupun orang asal di Sarawak. Ada 46 suku kaum di Sarawak dan mereka ini sekarang ini sangat kluatir oleh sebab akta ini apabila dilaksanakan nanti tidak memberi perlindungan kepada mereka dan mereka ini akan- kalau mengikut dalam akta itu akan menjadi kesalahan kalau mengamalkan perubatan ini. Terima kasih.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat dari Kanowit. Bagi hemat saya, apa yang saya ingin cadangkan itu adalah berkaitan bukan hanya dari segi untuk menghukum tetapi bagi hemat saya ialah bagaimana pemantauan di peringkat Kementerian Kesihatan terutama sekali bagi pemantauan dari segi elemen latihan dan kursus mungkin penambahbaikan kualiti kepenggunaan termasuk juga dari segi pendaftaran.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kuala Selangor, pendek sedikit.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Okey.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya terpanggil sekali lagi, lemah tenaga batin sebab saya tengok bila topik itu keluar, banyak yang tidur pun sudah buka mata. Jadi yang ketayap putih pun nampak sudah buka mata di sana itu. Itu bagus.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kuala Selangor sedar atau tidak yang cerita tentang lemah tenaga batin ini, ia sebenarnya datang dari dua perkara. Satu masalah psikososial ataupun satu, masalah organik. Maksudnya memang penyakit dan penyakit yang selalunya menyebabkan lemah tenaga batin ialah kencing manis.

Kalau ia telah dibahaskan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tentang kencing manis yang akhirnya bermula daripada gula. Jadi kalau kita kurangkan gula, maka kita akan kurangkan kencing manis. Apabila kita kurangkan kencing manis, maka kita akan kurangkan lemah tenaga batin. Lagipun saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Selangor, berapa orang yang sudah pergi mengurut ini yang jadi kuat tenaga batin dia? *[Ketawa]*

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, saya fikir topik ini sudah lari daripada topik apa yang saya hendak sebutkan tadi. Saya fikir tentang perkara yang berkaitan dengan kencing manis itu saya hendak beralih kepada Butiran 080100 - Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya ingin melahirkan rasa bimbang saya terhadap isu obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya di kalangan kanak-kanak dan juga orang muda. Obesiti

merupakan masalah kesihatan yang kini menjadi ancaman terbesar kepada rakyat Malaysia dengan seorang daripada tiga penduduk mengalami masalah itu atau mempunyai berat badan berlebihan berikutan terlebih makan.

Ini juga boleh dikaitkan tentang masalah kencing manis. Malaysia merupakan antara negara yang paling tinggi bilangan penduduknya yang mengalami berat badan berlebihan di rantau Asia Tenggara. Saya difahamkan seramai 8.5 juta orang rakyat Malaysia mengalami masalah berat badan berlebihan dengan 4.4 juta orang obesiti.

■1530

Masalah berat badan berlebihan di kalangan mereka telah mencecah 29.4% dan obesiti pula sebanyak 15.1%. Saya ingin mencadangkan pihak kementerian supaya langkah yang efektif harus disegerakan untuk mengatasi masalah berlebihan berat badan dan obesiti. Perangkaan ini akan meningkat jika tiada inisiatif untuk menggalakkan rakyat secara berterusan dan terus menurus mengamalkan gaya hidup yang sihat. Tidak dinafikan bahawa kementerian telah banyak melakukan pelbagai kempen dan insentif untuk mengatasi masalah ini, namun kesedaran di kalangan rakyat masih lagi rendah memandangkan statistik menunjukkan peningkatan. Hal ini juga disebabkan oleh cara pemakanan dan gaya hidup yang akan dipengaruhi oleh alam digital di mana mereka kurang melakukan aktiviti fizikal. Saya ingin mencadangkan langkah-langkah yang lebih drastik boleh diambil termasuk dengan memperkasakan lagi Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia supaya lebih efektif dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, yang terakhir ialah mengenai Butiran 010400 - Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan. Saya ingin melahirkan rasa bimbang terhadap seruan dan juga laporan yang dibuat oleh masyarakat melalui pelbagai medium yang mengatakan bahawa kualiti perkhidmatan tidak memuaskan di hospital kerajaan termasuk di Klinik 1Malaysia. Kerajaan sentiasa mengutamakan rakyat serta komited dalam memberikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat secara total terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah yang tidak mampu untuk menampung kos rawatan di hospital swasta, di mana Klinik 1Malaysia juga antara bukti kerajaan prihatin dengan golongan berpendapatan rendah. Di sini saya merasakan kebimbangan saya yang mana usaha murni kerajaan persoalkan kerana sikap dan kecuaiannya beberapa pekerja dalam memberikan perkhidmatan sehingga melahirkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar dapat melakukan pemantauan secara kerap, sekali gus menyerap nilai-nilai mesra rakyat dalam kalangan semua pekerja dalam sektor kesihatan secara amnya. Ini termasuk kualiti perkhidmatan dalam Unit Kecemasan di mana tahap perkhidmatan serta perhatian juga harus diberikan. Dalam Unit Kecemasan, mestilah memenuhi piawaian yang sepatutnya memandangkan pesakit yang memasuki unit ini berada dalam keadaan yang kritikal atau separa kritikal di mana sebarang bentuk kecuaiannya dalam suatu perkara yang serius.

Saya juga yang terakhir ini juga ingin berharap agar pihak kementerian agar dapat menukar status Klinik Desa di Kampung Kuantan Kuala Selangor kepada Klinik 1Malaysia kerana

penduduk yang berada di kawasan tersebut amat memerlukan perkhidmatan dalam konteks *general* perubatan. Dengan itu, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuantan.

3.33 ptg.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk berbahas di bawah Kepala Bekalan B.42. Saya ingin berbahas di bawah Butiran 010000 serta juga di bawah Butiran 030000. Di bawah butiran kewangan 010300 – Kewangan, Tuan Pengerusi. Kita diberitahu di sini bahawa di bawah kegunaan peruntukan ini ialah untuk kegunaan mereka yang tidak mampu untuk mendapatkan bantuan khidmat kesihatan dan juga untuk waran tiket kepada pesakit-pesakit yang kurang mampu serta juga pegawai-pegawai kerajaan. Apa yang ingin saya sampaikan di sini Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya diduga dengan satu keadaan kesihatan yang mengizinkan saya melihat secara lebih dekat bagaimana rakyat biasa melalui keadaan tersebut.

Syukur *alhamdulillah*, saya memilih untuk melalui rawatan di hospital kerajaan ataupun lebih tepat kalau saya katakan di hospital rakyat. Ini kerana seharusnya di situlah kita mendapat khidmat pakar yang terbaik dan seharusnya di situlah, di hospital rakyat kita dapat khidmat kesihatan yang terbaik kerana itu untuk rakyat. Akan tetapi apa yang saya dapati ialah tidak mencukupi peruntukan di bawah pengurusan ini kerana apabila seseorang pesakit ini tidak mampu untuk mendapatkan rawatan, bukan sahaja setakat dia memerlukan waran tiket dan bukan sahaja dia setakat memerlukan bantuan untuk mendapat rawatan.

Tuan Pengerusi, saya lihat bagaimana mereka tidur di koridor. Ada yang membawa anak kecil, ada yang isteri duduk di wad kerana sakit dan suami terpaksa bawa anak kecil tinggalkan rumah dan duduk di koridor tidur berminggu-minggu. Apabila saya bertanya kepada doktor pakar di situ kenapa mereka ini tidur di koridor, ada yang bawa buai dan sebagainya, kerana kita tidak ada tempat untuk mereka. Ada yang terpaksa meminta daripada doktor hendak makan.

Saya tahu ramai di antara *constituent* saya terpaksa meminta daripada wakil rakyat apabila mereka hendak pergi ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan. Jadi di sini saya pohon sangat pihak kementerian untuk melihat kepada *facility* seperti anjung kasih di mana keluarga-keluarga yang datang membantu ataupun menjaga pesakit boleh ada tempat untuk mereka mandi, untuk mereka berehat, untuk mereka salin baju dan sebagainya supaya diberikan peruntukan bagi mereka, Tuan Pengerusi. Jadi saya mohon sangat di bawah Butiran 010300, pihak kementerian melihat kepada perkara ini. Tidak cukup hendak bagi waran tiket kerana setakat hendak bagi khidmat kesihatan rawatan, tetapi mereka juga perlu satu tempat di mana mereka boleh *freshen up* dan sebagainya, dengan izin Tuan Pengerusi.

Perkara kedua di bawah butiran 030200 - Pengurusan Hospital. Ini lagi satu yang saya hendak kongsi Tuan Pengerusi dan saya harap sangat Menteri ambil serius perkara ini dan Menteri lihat sendiri bagaimana perkara ini berlaku. Di klinik pakar Tuan Pengerusi, kita diberikan *appointment*. Di klinik pakar ini bukan macam *out patient*, sebab *outpatient* ini *first come, first*

serve dengan izin. Akan tetapi di klinik pakar kita ada *appointment*. Kita ada *appointment* pukul 9, kita ada *appointment* pukul 10, kita ada *appointment* pukul 11.

Jadi kalau *appointment* pukul 11, saya sebagai seorang yang selalu menepati masa, saya akan datang lima minit sebelum pukul 11 Tuan Pengerusi. Akan tetapi saya dapati kena tunggu dua atau tiga jam. Apabila saya bertanya kepada mereka yang di *front desk*, kenapa jadi macam ini? Kalau hendak suruh saya jumpa doktor pukul 11, hendak suruh saya datang pukul 11, saya hendak jumpa pukul 11 lah, paling lewat 11.30.

Akan tetapi kenapa suruh saya datang pukul 11 apabila hendak jumpa saya pukul 11 ataupun kenapa suruh saya datang pukul 9 apabila jumpa saya pukul 11. Jawapan yang saya terima Tuan Pengerusi, mereka kata ada orang datang jauh, ada orang datang pukul 7 datang dari kampung, jadi terpaksa bagi mereka dahulu.

Jadi saya kata, mereka ada *appointment*. Betul ada *appointment*, tetapi rakyat Malaysia ini dia tidak reti. Dia kata nanti kalau dia datang lambat *queue* panjang, jadi mereka pun datang awal. Jadi akhirnya, seluruh sistem itu rosak. Jadi, apa gunanya ada sistem yang ada *appointment* di mana akhirnya kita guna sistem *first come, first serve*. Jadi saya bertanya balik kepada pakar-pakar di situ, lama-lama saya kata *you all* tidak boleh ubahkah?

Saya bukan bercakap untuk diri saya Tuan Pengerusi, saya tengok ramai orang sakit di luar dan semuanya kena tunggu purata dua hingga tiga jam, sedangkan mereka diberi *appointment*. Ada yang pukul 8, ada yang pukul 9, ada yang pukul 10. Katakanlah kita ubah mentaliti rakyat Malaysia, kita bagi tahu kepada mereka yang datang pukul 7 pakcik jangan datang pukul 7, *appointment* pakcik pukul 10. Apabila mereka datang pukul 1 pastikan mereka dilihat oleh doktor pakar tepat pada waktu ataupun paling lewat setengah jam.

Saya tanya lagi kepada doktor pakar, berapa ramai pesakit *you* doktor boleh jumpa dalam sejam? Dia kata tiga hingga empat. Saya kata janganlah bagi *appointment* pukul 10. Dia kata tidak, *appointment* itu betul tiga hingga empat tetapi sistem itu tiada siapa yang berani hendak *challenge*. Jadi ia jadi satu *cycle* yang berterusan Tuan Pengerusi. Jadi orang sakit di luar ini datang jauh-jauh dari kampung, ada yang datang bermalaman tiada tempat tinggal, tidur di pintu hospital, tunggu hendak masuk, dapat nombor awal supaya dapat jumpa doktor awal. Datang pukul 7, doktor masuk pukul 9 juga sebab doktor buat *ward round* dahulu.

Jadi Tuan Pengerusi, masalah ini *simple* pada saya. Saya lihat banyak benda boleh diubah, tetapi tidak diubah kerana kita masih lagi dalam *mindset* lama. Sedangkan kita ada peruntukan, Tuan Pengerusi. Harus saya minta sangat pihak kementerian ini lihat, benda ini *simple*.

■1540

Saya bercakap bagi pihak semua yang sakit. Saya tengok betapa orang sakit tunggu dekat luar, dekat klinik pakar itu, bagaimana mereka *suffer*. Dah la sakit, terpaksa tunggu berjam-jam kerana sistem, *all because of the system* dengan izin, Tuan Pengerusi. Seharusnya tak perlu mereka buat macam itu, saya tanya kepada doktor pakar. Mereka kata dekat hospital luar negara tak macam ini sebab kalau pukul 9, pukul 9 lah, paling lewat 9.15, *you* lari satu *patient* tetapi oleh

kerana kita tak boleh mengubah, mungkin juga Menteri perlu tengok, Menteri perlu rasa, Menteri perlu lalui supaya boleh fikir bagaimana kita nak betulkan sistem ini.

Tuan Pengerusi, lagi satu *point* yang saya nak bahas di bawah Perubatan ini, 032000 – Pengimejan Diagnostik. Tuan Pengerusi, salah satu daripada cabaran di dalam menangani penyakit ialah untuk *early detection*. Saya bersyukur di dalam keadaan kesihatan saya sendiri saya mendapati penyakit itu di tahap yang paling awal dan itu membolehkan untuk pulih dan mendapat rawatan yang secukupnya. Cuma masalahnya Tuan Pengerusi, apabila di dalam penyakit-penyakit seperti kanser, kita dapati ianya di peringkat lambat, *third stage*, *fourth stage* yang menyebabkan begitu sukar untuk kita memulihkan pesakit. Menyebabkan sukar untuk kita rawat kerana ianya sudah pun merebak.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta pencerahan sikit.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Okey, silakan.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Saya nak tekankan tentang isu penyakit barah ini yang dah sampai *stage* tiga dan *stage* empat, lepas itu klinik-klinik pakar pula memberi masa dua minggu, tiga minggu, sebulan untuk mereka datang balik rawatan seterusnya. Keadaan emosi mereka ini berbeza lebih-lebih lagi *stage* satu, *stage* dua tak diketahui, dah masuk *stage* tiga, *stage* keempat baru diketahui dan tiba-tiba pula masa diberikan suruh tunggu dan sebagainya. Saya rasa ini perlu diperbaiki.

Saya pernah secara sendiri mengalami situasi ini untuk mendiagnos ayah saya so saya minta penjelasan dan penglibatan secara terus kementerian dalam isu ini. Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Yang sedihnya Tuan Pengerusi apabila diagnosis itu di peringkat *stage* yang lambat kerana dalam kes kanser, susah untuk *early detection* ataupun dijumpai di peringkat awal kerana penyakit ini tak rasa sakit, kita tak rasa sakit. Kita tak tahu dia ada dalam badan kita dan saya amat bersyukur kerana dalam kes saya, ianya terlalu awal dan boleh memulihkan dengan rawatan.

Berbalik kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kapar, saya ingin berbalik kepada akta yang kita luluskan berkenaan dengan rawatan tradisional ataupun rawatan alternatif. Tuan Pengerusi, kita di negara kita hanya meluluskan peruntukan kewangan hanya untuk alopati ataupun *conventional medicine* sedangkan berbanding di negara-negara lain, *alternative medicine* juga ataupun *alternative hospital* juga diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan mereka untuk menerima pesakit-pesakit pergi ke sana dan itu dibiayai oleh pihak kerajaan. Jadi ini juga satu perkara yang kita kena tengok sebab dari segi *philosophy*nya, dia ada *philosophy*.

Kalau kita tengok kepada *alternative medicine*, *traditional medicine* bukan satu sahaja pendekatan yang digunakan. Dia ada *natural therapy* dan sebagainya. Kalau kita tengok di Barat, memang ianya terbuka ruang untuk yang ada *well research*, yang ada kajian yang terperinci dan supaya peruntukan kewangan itu juga disalurkan kepada *alternative medicine* tersebut sebab Yang Berhormat Kapar, kalau kita pergi kepada *conventional medicine*, dia akan rawat dengan

cara membunuh sel jahat tetapi daripada segi *alternative medicine* pula dia akan merawat daripada segi membaiki sel-sel dalam badan supaya sel-sel dalam badan itu boleh melawan sel-sel barah itu.

Jadi *philosophy* ataupun falsafah perubatan alternatif dan perubatan konvensional itu berbeza. Jadi sebab itulah kita dapat jawapan-jawapan begitu daripada doktor-doktor konvensional sebab itulah falsafah perubatan mereka.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Yang Berhormat Kuantan. Nak celah sikit.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Limbang, okey.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Bila sebut tentang alternatif ini, sekarang kita ada pernah dengarlah dan baca artikel tentang menyentuh pasal kanser. *Actually my family* member pun ada juga, dah meninggal dah. Jadi ini pasal B17 ini, B17 *they said* ini suatu jenis perubatan di mana untuk kanser inilah jadi di Malaysia ini sejauh manakah Kementerian Kesihatan melihat tentang penggunaan rawatan menggunakan B17 ini untuk penyakit kanser ini.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Apabila saya lalui Tuan Pengerusi, saya banyak buat *research* tentang perkara ini. Yang Berhormat Limbang, B17 ini ialah satu bentuk perubatan anti kanser yang dibuat daripada *apricot seed* dan *apricot kernel* tetapi ianya satu jenis perubatan yang *banned*, yang dilarang di negara kita. Jadi saya juga membuat kajian berkenaan kenapa ianya dilarang dan saya lihat ianya banyak berkaitan dengan *the drug companies* punya *politics*, di Amerika juga begitu.

Bagaimana mereka menyekat kemasukan *alternative medicine* ini kerana *chemo drugs* dengan izin Tuan Pengerusi, *it's a lot of money*. Kerana satu dos sebagai contoh rawatan yang untuk *targeted therapy* dia panggil, *targeted therapy* ini satu kali *infusion* itu mungkin harganya RM6,000 ataupun RM7,000. *It's a lot of money* Tuan Pengerusi. Sebab itulah mereka sekat dan mereka *banned* kemasukan rawatan alternatif yang *basically is risk free*. Dia selamat daripada segi penggunaan tetapi oleh kerana *drug companies* ini *control*, mereka *control* macam kalau dekat Amerika, mereka *control* FDA.

Jadi kita pun mungkin kena tengok, kementerian juga kena tengok bagaimana *the politic of the drug companies* ini mereka mengawal kemasukan-kemasukan *alternative medicine* yang diiktiraf di tempat-tempat lain. Contohnya di Germany, contohnya di Mexico memang menggunakan B17 ini sebagai rawatan alternatif kepada kanser yang terbukti tidak ada *side effect* seperti kemoterapi.

Tuan Pengerusi, saya nak cakap berkenaan dengan mamografi dan *ultrasound* sebab sewaktu saya di hospital juga, sempatlah doktor-doktor pakar mengadu kepada saya berkenaan betapa ramai pesakit kanser yang gagal mengesan di peringkat awal, di *stage* satu. Kerana apa, dalam *stage* satu mamografi akan *miss*, dia tak akan jumpa sebab dia ada 10% hingga 15% dia tak tangkap dalam imej *mammogram*. Jadi kemudian apabila dalam *report* itu kata pergi ke *ultrasound*, ramai pesakit tak pergi. Kerana apa? Sebab mereka perlu bayar, Tuan Pengerusi.

Mereka perlu bayar. Bila saya tanya berapa, berapa puluh ringgit sahaja tetapi oleh kerana pesakit ini tidak tahu, tidak ada *awareness*, tidak ada kesedaran maka mereka tak pergi buat *ultrasound* dan akhirnya mereka *miss* yang kecil itu, yang tahap satu itu yang akhirnya Tuan Pengerusi, apabila mereka datang sekali lagi, mereka dah tahap tiga. Ini yang sedihnya kerana kita tidak ada satu sistem di mana kita mewajibkan kedua-duanya.

Dalam kes saya Tuan Pengerusi, mamografi memang *miss*, saya beritahu kepada doktor, ada. Doktor buat mamografi, tak ada sebab ia terlalu kecil dan akhirnya buat *ultrasound*, jumpa dan itulah yang membolehkan rawatan secepat mungkin yang dapat memulihkan sebelum ia merebak.

Jadi dengan pengalaman itu Tuan Pengerusi, saya ingin bercakaplah dengan Kementerian Kesihatan dan saya tahu ramai di antara kawan-kawan kita Ahli-ahli Yang Berhormat yang kita dah hilang, dah tak ada bersama kita. Saudara-saudara kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang kita boleh sebenarnya *stop it*, kita boleh *early intervention*, dengan izin Tuan Pengerusi.

Jadi perlu kita beri satu kesedaran, perlu kita beri peruntukan yang sewajarnya supaya kita dapat *early intervention*, kita boleh cegah, kita boleh jumpa di peringkat awal supaya kita boleh selamatkan banyak nyawa Tuan Pengerusi dan kita boleh beri rawatan secepat mungkin. Jadi itu saya minta di bawah peruntukan ini semua dan juga bukalah ruang kepada *alternative medicine* yang ada *background research* bukan yang mengarut-mengarut ini.

■1550

Saya pun tidak setuju kalau yang mengarut ini tetapi kita lihat di negara-negara Barat bagaimana mereka buka ruang kepada alternatif *medicine* yang ada *background research*, yang ada *back by research*. Bagaimana Kementerian Kewangan mereka boleh memberikan peruntukan untuk hospital-hospital yang lain dari konvensional. Kalau di United Kingdom, *Homeopathic Hospital*, Raja *England* pun mereka *Homeopathic Hospital*. Jadi ini dari segi falsafah haruslah kita terima dan kita mahukan yang terbaik untuk negara kita.

Bagi pihak seorang yang telah melalui dan saya kata bahawa saya diberi peluang untuk berjumpa rawatan awal, mungkin Allah beri saya untuk bersuara atau bercakap tentang perkara ini, Tuan Pengerusi. Ini kerana *the rate* ataupun berapa ramai pesakit-pesakit yang jumpa kanser di tahap lambat itu memang terlalu ramai dan hendak dapat di peringkat awal ini doktor kata, "*Macam mana ini, you are so lucky*". Saya kata, "*Allah izinkan dan mesti ada sebab*". *Alhamdulillah*, saya di sini pada hari ini bercakap tentang perkara ini. Inilah yang saya hendak sampaikan supaya kita cegah dan kita pastikan orang lain tidak melalui sampai ke tahap tiga atau tahap empat dan kita selamatkan mereka awal. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kinabatangan mahu juga bercakap mengenai dengan kesihatan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya Tuan Pengerusi, kesihatan luar bandar.

Tuan Pengerusi: Sila.

3.51 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi sebab memahami jiwa saya.

Tuan Pengerusi: Saya cuba Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingin menyentuh beberapa perkara iaitu Butiran 020000, 030000, 041000 berhubung dengan Kesihatan Awam, Kesihatan Luar Bandar dan sebagainya.

Yang Berhormat Menteri, saya rasa sudah sampai masanya kerajaan melihat secara serius tentang bagaimana kesihatan ini penting sebab apabila berbicara soal kesihatan, orang kata kita banyak duit berjuta pun, kalau tidak sihat, kita tidak boleh melakukan apa-apa. Akan tetapi kalau kita tidak mempunyai apa-apa, kita mempunyai kesihatan yang kuat, maka kita boleh mencetus sesuatu menjadi apa-apa. Oleh kerana itu, kesihatan ini bukan hanya dibicarakan oleh orang-orang profesional, oleh doktor dan sebagainya atau oleh wakil rakyat. Semua rakyat memerlukan kesihatan yang seimbang di antara wilayah. Kinabatangan kawasan saya. Kalau Yang Berhormat Menteri mahu ikut saya, saya bawa. Bawalah doktor-doktor yang hebat berbicara tentang kesihatan. Bagaimana pengendalian kesihatan di kawasan Kinabatangan? Satu kampung yang sukar dihubungi, tidak ada klinik kesihatan dan tidak ada klinik desa.

Saya tidak tahu, yang ada klinik doktor udara, Tuan Pengerusi. Klinik doktor udara ini kalau boleh kita kurangkan sebab kosnya terlampau tinggi. Saya kira-kira- saya ini bukan pakar matematik Tuan Pengerusi tetapi saya kira-kira, setahun perjalanan doktor udara itu boleh membina tiga atau dua buah klinik kesihatan di kawasan saya. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri beri perhatian dengan kampung-kampung di Kinabatangan yang jauh, yang kurang perhubungan jalan raya ini, binalah klinik desakah atau klinik kesihatankah dan tidak perlu doktor.

Pembantu perubatan pun boleh. Orang Sabah panggil *dresser*, pun boleh. Jadi kosnya kurang sebab apabila kita berbicara soal kesihatan, seharusnya kita berbicara di semua peringkat dan di semua sudut. Ia bukan sahaja di kawasan saya, di kawasan Timbalan Tuan Yang di-Pertua pun di Beluran pun begitu, di Kapit pun begitu, saya bantu ini, di Limbang.

Jadi sebab ini seharusnya kita lihat secara *total*, secara mudah. Apabila menyentuh soal kesihatan, maka kita kena mengemukakan kepada kerajaan. Kalau EPU yang *control* duit, maka beritahu EPU. Kalau pegawai-pegawai EPU pun tidak sihat, sudah tentu perancangan ekonomi negara pun tidak sihat. Jadi jangan fikir diri sendiri, jangan fikir kita mahu sihat, orang lain tidak mahu, tidak boleh. Mesti fikir, kalau Menteri mahu sihat, orang lain pun perlu sihat juga. Jadi untuk menyihatkan semua, maka kita kena membentuk satu rangkaian *Blue Ocean Strategy*, bagaimana kita hendak memberi perkhidmatan kepada masyarakat luar bandar?

Mungkin kos tinggi tidak boleh maka, kita binalah klinik desa yang kecil-kecil tetapi ada perkhidmatan sentiasa ada. Ini kerana di Kampung Inara, Kampung Pinanga ini Tuan Pengerusi, kalau orang yang mengandung berjalan, banyak orang sudah melahirkan anak di tengah jalan,

tidak sempat ke Telupid, tidak sempat ke Sandakan sebab dia *stuck* di tengah-tengah jalan. Jadi bayangkan perkara ini boleh berlaku dalam era kita yang sudah merdeka 50 tahun lebih.

Seorang Ahli: Malaysia Boleh!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu namanya Malaysia Boleh. Segalagalanya boleh berlaku. Saya setuju itu, perkataan itu jangan ditarik balik, itu kekalkan, sendiri tahu. Jadi saya harap perkara sebegini kita lihat doktor udara itu kalau boleh kurangkanlah, kosnya tinggi. Satu kali sewa helikopter sudah berapa? Jadi kalau kita boleh meletakkan sebuah Klinik 1Malaysia untuk orang bandar dan untuk orang pinggir bandar, tidak mungkin sebuah klinik desa untuk orang di luar bandar tidak boleh? Saya hairan, kenapa strategi kementerian ini- di kementerian ini ramai doktor. Kalau orang kampung cakap, sudah pandai tetapi saya tidak tahu cara dia berfikir mungkin dari segi dia tidak fikir secara menyeluruh, dia fikir sudut bandar sahaja. Jadi saya ini orang dari luar bandar, dari kampung...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini pun luar bandar, saya tahu.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Luar bandar juga. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan begitu kuat suaranya tentang soal memberi kesihatan yang baik kepada rakyat di luar bandar. Adakah Yang Berhormat setuju kalaulah doktor udara itu terlalu tinggi kosnya, bolehkah juga diwujudkan juga sebuah klinik bergerak yang mempunyai jadual? Dalam satu bulan datang empat kali mengunjungi mana-mana kampung yang terletak jauh di luar bandar.

Ini kerana saya melihat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Kinabatangan, kalau di tempat saya Tuan Pengerusi, sebagai contoh di Kemabung, ada beberapa buah kampung yang sukar dihubungi, tidak ada klinik desa. Saya telah mencadangkan kepada pihak klinik ataupun hospital yang ada di Daerah Tenom supaya mewujudkan klinik bergerak dan mereka sehingga ke hari ini telah beroperasi dan memberi khidmat kesihatan kepada masyarakat khususnya rakyat saya di kawasan Tenom.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Tenom. Sebetulnya itu yang saya maksudkan apabila kita ingin mencadangkan *Blue Ocean Strategy*. Seharusnya kita guna pendekatan mengikut kesesuaian keadaan. Kalau tidak boleh mengadakan, peruntukan tidak cukup, laksanakan sebuah klinik bergerak tetapi jangan beri klinik bergerak yang tengah jalan tayarnya hilang semua. Ini masalah, *mentality problem*. Kita punya pegawai-pegawai, dia ingat Sabah ini macam dia duduk di Kuala Lumpur.

Dia beri kereta suka-suka dia, di sana kalau tayar tidak cukup lengkap, hilang, dengan tayar-tayar terbalik. Jadi gunalah pendekatan akal fikiran yang waras. Tuhan cipta kita ini sebagai manusia, Dia suruh kita berfikir, kita ini makhluk yang lebih bijaksana diciptakan di dunia ini. Inilah manusia namanya. Justeru itu, manusia kena gunakan pemikiran yang waras. Tanya isi hati kita, jangan ikut perasaan kita.

Kesihatan, sebetulnya di Sandakan ini kalau saya pergi Hospital Sandakan Tuan Pengerusi, saya sihat saya jadi sakit Tuan Pengerusi. Saya jadi sakit serta-merta melihat

prasarananya tidak keruan, macam pasar ikan. Bayangkan seharusnya hospital ini, rumah sakit ini, kita tukar nama jangan rumah sakit, rumah untuk menyembuhkan penyakit. Bermakna ini asal rumah sakit, semua orang masuk nampak macam sakit. Prasarananya kurang, seharusnya rumah sakit itu menyembuhkan penyakit. Ini orang sakit, jadi lagi sakit.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

■1600

Jadi oleh kerana itu cubalah buatlah KPI kementerian ini hospital-hospital, pengarah-pengarah bantu. Ini di Sandakan kita ada mesin hemodialisis dua berfungsi, dua tidak, yang orang sakit tidak sakit sedikit-sedikit sakit terus. Hendak berubat potong *queue* dia punya tunggu dua minggu baru dapat. Dua minggu orang mahu tebuk jantung pecah dia punya buah pinggang baru dapat proses dia. Jadi macam mana peruntukan Yang Amat Berhormat umumkan ada. Gunakanlah secara bijaksana. Panggillah GLC-GLC syarikat-syarikat yang berjaya yang untung ini. Dermalah bantu buat kolaborasi. Inilah gunanya kita buat kolaborasi di antara satu dengan lain jangan mereka mengaut keuntungan. Di Kinabatangan itu berapa banyak GLC, syarikat *listed company* menganut keuntungan. Sebanyak 49 syarikat ladang kelapa sawit separuh Kinabatangan mereka punya tetapi mereka bawa untung ke Semenanjung orang Kinabatangan tinggal dapat habuk. Jadi bincanglah dengan mereka apa cara hendak melaksanakan CSR, tidakkan mereka tidak boleh sumbang mesin hemodialisis satu orang satu. Letaklah 10 buah, 20 buah sana untuk kemudahan orang.

Ini belum lagi saya menyentuh kanser sebab Yang Berhormat rakan saya tadi telah menyentuh bagaimana kanser ini. Saya pun hairan saya tanya doktor *we are in advance* banyak doktor pakar tetapi rupa-rupanya ada juga penyakit dia tidak boleh sembuhkan. Macam kanser ini susah hendak kesan. Sudah kena lebih baru dapat tahu habislah. Kalau tidak ada duit alamat, kawan-kawan saya banyak yang kena habislah. Kasihan mereka menderita. Jadi duduk di sini fikirilah baik-baik, gunakanlah, tengoklah hospital-hospital kita. Kalau di luar bandar ini Sandakan, Kinabatangan bagi kereta ambulans, bagi yang bagus-bagus. Jangan bagi yang *second hand*, bagi peralatan yang baik, tengok. Ini sebab saya tengok banyak orang ada keuntungan dalam soal-soal sebegini. Jadi Menteri harus tinjau perkara ini. Saya tidak menuduh tetapi saya yakin...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Kinabatangan boleh mencelah sedikit?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya sila.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang rawatan harian. Kadangkala apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan kita bukan memerlukan doktor-doktor pakar kerana yang penting ialah rawatan sokongan daripada kalangan paramedik. Jadi apakah pihak kementerian akan menyediakan ramai paramedik-paramedik untuk membantu

rawatan-rawatan yang ringan? Kadangkala pesakit-pesakit datang ke hospital bukan kerana sakit yang kritikal tetapi sakit biasa yang mana boleh dirawat oleh paramedik.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya setuju dengan rakan saya dan saya percaya pihak kementerian ada di sini, saya masukkan hujah itu sebagai hujah saya supaya dapat dijawab oleh kementerian sebab itu penting untuk dipertingkatkan *value added* tambah nilai. Tidak perlu doktor tetapi pembantu-pembantu yang ada kepakaran, betul juga bukan semua orang sakit dia teruk, ada yang mahu *Panadol*, ada minta periksa darah tinggi, macam-macam. Akan tetapi aduh waktu dia tunggu itu saya kata dia tidak sakit boleh jadi sakit. Sakit kecil boleh jadi berat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kinabatangan jangan lama-lama nanti sakit. Saya terpendang.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan setujuakah tidak perkara ini macam pakar kita jangan *centralize* tempat. Macam di Sarawak semua buat di Kuching, mungkin Sabah semua buat di Kota Kinabalu. Macam Sandakan ataupun di lain-lain punya bahagian pun taruklah ada *specialist* lebih sedikit sana. Kalau tidak kita *transfer patient* pergi *centralize* macam Kuching. Kuching cari Kuching punya hospital besar, kemungkinan KK pun cari KK punya hospital memang besar. Akan tetapi bila dia sampai GH yang besar punya memang masa ambil banyak panjang. Panjang tadi you kata tunggu masa sampai mungkin dia sudah *last journey* sudah, tunggu mati.

Macam itu hari saya kata banyak *patient-patient* dia boleh dapat perubatan tetapi akhir sekali masa-masa tidak berapa panjang dia tidak dapat berubah sudah. Ini Yang Berhormat Kinabatangan setujuakah tidak kita agihkan kepada daerah ke daerah barulah kita rakyat punya nyawa dapat diselamatkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya saya memang setuju dengan Yang Berhormat Bintulu. Bukan saya setuju sebab dia *boss* saya [*Ketawa*] Akan tetapi saya setuju dengan pandangan yang dia bagi sebab berlaku di kawasan saya. Apabila ada kemalangan contohnya tidak ada pakar di Kinabatangan. Dia kena hantar ke Lahad Datu kena hantar ke Sandakan. Itu saya cakap orang sakit sedikit jadi sakit banyak. Alasan sudah tahulah saya tahu kementerian standard, kita kekurangan doktor [*Ketawa*] Biasa. Saya tidak tahu bila negara kita ini cukup doktor. Bila cukup doktor kita hantar doktor pergi luar negara mana-manalah. Tengoklah berapa doktor kita perlu hantar pergi Jogjakah, hantar pergi Rusiakah dia murah sedikit, yang pentingnya doktor. Doktor yang boleh menyembuhkan orang. Doktor ini bermakna dia kalau orang sakit jumpa doktor dia boleh sembuh...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Di sini juga kita mahu lihat doktor ini kita mesti mahu rebut kualiti

bukan kita mahu kuantiti, kualiti mustahak. Sekarang kita banyak MO saya terima aduan-aduan daripada rakyat. Bila dia sakit masuk pertama hari dia pergi hospital, dia sudah pergi *check* dia *tick, tick, tick* satu keluar dia pergi ambil ubat, ubat *Panadol*. Akan tetapi walaupun tidak ada tulis *Panadol* dia pergi tanya lain-lain farmasi dia *check* ini ubat *Panadol [Ketawa]* Lain-lain kali kedua pergi pun sama juga tetapi dia masih sakit. Ada saya punya rumah panjang akhir sekali dia pergi tidak boleh dia sudah bising dia sudah marah, *check* satu kali dia kata, "*Minta maaf kita sudah kena kanser.*"

Ini MO ini sekurang-kurangnya kita mahu ada kualiti. Kualiti mestilah murah daripada universiti bila dia ambil kos itu semua, kita punya *lecturer* semua mesti mahu kualiti. Kalau tiada ini keluar banyak-banyak doktor pun tidak guna juga. Esok kita pandangan dia pun bagi *Panadol* juga.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya saya setuju dengan Yang Berhormat Bintulu. Oleh sebab itu yang terakhir Tuan Pengerusi lihatlah secara menyeluruh soal kesihatan di negara kita ini. Ini sebab kalau tidak akhirnya kita akan, perkara ini akan terus dipersoalkan. Sedangkan kita mempunyai opsyen, mempunyai pilihan, pilihan yang lain. Walaupun saya percaya hospital di negara kita ini masih yang terbaik jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Akan tetapi sebetulnya perlu kita *improvekan* perlu kita tambah nilai. Satu perkara yang saya lihat di Sandakan, Hospital Sandakan ini saya lihat banyak doktor-doktor yang lepas graduan yang junior. Saya tidak tahu macam mana banyak pesakit termasuk dua orang, tiga orang daripada keluarga saya. Masuk tidak berapa serius sakit tetapi asal jumpa doktor dia tebuk. Kalau bukan tebuk leher, tebuk belakang, tebuk pinggang akhirnya pesakit-pesakit yang ditebuk itu semua mati. *[Ketawa]*

Bukan saya kata mereka mati pasal ditebuk sebab nyawa itu bukan manusia yang pegang. Akan tetapi seolah-olah mereka jadikan Hospital Sandakan ini sebagai eksperimen doktor. Memandangkan mungkin Sandakan bukan bandar besar walaupun mati mungkin keluarga dia tidak boleh tahu apa-apa maka itulah yang berlaku. Sampai *famous* di Sandakan jangan masuk Hospital Sandakan sebab kalau kena tebuk mesti mati punya. Ini sudah berlaku. Jadi itu saya harap kementerian menyiasat perkara ini. Jangan sampai orang sakit kecil-kecil ditebuk dada dia pula. Terima kasih Tuan Pengerusi yang bijaksana dan saya menyokong akta ini. Terima kasih.

■1610

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 3, 6, 8, 10, 12... *[Mengira Ahli-ahli Yang terhormat yang mahu berucap]* Tidak boleh hendak bagi semua ini. Kalau lima minit boleh? Pendek-pendek sahaja ya. Ikut kepala dan butiran. Jangan panjang-panjang. Okey, Yang Berhormat Kapar.

4.10 ptg.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak ada salam reformasi, teruskan sahaja [*Ketawa*]

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi sudah sebut bagi pihak saya. Saya hendak menyentuh Butiran 30000, secara am, aset. Berbanding dengan tahun 2014 ke tahun 2015, ada penurunan sebanyak 50%, RM102 juta menjadi RM59 juta. Saya ingin menanyakan bahawa sepatutnya aset-aset ini saya rasakan lebih berkaitan dengan mesin-mesin yang membantu dalam rawatan dan sebagainya. Mengapa berlaku penurunan? Itu yang pertama.

Yang kedua adalah mengenai Butiran 020300. Ini kena mengena dengan kawalan penyakit. *Prevention is better than cure*. Peningkatan RM601 juta awalnya pada tahun 2014, kini RM653 juta. Peningkatannya ada berlaku tetapi peningkatan dikhaskan kepada emolument berbanding dengan perkhidmatan dan bekalan, dan pemberian dan kenaikan bayaran tetap, tiada pertambahan yang drastik. So, macam mana kawalan penyakit ini boleh dicapai walaupun RM653 juta kita peruntukkan.

Ketiga, Butiran 020500 berkenaan dengan pemakanan. RM43 juta telah diperuntukkan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian, bagaimanakah dana ini akan dibelanjakan?

Keempat, bekalan mengenai Butiran 030200 – Pengurusan Hospital. Saya baru sebentar tadi telah ke Hospital Kuala Lumpur. Saya ingin bagi kredit kepada Kementerian Kesihatan. Sebelum ini memang kenakan bayaran kepada *parking*. Kali ini bila saya melawat tidak ada. Lepas itu ada juga ruang untuk ambulans untuk kecemasan. So, itu saya terima baik. Akan tetapi ada juga keluhan-keluhan yang saya terima adalah mengenai *parking* yang tidak cukup. So, minta kementerian mempertimbangkan untuk membuat tempat letak kereta bertingkat sebab masa melawat itu adalah sejam, dua jam, hendak cari *parking* ini terlalu lama. Ada yang mengeluh tadi kata hampir 30 minit, satu jam cari tidak dapat juga. Terpaksa *parking* dekat tepi-tepi jalan. So, saya minta perhatian daripada kementerian.

Seterusnya Butiran 031900. Ini kena mengena dengan radioterapi dan onkologi. RM135 juta telah meningkat menjadi RM150 juta. Satu yang saya hargai sebab tahun lepas saya menekankan untuk peruntukan yang lebih banyak untuk penyakit-penyakit kanser dan barah. Saya juga telah mendapati daripada RM158 juta ini, RM129 juta adalah untuk perkhidmatan dan bekalan. Saya terima baik benda ini. Saya ingin penerangan dan penjelasan daripada kementerian, bagaimana RM129 juta ini akan dibelanjakan kepada pesakit-pesakit barah?

Seterusnya Butiran 111400 – Pengoperasian Klinik Desa Yang Di Naiktaraf Ke Klinik Kesihatan sebanyak RM15 juta. Saya ingin penjelasan daripada kementerian, berapakah klinik desa yang terlibat yang akan dinaiktarafkan? Kalau boleh, sila beri *breakdown* tentang klinik-klinik yang akan terlibat.

Akhir sekali tentang Klinik Kesihatan Kapar. Saya difahamkan ada beberapa mesin untuk *check* darah tidak ada berbulan-bulan. Apabila pesakit-pesakit ke Klinik Kesihatan Kapar dan tanya kepada pegawai-pegawai yang bertugas, mereka katakan bahawa tidak ada peruntukan

untuk membeli mesin-mesin baru. Saya ingin membawa perhatian kepada Kementerian Kesihatan supaya selesaikan isu ini secepat yang mungkin.

Akhir sekali adalah kena mengena dengan Hospital Kapar. Sejak saya menjadi Ahli Parlimen, setiap kali sesi Parlimen, saya menulis soalan mengenai Hospital Kapar dan saya berterima kasih kepada kementerian kerana memberi satu penjelasan mengatakan bahawa ia terlibat dengan Kerajaan Negeri Selangor. Saya ingin meminta jasa baik Kementerian Kesihatan, Yang Berhormat Menteri supaya saya ingin satu temu janji, duduk bersama Menteri dan mendapatkan penjelasan supaya saya boleh bawa benda ini balik kepada Kerajaan Negeri Selangor sebab saya berharap Hospital Kapar ini dapat diselaraskan secepat dan sebaik yang mungkin.

Terima kasih Tuan Pengerusi, salam reformasi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bintulu. Seperti Yang Berhormat Kapar juga, lima minit.

4.15 ptg.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya ambil bahagian dalam Jawatankuasa - Kementerian Kesihatan. Saya mahu sentuh dua perkara. Satu perkara yang saya ingin sentuh ialah Butiran 030000, Butiran 060000, Butiran 070000 sekali gus.

Tuan Pengerusi, sekarang saya dapat maklumat ada ubat daripada *centralize*, *order* semua daripada Kuala Lumpur. Lepas itu dia orang kirim ubat kepada semua klinik ataupun hospital-hospital yang mana minta ubat di semua negeri. Jadi, saya mahu mencadangkan ini. Isu ini, kalau betul-betul *order* daripada Kuala Lumpur panggil tender di sini, apa salahnya? Kita *decentralize*. Bagi semua negeri ataupun di mana-mana hospital di negeri yang ada dia orang boleh buat order ataupun tender itu ubat dia orang fikir mana yang sesuai atau mana ubat yang senang boleh didapati, masa ditentukan dia orang boleh dapat *supply*... [Disampuk] *Supply* ubat itu kepada hospital ataupun klinik.

Saya rasa kalau kita *centralize*, kos pun tinggi. Kadang-kadang ada *patient* beritahu dia orang bila pergi hospital ambil ubat, dia kata tiada ubat, kena tunggu ubat sampai. Jadi, kita kalau *decentralize*, lain-lain farmasi, kalau dia orang buat *qualified*, buat *supply* kepada hospital memang lah dia orang pun dapat meniaga sedikit. *Why we want to centralize?* Kita boleh *decentralize*.

Saya rasa kalau kita *decentralize*, kerana sistem kita ada, memang kita dapat mengawal juga. Saya minta Yang Berhormat Menteri ambil pertimbangan masalah rakyat. Kalau boleh, buatlah tahun depan kita *decentralize* order-order ubat itu semua. Bagilah negeri-negeri dia orang berbincang bersama dengan lain-lain hospital. Mana-mana hospital boleh buat order itu ubat. Kalau *centralize*, nanti satu ubat *you* order lebih, esok lain-lain ubat sudah habis kita buang walaupun kita kata boleh *return*, boleh ganti. Nanti lain ubat ganti, dia naik harga pun sama juga.

Tuan Pengerusi, isu kedua. Isu ini pun mustahak juga. Isu keselamatan dan kualiti makanan. Yang Berhormat Menteri, adakah kita sedar atau pun lihat isu ini mengenai perubahan jual di *market* ataupun lain-lain punya makanan. Kira macam vitamin jugalah saya mahu sentuh, macam *supplement*. Bukan *supplement* ini. Kita ada kopi tongkat ali ini yang sudah dijual beberapa tahun barulah sekarang kita keluarkan bahawa tongkat ali tidak boleh diambil sudah. *Not meet requirement of the* kesihatan punya standard. Ini sudah terlewat.

Janganlah kita sampai macam di Taiwan baru-baru ini sudah- *what is it?* Minyak. Bila kita dapat lihat sudah satu Taiwan semua dia orang makan minyak itu, ambil minyak itu, sekarang semua orang maki, semua orang marah, pun tidak berguna juga sebab semua sudah masuk dalam dia orang punya perut. Bila mahu jalan, tidak tahulah. Jadi, kita punya Jabatan Kesihatan betul-betul ada jalankan tugas atau tidak? Janganlah sampai dia mimpi, sudah habis mimpi, barulah mahu pergi, sedar dan jalankan dia punya tugas. *So, we must be proactive.* So, ini perkara, bila kita baru betul-betul menjalankan tugas?

Ada kita nampak di kedai kopi kah atau restoran mana-mana dia punya *kitchen* betul-betul teruk tetapi kita Jabatan Kesihatan pun tidak ambil apa-apa tindakan. Kita kebersihan pun tiada. So, hendak bertanya kepada Menteri, adakah satu jaminan kepada rakyat kita makanan itu ataupun kualiti makanan kita ada terjamin atau tidak di negara kita?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

■1620

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Barang-barang kita dijual di negara kita terutama sekali *supplement* itu semualah. Saya difahamkan ada satu *supplement* yang dijual di *United States* pun ada keluar sijil kata *safe*. Semua orang boleh makan. Sekali Taiwan pergi *check supplement* itu, dia kata, "*Not fulfil the requirements*". Tidak ikut standard, tidak boleh makan. Inilah sudah, *only after five years*. So, saya minta Menteri kalau boleh jelaskan dalam Dewan yang mulia ini, bagi satu jaminan kepada rakyat kita terutama sekali itu minyak masak semua, kita betul-betul ada *check* kah itu? Jangan macam-macam punya minyak bawa balik. *Factory* kita *recycle* balik, jadi minyak masak lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Gopeng.

4.21 ptg.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bangkitkan berkenaan dengan Butiran 060000 – Perkhidmatan Farmasi. Kebetulan saya tahu bahawa bahagian farmasi telah menggubal satu dasar untuk Dasar Farmasi Negara yang mana keutamaan diberikan kepada kegunaan ubat generik. Tahniah saya ucapkan kerana dasar tersebut. Cuma saya hendak peringatkan di sini bahawa di Malaysia, 80% yang kita gunakan adalah ubat generik sebab jauh lebih murah. Kalau ubat paten dua kali ganda lebih...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, butiran berapa? Butiran.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Butiran 060000. Dalam hal ini, adalah penting untuk kementerian mengambil bahagian yang lebih aktif dalam rundingan TPPA. Sebab apabila TPPA ini ditandatangani, kita lihat kegunaan ubat generik ini akan berkurangan kerana perjanjian tersebut akan memperkayakan *multinational corporations* seperti Pfizer dan sebagainya khususnya daripada Amerika Syarikat. Mereka akan mengaut keuntungan ke atas kesengsaraan pesakit dari negara membangun khususnya di Malaysia. Sebagai contoh misalannya, apabila TPPA ini dilaksanakan, kita lihat paten untuk sesuatu ubat itu boleh dilanjutkan selama-lamanya. Sebagai contoh, aspirin kalau mula-mulanya digunakan untuk sakit migrain. Apabila ada kegunaan yang baharu, misalannya untuk sakit koronari, paten boleh dilanjutkan untuk 10 tahun, 20 tahun selebihnya.

Apabila didapati bahawa aspirin boleh digunakan untuk mengelakkan strok, ia boleh dilanjutkan lagi 10 tahun, 20 tahun. Jadi, ini satu cara yang mana syarikat-syarikat farmasi boleh melanjutkan paten. Ada cara yang lain. Ia boleh gunakan formulasi yang berlainan. Misalannya ubat *Lipanthyl* untuk kolesterol. Mula-mula *Lipanthyl* dikeluarkan selepas itu dia tukar *Lipanthyl Supra*, selepas itu *Lipanthyl Penta*. Semua ubat yang sama tetapi formulasi yang berlainan dan *patency* ini boleh dilanjutkan selama-lamanya.

Ketiga, apabila TPPA ini dilaksanakan, *data exclusivity* akan dilaksanakan yang mana ubat generik tidak boleh digunakan data original untuk penggunaan ubat tersebut. Jadi, ini akan menyusahkan pengeluaran ubat generik dan pastinya kos untuk mengeluarkan ubat generik akan meningkat dan ini juga akan menyusahkan industri farmaseutikal tempatan dan ini satu perkara saya rasa, kementerian harus ambil *active role*. Jangan biarkan MITI yang uruskan segala-galanya dalam urusan TPPA.

Kedua, dalam butiran yang sama farmasi. Saya mendapati bahawa apabila menjelang penghujung tahun, ubat-ubat di bawah DDA khususnya *midazolam*, *aprozolam* dan sebagainya tidak ada dalam stok kerana kuota untuk import telah habis dan tidak dapat dibeli di pasaran sama ada di hospital swasta ataupun di farmasi. Kita tahu walaupun ada sedikit masalah ketagihan dengan ubat-ubat sedemikian tetapi keselamatan ubat tersebut terbukti dan kita tidak lagi dalam zaman *barbiturates*. Saya harap kementerian akan mengkaji semula senarai ubat dalam DDA tersebut supaya kelonggaran ini diberikan kerana ubat ini penting untuk mereka yang memerlukan ubat-ubat tersebut.

Saya ingin beralih kepada Butiran 020300 – Kawalan Penyakit berkenaan dengan denggi. Saya memang telah meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan jawatankuasa khas yang ditubuhkan untuk kawalan denggi. Akan tetapi kalau kita lihat setakat ini, saya pasti tahun ini kes denggi akan melebihi 100,000 kes dalam tahun 2014. Ini satu tahap yang luar biasa *unless* kalau kita tidak kawal, ada kemungkinan kes denggi bukan lagi jadi satu epidemik sekali gus tetapi jadi satu endemik yang selalu ada dalam kadar yang tinggi kecuali kalau kita mampu memecahkan rantai penyebaran denggi tersebut. Dalam usaha ini saya hendak menegaskan usaha *fogging* khususnya, sebab kita tahu kes denggi ini memerlukan

untuk doktor buat *notification* apabila *confirm* kes tersebut dalam masa 24 jam. Akan tetapi adakah *fogging* itu dibuat dalam 24 jam selepas *notification*?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Ini penting. Saya rasa, saya harap, saya hendak gulung. Saya harap kementerian boleh meneliti berapa peratus kah kes yang di *notified* dapat *fogging* dalam 24 jam. Ini saya rasa agak penting. *Last* sekali, butiran yang terakhir, Butiran 032000.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah janji tadi.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: *Last, last.*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah janji. Kalau tidak, saya terpaksa kurangkan seorang.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Satu minit, satu minit [*Disampuk*] Cuma saya harap, kementerian menyediakan *CT-scanner* untuk setiap hospital di bawah Kementerian Kesihatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Saya ambil dari sini dahulu. Yang Berhormat Jerantut.

4.27 ptg.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi beri ruang kepada saya. Sedikit sahaja, dua perkara untuk saya kongsi iaitu di bawah Butiran 030200 – Pengurusan Hospital yang mendapat peruntukan lebih daripada RM1.8 bilion. Secara umumnya saya merakamkan terima kasih kepada kementerian kerana terdapat peningkatan tahap kesihatan yang tinggi di negara kita. Walau bagaimanapun, masih banyak lagi perkara yang perlu kita tingkatkan untuk kepentingan rakyat khususnya mereka yang berada di luar bandar ataupun di bandar-bandar kecil seperti di Jerantut, Kuala Krau, Kuala Lipis, Jengka dan sebagainya. Ini termasuklah di Jerantut ini yang keluasan daerah Parlimennya meliputi tiga buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan juga Perlis.

Ada sebuah hospital yang masih banyak lagi perlu dipertingkatkan walaupun ada 70 buah katil lebih kurang macam itu tetapi daripada segi perkhidmatan lain yang sepatutnya dipertingkatkan iaitu kalau boleh, kalau tidak dapat hospital baharu pun, hospital yang sedia ada itu perlu dinaiktarafkan terutama kepada perkhidmatan pakar, sekurang-kurangnya pakar perubatan. Ini kerana di Jerantut ini, kalau seseorang pesakit yang memerlukan rawatan pakar, ia mengambil masa hampir tiga jam untuk dihantar ke Temerloh dan bertambah pula kos kepada keluarga yang mengiringi pesakit seperti contohnya kalau keluarga ini datang dari kawasan pedalaman di Ulu Tembeling, mereka telah melalui perjalanan menaiki bot selama empat jam ke lima jam bergantung kepada keadaan air. Kemudian, satu jam pula perjalanan dengan kereta ke bandar Jerantut, ditambah pula lagi dengan dua jam ke Hospital Temerloh.

■1630

Jadi kesempatan ini, saya merayu kepada pihak kerajaan agar dapat memberikan peruntukan untuk menaik taraf Hospital Jerantut kepada taraf perkhidmatan pakar perubatan. Perkara yang kedua di bawah program hospital juga, saya sangat mengharapkan agar bilangan doktor yang datang ke Jerantut ini dipastikan jumlahnya sentiasa mencukupi. Ia macam ada seperti ini Tuan Pengerusi, macam biskut *Chipsmore*, kadang-kadang cukup, kadang-kadang tidak cukup dan yang banyak kalinya tidak cukup. Jadi ini menambahkan lagi bebanan kepada doktor-doktor yang ada di Jerantut. Sudahlah doktor-doktor yang dihantar mereka yang benar-benar baru, baru lepas *housemanship* kemudian datang ke Jerantut. Datang tidak lama, lari pula. Jadi Jerantut ini seolah-olah menjadi mangsa. Saya bimbang keadaan seperti ini menyebabkan rakyat di Jerantut berjauh hati dengan kerajaan, dan akhirnya mereka lebih berminat untuk menandakan atau memangkah lambang yang lain pula nanti.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua saya hendak bawa ialah Butiran 031500 – di bawah tajuk Nefrologi yang mendapat peruntukan lebih kurang RM230 juta lebih. Umum mengetahui peningkatan pesakit buah pinggang ini semakin bertambah setiap tahun. Ini termasuklah juga kawasan Parlimen Jerantut, Kuala Krau dan juga Lipis. Kawasan Jerantut, Lipis dan Kuala Krau ini sebahagian besar mereka yang berpendapatan rendah, yang sekian lama setia kepada kerajaan Yang Berhormat Menteri. Jadi kalau mereka ini hendak mendapatkan rawatan hemodialisis di pusat hospital kerajaan ini, tidak banyak, tidak cukup. Kalau mereka mendapatkan rawatan di pusat hemodialisis swasta, kena bayar sebanyak RM200 untuk sekali rawatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jerantut.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Sedikit lah Tuan Pengerusi. Hendak habis sudah. Sekali rawatan RM200, seminggu tiga kali, RM600 didarab dengan sebulan, RM2400. Bagaimana mereka yang berpendapatan rendah ini untuk mendapatkan rawatan hemodialisis. Saya mencadangkan juga agar pusat hemodialisis ini di Jerantut ditambah ataupun kerajaan memberikan insentif kepada syarikat-syarikat hemodialisis swasta ini supaya bebanan rakyat yang mendapat rawatan ini dapat dikurangkan bayaran perkhidmatannya. Jadi sekian Tuan Pengerusi.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bertambah dua lagi, tadi Yang Berhormat Kuala Krai tidak ada. Yang Berhormat Sungai Siput.

4.32 ptg.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Lima perkara ringkas. Pertama ialah di bawah Butiran 010100 – Pengurusan. Ini berkenaan dengan kebebasan profesional pakar-pakar yang menganggotai Panel PERKESO. Ini kerana ada kes-kes seperti *spondylolithesis* gred 2, gred 3 yang digagalkan oleh pakar dan mereka mengatakan ada garis

panduan daripada PERKESO yang mengatakan ini tidak cukup *percentage point* untuk dikatakan ilat. So, saya meminta Yang Berhormat Menteri untuk menasihatkan pakar-pakar kita- dia kena tengok pekerja itu apa taraf pendidikannya, apakah kemahiran pekerjaannya. Jika dia manual worker dengan *spondylolithesis* gred 2 atau gred 3 mana dia boleh bekerja. So, mereka mesti mempunyai kebebasan profesional dan tidak mengikut apa yang diberitahu oleh SOCSO.

Isu kedua ialah Butiran 031500 – Nefrologi. Saya diberitahu bahawa subsidi RM60 setiap kali dialisis untuk pesakit yang terpaksa pergi ke pusat swasta telah dibekukan. Pesakit lama diberi tetapi pesakit baru sekarang, mereka mesti membayar penuh dan lebih kurang RM120 sekali, tiga kali seminggu, dalam empat minggu lebih kurang RM1400. Ini agak berat untuk mereka. So, nombor dua.

Ketiga, saya hanya *echo* apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gopeng. Apakah *stand* Kementerian Kesihatan berkenaan dengan apa yang dibawakan oleh TPPA untuk memanjangkan tempoh paten daripada 20 tahun ke lebih. Adakah kita bersetuju tentang itu. Apakah *stand* kita berkenaan dengan *data exclusivity*? Apakah *stand* kita berkenaan dengan tanggungjawab sekarang bukan di atas syarikat yang membawa ubat tetapi kita sendiri kena membuat pemantauan untuk perkara ini.

Isu keempat ialah Butiran 030800 – Pediatrik. Saya ingin tahu berkenaan dengan *lysosomal disease*. Ada beberapa orang pesakit sekarang yang dirawat di hospital-hospital kerajaan dengan *Enzyme Replacement Therapist* yang saya tahu kosnya sangat tinggi dan berapakah lagi jumlah pesakit yang kita ada yang masih belum dirawat yang kita ada serta apakah cadangan kita untuk mengendalikannya kerana tanpa rawatan mereka akan lebih teruk.

Akhir sekali, Butiran 020300 – Kawalan Penyakit. Adakah benar pihak Jabatan Imigresen sedang bertapak di beberapa hospital kerajaan untuk menangkap pesakit asing yang tidak mempunyai dokumen. Jika ini berlaku, ini bukan satu langkah yang bijak dari segi *public health* kerana jika penyakit berjangkit tidak dikesan lebih awal ia akan berjangkit kepada orang kita juga. So saya rasa jika ini sedang berlaku saya ingat kita kena meminta Jabatan Imigresen menangkapnya di luar dan jangan datang ke hospital dan mengganggu kerana jika mereka membuat gangguan di hospital ia akan menyebabkan wabak isu-isu jangkitan. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Labuan.

4.36 ptg.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sedikit dan pendek, jangan panjang.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Ya. Labuan yang mempunyai penduduk seramai 100,000 orang- difahamkan klinik kesihatan ini setiap 50,000 kita memerlukan sebuah klinik kesihatan dan buat masa ini kita hanya mempunyai sebuah dan kita memerlukan sebuah lagi. Ini sepatutnya di jatuh di P.42 – 0300000, 006000. Kita mencadangkan Klinik Desa Kampung

Bebuloh untuk di*upgrade* menjadi klinik kesihatan yang kedua di mana buat masa ini waktu menunggu terlalu lama.

Begitu juga dengan kepala butiran yang sama, kita melihat Labuan daripada *half specialist hospital* perlu di *upgrade* kepada *full specialist* kerana memandangkan kita sebuah pulau, kita memerlukan pakar-pakar E&T di mana buat masa ini terlalu ramai pesakit-pesakit yang berkaitan mata, hidung dan *throat* terpaksa mengadakan *review* setiap bulan ke Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu di mana memerlukan *travel* ke Kota Kinabalu dan ia memakan masa yang panjang serta perbelanjaan yang agak banyak jika ditambah dengan kos penginapan ahli keluarga dan sebagainya.

Saya sebagai Ahli Parlimen di sana, saya amat sedar kerana semua yang terpaksa melakukan *review* ini memohon wang tambang dan bantuan daripada saya. Selain daripada itu, Labuan juga sebenarnya memerlukan tambahan paramedik serta doktor-doktor biasa. *Specialist* itu memanglah kurang tetapi doktor biasa juga kurang- tadi ada disebutkan *general practisioner* ini sudah lebih *supply* di Malaysia. Akan tetapi sebenarnya di Labuan, kita masih tidak mencukupi di mana setiap *cluster* itu perlu *share* ataupun berkongsi doktor setiap kali mereka dijadualkan untuk datang ke hospital.

Begitu juga yang *immediately* kita perlu- saya dipesankan oleh warga hospital di Labuan ialah mamografi. Selain daripada kita juga memerlukan ambulans tambahan disebabkan apabila ada *emergency* dan perlu dihantar ke Kota Kinabalu, kita mengalami masalah untuk menghantar pesakit-pesakit dari Labuan ke Kota Kinabalu. Dari Labuan ke Kota Kinabalu, kita terpaksa memasuki feri lagi dan selepas feri terpaksa *travel* jauh ke Kota Kinabalu lagi dan jika menggunakan penerbangan, ia memakan kos yang agak tinggi.

■1640

Untuk P.42, Butiran 070100 – Pengurusan Keselamatan dan Kualiti Makanan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Kuala Kedah kerana telah berjaya menarik perhatian ramai. Saya ingat lagi tahun lepas beliau membentangkan mengenai *trans fat* ini tidak ada yang peduli, tetapi kali ini ramai yang telah mengambil perhatian dan saya berharap penekanan diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Mungkin perlu bantuan daripada Kementerian Pelajaran juga untuk memastikan *awareness*, kalau kita tidak boleh membuat perundangan yang tegas untuk mengelakkan daripada kualiti makanan yang boleh memudaratkan itu.

Selain itu, B.42, Butiran 032700 – Psikiatri dan Kesihatan Mental. Saya juga merasakan banyak pesakit yang pada peringkat awalnya yang berkaitan dengan mental ini tidak diberikan *treatment* yang *proper*, maka kebanyakan terutamanya dari suku kaum bumiputera Melayu mengambil jalan atau mengambil perubatan tradisional yang mana ramai sebenarnya yang kesianlah, cuma diketahui mereka perlukan *treatment* yang *proper* apabila sudah terlambat. Itu sahaja. Jadi, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai juga lima minit.

4.41 ptg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh sama dalam maksud B.42 - Kementerian Kesihatan Malaysia ini. Pertamanya mengenai Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia – Butiran 080100. Tadi disebut oleh rakan kita sebentar tadi mengenai penggunaan Traditional and Complementary Medicine (TCM) ini dalam rawatan pesakit. Kita mengalu-alukan kerana kita tidak dapat lari lagi daripada minat rakyat kita untuk menggunakan *traditional and complementary medicine* ini.

Saya baru berjumpa dengan seorang pesakit pagi tadi di hospital yang mengidap *multiple myeloma*, satu penyakit yang agak serius yang pusat rawatan di Malaysia ini yang *specialnya* di Hospital Ampang. Telah dikesan dua tahun yang lalu dan dapat rawatan beberapa bulan, kemudian *dapsone*. Oleh kerana hendak mengambil rawatan tradisional dan komplementari, sepuluh bulan dia tidak hadir sedangkan penyakit tersebut dalam tempoh tersebut kalau tidak diberikan rawatan kemoterapi yang sesuai, maka ia akan memberikan kesan yang teruk. Akan tetapi dia berkeyakinan dengan rawatan ini. kemudian datang balik setelah mendapati keadaan tidak dapat dikawal.

Jadi, saya hendak meminta Kementerian Kesihatan Malaysia supaya menumpukan urusan promosi kesihatan mendidik masyarakat ini supaya menekankan bahawa rawatan alternatif dan tradisional ini boleh, tetapi tidak boleh dibuat secara berasingan. Kita tidak boleh menerima kalau ada pihak TCM ini yang *claim* bahawa semasa rawatannya, *stop* semua rawatan hospital. Ini akan menjejaskan kesihatan pesakit. Jadi tumpulah dengan peruntukan yang ada diberikan walaupun tidak banyak, lebih kurang dalam RM10 juta. Tumpukan kepada pendidikan kepada pesakit dan juga masyarakat supaya tidak melalaikan tanggungjawab mereka. Pergilah kepada bomoh, pergilah kepada *faith healer*, dengan izin, tetapi buat sekali. Saya yakin ubat-ubat daripada bomoh dan *faith healer* ini cukup kuat, ia tidak akan dirosakkan oleh ubat-ubat hospital. Jadi apa salahnya kalau dirawat sekali.

Keduanya saya juga ingin menyentuh dalam bab teknologi maklumat dan komunikasi di bawah pengurusan kesihatan, Butiran 010000. Mengenai aliran maklumat rujukan pesakit daripada satu hospital ke satu hospital dalam Kementerian Kesihatan Malaysia. Ada pesakit yang pulang ke kawasan atau ke kampung mereka dan pergi ke hospital di kawasan mereka tidak dapat membawa bersama maklumat-maklumat rawatan di hospital yang lebih besar, hospital-hospital rujukan sehingga kadang-kadang banyak menyebabkan rawatan yang tidak ada kesinambungan yang baik. Jadi sekarang ini kita katakan kita *paperless* hospital, IT yang cukup hebat, saya rasa dalam urusan rawatan dalam hospital dan juga hubungan antara hospital mesti sama-sama dipertingkatkan.

Tuan Pengerusi, seterusnya ialah mengenai kawalan penyakit di bawah program kesihatan. Saya hendak bertanya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, apakah langkah-langkah khusus untuk kita mengawal rebakkan Ebola? Kita tahu negara kita tidak ada jangkitan. Kita dengar bahawa semalam negeri baru yang kena ialah jiran kepada negeri tiga yang sedia

ada iaitu Mali, ertinya perebakkan masih boleh berlaku. Apakah tindakan khusus kerana saya dapati semasa rombongan Malaysia ke CPA di Cameroon, suasana sosial kita habis. Hendak bersalam tidak boleh, berjumpa kawan lama, hendak berdakap untuk menunjukkan kerinduan kita tidak boleh, masuk ke dalam mesyuarat disediakan *hand sanitizer*, jadi tidak ada satu kemeriahan dan keseronokan dalam keadaan tersebut. Jadi, jangan sampai kita tiba ke peringkat tersebut. Jadi, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan kita terhindar daripada penyakit ini dibawa ke negara kita? Terakhir...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, terima kasih. Dalam P.42, hospital baru sebanyak RM284 juta lebih. Saya hendak bertanya sama ada peruntukan ini termasuk untuk membangunkan Hospital Kuala Krai yang sudah dibersihkan tapaknya, patutnya dengan RM30 juta untuk *ground* punya *preparation*. Itu sudah hampir setahun setengah, tidak ada pembangunan sama ada dan saya harap ada peruntukan untuk tahun depan pembangunan Hospital Kuala Krai yang sangat ditunggu oleh penduduk di sana. Itu saja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit.

4.47 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh tajuk Butiran 00300 – Kemudahan Hospital. Di kawasan saya ada Hospital Changkat Melintang yang menyediakan perkhidmatan rawatan kepada penyakit buah pinggang. Cuma masalahnya adalah hanya ada enam buah mesin saja. Jumlah yang pesakit bertambah ramai, tetapi tidak dapat menyediakan kemudahan. Jadi saya minta kepada Kementerian Kesihatan Malaysia supaya dapat menambahkan lagi sekurang-kurangnya 10 atau 15 supaya dapat memberikan perkhidmatan kepada mereka yang semakin bertambah dan ramai. Kalau hendak pergi buat di hospital swasta, kena bayar dan mereka semuanya tidak mampu. Jadi minta Kementerian Kesihatan Malaysia memikirkan perkara ini.

Kedua tajuk Butiran 020300 – Kawalan Penyakit. Saya minta kementerian supaya menggerakkan Unit Kawalan Penyakit ini atau diaktifkan sebab baru-baru ini beberapa kampung di kawasan saya kena penyakit denggi. Kalau sekiranya kawalan penyakit dapat dibuat lebih awal, tentulah serangan denggi dapat dihapuskan atau dapat dihentikan. Jadi oleh itu, saya berharap supaya unit ini dapat digerakkan dengan aktif supaya penyakit-penyakit ini dapat dicegah.

Ketiga Butiran 00400 - Hospital Baru. *Alhamdulillah* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri waktu mengumumkan bajet telah meluluskan hospital baru di Sri Iskandar, kawasan Parlimen saya. Cuma harapan saya, selepas lulus tidak ada tangguh-tangguh pula sebab orang Parit sudah tunggu lama. Keduanya saya hendak minta kepada Kementerian Pendidikan untuk menentukan supaya ada unit-unit pakar di hospital itu nanti sama ada pakar jantung, pakar

kencing manis atau pakar darah tinggi. Ini kerana pada hari ini umpamanya di klinik kesihatan di Parit, begitu ramai sekali penyakit-penyakit kencing manis, jantung dan darah tinggi yang berjumpa doktor setiap hari Selasa dan Khamis. Mereka sebenarnya terpaksa berdiri, duduk dan sebagainya atas lantai kerana hendak menunggu doktor. Jadi oleh kerana itu, saya minta supaya kerajaan atau Kementerian Kesihatan Malaysia dapat mengambil perhatian tentang perkara ini untuk memberikan perhatian kepada rakyat. Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah.

4.49 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas berkaitan dengan B.42. Perkara pertama, Butiran 010000 – Pengurusan.

■1650

Saya hendak mendapatkan sedikit penjelasan daripada Menteri berkaitan dengan perbelanjaan untuk mengurus dan juga berkaitan dengan perbelanjaan pembangunan Kementerian Kesihatan. Saya dapati bahawa perbelanjaan untuk mengurus, meningkat dari tahun 2011 hingga 2015 iaitu daripada RM14.89 bilion kepada RM21.71 bilion. Manakala perbelanjaan untuk pembangunan pula berkurangan bagi tempoh yang sama iaitu daripada RM1.95 bilion kepada RM1.59 bilion. Saya minta Menteri memberi penjelasan kenapa berlaku trend seperti ini di mana perbelanjaan untuk mengurus semakin meningkat manakala perbelanjaan untuk pembangunan pula semakin menurun tiap-tiap tahun.

Di bawah Butiran 010400 berkaitan dengan perancangan tenaga manusia dan latihan. Saya rasa setiap Ahli Yang Berhormat di sini akan bersetuju bahawa kualiti doktor adalah sangat penting. Kita perlu menghasilkan doktor-doktor yang mempunyai kepakaran yang cukup tinggi. *They cannot compromise on that*, dengan izin. Ini adalah satu perkara yang sangat mustahak dan perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak kementerian. Ini kerana doktor-doktor ini berurusan dengan nyawa manusia. Kita tidak boleh ada doktor yang tidak ada kualiti dan kerajaan harus memberi fokus kepada perkara ini. Kenapa saya bangkitkan perkara ini ialah baru-baru ini saya terbaca dalam media dan juga terima beberapa aduan daripada beberapa orang *housemen* mengatakan bahawa mereka terpaksa bekerja dalam keadaan yang cukup tertekan. Perkara ini memang ada keluar dalam media ada salah seorang daripada *housemen* telah mengeluarkan berita ini dalam akhbar *The Star* mengatakan bahawa dia menghadapi tekanan kerja.

Kalau saya hendak sebut dibuli mungkin tidak tepat, dibuli oleh doktor-doktor senior mungkin tidak begitu tepat. Akan tetapi cara dia menulis itu saya faham seolah-olah dia menghadapi tekanan yang begitu tinggi sekali. Saya juga pernah bercakap dengan beberapa orang *housemen* dan juga daripada beberapa orang ibu bapa. Di mana anak mereka menjadi *housemen* dan mereka juga memberitahu maklumat yang sama kepada saya. Saya hendak

dapat penjelasan daripada Menteri adakah benar kerajaan memberi satu perintah ataupun order kepada semua hospital bahawa pada tahun lepas masa bekerja untuk doktor *housemen* adalah 60 jam dalam satu minggu. Adakah ini benar? Adakah juga benar bahawa kalau mereka bekerja *on call* mereka diberi cuti dua hari selepas mereka habis *housemen* mereka diberi cuti dua hari. Ini sebab daripada maklumat yang saya terima daripada Hospital Ipoh Raja Permaisuri Bainun saya bukan hendak mengatakan bahawa ini hanya berlaku di hospital tersebut.

Mungkin ini berlaku di semua hospital. Saya hanya jadikan ini sebagai kes *study* di Hospital Ipoh. Mereka mengatakan bahawa doktor-doktor *housemen* ini mereka terpaksa bekerja lebih daripada 70 jam hingga 80 jam dalam satu minggu. Mereka hanya dapat cuti satu hari selepas mereka melakukan kerja *housemen* ataupun *on call* ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Mencilah sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak perlulah Yang Berhormat Kapar.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Jadi saya minta penjelasan daripada Menteri. Akhir sekali saya hendak tahu berapakah jumlah doktor *housemen* ini daripada tahun 2010 hingga tahun 2015 yang telah tamatkan perkhidmatan mereka sebelum mereka habiskan tempoh *housemen* mereka. Maksudnya mereka tidak mahu bekerja sebagai doktor lagi. Itu sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Lipis.

4.55 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi laluan kepada saya untuk turut serta berbahas. Saya ingin mengambil bahagian dalam ucapan bahas Kementerian Kesihatan. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana meluluskan pembinaan Klinik Kesihatan di Lipis dalam pembentangan bajet baru-baru ini. Saya pergi kepada perkara terus kepada Butiran 00300 – Kemudahan Hospital. Sebagaimana ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah meluluskan pada tahun lepas telah meluluskan sebuah tambahan hospital baru.

Jadi dengan penambahan hospital baru ini sudah pastilah sangat kurang tempat meletak kereta. Jadi saya mohon jasa baik kementerian supaya melihat satu kawasan yang boleh meletak kereta bagi pelawat-pelawat. Sebenarnya sudah menjadi satu hospital yang agak besar di Lipis ini. Oleh sebab itu saya rakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Walaupun hospital ini agak besar tetapi dalam soal lain banyak perkara-perkara yang harus diatasi kerana di Lipis ini juga merupakan seperti Jerantut merupakan sebuah kawasan ataupun Parlimen yang sangat luas yang bersamaan dengan Melaka dan Negeri Sembilan sudah pastilah jaraknya sangat jauh. Jadi dalam soal ini kita minta supaya di*upgrad*edkan klinik-klinik kesihatan yang jauh ini sebagaimana Yang Berhormat Jerantut katakan tadi di Pahang ini

jaraknya jauh-jauh. Jadi di Lipis tidak kurang, kalau di Merapuh umpamanya terpaksa hantar ke negeri Kelantan. Di Jerantut pun sama saya ingat saya rasa jarak yang sangat jauh. Saya ingat di Kuala Krau pun sama jarak yang sangat jauh. Saya beberapa tempat di dalam daerah atau Parlimen ini sempat juga melihat kadang-kadang menziarahi kawan-kawan.

Umpamanya kalau di Jerantut ada yang sangat uzur juga sebenarnya. Di Lipis ini pun sangat uzur jadi kita *up grade*kan. Kita bukan minta baru kita hendak *up grade* supaya penduduk-penduduk ini dapat perkhidmatan kesihatan yang baik. Di Kuala Krau umpamanya saya pernah tengok di satu kawasan yang saya ingat di kawasan FELDA. Kawasan FELDA apa saya tidak ingat Tuan Pengerusi tetapi saya ingat melebihi 30 tahun. Ini pun perlu di *up grade* bukan sebab Tuan Pengerusi mungkin tidak sempat cakap tetapi secara kebetulan saya melihat ini harus dilihat juga di kawasan-kawasan, Parlimen-parlimen seperti Kuala Krau, Jerantut, Raub. Walaupun Raub ini kawasan pembangkang saya sebut jugalah di mana saya berhampiran jiran di Jerkoh umpamanya dan sebagainya pun- selalu saya tengok dalam permintaan sebenarnya kawasan-kawasan ini.

Jadi yang penting juga adalah van-van ambulans-ambulans. Di Lipis saya tengok semua ambulans buruk-buruk. Pernah satu kes apabila pesakit diletakkan dalam ambulans untuk dibawa ke Lipis dari Padang Tengku hendak ke Lipis tiba-tiba tidak sampai berapa minit van itu sudah rosak, ambulans sudah rosak. Jadi terpaksa agak sukar pesakit-pesakit ini jadi perlu dilihat kerana jarak yang jauh ini perlu dilihat. Ambulans-ambulans ini mestilah ambulans-ambulans dalam keadaan baik. Saya ingat ambulans ini sudah ambulans zaman perang juga agaknya yang saya kira 30 tahun, 40 tahun. Bagi yang jauh okey yang dalam bandar okey yang dalam Hospital Lipis itu sendiri memang okey masih cantik jadi perlu dilihat.

Butiran yang ketiga adalah 00901 – Kemudahan Kuarters Luar Bandar. Di Lipis kemudahan kuarters hospital ini sangat kurang. Jadi berharap supaya pihak kementerian melihat dan membeli ataupun membina baru kuarters ini untuk dapat digunakan oleh para petugas-petugas hospital ini. Jadi itulah perkara-perkara yang harus dilihat bagi menambah baik Kementerian Kesihatan di kawasan Parlimen Lipis ini. Saya juga ingin menyebut satu perkara tentang perkhidmatan juga iaitu perkhidmatan jenazah sebenarnya. Saya tengok baru-baru ini saya menziarahi seorang kawan di Hospital Kuala Lumpur.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kepong, duduk dahulu Yang Berhormat Kepong. Ya, akan diberi peluang. Jangan bimbang. Sila.

■1700

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya tengok di Hospital Kuala Lumpur perkhidmatan jenazah orang Islam yang bangsa lain saya tidak tahu jenazah orang Islam terpaksa membayar perkhidmatan yang tinggi sebenarnya untuk memandikan, untuk mengkafan dan untuk perkhidmatan penswastaaan van jenazah untuk dihantar ke destinasi. Di Lipis pun terlibat dalam hal ini sebenarnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Jadi saya melihat perkara in, saya minta supaya Kementerian Kesihatan kalau boleh wujudkan dari segi sosial obligasi ini perkhidmatan ini mungkin boleh meletakkan seorang ustaz menguruskan jenazah kemudian kita letakkan kain kafan. Yang menjadi masalahnya bagi jenazah yang tidak ada kemampuan. Kalau dari Kuala Lumpur ke Lipis dalam RM1,000. Kalau Lipis sampai ke Merapoh RM450 perkhidmatannya. Jadi kalau masa Yang Berhormat ada mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh bantu tetapi masa tidak ada. Masa yang tidak ada itu ini yang kadang-kadang dia telefon waktu kita tengah bersidang dan sebagainya. So, cuba...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Masa saya pun tidak ada ini [*Ketawa*] Cukuplah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sudah cukup ya? Okey, saya terima kasih kerana saya dapat sampaikan perkara itu supaya dapat dipertimbangkan oleh pihak Kementerian Kesihatan. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya boleh benarkan sehingga jam 5.30 petang. Yang Berhormat Menteri jawab. Jadi pendek-pendek ya. Yang Berhormat Kota Raja.

5.01 petang

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terima kasih kerana saya pun ingin menyumbang dalam maksud Bekalan 42. Saya menempuh Butiran 020400 – Pendidikan Kesihatan. Dalam sesi yang lepas saya pernah mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan supaya mengadakan satu saluran kesihatan di TV kerana setakat ini saya tengok sudah ada sesetengah hospital sambil menunggu untuk berjumpa doktor sudah ada program-program tentang penyakit-penyakit tertentu.

Oleh kerana pendidikan kesihatan ini amat penting untuk meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kesihatan mereka maka saya ingat kerajaan, saya percaya kerajaan akan bersetuju sekiranya Kementerian Kesihatan mencadangkan bahawa TV kita mesti ada satu TV saluran kesihatan di mana pelbagai jenis penyakit masanya lebih panjang tidak semestinya pergi hospital baru dapat. Ini kerana rakyat kita ini tidak kuat membaca. Dia tidak kuat membaca jadi pamflet bagi pun kadang-kadang tidak baca.

Akan tetapi kalau di TV ditonton penyakit-penyakit yang dihadapi dan kemudian ada cerita betul, cerita sebenarnya yang dipaparkan mungkin ini akan meningkatkan kesedaran dan kepekaan rakyat untuk menjaga kesihatan mereka. Jadi saya mohon supaya perkara-perkara ini diberatkan oleh kementerian.

Kedua ialah mengenai 020500 mengenai pemakanan. Saya hendak tahu apakah pendirian Kementerian Kesihatan mengenai tepung yang ada di dalam pasaran kita. Tepung gandum yang menggunakan bahan peluntur *benzoyl peroxide* dan *calcium peroxide*. Sudah banyak diperkatakan tentang bagaimana tepung yang ada di pasaran adalah tepung yang dilunturkan menggunakan bahan kimia. Kemudian mendedahkan rakyat kita kepada penyakit-

penyakit. Kajian-kajian telah mendapati bahawa bahan-bahan kimia ini jika diambil secara berterusan melalui makanan akan menyebabkan barah selain menggalak kepada beberapa penyakit termasuk kencing manis, *arthritis* dan gout.

Jadi saya fikir kementerian perlu ada pendirian sebelum kementerian KPDNKK membuat satu polisi di mana hanya tepung-tepung yang tidak diguna peluntur sahaja yang dapat dijual kepada rakyat. Ya, ini sudah dibangkitkan oleh persatuan-persatuan pengguna. Saya ingat kalau Kementerian Kesihatan boleh buat pendirian bahawa tepung-tepung ini berbahaya maka pengharaman *benzoyl peroxide* dan *calcium peroxide* ini dapat dikuatkuasakan. Negara-negara maju dan juga China pun sudah mengharamkan bahan-bahan peluntur ini ke dalam tepung.

Seterusnya Tuan Pengerusi saya ingin menempuh kepada 030800 – Perubatan Pediatrik. Saya mendapat- saya ingat ramai daripada Ahli Parlimen kita mendapat rayuan daripada ibu bapa kepada penyakit *lysosomal disease* satu penyakit keturunan *autosomal recessive*. Tadi diperkatakan oleh Yang Berhormat Sungai Siput walaupun tidak ramai angka anak-anak yang menghidapi penyakit ini tetapi rawatan ini tidak dapat diberi keseluruhannya oleh Kementerian Kesihatan kerana tidak ada peruntukan kos.

Mereka mengatakan bahawa negara-negara lain dalam *literature* pun ada negara-negara lain pesakit-pesakit *lysosomal disease* ini ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Angka yang mereka sebut di sini adalah dalam lebih kurang 20 juta setahun untuk jumlah pesakit yang ada sekarang. Jadi kalau boleh ini mereka merayulah kerana anak-anak ini memerlukan rawatan sepanjang hayat mereka.

Seterusnya saya ingin menempuh kepada 110000 – Dasar Baru. Sebenarnya Tuan Pengerusi saya tidak tahu di mana hendak masukkan. Akan tetapi apa-apa pun saya sebut di sini adalah mengenai jemaah rayuan PERKESO, doktor-doktor yang menjadi ini.

Saya hendak tanya apakah pendirian tentang pesakit-pesakit yang menghadapi kanser yang masih lagi menjalani kemoterapi. Adakah mereka ini layak untuk pergi bekerja kerana bila mereka minta permohonan PERKESO tentang ilat pampasan untuk ilat kekal mereka dinafikan. Jadi mungkin perlu disemak semula. Ini kerana kalau di dalam perkhidmatan kakitangan kerajaan bila sudah didiagnosis tetapi kanser dan ada rawatan kemoterapi dan sebagainya, mereka dapat cuti bergaji. Akan tetapi kalau pesakit daripada sebelah swasta perkara ini tidak pernah pun, tidak diberi pertimbangan seterusnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Akhirnya saya- satu sahaja hospital. Mengenai pembangunan P.42. Saya hendak tanya 000400 – Hospital Baru. Adakah ada dalam perancangan Kementerian untuk membina satu lagi hospital ataupun beberapa hospital awam di negara Selangor? Adakah hospital Klang yang sekarang ini atau Hospital Tengku Ampuan Rahimah yang sekarang ini begitu padat dengan pesakit itu akan ditambah lagi katil dan seterusnya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

5.07 ptg.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *Bismillahi Rahmaani Rahiim.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam peringkat Jawatankuasa. Saya ingin mengambil kesempatan untuk bercakap B.42 berkaitan Butiran 080000, dengar Yang Berhormat Raub. Butiran 020000; Butiran 110000; termasuk Butiran 00300 - Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia.

Saya pernah menjadi ahli lembaga kepada Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia. Lembaga ini cukup baik Yang Berhormat Raub dan memang memainkan peranan untuk meningkatkan kesedaran rakyat dalam soal kesihatan. Jadi saya fikir kewajaran supaya lembaga ini diberikan peruntukan yang besar.

Cuma saya hendak cadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya lembaga ini memperbesarkan kegiatan mereka dan mungkin boleh melaksanakan melalui konsep *National Blue Ocean Strategy* dan menjalinkan hubungan dengan pelbagai syarikat NGO di luar terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar bagi membolehkan objektif dan matlamat penubuhan ini dapat benar-benar dilaksanakan. Saya percaya Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Stampin itu pun berminat untuk melaksanakan program ini. Jadi sebab di Kapar dan Stampin dia teruk sangat orang sana kesihatan dia jadi termasuk dengan Ahli Lembaga dia sendiri jadi kena dibuat...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Kapar hendak hospital baru.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jadi yang berikutnya saya lihat bahawa perkara berkaitan Butiran 020400 – Pendidikan Kesihatan. Ini juga satu lagi perkara yang cukup penting. Kalau kita berjaya meningkatkan kesedaran rakyat dalam soal kesihatan, melakukan unsur-unsur *prevention* saya percaya kerajaan tidak perlu memperbanyakkan perbelanjaan untuk membuat rawatan dan sebagainya.

Oleh sebab itu usul kementerian untuk mewujudkan kelab-kelab doktor muda ini memang baik. Sudah tentu wajar diperkembangkan dan dibuat secara agresif di kawasan-kawasan dan sebagainya. Saya lihat Program COMBI ini.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: COMBI.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: COMBI, COMBI. Ingat cerita P.Ramlee sahaja saja saya sebut ini Tuan Pengerusi sebab saya tengok Yang Berhormat Raub tidur bila saya sebut "combi" baru dia jaga.

■1710

Jadi saya fikir, kerajaan kena juga perbanyakkan peruntukan untuk program ini. Saya tengok kesian Tuan Pengerusi, apabila program ini dijalankan oleh pejabat kesihatan dengan NGO dan juga jawatankuasa yang terlibat, kadang-kadang macam minta sedekah. Pergi minta

ke sana sini untuk tambahan peruntukan, peruntukan yang kecil. Program mustahak dan penting, sebab itu tambahkan peruntukan untuk ini. Saya cuma hendak tahu dalam Dewan yang mulia ini, boleh tidak dinyatakan berapa program yang telah dibuat, apa kesannya, kebaikannya dan kajian impak yang dibuat menegaskan perkara ini. Juga program-program Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia, apakah kementerian buat kajian impak? Ini kerana kita hendak tahu ia berkesan atau tidak, mencapai matlamat atau tidak, kumpulan sasarannya bagaimana. Saya bimbang kalau program ini tidak dirancang betul-betul, ia akan bertindih kerana banyak pihak buat kumpulan yang sama. Jadi perkara ini penting.

Selain daripada itu, Butiran 110000, saya ucap terima kasih kepada kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan kerana mewujudkan Klinik Kesihatan dan Wad Bersalin Lenggong. Akan tetapi oleh kerana kawasan itu ialah kawasan yang mendapat pengiktirafan dunia, akan wujud kemasukan pelajar-pelajar baru di Kolej Pengajian Tinggi MARA dan beberapa institusi lain, maknanya berlaku perkembangan. Jadi, saya minta supaya dinaiktarafkan. Sekarang ini tidak ada katil, minta diwujudkan katil dan juga isu kekurangan doktor di klinik ini minta ditambah secukupnya. Saya rasa kurang empat doktor di situ dan sudah wajar untuk dinaiktarafkan.

Akhirnya, saya harap janji kita untuk mewujudkan pusat hemodialisis di klinik kesihatan ini disegerakan. Memang saya tahu kita sudah ada perancangan, tetapi masih lagi tidak buat. Ada masalah-masalah tertentu dan minta kementerian usaha untuk mempercepatkan program tersebut kerana ini penting. Jadi itu saya hendak cakap Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kepong.

5.12 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, B.42 Butiran 010000 - Pengurusan. Tuan Pengerusi, setiap tahun pihak kementerian melatih Sarjana Perubatan hampir 800 orang. Masalah yang timbulnya...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kepong ini pakar kulit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Masalah yang timbulnya kerana setiap tahun daripada kolej swasta, kita ada keluarkan 800 doktor. Kemudian ada bilangan yang datang daripada luar negara, daripada universiti yang diiktiraf dan juga universiti yang tidak diiktiraf. Saya hendak tanya kementerian, berapa orang daripada luar negara selain daripada kolej awam kita, 10 buah kolej awam, berapa orang setiap tahun yang diterima oleh Kementerian Kesihatan dan bilangan daripada kolej swasta yang diterima oleh hospital-hospital awam kita dan juga daripada luar negara, bilangannya. Apakah biasanya yang dibuat bagi pelatih-pelatih daripada universiti yang tidak diiktiraf? Ini kerana memang timbulkan masalah.

Setiap tahun pihak kementerian daripada Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Kesihatan adakan peperiksaan untuk mereka dengan ijazah yang tidak diiktiraf ini. Saya hendak tahu kerana saya diganggu oleh pelatih yang tidak diiktiraf daripada universiti. Misalnya daripada

Cebu *Philippines*, dia datang balik tetapi tidak diterimalah. Dia terpaksa mengambil peperiksaan daripada Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Pendidikan. Memang kita tidak boleh lulus orang yang tidak mahir di dalam perubatan, tetapi masalah ini timbul.

Daripada Lenggong pun patut kita hantar doktor yang tidak diiktiraf pada Lenggong [*Ketawa*] Ini kerana dia suka hendak kacau. Dengan hingar-bingar macam itu, kita hantar doktor yang tidak diiktiraf. Saya berharaplah pihak kementerian dapat menjawab macam mana kita selesaikan kerana masalah seperti ini akan bertambah rumit. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebelah Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Dungun? Saya ambil Yang Berhormat Dungun dan seorang lagi Yang Berhormat Parit Sulung. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab, yang lain mencelah. Ya, sila.

5.16 ptg.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bangkitkan perkara berkaitan B.42 berkaitan dengan Butiran 030300 - Kecemasan dan Pesakit Luar. Apa yang berlaku di sempadan daerah, secara khususnya di Terengganu yang berkaitan dengan sepanjang daerah Kemaman dan juga di Besut yang melibatkan ibu-ibu yang bersalin. Apabila dirujuk kepada Kuantan Pahang ataupun di Kubang Kerian, Kota Bharu Kelantan, maka akan melibatkan kelahiran anak-anak ini akan diberikan kod negeri iaitu berdasarkan negeri di mana dilahirkan. Ini menimbulkan hak keistimewaan kerakyatan anak-anak ini akan terjejas apabila mereka membesar kerana tidak lagi berada dalam kod negeri yang sepatutnya mereka mendapat keistimewaan. Ini perlu kepada penyelarasan di antara Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan apa yang dibangkitkan oleh sebahagian rakyat berkaitan dengan perkara ini.

Kedua dalam perkara P.42, pembinaan hospital baru. Rakyat Dungun mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas keprihatinan peruntukan yang telah diluluskan untuk membina Hospital Dungun. Mudah-mudahan ia akan menjadi pemangkin kepada keperluan hospital ini yang melibatkan bukan sahaja pembangunan yang adan tetapi juga melibatkan *oil and gas industries* dengan izin, kerana ia melibatkan keperluan yang mendesak. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana diberi peluang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Parit Sulong.

5.17 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus sahaja ke Butiran 110200 – Perluasan Program Kesihatan Awam. Saya juga hendak bercakap mengenai COMBI (Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku) yang sebenarnya dibuat dengan satu pendekatan berorientasikan daripada komuniti untuk komuniti dengan menggunakan pendekatan komunikasi bagi mengubah tingkah laku manusia.

Jadi saya hendak juga bertanya kepada pihak kementerian, bagaimanakah keberkesanan program ini dalam mencegah terutamanya dalam mengawal penyakit demam denggi. Oleh sebab kita tahu baru-baru ini demam denggi ini begitu berleluasa, jadinya sebab itulah kita hendak tahu sama ada program ini dapat membantu, mencegah dan mengawal penyakit ini. Saya juga ingin supaya kementerian memaklumkan, apakah kekangan yang telah dikenal pasti dalam merencatkan pelaksanaan program-program COMBI yang dilaksanakan di akar umbi? Juga boleh memaklumkan berapakah jumlah COMBI yang telah berdaftar dan bagi keseluruhan, berapakah daripada jumlah yang mendaftar ini berapa pula yang aktif? Saya juga mohon agar dimaklumkan juga berapa banyakkah jumlah COMBI yang berdaftar di kawasan Parlimen Parit Sulong? Jadinya dalam waktu yang sama juga saya ingin supaya kementerian untuk memberitahu bagaimanakah kementerian memantau dan menggalakkan projek-projek COMBI ini agar lebih proaktif? Daripada itu, berapa banyakkah aktiviti COMBI yang telah dilakukan dan berapakah sasaran program COMBI yang akan dibuat terutamanya dengan banyaknya kes wabak denggi baru-baru ini?

Lagi satu saya hendak terus ke Butiran 020300 – Kawalan Penyakit. Kalau ikut statistik, ada *2.6 million* yang dewasa yang menghidap obesiti. Manakala bawah 18 tahun ada lebih kurang 477,000 orang. Kajian juga menunjukkan bahawa 15% daripada kanak-kanak usianya 12 tahun hingga 19 tahun ada masalah berat badan.

■1720

Jadinya soalan saya kepada kementerian, apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan bakal dilakukan dalam usaha kementerian untuk menangani masalah obesiti ini? Adakah kementerian juga bercadang untuk menetapkan menu makanan dekat kantin-kantin yang harus dan mesti dipatuhi supaya pihak sekolah hanya menyediakan makanan yang berkhasiat sahaja yang boleh dijual dan disediakan? Apakah kerajaan juga bercadang untuk mengehadkan pengiklanan restoran-restoran yang mempamerkan iklan secara besar-besaran di media massa memandangkan makanan segera ini tidak sihat dan merupakan antara punca obesiti di kalangan kanak-kanak dan juga remaja?

Seterusnya ke Butiran 020300 iaitu kawalan penyakit juga. Ini mengenai ebola. Kementerian memang setakat hari ini ada mengesahkan bahawa tidak ada kes virus ini dikesan di Malaysia. Akan tetapi saya hendak tahu, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kementerian untuk memastikan bahawa virus ini tidak masuk? Ini kerana apa yang kita nampak, bila ada yang terjadi, barulah kelam-kabut semua baru hendak buat persiapan, baru hendak *check*.

Jadi saya hendak tahu, selain daripada memeriksa suhu badan di imigresen, apa lagikah yang dibuat oleh pihak kementerian dalam usaha untuk memastikan bahawa virus ini tidak akan masuk langsung ke Malaysia? Apakah SOP yang dijalankan oleh kementerian untuk sekiranya terdapat kes-kes yang disyaki mengidap virus ini? Akhirnya, adakah hospital kita telah bersiap sedia sekiranya virus ebola merebak di Malaysia dan apakah peranan *Crisis Preparedness and Response Centre* Kebangsaan? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

5.22 ptg.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa berkaitan dengan isu-isu Kementerian Kesihatan. Saya pun duduk di sini daripada 12.30 tengah hari sampai sekarang mendengar segala hujah yang telah dikeluarkan, dilontarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat [*Tepuk*]

Pada keseluruhannya, saya akan beritahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa saya setuju dengan segala pandangan yang telah dikeluarkan, mahupun daripada sini atau daripada sana, kerana semua telah dikeluarkan dengan tujuan yang sama, tujuan yang baik yang selaras dengan tujuan Kementerian Kesihatan juga.

Akan tetapi sebelum saya jawab secara lebih mendalam, saya cuma mahu bawa perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada jumlah kerana ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sentuh bahawa kementerian telah diberi satu peruntukan yang begitu besar. Ya, benar. Kalau dipandang daripada keseluruhannya jumlah yang diberi RM21 bilion ini nampak besar tetapi kalau lihat secara lebih teliti apa yang boleh dinampak daripada RM21 bilion ini, RM11.8 bilion ialah untuk bayaran emolument iaitu untuk bayar mereka yang kerja dengan Kementerian Kesihatan. Satu jumlah pekerja yang begitu besar, lebih daripada 250,000 orang yang kerja dengan Kementerian Kesihatan dan lagi tambahan itu RM3 bilion diberi untuk membeli ubat sahaja. Ubat yang dibekalkan untuk rakyat Malaysia secara percuma. So, kedua-dua ini sudah RM14 bilion. So, kalau ada baki daripada itu, RM7 bilion ini yang digunakan untuk menguruskan hospital-hospital yang ada di dalam negara kita.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan kalau dibandingkan dengan jumlah yang diberi kepada pengurusan dan jumlah yang diberi kepada pembangunan, pembangunan cuma diberi RM1.59 bilion sahaja dan saya setuju dengan pandangan yang dikeluarkan daripada Yang Berhormat Batu Gajah bahawa kalau lihat jumlah pengurusan naik pada tiap-tiap tahun manakala jumlah yang diberi kepada pembangunan merosot pada tiap-tiap tahun.

Ini kerana kalau kita membangunkan satu hospital, ini digunakan melalui apa yang diberi melalui perbelanjaan pembangunan. Selepas hospital dibangunkan, ia diurus melalui pengurusan. Oleh itu, bila jumlah hospital itu naik, memang jumlah pengurusan akan naik. So, oleh itu, apa yang di maksud, apa yang boleh didapati melalui meneliti butiran ini iaitu apa yang diberi ialah untuk menguruskan kemudahan yang tersedia ada dan untuk menunaikan harapan Ahli-ahli Yang Berhormat yang banyak hendak minta kliniklah, hospitallah, tambahkanlah kena dibuat melalui jumlah yang ada diberi untuk pembangunan. Cuma, saya mahu beri sedikit butiran untuk lihat macam mana negara kita menggunakan dana untuk isu keselamatan.

Di dalam negara kita, kita ada mempunyai dua sistem perkhidmatan kesihatan. Satu, sistem kesihatan yang diberi oleh perkhidmatan awam dan lagi satu sistem kesihatan yang diberi

oleh perkhidmatan swasta. Kalau dilihat daripada segi perbelanjaan kedua-dua pihak ini, daripada keseluruhan yang dibelanja oleh rakyat Malaysia, rakyat Malaysia daripada jumlah perbelanjaan untuk kesihatan untuk rakyat Malaysia, kerajaan membelanja lebih kurang 52%. Sebanyak 52% yang dibelanjakan oleh kerajaan untuk segala isu kesihatan, penyampaian kesihatan *primary, secondary, tertiary* termasuk *preventive* iaitu *preventive primary, secondary* dan *tertiary*. Manakala 48% dibelanjakan dekat perkhidmatan swasta.

Akan tetapi kalau *you* lihat kepada nilai- contohnya di dalam hospital-hospital kerajaan, anggaran untuk tahun 2015, *inpatient* sahaja kita akan merawat lebih kurang 2.4 juta manakala berbanding dengan peringkat swasta yang cuma akan memberi rawatan kepada lebih kurang satu juta sahaja. Itu bermaksud duit yang diberi oleh kerajaan walaupun 52% tetapi jumlah produktiviti di dalam sistem perkhidmatan kesihatan awam lebih kurang dua atau tiga kali ganda daripada apa yang kita capai di peringkat swasta.

So, itulah perbezaan yang patut difahami oleh Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dengan jumlah yang diberi walaupun bermaksud dengan belanja duit yang kurang melalui sistem perkhidmatan kesihatan awam, kita sudah memberi rawatan yang lebih baik, yang lebih menyeluruh kepada rakyat Malaysia. Dengan kefahaman ini, kita boleh lihat kepada isu-isu lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Kalau saya lihat kepada semua soalan yang dibangkitkan Tuan Pengerusi, ada soalan-soalan umum yang mungkin saya kena jelaskan kepada semua orang dan ada soalan-soalan tertentu tentang pembangunan di kawasan-kawasan masing-masing. Saya minta izin Dewan ini supaya tentang soalan-soalan tertentu khusus tentang pembangunan di kawasan masing-masing, kita akan memberi jawapan itu secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tentang apakah rancangan untuk membangunkan hospital di kawasan mereka, klinik di kawasan mereka, kekurangan di kawasan mereka dan memberi tumpuan jawapan saya kepada perkara-perkara yang lebih umum.

Dari ini, saya akan jawab, satu ialah tentang isu yang dibangkit tentang pelajar yang diambil untuk bidang perubatan di dalam universiti dan tentang pengeluaran daripada universiti. Di dalam isu ini, apa yang saya hendak beritahu, di dalam negara kita, MQA dan MMC secara bersama menentukan kuota untuk murid-murid di dalam IPTA dan IPTS, kuota ini ditentukan, dan terpulung kepada institusi masing-masing untuk mengambil murid-murid selaras dengan kuota yang ditetapkan. Cuma, ada beberapa syarat yang telah ditentukan.

Pertama, mereka tidak boleh melebihi kuota. Kedua, mesti ada kemudahan-kemudahan yang mencukupi untuk memberi latihan yang bermutu, yang bernilai selaras dengan kuota itu. Contohnya kalau kuota ialah 200, mereka mesti mempunyai kemudahan yang mencukupi. Ketiga, mereka mempunyai tenaga pengajar yang cukup.

Kita telah menetapkan *the ideal situation* iaitu nisbah murid kepada pengajar, satu orang tenaga pengajar untuk empat orang murid tetapi kelonggaran telah diberi kerana banyak daripada IPTA dan IPTS tidak boleh menunaikan nisbah itu sampai 1.6. Kalau mereka menunaikan apa yang telah ditetapkan di dalam syarat itu kerajaan tidak akan mengehendkan

pengambilan ini dan untuk menjawab apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Seputeh tadi...

■1730

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kepong bangun. Yang Berhormat Kepong.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Nantilah saya habiskan jawapan ini. Di dalam IPTA seperti yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Seputeh kita telah memberi kuota sampai 1,500 tempat dan terpulang kepada mereka untuk mengambil selaras dengan itu dan itulah sebab ada jadi dan bila tuduhan diberi kepada MMC sebagai agensi yang telah mengurangkan jumlah itu, ia tidak betul. Cuma kalau mereka mengambil lebih daripada 1,500 itu luar daripada kuota yang telah ditetapkan.

Oleh itu, kalau mereka masih di dalam kuota yang telah dibenarkan dan kolej itu mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi untuk mengambil tenaga itu mereka dibenarkan. Ada kolej yang berpendapat kerana banyak daripada mereka ada *postgraduate student* dan *training* yang lain, mereka berpendapat bahawa mereka tidak mempunyai tenaga pengajar untuk mengambil murid untuk menunaikan segala kuota itu. Oleh itu, jumlah yang diambil pada tahun ini saya ingat dalam lingkungan 1,100. Ada lagi 200 hingga 300 tempat yang belum diisi di dalam IPTA.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: [Bangun]

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah bangkitkan perkara yang sama. Biarlah saya jawab sekali gus. Nombor dua ialah tentang jumlah yang masuk contohnya *housemanship* pada tiap-tiap tahun dan peratusan yang datang daripada IPTA/IPTS daripada negara luar. Secara keseluruhan pada tiap-tiap tahun jumlah mereka yang sedang masuk lebih kurang 5,000. Seramai 5,000 orang *on the average*, 50% ialah daripada dalaman dan 50% daripada negara-negara luar.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa***]

Apa yang merunsingkan dan merisaukan kementerian ialah *uptrend* yang nampak tiap-tiap tahun ini akan tambah. Tambah kerana jumlah mereka yang belajar di luar negara ini akan jadi lebih banyak daripada yang ada di dalam negara. Walaupun kita ada kuasa untuk mengawal mereka yang belajar di dalam negara tetapi kita tidak ada kuasa untuk mengawal mereka yang belajar di luar negara. Kementerian telah memberi pengiktirafan kepada lebih daripada 350 kolej di luar negara yang diiktiraf oleh Malaysia.

Oleh itu, rakyat Malaysia bebas untuk pergi keluar negara ke mana-mana salah satu daripada 350 kolej ini, mendapat latihan dan mereka kalau balik daripada kolej yang telah diiktiraf mereka kena mengikuti latihan *housemanship* di dalam negara kita sebelum mereka keluar ke sistem. Itu menjadi satu kekangan yang besar kepada kementerian kerana pada masa sekarang

kalau kita ambil semua hospital yang telah diiktiraf untuk memberi latihan *housemanship* ini, 5,000 ini sudah cukup.

Pada masa saya menjadi *houseman* atau Yang Berhormat Kepong menjadi *houseman* di dalam satu-satu hospital bukan lebih daripada 15 atau 20 doktor sahaja di dalam satu-satu hospital. Akan tetapi pada masa sekarang, contohnya tadi saya ingat Yang Berhormat Batu Gajah telah bangkitkan tentang apa yang berlaku di dalam Hospital Ipoh. Akan tetapi Hospital Ipoh mungkin ada beratus-ratus *houseman* pada masa sekarang. So, pada masa dahulu doktor diperlukan semasa menjalankan latihan. Kerja 24 jam pun, 48 jam pun ada, 72 jam pun ada. Akan tetapi tiada tekanan.

Namun, pada masa sekarang walaupun telah diberi fleksibiliti kepada mereka di mana hospital telah diberi fleksibiliti untuk menetapkan dan masa kerja sudah dikurangkan tetapi tekanan naik. Saya pun tidak faham apakah sebabnya. Adakah ini tentang sikap atau latihan atau perkara-perkara yang lain. Untuk dari segi itu Ahli-ahli Yang Berhormat, nisbah doktor kepada penduduk yang diuar-uarkan oleh WHO yang paling baik di negara-negara yang membangun ialah satu doktor untuk 400 orang penduduk. Negara kita sudah sampai saya ingat 660 untuk tahun lepas. Mungkin tahun ini akan bertambah baik. Di dalam dua tiga tahun kita mungkin akan sampai ke tahap itu. Akan tetapi nisbah doktor sahaja tidak mencukupi. Kita mesti memudahkan infrastruktur untuk memberi latihan kepada jumlah yang keluar itu. Kalau infrastruktur yang cukup, tenaga yang keluar itu lebih banyak ini yang menjadi isu di dalam *ratio*. Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, dua doktor dan seorang peguam bangun Yang Berhormat.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kebetulan masalah itu terlalu ramai siswazah doktor yang keluar dan tidak mencukupi untuk melatih mereka sebagai *houseman*. Masalah ini telah kita lalui beberapa tahun sebelum ini. Yang Berhormat Bentong sebelum ini yang menjadi Menteri Kesihatan. Kebetulan, saya masih ingat masa Yang Berhormat Bentong menjadi Menteri Kesihatan pernah menyebut soal moratorium untuk menghentikan kolej perubatan bermula 1 Mei 2011.

Kebetulan saya dapat jawapan daripada Kementerian Pendidikan yang mengatakan bahawa selepas tarikh tersebut ada 21 kolej yang diluluskan untuk kursus perubatan dan walaupun Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa ada kolej yang dalam proses permohonan tetapi saya tahu ini mengikut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Hulu Selangor yang sebelum ini mengatakan khususnya *Quest International University Perak* (QIUP) yang mengatakan bahawa MQA yang diberikan kepada QIUP ini adalah MQA *provisional*. *Provisional* maksudnya tidak diluluskan tetapi sekarang nampak semua diluluskan dan kita hadapi masalah terlalu ramai doktor, terlalu ramai *houseman* yang tidak dapat latihan yang

secukupnya. Jadi, adakah kita ada moratorium tetapi kita tidak menghormati moratorium tersebut.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya tambah sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Tuan Pengerusi, berapakah bilangan doktor yang ijazahnya tidak diiktiraf sekarang, di negara ini dan setiap tahun tambahan berapa orang dan kuota yang diberi 5,000. Adakah ini merangkumi dalam dan luar negara ataupun di dalam negara sahaja? Kalau macam itu macam mana kita hadkan bilangan daripada luar negara? Ini tidak boleh. Kalaulah ditambah kepada 7,000 setahun, apakah akan dibuat oleh pihak kementerian?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih. Saya difahamkan ada ramai doktor yang dirujuk ke *medical attention* kerana tekanan emosi dan mental. Saya ingin mendapat penjelasan berapa ramai yang telah dirujuk untuk *medical care* sepanjang tahun ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri, sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Ada di antara *houseman* yang pernah jumpa saya dan mengadu takut untuk pergi kerja. Adakah berlaku buli di hospital dan ada yang terus duduk dalam bilik. *They went into depression*, dengan izin dan ada jumpa dan nangis-nangis tidak hendak pergi kerja. Saya hendak tahu dalam dua tahun punya *training* berapa orang *houseman* yang tidak lulus dan berapa orang *houseman* yang dalam *follow-up* dengan psikiatri? Terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Satu lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri. Kalau mengikut apa yang saya baca dari laporan akhbar ialah sekarang kita tahu kita ada kelebihan doktor ataupun graduan perubatan tetapi kita lihat yang kerajaan kurangkan ialah mereka yang belajar di universiti awam kerana kalau ikut angka yang saya dapat adalah 1,000 dan 19 orang diterima untuk belajar di universiti awam tetapi kini di IPTS, di institusi swasta ada 9,363 orang *new intake*. So, masalah sekarang ialah kita tahu kita ada masalah kelebihan doktor tetapi kenapakah kerajaan nampaknya kurangkan *intake* di universiti awam tetapi biarkan swasta ambil seberapa yang mereka suka untuk buat untung.

1740

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi, boleh saya tambah sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang soalan latihan pada *houseman* ini kenapa begitu *stressful* pada *houseman* berbanding dengan masa kita saya rasa

dan masa Yang Berhormat Menteri lebih awal lagi, saya tahun 80-an, perbezaan terbesar ialah pada *need level* dengan izin.

Dulu kita ada senior *medical officers* yang berkaliber. Sekarang terlampau, satu ketika ramai yang meninggalkan perkhidmatan. Yang ada itu agak junior dan junior dia mungkin ada *skill*, dia mungkin ada *knowledge* tapi dia kurang *maturity*, karakternya kurang dan itu lebih kurang macam yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai berlaku kes-kes buli saya rasa pada *houseman*. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Sebagai satu langkah memang betul kerajaan melalui Jemaah Menteri telah membuat keputusan untuk pastikan bahawa tiada lesen untuk kolej perubatan baru diberi di dalam negara kita selepas 2011 dan tidak diberi kolej-kolej yang sedia ada, tidak dibenarkan untuk menambahkan kuota yang sedia ada. Ini adalah kawalan di dalam negara.

Seperti yang telah dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, memang kita tidak boleh kawal daripada luar negara dan apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat Kepong itu, kalau tahun depan menjadi 7,000 itu, itu adalah satu kemungkinan yang akan berlaku, yang akan berlaku dan itu ialah satu perkara yang kita sedang lihat. Beberapa langkah macam mana kita boleh membuat untuk memastikan iaitu mereka yang pergi ke luar negara mempunyai kelayakan yang lebih tinggi sebelum mereka mengikuti atau ada beberapa cadangan supaya seperti negara-negara lain seperti di dalam Amerika Syarikat, di dalam *United Kingdom*, semua orang perlukan untuk menduduki satu peperiksaan *licensing* sebelum mereka boleh mengikuti latihan.

Ini cadangan pada masa sekarang pada masa kita lihat macam mana kawalan ini dibuat. Tentang apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Seputeh, saya ingat butiran kamu sedikit salah tentang IPTS itu. IPTS itu jumlah itu terlampau banyak, saya ingat itu bukan jumlah yang betul. Kedua-duanya, IPTA dan IPTS pada masa sekarang, jumlah yang keluar di dalam negara ialah lebih kurang 2,500 manakala daripada luar negara ialah 2,500.

Terpulang kepada pandangan yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bagan Serai dan Yang Berhormat Kuala Kedah tentang mutu latihan dan tahap *maturity* mereka yang memberi latihan ini. Mungkin ini adalah satu perkara, saya pun sudah memberi minta Ketua Pengarah Kesihatan untuk lihat macam mana. Kita berharap bahawa semua doktor yang selepas ijazah, menjadi doktor pelatih dan *housemanship* ini, mereka mempunyai keupayaan untuk memberi latihan kepada *houseman* baru tetapi *that is not automatic*.

Ada yang mempunyai *the psychological nature* yang boleh bantu di dalam perkara ini dan ada yang mungkin ada isu. Saya menerima perkara ini tetapi kerajaan sedang membuat apa-apa yang boleh dibuat untuk memastikan bahawa *houseman* yang ada dalam sistem mendapat latihan yang mencukupi, mendapat *exposure* yang mencukupi supaya selepas dua tahun ini mereka keluar, mereka ialah doktor yang selamat. Saya hendak pergi ke tajuk yang lain. Ini ialah tentang isu AUCMS...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Doktor...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: ...Yang telah dibangkit Ahli-ahli Yang Berhormat dan isu....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh tanya lagi?

Dato' Seri S. Subramaniam: No, ada banyak tajuk. Kalau tiap-tiap kali celah, saya sampai dua hari pun tidak boleh jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak adalah, sampai malam- 9.30 malam hari ini.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: ...Saya sudah jelaskan....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *No, no...*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: ...Dengan dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Biarlah saya teruskan dengan tajuk yang lain.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan Tuan Pengerusi, boleh saya tanya di negara kita....

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh, duduklah, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Tidak ada 33 institusi pengajian tinggi..

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Yang menawarkan kursus perubatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi sekarang apa Yang Berhormat Menteri kata ialah...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Mereka yang pergi belajar di luar negara tapi saya rujuk kepada yang mereka *the 33 of IPTS*....

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Saya sudah jawab, saya sudah jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ialah Yang Berhormat kata ialah kalau mereka pilih pergi belajar di luar negara...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Pelajar tidak boleh kawal.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Dua-dua pun saya sudah jawab. Dua-dua pun saya jawab. Tentang AUCMS Ahli Yang Berhormat, ini satu perkara yang berlaku luar daripada apa ramalan kita atau ramalan Kementerian Pendidikan di mana sesuatu kolej swasta telah menghadapi masalah kewangan dan tidak boleh meneruskan kegiatannya dan akibat daripada itu lebih daripada 1,500 murid di dalam kolej itu daripada beberapa bidang, bukan saja bidang perubatan yang telah menjadi mangsa. Sebagai satu langkah untuk menyelesaikan isu-isu, di dalam Jemaah Menteri kita telah membuat keputusan, keputusan untuk memberi dua kelonggaran.

Salah satu daripada kelonggaran ialah memberi peluang untuk kolej- untuk kes ini secara khusus untuk mengambil jumlah murid yang lebih daripada kuota mereka. Kalau mereka mempunyai kemudahan yang mencukupi dan kita pun memberi kelonggaran kepada nisbah. Nisbah yang sebelum itu sekurang-kurangnya satu orang tenaga pengajar kepada enam orang murid untuk kes ini secara khusus kelonggaran sampai satu per lapan orang murid. So kalau kolej itu boleh menunaikan itu, iaitu mempunyai kemudahan, ada tenaga pengajar, satu orang tenaga pengajar untuk lapan orang murid dan mempunyai kemudahan-kemudahan yang lain, mereka boleh mengambil murid yang lebih banyak daripada kuota.

Contohnya kalau AUCMS telah diberi per kuota untuk mengambil 100 orang murid untuk satu tahun, sekarang kalau mereka belum menunaikan apa yang ditetapkan iaitu nisbah itu 1:8, mereka boleh ambil 120 atau 150, ini kelonggaran...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tidak ada, ini murid yang sudah ada di dalam negara, cuma pindah daripada satu kolej ke satu kolej. Di dalam keseluruhannya dia akan tambah kerana ini kuota yang diberi kepada AUCMS ini sekarang dipindah kepada kolej-kolej yang lain dan itu untuk membantu murid yang sudah menjadi mangsa. Ini ialah cara kita harap untuk menyelesaikan isu AUCMS. Lagi satu tajuk yang telah dibangkit oleh banyak orang Ahli-ahli Yang Berhormat tentang dialis dan kemudahan...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat boleh cakap sikit.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri, persoalannya ialah saya difahamkan pelajar-pelajar yang ke AUCMS itu masih belum boleh mendaftar dan memulakan kuliah. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tanggungjawab itu sudah diserahkan kepada Kementerian Pendidikan. Mereka melalui satu jawatankuasa akan membuat penilaian, buat kurikulum *matching*, lihat kepada fasiliti yang tersedia ada, tenaga pengajar dan membuat keputusan berapa jumlah murid yang boleh pergi ke kolej itu atau kolej-kolej yang lain. Tajuk yang lain...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sedikit saja Yang Berhormat. Sedikit saja.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: AUCMS juga?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: AUCMS. Kalau kita pindahkan kuota ini kepada kolej lain, idealnya seorang pensyarah, empat orang. Tadi kita longgarkan kepada enam orang. Sekarang sudah kepada lapan orang. Ertinya kita sudah mengurangkan *ratio* nisbah pensyarah kepada pelajar ini sampai *double*. Jadi tidakkah ini dilihat boleh menjejaskan kualiti pendidikan. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Setuju Ahli Yang Berhormat tapi apa yang boleh dibuat oleh kerajaan? Sudah ada keadaan di mana ada murid yang sudah keluar dan kolej sudah mencukupi. Kalau kita memutuskan cuma kolej yang mempunyai 1.4 atau 1.6 yang tidak melebihi daripada kuota saja mengambil, mereka mungkin tiada tempat di mana-mana kolej swasta.

So, untuk di dalam keadaan tertentu dengan mengambil kira kesusahan yang dihadapi oleh murid-murid ini, kita dipaksa membuat satu keputusan *one-off* untuk menangani ini, kalau tidak ada mereka akan menjadi mangsa. Ada yang sudah mengikuti tiga tahun di dalam bidang perubatan dan masa hadapan mereka akan menjadi satu masalah yang besar. So, itu lah sebab kerajaan daripada segi ke perikemanusiaan telah membuat keputusan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya setuju Yang Berhormat Menteri cuma tidak boleh dilonggokkan kepada satu kolej yang lain. Kita ada berpuluh kolej swasta. Ya, itu betullah?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Keutamaan akan diberi kepada kolej yang mempunyai nisbah yang paling baik dan lepas itu saja kepada kolej-kolej yang lain. Lagi satu tajuk yang telah dibangkit ialah dialisis dan perkhidmatan dialisis di dalam negara kita. Saya memahami bahawa ada jumlah mereka yang tiap-tiap tahun lebih kurang 15,000 orang yang memerlukan perkhidmatan dialisis kerana telah mendapat penyakit *end stage renal disease*.

■1750

Pada sekarang, *the dialysis* diberi oleh kerajaan, dialisis diberi oleh NGO yang tidak diasaskan kepada keuntungan *or non profit*, ada diberi oleh pihak swasta secara *profit* dan di tiga jenis sistem yang memberi perkhidmatan dialisis dan mereka yang datang kepada kerajaan, memang percuma semuanya. Mereka yang pergi dan mendapat perkhidmatan ini di dalam NGO yang tidak diasaskan kepada *profit*, kerajaan memberi subsidi RM60 dan ini masih diteruskan, tiada dibekukan. Mungkin pada satu masa yang tertentu kerana mungkin ada isu peruntukan pada masa itu, tetapi ini adalah satu dasar yang berterusan. Akan tetapi mereka yang pergi ke agensi yang *profit* macam hospital swasta, memang mereka dikenakan bayaran yang penuh.

Sebagai satu langkah tambahan, kerajaan telah mewujudkan peluang mengadakan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)* yang telah diumumkan di dalam bajet yang lalu dan peluang ini masih ada kerana ada satu masalah yang kita hadapi. Walaupun kita menggalakkan pesakit untuk mendapat dialisis melalui CAPD, tetapi banyak daripada mereka mahu hemodialisis sahaja. So ini memerlukan latihan pesakit supaya mereka boleh menerima bahawa CAPD mungkin sama berkesan dan daripada beberapa segi, mereka boleh buat dialisis di dalam rumah mereka. Kita bantu di dalam pastikan kemudahan yang sedia ada dan syarikat akan hantar *dialysis fluid* ke dalam rumah mereka. Akan tetapi di dalam rumah mereka mesti mempunyai ruang mencukupi untuk *store dialysis fluid* ini, boleh jadi satu besar untuk satu minggu. Kalau tiap-tiap hari beberapa, so itu boleh jadi satu isu. Ada rumah-rumah di mana kemudahan ini tidak mencukupi...

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Minta izin Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: So, ini yang perkara-perkara yang menjadi masalah. Tambahan kepada itu- nanti Yang Berhormat, saya habis jawapan saya. Tambahan kepada itu, baru-baru di dalam Jemaah Menteri, kita telah meluluskan satu kaedah baru iaitu untuk mewujudkan kemudahan hemodialisis di dalam klinik-klinik kesihatan. So, sekarang kita sedang senaraikan klinik-klinik kesihatan yang mempunyai ruang di mana kerajaan boleh buat ubah suai

kepada kemudahan yang tersedia ada di mana kita boleh membekalkan mesin-mesin hemodialisis supaya hemodialisis boleh dibuat di klinik-klinik kesihatan juga. Dulu di hospital sahaja dan ada satu, dua klinik di mana tetapi untuk dibuat di dalam beberapa klinik yang lebih banyak khususnya di kawasan-kawasan di mana tiada ada hospital, di situ kita boleh ada kemudahan dialisis di dalam klinik-klinik kesihatan.

Di dalam hal ini, ada banyak NGO dan badan-badan sukarelawan yang telah tampil ke hadapan untuk menderma mesin hemodialisis. Selepas mereka dermakan hemodialisis mesin, pengurusan ini akan dilakukan oleh kementerian. Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sik.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan hemodialisis *versus* CAPD. Sebagaimana kita tahu bahawa hemodialisis ini, pesakit lakukan hemodialisis dalam masa satu minggu tiga kali. Di antara hari-hari yang tidak ada dialisis itu, pesakit boleh buat kerja seperti biasa. Akan tetapi kalau kita tengok CAPD, saya ada dua, tiga orang pesakit yang menjalani CAPD. CAPD ini kalau kita tengok, CAPD kena melakukan hemodialisis setiap hari. Satu hari CAPD kena buat proses ini *six hourly*. Bermakna satu hari, empat kali proses hemodialisis dan tiap-tiap hari pesakit kena buat.

Selain daripada itu seperti mana Yang Berhormat Menteri terangkan tadi, dia kena ada bilik, dia kena *ada what we call sterile*, kalau kita tak kata steril pun, *semi sterile procedure*, dia kena bersih, dia kena ada tempat tertentu. Jadi saya tengok pesakit saya ada dua, tiga orang yang orang muda. Jadi kalau masa dia tiap-tiap hari kena buat dialisis, satu hari empat kali, tiap-tiap enam jam *without miss* kena buat dialisis, jadi kita tengok dia tak buat kerja lain, dia tak boleh buat kerja lain. So umur dia 20 tahun, 30 tahun, 40 tahun *in fact* bawah 50 tahun, dia sudah jadi tak produktif, dia tak boleh buat kerja. Jadi saya tengok macam mana kesusahan dia yang pertama dia ada penyakit, yang kedua dia tidak dapat mencari pekerjaan untuk menampung keluarga dia. Jadi di sini Yang Berhormat Menteri, saya minta kerajaan melihat dalam bajet ini supaya kita mempertimbangkan memberi bajet yang- Saya tahu bahawa CAPD ini murah daripada hemodialisis, tetapi supaya kita dapat mempertimbangkan bajet kepada kemudahan kepada pesakit ini di mana kita juga melihat masa depan pesakit dan keuntungan jangka masa panjang.

Kedua Yang Berhormat Menteri, walaupun Yang Berhormat Menteri tidak menyebut lagi berkenaan dengan isu ini, saya terus bercakap sekarang iaitu berkenaan dengan *complementary medicine*. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan ataupun kementerian membuat satu kajian yang terperinci dan betul-betul teliti, membuat keputusan menerima *complementary medicine* ini terutamanya *traditional medicine* ke dalam hospital-hospital kerajaan terutamanya. Sebab apa, kalau kita tengok...

Tuan Pengerusi (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee): Ya, ringkas Yang Berhormat.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Ya, saya *summaries*. Kalau kita tengok Malaysia ini *provide what we call the cheapest health facility in the world*. Bajet kita pun kalau kita terima *complementary medicine* yang tidak ada asas, yang cuma kita hanya hendak *oblige people* sahaja tetapi bajet yang kita bagi, yang kita belanja kepada rakyat itu tidak mendapat satu faedah yang kita harapkan. Contohnya seperti yang banyak Yang Berhormat sebutkan berkenaan dengan *early detection, early detection of cancer or whatever*.

Sebenarnya kalau saya pun, mungkin Yang Berhormat semua bersetuju, kalau Yang Berhormat selalunya bukan saya hendak kata, bomoh ini selalu bagi cerita yang tidak betul yang menyebabkan kita hendak kesan awal kanser itu menyebabkan gagal. Jadi saya hendak tanya kerajaan ataupun Kementerian Kesihatan, adakah kita membuat satu kajian atau keputusan yang betul-betul tepat menerima *complementary medicine* ataupun *traditional medicine* di dalam hospital-hospital kita. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tadi saya di atas tajuk dialisis. Ini *traditional complementary medicine*, saya akan jawab kerana ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangkit perkara yang sama juga.

Saya setuju bahawa CAPD memerlukan sedikit persediaan dan persiapan di rumah. Akan tetapi kerajaan mempunyai, mereka yang mempunyai kemahiran di dalam ini akan memberi latihan yang mencukupi. Sebaliknya, CAPD boleh memberi satu kebebasan untuk mereka yang melalui CAPD untuk kerja kerana ini boleh dibuat pada masa waktu malam duduk di dalam rumah. Manakala mereka yang melalui hemodialisis, mereka kena pergi ke suatu-suatu pusat. Ada banyak pusat yang tidak berfungsi selepas waktu kerja. Itu sebab ini boleh dibuat di rumah pada waktu malam dan siang hari mereka bebas untuk buat kerja. Akan tetapi ini memerlukan satu perubahan sikap dan minda dan mereka kena menerima kaedah ini sebagai satu kaedah yang baik. Kita cuma seberapa banyak yang boleh untuk memberi penggalakan kepada mereka di dalam perkara ini supaya ini boleh diterima.

Saya akan alih kepada satu tajuk yang lain. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah tentang kebolehan untuk menggunakan *food pyramid* yang tersedia ada dan perkembangan sains pada masa sekarang dan adakah kementerian sedang memberi mesej yang betul kepada rakyat selaras dengan perkembangan pengetahuan pada masa sekarang. Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa di dalam kajian dibuat, *research* baru-baru ini telah mewujudkan pelbagai jenis soalan tentang kaedah yang telah diberi sebelum ini, tentang *food pyramid* dan apa yang sepatutnya dimakan walaupun *not major drastic change*, tetapi soalan tentang *fat* dan perkara-perkara macam itu. Kementerian telah mengeluarkan satu pelan tindakan makanan, *the national plan* daripada tahun 2010 sampai tahun 2015.

■1800

Sekarang kita di dalam proses untuk semak balik pelan untuk lima tahun yang akan datang. Semasa perkara ini dibuat, kementerian akan semak semua maklumat baru, maklumat terkini di dalam perkara ini, mengambil kira pandangan-pandangan sains pada masa yang

sekarang, dan memastikan rakyat diberi nasihat yang paling terkini tentang apa makanan yang boleh dikatakan yang paling sihat untuk memastikan bahawa kita bebas daripada penyakit.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Di dalam isu *trans fat* yang telah bangkitkan. Pendirian kementerian pada masa sekarang, walaupun kita tidak mengharamkan *trans fat* sampai sekarang, tetapi ada kewajipan dalam pelabelan makanan yang sedia ada supaya kandungan *trans fat* diteraskan. Kalau ada *low content* atau *no content*, ini boleh dijelaskan di dalam label dan ini boleh bantu mereka yang makan makanan ini untuk membuat pemilihan yang sewajarnya.

Saya tahu Ahli Yang Berhormat tadi daripada Kuala Kedah telah beberapa kali telah bangkit di dalam...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Dewan ini supaya *trans fat* ini diharamkan. Akan tetapi kita mengikut apa yang telah dijalankan oleh WHO, di mana WHO tidak mengeluarkan apa-apa kenyataan bahawa *trans fat the totally forbidden*. Akan tetapi cuma jumlah pengambilan ini dihadkan dan pelabelan ini digalakkan supaya dibuat. Ya.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh saya tambah sedikit?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada beberapa poin sahaja. Pertamanya kalau kementerian dalam proses menyediakan garis panduan yang baru, kalau boleh ada cara dan mekanisme, kita boleh bagi input. Kemudiannya saya mengikuti perkembangan ini di beberapa tahun yang terakhir. Sejak tahun 2012 hingga 2014 juga berlaku banyak perubahan dan malahan di muka depan majalah *Times* dan *New Scientist* telah keluar misalannya tentang *fat, misconception about fats*, dengan izin. Jadi ada perubahan besar.

Ketiganya saya lihat walaupun kita pergi kepada *mainstream*, maklumat yang ada itu agak bias dengan kepentingan syarikat farmaseutikal. Maka pendapat saintis ulung seperti William Lane, Marie Elic dan lain-lain lagi kerana tidak ada kepentingan syarikat farmaseutikal sehingga terkebelakang. Itu yang kita elakkan. Ketiganya ada garis panduan terbaru daripada WHO tentang gula, tidak lebih daripada lima camca teh sehari. Itu kita kena *incorporate* dalam pandangan baru. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Kuala Kedah dan saya menerima secara baik tawaran Ahli Yang Berhormat untuk memberi input di dalam garis panduan yang akan dikeluarkan.

Lagi satu perkara yang telah dibangkit ialah tentang pekerja asing, pembayaran untuk pekerja asing dan apakah hala tuju kerajaan di dalam perkara ini. Secara prinsip, ada dua kumpulan pekerja asing di dalam negara kita. Satu kumpulan ialah mereka yang dipanggil pekerja asing, warga asing rasmi yang datang melalui sistem yang rasmi. Mereka yang datang melalui sistem yang rasmi, mereka melalui dua saringan perubatan. Satu saringan perubatan di

negara asal mereka dan satu lagi saringan perubatan selepas mereka datang ke dalam negara kita. Sebelum mereka mendapat permit untuk bekerja di dalam negara kita, ada kewajiban supaya majikan mereka membeli insurans untuk mereka. Oleh itu, mereka telah mendapat perlindungan. Kalau ada penyakit mereka diberi perlindungan.

Mereka yang menjadi isu ialah mereka yang masuk ke dalam negara tanpa izin. Mereka ini tidak melalui apa-apa saringan, kumpulan yang menjadi risiko untuk membawa pelbagai jenis penyakit ke dalam negara kita. Mereka ini tidak mempunyai apa-apa jaminan untuk mendapat perkhidmatan kesihatan. Mereka ini kalau masuk di dalam sistem kita, diwajibkan mereka kena bayar. Bayar untuk perkhidmatan kesihatan selaras dengan apa yang kita telah kenakan di dalam sistem dahulu. Akan tetapi walaupun masa dahulu mereka bayar, tetapi kalau lihat kepada perbelanjaan kita, kita telah lihat bahawa mereka cuma bayar 30% daripada *the total cost* sahaja. So baru-baru kita telah membuat satu keputusan dan satu keputusan Jemaah Menteri bahawa mulai daripada tahun depan iaitu Januari tahun depan ini secara berfasa iaitu di dalam tiga tahun yang akan datang, warga asing akan dikenakan bayaran kos, bayaran yang sepenuhnya. Bayaran kos sepenuhnya itu bermaksud daripada bayaran yang tersedia ada pada tahun yang akan datang, bayaran untuk pekerja asing akan naik sebanyak 30%, selepas itu pada tahun 2016 tambah lagi 30% dan tahun 2017 tambah lagi 40% supaya di hujung tahun 2017, mereka punya kos akan tambah dua kali ganda daripada apa yang tersedia ada.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: [Bangun]

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ini akan menjadi kos. So ini adalah langkah yang dibuat oleh kerajaan untuk memastikan bahawa...

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya?

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak mencelah sedikit Menteri. Kenapa perlu kita bagikan kenaikan kepada warga asing ini secara berperingkat-peringkat Menteri? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ini kerana di dalam warga asing ini, termasuk dua kumpulan iaitu kumpulan rasmi dan tidak rasmi. Warga asing yang datang dengan izin ini ada bayaran itu oleh majikan mereka dan majikan ini beberapa perkara sudah naik. Mungkin levi akan naik, GST akan naik dan bila kita tambah ini, apa yang dibangkitkan oleh pihak majikan bahawa ialah kos perniagaan, *the cost of doing business* akan naik secara ketara. So dengan mengambil pandangan ini, Jemaah Menteri telah membuat keputusan supaya untuk meringankan perkara ini, *not to overburden them*, kita akan membuat ini secara berfasa. Ini yang sebab mengapa kenaikan tidak dibuat secara sekali gus, tetapi dibuat secara berfasa supaya *the employers will not feel the total pinch of it*. Ya?

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma, bagaimana cara kita mengawal memberi rawatan yang memang kita tidak boleh tolak dari segi perundangan umpamanya di

Hospital Johor Bahru kepada warga-warga Singapura dan mereka ini bukan pekerja mana-mana syarikat swasta, tetapi mereka datang mendapatkan rawatan. Contohnya untuk penyakit kencing manis, darah tinggi dan sebagainya, mereka datang ubat sebulan Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya, kumpulan ini ialah yang kita akan naik 100%. Akan tetapi kerana di dalam sistem ini kita tidak boleh membezakan kepada kumpulan, kalau tidak ada, negara kita akan mendapat bidasan daripada peringkat antarabangsa. So dari segi itu dengan menghormati sistem perundangan yang ada di dalam peringkat antarabangsa, kerajaan telah membuat satu keputusan yang telah mengambil kira segala perkara.

Lagi satu perkara yang dibangkitkan ialah apakah dasar kerajaan berkaitan dengan doktor pakar yang datang daripada negara yang lain iaitu daripada negara asing. Sampai sekarang dasar kerajaan cuma hospital-hospital yang mahu menggunakan perkhidmatan doktor pakar daripada negara-negara asing, cuma boleh buat untuk bidang-bidang di mana tidak ada kepakaran di dalam negara kita. Contohnya sesuatu hospital swasta, kalau mereka mahu mendapatkan perkhidmatan seorang pakar asing, mereka kena membuat iklan dan kena menunjukkan bahawa mereka telah cuba seberapa banyak yang boleh untuk mendapatkan perkhidmatan daripada doktor tempatan di dalam bidang-bidang tertentu di mana mungkin kita tidak mencukupi kepakaran, mereka diberi kebenaran untuk membawa doktor daripada negara asing.

Di dalam Kementerian Kesihatan pun, dengan jumlah doktor daripada negara-negara lain sudah kurang melainkan di dalam kawasan-kawasan tertentu seperti Sabah dan Sarawak, di mana kita tidak berjaya untuk mendapatkan doktor tempatan untuk ditempatkan di dalam hospital-hospital itu, di dalam bidang-bidang tertentu sebagai satu langkah sementara (*temporary measure*) supaya perkhidmatan di hospital itu tidak menghadapi gangguan, kerajaan telah meluluskan dasar untuk membawa mereka daripada negara yang lain. Akan tetapi ini ialah *short term* dan harapan kita untuk jangka masa panjang, bila kita mempunyai kepakaran mencukupi di dalam negara kita yang sudi bekerja di semua tempat, perkara ini akan diambil kira dan tidak akan memberi peluang untuk doktor daripada negara-negara yang lain.

Satu lagi tajuk yang telah bincangkan...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bakri bangun Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Adalah tentang *traditional* dan *complimentary medicine*, banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah bangkit.

■1810

Sebelum ini Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan atau Kementerian Kesihatan tidak mengawal sistem rawatan tradisional atau *complementary*, itu bebas. Baru-baru ini, dengan mengambil kira beberapa perkara, salah satu daripadanya ialah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa kita mesti mempunyai asas kepada sistem *complementary medicine* dan ianya dikawal supaya tidak membawa apa-apa kesan buruk

kepada rakyat. Dengan mengambil kira ini, kerajaan telah memutuskan untuk membawa *Regulatory Framework for Traditional and Complementary Medicine* melalui kelulusan akta *Complementary Medicine and Traditional*.

Apa yang kerajaan akan buat melalui ini ialah untuk memberi satu akreditasi kepada sistem-sistem rawatan tradisional yang tersedia ada di dalam negara kita. Di negara kita, kita ada sistem rawatan Melayu atau bumiputera. Ini termasuk bumiputera di Sabah dan Sarawak. So, sistem tradisional di bawah Sabah dan Sarawak akan masuk di dalam kumpulan itu. Sistem rawatan Islam iaitu berasal dari Asia Timur dan sistem rawatan Cina, sistem rawatan India, sistem rawatan *complementary* yang lain. Untuk tiap-tiap bidang ini, kita akan mewujudkan satu majlis yang akan mempunyai perwakilan daripada pakar di dalam itu dan mereka akan nasihat kementerian di dalam pengiktirafan dan akreditasi kepada bidang-bidang ini. Melalui ini, kita berharap bahawa *the scientific background* untuk *traditional medicine* akan digalakkan supaya rawatan *complementary* dan *traditional medicine* boleh dibuat, diasaskan kepada sains dan sebenar-benarnya menjadi *complementary* kepada rawatan alopati yang ada.

Ya, Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Menteri memberi peluang kepada Bakri.

Di sini saya nak tanya Menteri, menurut majalah yang saya sebut tadi dalam ucapan saya, sudah jelas sekali menjelaskan bahawa cuma *Kempas Medical Centre* sahaja telah mempunyai 50 orang doktor pakar dari Taiwan sejak dua tahun yang lepas dan angka ini dianggap akan meningkat sekiranya Universiti Kaohsiung membina cawangan di negara kita. Jika jadual yang dibagi oleh saya tadi adalah jawapan yang tepat dari Menteri, saya rasa angka ini tidak betul. Sila beri penjelasan dan di sini sila jelaskan di antara tahun 2013 ke 2014, bilangan iklan yang telah diluluskan dan dikeluarkan, berapakah daripada iklan adalah dimiliki oleh KPJ? Sila senaraikan ikut pecahan dan tahun.

Sekian, terima kasih. Minta penjelasan.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat Bakri. Tentang soalan-soalan terperinci ini, saya akan beri jawapan secara tulisan.

Yang Berhormat Kuantan telah bangkit tentang kemudahan Anjung Kasih di dalam hospital-hospital kerajaan. Ini ialah satu fasilitet yang kerajaan cuba membina di seberapa hospital yang boleh. Pada masa sekarang, kita telah menyediakan pelbagai jenis kemudahan untuk pelawat, untuk saudara di dalam lebih daripada 80 daripada 140 hospital di dalam sistem kita. Kita mempunyai kemudahan ini.

Akan tetapi saya setuju bahawa bukan tahap ada bilik untuk mereka rehat, tidur dan sebagainya, tetapi di dalam Kuala Lumpur contohnya, di Hospital Besar Kuala Lumpur baru-baru ini melalui Majlis Agama Wilayah Persekutuan, mereka telah tampil ke hadapan untuk menyediakan kemudahan ini di Hospital Besar Kuala Lumpur di dalam perbelanjaan mereka sebagai satu CSR mereka dan saya menggalakkan perkara-perkara macam itu. Kalau melalui kerjasama di antara NGO dan agensi kerajaan kemudahan-kemudahan ini boleh disediakan,

kerajaan memang sudi. Akan tetapi pada masa sekarang dengan peruntukan yang ada, peruntukan ini kena diberi kepada pesakit, kepada semua perkhidmatan dan sebagainya, seboleh-bolehnya kita akan menambah fasilitet yang tersedia ada supaya saudara-mara dan keluarga mereka boleh berhampiran dengan pesakit.

Lagi satu perkara yang dibangkitkan ialah sistem *appointment* di dalam sistem Kementerian Kesihatan dan bolehkah ia difungsikan. Untuk sistem *appointment* ini berfungsi, dua-dua pihak pun kena bekerjasama. Pesakit kena kerjasama dan sistem pun kena bekerjasama. Banyak yang kita dah cuba untuk pastikan sistem *appointment* boleh kerja kerana ini memerlukan disiplin daripada pesakit. Kalau contohnya kalau pukul 9, mereka kena datang pada pukul 9. Yang tidak ada *appointment* sepatutnya tidak akan datang.

Di negara-negara yang lain di mana sistem *appointment* ini berjaya kerana di situ kalau mereka datang tanpa *appointment*, mereka tidak akan diberi perkhidmatan dan mereka akan diminta balik ke rumah. Akan tetapi di negara kita, kita tak boleh buat sedemikian. Contohnya seorang datang lepas 300 kilometer ke hospital tanpa *appointment*, di dalam hospital, kita tidak boleh cakap kamu tidak ada *appointment*, tolong balik ke rumah, tidak boleh dibuat.

So, dengan mengambil kira perbezaan di dalam sistem budaya kita, walaupun kita wujudkan satu sistem tetapi dengan mengambil kira kepada budaya dan cara kehidupan rakyat dan minda rakyat pada masa sekarang, *we have to be a bit flexible in this*. So bila ada fleksibel, memang *the appointment system doesn't work*. Ini bukan di dalam kerajaan sahaja, di dalam swasta pun sistem yang sama juga. Semasa saya ada di dalam peringkat swasta, sama. Kita memberi *appointment*, ada yang datang tanpa *appointment*, tidak boleh dihalau dan kena diterima juga. So, oleh itu, sistem *appointment* akan terjejas.

Akan tetapi, saya menerima untuk *moving forward* apa yang sangat diperlukan, *we have to discipline our people, the mind of our people* supaya mereka boleh menerima perkara ini. Kalau semua orang boleh bekerjasama, memang sistem *appointment* boleh berfungsi.

Ya, Ahli Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi.

Di dalam kes *appointment* ini, saya rasa tidak ramai yang datang tanpa *appointment*, Yang Berhormat Menteri. Yang ramainya yang datang tak ikut waktu yang ditentukan kerana dalam *mindset* mereka, mereka perlu datang awal sebab kalau datang awal, mereka akan jumpa doktor lebih awal. Maka, betul kita perlu mendidik, kita perlu membentuk masyarakat tetapi dengan izin, *let's work within your control*. Sekiranya kementerian membuatkan syarat masa bagi *appointment* itu bolehlah kita bagi tahu kepada *patient*, "*Makcik, makcik appointment pukul 10. Nanti makcik datang lagi 10 atau 15 minit sebelum pukul 10 sebab kalau makcik datang awal nanti doktor tak akan jumpa*". Juga dekat *front desk* dengan kompleks klinik pakar itu, dekat *front desk* itu di mana ada *appointment*, *front desk* boleh kata "*Okey, makcik punya appointment pukul 10, makcik pergi minum dulu sebab saya tak boleh bagi nombor lagi*".

You have to work within your circle of control sebab kalau yang *educate* itu memang kita ada sistem untuk *educate*, kita boleh *educate* cara lain dan sebagainya tetapi saya yakin Yang Berhormat Menteri, *it is a very simple matter to correct*. Bukan sebab apa, sebab saya sedih tengok semua pesakit, akhirnya semua pesakit terpaksa tunggu dua tiga jam. *Why?* Sebabnya *it is easily correctible* dengan izin, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat terhadap cadangan-cadangan itu.

Lagi satu perkara yang telah dibangkitkan ialah tentang siasatan awal dan diagnosis awal penyakit-penyakit barah atau *early diagnosis of cancer*. Saya setuju bahawa proses ini holistik iaitu daripada pendidikan kesihatan, meningkatkan kesedaran dan pastikan rakyat tampil ke hadapan untuk melalui *the screening facilities* yang tersedia ada dan kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang tersedia ada, tapi dengan masa, saya ingat kita sedang berjaya.

Contoh di dalam *pap smear*, sebagai satu langkah yang digunakan untuk diagnosis pangkal rahim atau *cervical cancer*, jumlah mereka yang datang dan mendapat *pap smear* secara *voluntary*, tiap-tiap tahun kita boleh nampak peningkatan. Ini apa yang kerajaan sedang menggalakkan termasuk di dalam *breast cancer*, apa yang akan diminta secara awal ialah *self-examination*. *Self-examination* yang akan membawa kepada diagnosis yang awal.

■1820

Perkara ini melalui sistem pendidikan kesihatan telah dihebahkan secara meluas dan ramai rakyat Malaysia yang tahu tentang perkara ini tetapi isunya ialah jumlah mereka yang sebenarnya buat perkara. Kalau ini boleh dibuat, saya setuju iaitu kita kena menambahkan lagi fasiliti yang lain seperti *mammogram*, *ultrasound confirmation* di dalam hospital-hospital. Saya berharap melalui langkah-langkah yang diambil pada masa sekarang termasuk *Cancer Awareness Week, month* dan sebagainya di mana pelbagai jenis langkah pendidikan diberi dan meningkatkan kesedaran, rakyat boleh mengambil proaktif *roles* supaya kita boleh berjaya untuk mengurangkan jumlah mereka yang mendapat, yang boleh dikesan mereka secara awal supaya rawatan boleh diberi dan kebanyakan mereka boleh mendapat *priority treatment*.

Lagi satu perkara yang telah dibincangkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat ialah berkaitan dengan klinik-klinik di kawasan luar bandar dan kemudahan yang sedia ada. Saya faham perasaan Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Tuan Pengerusi tentang keperluan klinik desa di Beluran dan di dalam kawasan-kawasan yang lain. Kerajaan sedang cuba seberapa banyak yang boleh untuk menyelesaikan isu ini melalui pelbagai kaedah. Salah satu daripadanya ialah membina klinik. Kedua, meningkatkan *outreach* supaya kita boleh sampai ke kumpulan-kumpulan itu. Itulah sebab mungkin salah satu daripada perkhidmatan kesihatan di dalam dunia menggabungkan pelbagai jenis cara iaitu bukan sahaja melalui klinik, melalui *mobile clinic* yang menggunakan bas, melalui *mobile bot clinic* yang menggunakan bot di dalam kawasan-kawasan yang berhampiran dengan sungai dan di dalam Sabah dan Sarawak melalui skim *The Flying Doctor Scheme*.

Jadi ini semua *complement* satu sistem dengan satu sistem yang lain untuk memastikan rakyat keseluruhan ini akan mendapat perkhidmatan kesihatan yang baik. Kita akan cuba dengan masa untuk menambahkan kemudahan-kemudahan yang tersedia ada supaya rakyat di dalam kawasan-kawasan pedalaman ini boleh mendapat perkhidmatan kesihatan yang lebih baik selaras dengan keperluan mereka. Itulah hasrat kerajaan tetapi ini kena dilaksanakan secara berfasa. Banyak hospital daerah iaitu *district hospital* pada masa sekarang mempunyai kemudahan kepakaran. Contohnya di dalam negeri Sarawak, selain dari Kuching, kita telah menambah lagi kepakaran yang ada di dalam Hospital Sibu, Hospital Miri dan di Sabah, di Hospital Kota Kinabalu, Hospital Tawau, Hospital Sandakan dan kita akan cuba menambah lagi di hospital-hospital yang lain.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: [Bangun]

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Menteri, mencelah sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Limbang.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Menteri. Tadi menyebut pasal pakar. Tadi saya suarakan fasal *the pediatrician* di Limbang, sebelum ini memang ada. Jadi, *I don't know for what reason* dia berhenti. Sebelum itu memang permohonan lulus, saya dah dapat dua, *oncologist* dengan *pediatrician* inilah. Jadi sekarang dia dah balik, perkakas dia situ, NICU semua sudah ada, jadi *just that* bila *pediatrician* tidak ada, benda itu jadi tidak ada yang pakai. Saya difahamkan *because of that, some of the equipment* dihantar ke Hospital Miri sebab *nobody use it in Limbang anymore because the pediatrician is not there anymore*. Jadi kita mintalah sebab keadaan Limbang tidak sama.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat, permohonan ini kita sudah terima sebelum ini dan sedang cuba untuk mendapatkan seorang *pediatrician* untuk pergi ke hospital ini. Saya mahu jawab tiga lagi tajuk sebelum saya menghabiskan.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat Sibuti.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya, Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apabila mendengar pakar tadi, Hospital Miri di mana hospital Miri untuk diguna pakai oleh tiga Parlimen iaitu Parlimen Miri, Parlimen Baram pun hantar sana, Parlimen Sibuti pun hantar sana. Jadi oleh kerana ada pakar, maka semua masyarakat kita dari luar bandar akan berkumpul ke Hospital Miri yang hanya satu-satu hospital yang besar di Miri menampung lebih kurang 400,000 orang penduduk. 400,000 orang penduduk mana cukup kalau pakar hanya satu atau dua orang. Yang penting ialah penambahan pakar, penambahan katil pesakit, membesarkan Hospital Miri kalau boleh dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat, baru-baru ini saya telah melawat Hospital Miri dan telah mengadakan perbincangan dengan doktor-doktor di situ. Saya telah diterangkan tentang keperluan mereka dan kita sedang seberapa banyak yang boleh

menyelesaikan beberapa daripada isu yang telah dibangkitkan pada tahun yang akan datang di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tentang TPPA, beberapa Ahli Yang Berhormat telah bangkitkan isu TPPA. Kementerian mempunyai pandangan yang sama seperti Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa di dalam *intellectual properties* itu, kita telah minta tiada perubahan kepada apa yang ada pada masa sekarang iaitu *no pattern extension*. Kedua, untuk *the second indicator* ini tidak diberi peluang supaya mereka menambahkan *pattern* dan *data explicit* ini mengikut kadar yang telah ada pada masa sekarang. Walaupun daripada Amerika Syarikat ada pelbagai jenis permintaan bahawa ini ditambahkan, saya telah jelaskan secara sendiri bila dia hadapi dengan ambasadur daripada Amerika Syarikat yang menjadi pihak konsultan, *the consulting person for that*. Pendirian kita telah diberitahu kepada MITI kerana pendirian Kementerian Kesihatan ialah apa-apa yang akan akibat daripada TPPA tidak akan terjejas kebolehan kita untuk mendapat ubat *generic* mengikut keperluan kita dengan kos yang tersedia ada. Kalau ada apa-apa keputusan yang akan menjejaskan keadaan itu, Kementerian Kesihatan tidak akan bersetuju dengan perkara yang lain. Saya kena jelaskan tentang perkara yang lain.

Saya kena jelaskan tentang langkah-langkah yang diambil untuk penyakit denggi. Saya setuju wabak denggi pada masa sekarang ini mungkin yang terburuk sekali dalam sejarah kita. Banyak yang dibuat oleh kerajaan untuk menambah itu dan salah satu isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Gopeng, kalau sesuatu kes telah *diagnose*, berapa peratus yang mendapat *clearance* dan *fogging* di dalam masa yang telah ditetapkan. Saya mengakui di dalam *the peak of the epidemic*, peratusan itu tidak memuaskan.

Di dalam lingkungan 30% sampai 40% sahaja tetapi beberapa langkah yang telah diambil oleh kerajaan termasuk kita telah *mobilize* pegawai daripada kawasan yang lain kepada kawasan di mana wabak itu yang paling tinggi termasuk *outsourcing of the fogging facilities*, termasuk meningkatkan keupayaan PBT untuk membuat kerja ini. Dengan itu kita boleh nampak daripada 30% sudah naik sampai 60% kepada 66%.

Perkara ini akan ditambahkan usaha kerana isu denggi ialah isu kebersihan persekitaran. *It's an environment through cleanliness issue*. Oleh itu, kita memerlukan kerjasama banyak pihak khususnya PBT. Contohnya saya telah melawat Taman Sentosa di Klang, semasa saya melawat di dalam *peak of the epidemic*, saya boleh terangkan bahawa taman ini nampak sebagai satu tong sampah yang besar kerana sampah dibuang di merata-rata tempat, sampah tidak dikumpul. Bila kita tanya Kerajaan Negeri Selangor, apa yang berlaku kepada sistem pengurusan sisa pepejal di dalam Kerajaan Negeri Selangor, mereka mengakui iaitu di peringkat PBT *that's already become cripple*.

Bila sistem pengurusan sisa pepejal tidak berfungsi seperti yang telah dijadualkan secara lebih menyeluruh, apa-apa langkah yang lain kita buat pun tidak akan berjaya kerana asasnya bila ada tempat pembiakan nyamuk aedes ini, denggi masih ada. So ini ialah satu perkara yang kita akan mengambil berat so di dalam *our approach, the new approach to dengue* ialah *is environmental heart* iaitu macam mana kita boleh meningkatkan kebersihan di dalam

persekitaran melalui kerjasama dengan semua agensi khususnya pihak berkuasa tempatan kerana mereka yang bertanggungjawab di dalam peringkat akar umbi untuk memastikan kejayaan ini.

■1830

Melalui itu, saya berharap dengan meningkatkan – kerana kita telah ada bukti, di dalam kawasan-kawasan di mana kita telah meningkatkan kebersihan persekitaran untuk satu tahap yang lebih baik, jumlah kes denggi ini sudah turun.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Memang saya setuju sampah sarap itu masalah besar yang harus ditangani dan ini bukan setakat Selangor sahaja, Perak pun sama, Ipoh pun sama, merata-rata tempat pun sama. Ini pertama.

Kedua, saya hendak khusus merujuk kepada *fogging* ini. Apabila kita ada satu kes denggi, ini bermakna ada *host* yang lain yang dikatakan sebagai '*a systematic host*' yang tidak dikesan yang ada denggi tetapi tidak ada simptom dan tidak dapat dikesan mereka membawa virus denggi ini. Bukankah ada cara yang lain. Misalannya kalau kita buat *fogging* sekali dan mengulang *fogging* sekali lagi mungkin seminggu selepas jentik-jentik itu menjadi nyamuk dan sekali gus memecahkan rantaian penyebaran ini. Kalau kita lihat *what we have done so far*, tidak begitu berjaya. *Extraordinary times need extraordinary measures*, dengan izin. Saya rasa apa yang kita buat setakat ini tidak berjaya.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat telah dibuat. *In all effected areas, we do double spraying after the period.*

Akan tetapi, saya ingin membetulkan persepsi, Ahli Yang Berhormat. Kalau kita lihat pada graf, masa kita memulakan Ops Memerangi Denggi, jumlah kes denggi sudah tahap 3,000 kes seminggu. Pada masa sekarang, ia sudah menurun kepada lebih kurang kepada 2,000. Kalau pada masa itu *the drastic measures* tidak dilakukan pada masa itu, ada kemungkinan graf akan naik juga. So daripada itu, semasa saya melancarkan kempen itu, saya telah mengumumkan *what is our aim*. Tujuan kita adalah untuk memastikan ia tidak lebih daripada 3,000 dan akan turun seberapa yang boleh. Sekarang harapan kita untuk masa akan datang, kalau boleh daripada 2,000 bawa kepada 1,500 dan langkah-langkah yang dibuat ialah selaras dengan itu supaya ini boleh dikawal.

Keberkesanan COMBI telah dibangkit. COMBI ialah penyertaan masyarakat di dalam membantu kita mengawal denggi. Secara ringkas, kerajaan telah membuat keputusan untuk memberi lebih bantuan kepada COMBI supaya mereka boleh berfungsi secara lebih berkesan. Daripada pandangan kita, walaupun ada banyak denggi, memang bukan semua berkesan. Mungkin 40% berkesan, ada 60% yang tidak berkesan. Kalau kita lihat mengapa mereka tidak berkesan, satu ialah kepimpinan di mana ada kepimpinan yang kuat, COMBI itu akan berkesan secara lebih baik dan di mana ada penyertaan mereka di dalam aktiviti-aktiviti yang pelbagai. Contoh, kita ada satu COMBI di Seremban dan satu di Selayang yang saya telah melawat.

Melalui aktiviti mereka, mereka telah membawa kadar denggi kepada satu kadar yang rendah. Ini ialah satu contoh yang baik.

Sebagai pendekatan baru, kerajaan akan memberi pengiktirafan yang lebih baik kepada kumpulan COMBI. Kita akan memberi perawatan yang mencukupi untuk mereka dan mungkin peruntukan kepada mereka supaya mereka boleh berfungsi dan kerajaan amat menghargai penglibatan masyarakat umum dalam usaha untuk mengawal penyakit denggi. Tanpa kerjasama daripada rakyat, kita tidak akan berjaya di dalam mengawal penyakit denggi.

Secara penghabisan ialah tentang persediaan kerajaan untuk mengawal dan menghadapi wabak ebola. Untuk menghadapi wabak ebola Tuan Pengerusi, langkah pertama ialah di dalam kawalan pintu masuk iaitu pintu masuk di dalam lapangan-lapangan terbang antarabangsa, pintu masuk di Johor Bahru, pintu masuk utara di mana saringan akan dibuat. Satu saringan termal iaitu *body temperature* untuk semua orang yang masuk. Kalau suhu mereka lebih daripada 37.5, mereka akan diasingkan dan akan dipersoalkan.

Bagi mereka yang datang dari negara-negara yang telah dijadualkan sebagai negara-negara *yellow fever*, ini termasuk negara-negara *epidemic ebola* yang ada pada masa sekarang, mereka apabila pergi kaunter imigresen, di kaunter imigresen pegawai imigresen akan kesan dan kalau mereka datang dari negara-negara itu, mereka akan diminta ke bilik kuarantin di dalam KLIA. Di dalam bilik kuarantin KLIA, mereka akan dipersoalkan adakah mereka mendekati atau telah pergi ke satu keadaan di mana mungkin mereka telah membawa dekat dengan seseorang yang mendapat penyakit ebola dan sebagainya. Kalau ada apa-apa *suspicion that has been a contact with anybody with ebola*, mereka akan diminta supaya dikuarantin untuk 21 hari. Kalau mereka langsung tidak ada *contact*, mereka akan diberi peluang balik dan...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Nanti, biar saya jawab dahulu. Selepas itu mereka akan dibiarkan keluar. Selepas mereka keluar, mereka punya *contact* akan disimpan dan pejabat kesihatan daerah berhampiran akan berhubung dengan mereka untuk pastikan mereka sihat sekurang-kurangnya 21 hari daripada tarikh masuk. Ini ialah langkah-langkah di pintu masuk.

Selain daripada itu, kita telah mengesan 21 hospital yang akan menjadi hospital di mana rawatan awal, *if there is a suspect case* termasuk Sabah dan Sarawak, hospital-hospital Kuching dan Kota Kinabalu di mana mereka akan pergi dan mereka boleh diperiksa dan darah akan diambil. Selepas itu, kalau mereka disahkan sebenar-sebenarnya *positive for ebola*, mereka akan dirawat di tiga hospital iaitu satu di Semenanjung di Sungai Buloh, Sabah di Kota Kinabalu dan di Kuching di Hospital Kuching. Tiga hospital yang mempunyai kemudahan untuk merawat mereka.

Sebagai persiapan untuk itu, sekarang kita sedang adakan pelbagai jenis latihan termasuk macam mana mereka kena pakai gaun dan keluarkan gaun kerana di dalam beberapa kes di mana kes ini telah merebak di Amerika Syarikat contohnya, *the suspicion is the nurse* yang telah merawat ini mungkin tidak memakai gaun dan keluarkan secara betul. Ini telah menjadi satu risiko kepada mereka.

Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Pengerusi dan juga Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Menteri.

Begini, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan mengenai apabila mereka datang dari negara yang kita kawatir ada ebola, mereka akan diletakkan di satu tempat. Saya cuma hendak tanya kepada pihak kementerian, bagaimana pihak kementerian tahu yang mereka itu dari negara tersebut? Ini kerana, setahu saya, kita tidak ada *direct flight* dari sana. Bukan apa, ada sesetengah daripada kami telah pergi ke Afrika tetapi transit di Paris, apabila balik, tidak ada apa-apa pun yang dilakukan oleh pihak kementerian. Itu sebagai contoh. Jadi bagaimana kementerian boleh *identity*, dengan izin, yang mereka ini adalah dari negara-negara yang berpotensi pada penyakit ebola?

Terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Menteri, sambung sedikit sebab saya bangkitkan mengenai isu ebola tadi.

Betul pandangan Yang Berhormat Parit Sulong. Kalau kita mengesyaki penduduk tempatan negara berkenaan, dari Liberia kah, Sierra Leone, itu mudah. Akan tetapi, rakyat lain dari negara-negara lain ataupun rakyat Malaysia yang kembali, misal mungkin ada petugas Petronas berada di negara-negara Afrika yang kembali masuk, memang tidak diberikan satu tinjauan. Jadi saya rasa ini perlu diambil berat.

Keduanya, latihan kepada jururawat dan petugas-petugas ini kena serius, Yang Berhormat Menteri. Ini kerana yang kena ini, kita dimaklumkan *fatalitynya* 50% yang meninggal ialah kakitangan kesihatan. Amat malang. Jadi janganlah sampai kerja baik mereka, mereka terpaksa *sacrifice* sajalah. Terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi, seminit, sedikit sahaja. Saya hendak menambah sedikit tentang ebola. Saya rasa agak *detail*, tetapi apa yang dibuat oleh Nigeria itu dipuji oleh WHO dan negara-negara lain, saya ingat, sangat berkesan. Boleh kita jadikan model. Terima kasih.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *[Bangun]*

■1840

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, Ebola Yang Berhormat ya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Bukan Batu Sumpah. *[Ketawa]* Okey, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih juga Yang Berhormat Menteri. Saya mahu tanya, tadi saya terdengar ada beberapa perkara akan dihantar ke Sabah dan Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan. Saya mahu tahu ada berapakah pakar yang akan dihantar ke Sabah? Kedua, dalam ucapan Yang Berhormat Putatan saya ada mencelah, saya mahu tanya tentang *cancer machine* yang diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Satu tahun...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Tentang isu...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Bilakah mesin ini boleh sampai ke KK?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tadi saya sudah pindah tajuk itu tetapi tidak apa. Tentang isu pakar ini kita akan hantar seberapa yang boleh dan tentang dua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu dan Yang Berhormat Putatan. Pertama iaitu, *positron emission tomography* atau *PET scan*.

Nombor dua ialah tentang lagi satu *radiotherapy* unit di dalam Hospital Likas. Kedua-dua ini telah diluluskan dan akan dihantar kepada hospital itu dengan masa yang cepat. Untuk teruskan dengan Ebola saya setuju. *It is a challenge* untuk mereka yang datang, *foreigner* yang datang daripada negara Afrika ini, semasa mereka pergi ke imigresen kaunter, kita ada senarai tentang *countries of the yellow fever zone* dan secara berterusan mereka yang datang dari *yellow fever zone* diminta pergi ke kuarantin. Ini, kita sudah dilakukan. So, oleh itu mereka yang datang dari *Guinea* atau *Congo*, *Nigeria* atau Uganda semua di dalam zon itu.

Akan tetapi untuk mereka yang datang contohnya daripada Eropah, *the citizen of Europe*, *UK citizen or France citizen* atau rakyat kita sendiri seperti Yang Berhormat Parit Sulong yang pergi dan balik ke negara kita.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ia bukan Parit Sulong sahaja. Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Kuala Bukit Katil, Yang Berhormat Kuala Beluran.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Yang pergi dan balik. Ini memang saya akui satu cabaran dan untuk menghadapi itu, apa yang telah kita buat iaitu semasa *you* masuk ke dalam imigresen kita telah meningkatkan kesedaran supaya secara sukarelawan mereka yang datang daripada negara-negara itu akan membuat laporan bahawa *we came from this country*. *This is* harapan. Selain daripada itu, kalau mereka tidak demam iaitu suhu tidak tinggi, mereka tidak tampil ke hadapan dan cakap mereka ada pergi ke negara-negara itu, susah untuk kita pastikan mereka melainkan tiap-tiap seorang ini diperiksa dengan sepenuhnya.

Di dalam rakyat Malaysia tidak perlu pergi ke imigresen kaunter, *they can go through the automatic clearance system*. So, oleh itu, ia satu cabaran yang besar. Oleh itu, di dalam perkara ini kita meningkatkan kesedaran kepada rakyat kita sendiri. Kalau mereka telah pergi ke negara-negara tersebut tolong datang dan melaporkan di dalam kuarantin kita supaya langkah-langkah boleh diambil. Ini saya mengakui sebagai satu cabaran dan itulah sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri belum habis jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang lain jawapan bertulis lah.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Lain-lain jawapan daripada awal saya sudah beritahu kita akan beri jawapan secara bertulis.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Bertulis...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Kepada semua soalan yang telah ditanya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah, sudah. terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ala Yang Berhormat Menteri ...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dah, dah. Dah cukup lah Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, jangan lupa temu janji.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM21,714,210,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM21,714,210,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,597,702,500 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,597,702,500 untuk Maksud P.42 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]

**Maksud B.22 [Jadual] –
Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan 2015] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.22 dan Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tenom.

6.45 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang saya untuk membahaskan peringkat Jawatankuasa berkenaan dengan P.22 Butiran 02404 iaitu Program Lonjakan Mega Luar Bandar. Ya, Yang Berhormat Parit Sulong semua dapat. Melalui program ini Tuan Pengerusi iaitu program agropolitan yang pihak kementerian telah melancarkan pada 11 Ogos pada tahun 2007 yang mana tumpuan pelaksanaan Program Lonjakan Mega Luar Bandar ini adalah untuk membangunkan kawasan-kawasan terpencil, mundur dan terbiar untuk dibangunkan kepada tiga komponen utama iaitu pembangunan infrastruktur, pembangunan ekonomi dan juga pembangunan modal insan. Di mana tumpuan pelaksanaan diberikan kepada ketua isi rumah masyarakat termiskin melalui pihak kementerian.

Cuma Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berkenaan Projek Lonjakan Mega Luar Bandar ini yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian di kawasan saya yang dikenali sebagai Program Agropolitan yang mana telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri pada penggal yang lepas. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berapakah *progress* kemajuan projek ini dilancarkan sehingga hari ini kerana saya dapati program ini pada mulanya telah rancak dilaksanakan tetapi sejak akhir-akhir ini terdapat kelewatan. Saya percaya dengan adanya Projek Lonjakan Mega Luar Bandar ini akan dapat membantu terutama kepada masyarakat atau pun rakyat di kawasan saya untuk mendapat pembelaan daripada pihak kerajaan daripada sudut peningkatan ekonomi.

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh berkenaan Butiran 04000 iaitu Pendidikan Prasekolah. Pewujudan sekolah Tabika KEMAS ini Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa ini adalah salah satu langkah kerajaan dalam menyediakan anak-anak terutama di luar bandar yang berumur di antara empat hingga enam tahun untuk menggalakkan perkembangan sosial, emosi, intelek dan juga fizikal sebagai persediaan mereka sebelum melangkah ke sekolah rendah.

Cuma saya dapati terutama di kawasan saya, kebanyakan daripada sekolah-sekolah KEMAS ini kurang mendapat perhatian daripada pihak kementerian. Terdapat beberapa sekolah yang saya pernah lawati dalam keadaan yang uzur dari sudut bangunannya sendiri. Ada juga bangunan-bangunan Tadika KEMAS ini telah didirikan oleh masyarakat kampung setempat kerana mereka mahu anak-anak mereka mendapat pendidikan awal ini.

Jadi, dalam hal ini Tuan Pengerusi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Bagi pelaksanaan pembinaan Tadika KEMAS ini terutama di kawasan saya berapakah yang telah dirancang untuk dibina kerana saya dapati ada lagi beberapa kampung yang saya kira terletak jauh daripada bandar terutama di kampung-kampung memerlukan sekolah-sekolah Tabika KEMAS ini. Saya percaya juga seperti juga di kawasan Tuan Pengerusi di Beluran juga memerlukan Tadika-tadika KEMAS ini terutamanya di kampung-kampung yang jauh.

Begitu juga dengan Butiran 02300 iaitu berkenaan Jalan-jalan Luar Bandar. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kerana telah menaik taraf jalan-jalan luar bandar di kawasan saya. Cuma, saya ingin mengemukakan ada lagi beberapa jalan di luar bandar di kawasan saya iaitu jalan di antara Kampung Kungkular dan juga Kampung Tilis, jalan Kampung Kolorok dan juga Jalan di Kampung Pekan Sangun dan juga Ring Road Kampung Inubai.

■1850

Seperti pada yang lepas Tuan Pengerusi, sebagai contoh jalan Kampung Keruak ini telah diberi peruntukan melalui jalan-jalan luar bandar ini. Akan tetapi agak malangnya disebabkan beberapa masalah birokrasi yang saya lihat, maka projek ini tidak dapat dilaksanakan di kawasan saya. Begitu juga, dengan projek yang telah dilaksanakan di kawasan saya pada beberapa tahun yang lalu berkenaan projek jalan luar bandar ini. Saya dapati pelaksanaan projek ini tidak menepati kepada sasaran.

Jadi, saya minta pada pihak Kementerian Luar Bandar terutamanya untuk mengambil perhatian supaya jalan-jalan yang saya sebutkan tadi dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia seterusnya dengan harapan, kampung-kampung yang terlibat akan dapat akses yang baik kerana dengan adanya jalan-jalan ini Tuan Pengerusi, sudah tentu akan dapat membantu orang-orang kampung terutama di kawasan saya dapat mengangkut hasil-hasil pertanian dan juga jalan-jalan ini merupakan jalan perhubungan yang penting.

Sebagai contoh saya lihat Kampung Kungkular, Kampung Tilis. Jalan mereka masih lagi dalam keadaan jalan tanah merah. Kedudukan kampung ini terlalu jauh. Saya kira melalui program yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian dengan jumlah peruntukan yang begitu besar sebanyak RM943 juta ini lebih dapat membantu masalah-masalah yang saya lihat pada hari ini. Saya tidak mahu perkara ini berulang lagi seperti mana yang saya sebutkan tadi. Ada di antara program-program yang dilaksanakan oleh pihak kementerian, dalam pengamatan saya Tuan Pengerusi, pelaksanaannya tidak mendapati dan ada seketika Tuan Pengerusi, melalui kementerian juga, saya ingin menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, dalam pelaksanaan ada saya dapati pada satu masa pelaksanaan projek sebagai contoh di Kampung Bakuku, saya lupa berapa kilometer tetapi ia datang daripada pihak Kementerian Luar Bandar yang memperkenalkan satu teknik untuk memperkukuhkan jalan.

Akan tetapi agak malang, teknologi tersebut tidak dapat berpanjangan seperti mana yang kita harapkan, belum pun sampai satu tahun, jalan raya itu sudah rosak. Jadi saya minta perhatian daripada kementerian supaya...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan boleh?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Nanti. Saya tahu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mahu tolong. Saya mahu tolong.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Sekejap. Ya, ya. Sekejap. Yang Berhormat Seputeh sudah datang ke kawasan saya. Saya tahu. Jangan tipu, Yang Berhormat Seputeh. Saya minta pihak kementerian supaya melihat perkara-perkara seperti begini tidak akan berulang kerana saya yakin di bawah Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa mementingkan rakyat, terutama di luar bandar, dapat meneruskan agenda yang kita lihat pada hari ini, rakyat amat menantikan program-program yang dirancang oleh pihak kementerian. Ya, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, Yang Berhormat Tenom, saya mahu tolong. Saya pergi ke kawasan Kampung Tepoh di Melalap di kawasan Parlimen Tenom. Walaupun tidak banyak keluarga ataupun rumah di sana tetapi jalan di sana memang teruklah. Itu sebab bagi saya, saya cadangkan penduduk kampung ataupun sekurang-kurangnya ketua kampung mereka harus tahu macam mana mereka *complaint*. Kalau mereka semua adukan *complaint* kepada Ahli Parlimen, Yang Berhormat Tenom susah juga bukan? Saya rasa yang *point* ini penting. Kedua ialah banjir besar berlaku di Tenom. Ada beberapa jambatan yang...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Jambatan gantung.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jambatan gantung itu disapu dan putus kerana banjir tetapi ia memakan masa yang lama bagi pihak kerajaan untuk sambung balik sehingga penduduk menghadapi banyak masalah untuk menyeberangi sungai. Jadi, saya ini tumpang sahaja pada ucapan Yang Berhormat Tenom.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasihlah Yang Berhormat Seputeh. Hari ini Yang Berhormat Seputeh baik sangat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat, boleh tumpang? Tumpang. Tadika KEMAS.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Okey.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tumpang, boleh ya? Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberikan peluang ini untuk mencelah sedikitlah. Saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat perkatakan. Di tempat saya, walaupun *semi urban*, dengan izin, terdapat juga Tadika KEMAS di Kampung Lubuk Buan dalam keadaan yang amat merisaukan. Mereka sedang menggunakan dewan komuniti...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh tidak melawat sana Yang Berhormat?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yakah?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak lawat ke kawasan Yang Berhormat, Yang Berhormat Seputeh?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Adakah? Tidak, kawasan Stampin. Jadi, saya harap...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak, ya lah. Tidak jemput Yang Berhormat Seputeh lawat Stampin kah?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya boleh, *I can you know, host* Yang Berhormat, dengan izin. So, saya harap Yang Berhormat boleh minta kepada Menteri untuk mempercepatkan naik taraf Tadika KEMAS di kawasan saya. Terima kasih.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ya. Saya harap pihak kementerian terutama kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada hari ini mendengar perbincangan kita ini cuba membantu masalah-masalah yang dihadapi.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Seputeh, terima kasihlah Yang Berhormat. Datang sana harap-harap jangan kasi keliru rakyat. [*Dewan riuh*]. Jangan kasi api-api ya. Datang mesti baik-baik.

Jadi Tuan Pengerusi, saya kira beberapa masalah tadi harus dilihat secara lebih fokus kerana kita mahu pembelaan rakyat terutama di kawasan luar bandar ini dapat pembelaan dan seterusnya daripada pihak kementerianya iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Jadi Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai. Luar Bandar Yang Berhormat ya?

6.56 ptg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kuala Krai memang dalam luar bandar. Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya juga ingin menyentuh...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam tidak bolehlah ini ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Ketawa]* Dalam B.22 ini yang mana antara tanggungjawab besarnya ialah untuk memajukan kawasan-kawasan wilayah yang disenaraikan di bawah kementerian ini. Antaranya seperti KETENGAH, KESEDAR, yang apabila kita melihat peruntukan yang diberikan, tidak meningkat dengan ketara dari setahun ke setahun. Jadi, kawasan-kawasan luar bandar seperti Kelantan selatan ini yang merupakan separuh dari bumi Kelantan adalah di bawah KESEDAR.

Apabila kawasan ini telah diamanahkan kepada KESEDAR, sudah tentulah beberapa urusan pembangunannya ditumpukan oleh KESEDAR itu sendiri. Walaupun kerajaan negeri tentulah berperanan mengikut peranan yang telah ditetapkan, tetapi kalau kita hendak melihat Malaysia ini bangkit sebagai negara yang maju, tidak cukup dengan pembangunan di kawasan bandar semata-mata tetapi kawasan seperti KESEDAR dan KETENGAH ini mesti dilipatgandakan, bukan statik kepada satu jumlah lebih kurang RM32 juta setahun dan kita hendak melihat dalam tempoh empat tahun ataupun lima tahun atau enam tahun akan datang ini Malaysia menjadi negara maju. Negara maju ini akan hanya dilihat apabila orang melihat bandar-bandarnya bukan kawasan luar bandarnya. Jadi peruntukan tersebut harus setimpal dengan hasrat untuk menjadikan kawasan-kawasan ini kawasan yang maju terutamanya kawasan ini ketinggalan diinap oleh kaum bumiputera orang Islam yang begitu ramai. Sudah tentulah saya rasa tumpuan harus diberikan kepada kawasan-kawasan ini.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, kita juga ligat aktiviti mewujudkan jawatankuasa penduduk di negeri-negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat bertindan dengan jawatankuasa kemajuan yang diwujudkan oleh kerajaan negeri. Saya rasa pembaziran ini juga harus dihentikan supaya wang dapat disalurkan khusus untuk pembangunan dan bukannya untuk bersaing dalam bentuk pengurusan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar ini.

Antara fungsi utama juga ialah jalan-jalan luar bandar – Butiran 020300 yang saya rasa juga merupakan harapan penduduk di luar bandar seperti di Kuala Krai untuk melihat pembangunan yang lebih banyak, jalan-jalan kampung yang lebih baik. Di kawasan saya ada permintaan untuk naik taraf jalan. Saya sudah bangkitkan di dalam Dewan ini pada sesi yang lepas, Timbalan Menteri telah dirujuk, masih belum lagi dan baru-baru ini, ada kemalangan di jalan yang berkenaan sampai menimbulkan kematian. Jalan kampung, dalam betul-betul. Timbalan Menteri tahu ini.

■1900

Jadi, saya rasa lewat-lewatkan pembangunan kawasan luar bandar ini hanya akan merugikan dan menimbulkan banyak masalah. *Insyah-Allah* saya rasa kita akan senaraikan jalan-

jalan yang berkenaan, tidak perlu disebutkan satu persatu di sini Tuan Pengerusi, secara khususnya kepada kementerian untuk diambil tindakan yang lebih segera. Sekian, terima kasih.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerlun.

7.00 mlm.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga diberi ruang untuk berbincang sedikit dan berbahas dalam tajuk peruntukan KKLW. Terima kasih dan tahniah kepada kerajaan yang masih memberikan keprihatinan dengan peruntukan yang lebih kepada KKLW. KKLW sebagai nadi kesejahteraan rakyat luar bandar yang melibatkan jalan, bekalan air, elektrik dan semuanya. Jadi pertama sekali Butiran 020000 – KEMAS. Cuma hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri tentang taraf dan kedudukan staf PPM KEMAS yang sehingga kini masih lagi belum mendapat kata putus sama ada untuk diserapkan secara tetap ataupun masih berstatus kontrak dan bagaimanakah pula pegawai-pegawai baru yang diambil dengan kelulusan diploma dan sebagainya, serta apakah program latihan jangka panjang KEMAS terhadap pegawai-pegawai yang diambil ini.

Kemudian Butiran 060000 – RISDA. Secara ringkasnya sudah tentulah terlibat di dalam penanaman semula getah yang kita banyak bercakap soal getah, penanaman semula dan sebagainya, sudah tentu memerlukan kerjasama dengan agensi-agensi lain baik di bawah kementerian mahupun juga di bawah kementerian-kementerian yang lain. Apa yang penting ialah kita kena memastikan rakyat luar bandar, penanam-penanam getah hendaklah mendapat benih-benih yang sah yang dapat menghasilkan susu yang banyak apabila getah itu sudah menjadi matang kelak.

Seterusnya Butiran 070000 – KEDA. KEDA adalah Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah yang memang hanya di Kedah yang telah pun dipanjangkan perwujudannya sehingga tahun 2021 dan dipersetujui oleh kerajaan negeri. KEDA ini adalah salah satu daripada agensi yang terlibat untuk membangunkan kawasan pedalaman Kedah sejak daripada tahun 1981 dan diberikan peruntukan pembangunan tahun ini agak banyak, RM40.2 juta dan juga peruntukan mengurus sebanyak RM26.7 juta. Jadi sudah tentu kita mengharapkan KEDA selain daripada menumpukan kepada perkampungan-perkampungan KEDA sedia ada, maka KEDA juga hendaklah meneruskan usaha untuk membuka kawasan-kawasan baru terutama sekali di pedalaman Kedah seperti Baling, Sik dan juga Padang Terap. Seterusnya KEDA juga terlibat dalam peningkatan pengupayaan penduduk dan juga usahawan-usahawan termasuk juga usahawan-usahawan muda.

Di bawah Butiran 090000 – MARA. Kita tahu bahawa MARA ini memang amat besar. Cuma soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh *student* yang mengambil kursus *medic* di bawah Alliance University. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan status mereka ketika ini. Selain daripada itu, kita juga berbangga kerana MARA telah pun mengambil inisiatif untuk membeli

bangunan-bangunan strategik di luar negara untuk dijadikan asrama ataupun *hostel* kepada pelajar-pelajar MARA di luar negara yang sudah tentunya akan menjimatkan kos dan akhir sekali, esok-esok ini akan menjadi aset yang penting, tidaklah hanya sekadar kita membayar sewa dari tahun ke tahun dan akhirnya kita tidak mempunyai aset-aset yang strategik.

Seterusnya satu lagi adalah berkaitan dengan Butiran 100800 – Kos Operasi Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung. Ini kita sedar bahawa sesungguhnya kos untuk membayar bil elektrik itu amat besar, peruntukan lebih RM44 juta. Akan tetapi pada tahun ini kita ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang meluluskan peruntukan untuk memasang lampu baru di jalan-jalan kampung sebanyak RM30 juta di bawah P.22, Butiran 01707. Cuma kita ada mendengar ura-ura Yang Berhormat Menteri kata hendak beri sampai sebuah kampung 20 buah lampu, tetapi saya minta kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian untuk menyelesaikan dahulu kampung-kampung yang masih belum dipasang dengan lampu walaupun 10 buah seperti yang sedia ada. Jadi kita hendak menyelesaikan dahulu yang belum selesai, barulah selebihnya kita tambahkan bilangan lampu di kampung-kampung di luar bandar.

Seterusnya Bekalan Air Luar Bandar – P.22 Butiran 02000 sejumlah RM120 juta. Kita tahu di bawah Butiran 02001, saya juga memohon kepada pihak kementerian untuk melihat juga masalah bekalan air luar bandar terutama sekali contohnya di Kedah termasuk juga di kawasan Jerlun. Mengikut senarai yang telah pun dibuat oleh Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri Kedah yang memerlukan pemerhatian dan juga tindakan segera bagi kawasan-kawasan yang tekanan airnya rendah yang memerlukan penggantian paip-paip baru. Mungkin ada juga pembinaan tangki air untuk mengatasi masalah tekanan air rendah di Megat Dewa dan juga penggantian sesetengah paip poli empat inci di kampung-kampung yang agak terpencil dalam kawasan Parlimen.

Seterusnya yang terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 02300 – Jalan-Jalan Luar Bandar. Ini peruntukan yang boleh dikira banyak, hampir RM1 bilion. Akan tetapi kita sedar, kita tahu Sabah dan Sarawak memerlukan peruntukan yang agak besar tetapi kita memohon juga supaya kementerian juga jangan lupa akan kami yang juga di luar bandar di Semenanjung ini. Cuma kita minta supaya kalau boleh, cara kita hendak membuat kerja ini dengan lebih berkesan, kita kemaskan NBOS kita, kita bincangkan bersama-sama antara JKR, KKLW, MADA, ICU, pejabat daerah dan sebagainya untuk kita menentukan jalan-jalan mana yang patut diutamakan.

Kita harapkanlah masalah jalan-jalan kampung ini, di Kedah ada banyak takrifan jalan kampung. Ada mini tar yang sembilan kaki, ada jalan yang 14 kaki dan sebagainya. Jadi kalau boleh sebelum pelaksanaan dibuat untuk tahun 2015 ini, minta pejabat cawangan KKLW di negeri-negeri berbincang dengan agensi-agensi lain yang juga mungkin ada peruntukan untuk hendak membuat jalan baru, jalan kampung ini. Jadi sudah tentulah, macam saya di Jerlun pun kita memerlukan banyak, kalau tidak jalan baru pun, mungkin pembaikan jalan-jalan yang sedia ada untuk memastikan bahawa kita juga tidak ketinggalan walaupun kita sedar di Sabah dan

Sarawak lebih memerlukan perhatian yang jauh lebih baik. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibü.

7.07 mlm.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sibü memang ada luar bandar. [Ketawa] Saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak kerana sekarang kerajaan negeri juga berkata bahawa mereka akan memperuntukkan lebih banyak peruntukan untuk membangunkan kawasan di pedalaman. Saya mahu tahu, bagaimana kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri?

Sibü merupakan sebuah kawasan yang boleh dikira kawasan bandar tetapi di pinggir Sibü ada banyak kawasan *rural area* juga. Kebanyakan kampung-kampung di persekitaran Sibü masih ketinggalan daripada segi infrastruktur seperti di Kampung Sungai Pinang, Kampung Rasau, Kampung Tumbang, Kampung Bunga Besar, Kampung Tutus dan Kampung Sungai Sebetil. Kebanyakan kampung ini masih belum mempunyai jalan raya yang sempurna, tidak ada bekalan air dan bekalan elektrik. Mereka sudah lama meminta kerajaan untuk membina dan membekalkan kesemua infrastruktur ini tetapi masih belum ada projek-projek dijalankan di sana. Oleh sebab sedemikian, sebagai pihak DAP, kami sudah menjalankan beberapa projek impian Sarawak di sana. Seperti di Kampung Rasau, kami sudah membantu mereka membina jeti.

■1910

Di Kampung Tutus, DAP pun sudah berjanji akan membantu mereka membina lampu jalan di Kampung Tutus. Saya memberi sedikit penerangan di sini. Kebanyakan kampung-kampung ini ada sekolah tetapi tidak ada bekalan elektrik. Apabila waktu malam bila murid-murid balik ke rumah mereka masing-masing, murid-murid itu mesti memakai *life jacket* atau jaket keselamatan untuk balik ke rumah. Jadi lampu jalan memang merupakan satu keperluan penting di kampung atau sekolah di sana. Jadi saya harap kementerian boleh memasang lampu-lampu di kampung yang saya sebut tadi.

Selain itu di kawasan saya iaitu di Sungai Bidut selalu dilanda banjir. Banyak jalan di sana seperti Jalan Chew Kung sudah lama penduduk-penduduk di sana menyeru kerajaan untuk menaik tarafkan supaya jalan sana dinaikkan lebih tinggi supaya tidak dilanda banjir tetapi sudah lebih kurang 20 tahun mereka menyeru kepada kerajaan tapi tidak ada projek dijalankan. Sekarang musim hujan, di sana selalu dibanjiri oleh air sungai. Murid-murid tidak dapat pergi ke sekolah dan pekerja-pekerja sana pun tidak boleh pergi bekerja di kawasan pantai. Itu merupakan satu masalah yang sudah lama. Jadi saya harap kementerian boleh memberi peruntukan untuk menaik tarafkan kawasan tersebut.

Satu lagi saya mahu sentuh di sini ialah kebanyakan kawasan-kawasan pedalaman, mereka tidak ada satu industri untuk menjana pendapatan penduduk di sana. Jadi...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Butiran berapa?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Butiran 020300. *[Ketawa]* Jadi saya harap kementerian boleh memberi perhatian bagaimana untuk meningkatkan ekonomi-ekonomi penduduk di kawasan pedalaman. Kementerian boleh membantu mereka menubuhkan satu industri yang boleh menjana pendapatan yang lebih baik untuk mereka. Banyak kawasan pedalaman memang susah untuk mereka menjana pendapatan sara hidup. Jadi kebanyakan mereka mesti bekerja di kawasan bandar. Maka sudah ramai yang berpindah ke kawasan bandar dan ada ramai penduduk yang tinggal di rumah panjang mereka. Jadi saya harap ini merupakan perkara yang amat penting. Bukan sahaja kementerian membina infrastruktur tapi menjanakan sebuah industri supaya mereka boleh mendapatkan pendapatan yang lebih lumayan serta boleh menaikkan taraf hidup mereka. Itu saja, sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Oh! Terpandang Yang Berhormat Bintulu.

7.13 mlm.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Di sampuk]* Kamu jangan susah Yang Berhormat Stampin. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk perbincangan dalam Jawatankuasa atas Butiran 02300- Jalan-jalan Luar Bandar. Tadi cerita lain, ini ialah jalan luar bandar. Butiran 060000, Butiran 10000. Ini mengenai jalan luar bandar. Memang berterima kasih lah kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi menyempurnakan kampung-kampung atau pun rumah panjang.

Jalan-jalan kampung di luar bandar ini atau pun rumah panjang mempunyai dua masalah. Satu masalah bila kita berada di kawasan luar bandar, apabila kita hendak membina jalan, kita mestilah mengikuti *standard rate*, kita sudah soal sekali dulu, jangan lah kalau di luar bandar kita terus ikut *standard rate* daripada kementerian. Kalau kita ikut di luar *standard rate* itu maka apabila hendak membina jalan keesokannya kualiti jalan tersebut memang kongkalikung punya jalan. Bina tidak sampai tiga bulan sudah berlubang-lubang kiri kanan. Jadi apakah keuntungan kita? Kita kerugian. Rakyat nanti akan kata kita bazirkan duit rakyat. Kita patut mengikuti kawasan tersebut, kalau jauh kawasan itu, ikut lah *rate* yang sepatutnya.

Seperti di Tubau, satu lori sudah berjumlah RM1,000. *[Disampuk]* Yang Berhormat Seputeh memang tidak pakai otak. Butiran tadi sudah cakap Butiran 02300- Jalan-jalan Luar Bandar. Tidak pandai? Kalau tidak pandai balikkah jangan asyik main i-pad di sana. Ini kongkalikung la Yang Berhormat Seputeh. *[Disampuk]* Memang dia main *game*. Hari ini nasib baik dia tidak memakai baju merah, dia hendak bagi orang tengok dia banyak lawa. Ini masalahnya kita kalau tidak ikut... *[Disampuk]* Nanti masukkan dalam ucapan saya Yang Berhormat Tanjong Karang tadi dan minta Yang Berhormat Menteri tolong terangkan. Ini masalahnya kalau kita tidak ikut kawasan ke kawasan, memang kementerian kerugian besar. Kita membina jalan tapi rakyat masih lagi bising dan marah.

Isu kedua apabila jalan itu rosak, jalan kampung atau kawasan luar bandar, jalan rumah panjang, kalau sudah rosak, kalau kita minta *task* semula memang susah hendak dapatkan peruntukan. Kadang-kadang pegawai datang cakap ini rumah panjang sudah bina jalan, mana boleh minta peruntukan lagi, kawasan lain pun belum lagi. So, kita ada sediakan peruntukan untuk penyelenggaraan bagi jalan-jalan kawasan luar bandar atau pun jalan-jalan kampung. Kita ada sediakan atau tidak?

Butiran 060000 - kita ada persoalkan isu mengenai Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Ini rakyat mahu minta benih. *[Disampuk]* Fasal kita belum kena cas lagi, ini macam la. Ada mabuk sikit, tidak mengapa, janji masuk. Ini mustahak, kita susah hendak dapatkan benih. Kita mempunyai kementerian yang *supply* macam ada monopoli sikit. Ada saya punya kawasan di Bintulu mereka sudah ada orang yang ada benih dan sudah tumbuh pokok kecil, getah, sudah ada. Apabila mereka hendak *diofferkan* kepada kementerian atau pun RISDA, mereka tidak mahu. Dia kata *you* mesti melalui *supplier* walaupun dia sudah daftar sama kewangan. Dia kata tidak mahu. Saya mahu tanya soalan kenapa kita tidak boleh, kenapa mesti ditentukan daripada pegawai-pegawai kata mesti melalui satu syarikat.

Kita sentuh lagi mengenai lampu kampung. Saya rasa Tuan Pengerusi punya kampung pun banyak lagi belum ada lampu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Wayar pun belum ada, banyak.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Wayar pun belum lagi. Saya mahu meminta bilakah kementerian ini, memang kita sudah berjanji tiap-tiap kampung kita pasang lampu jalan, rumah panjang pasang lampu. Sekarang di Bintulu sekeliling rumah panjang belum mempunyai lampu. *[Disampuk]* lalah lampu tidak ada, gelap, hantu ada la, banyak. Jadi bilakah perkara ini boleh diselesaikan? Jangan kita janji hari ini tapi esok tidak diluluskan. Kita sudah janji memang kerajaan ada menyediakan tapi banyak kali kita sudah memohon tetapi sampai hari ini apa pun belum ada lagi.

Jadi sekali lagi ucap terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana sudah terpanchang. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

■1920

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

7.20 mlm.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, walaupun saya ini menjaga kawasan yang dikatakan bandar, tetapi sebenarnya Kota Raja ialah kawasan yang *semi urban* dengan izin. Jadi saya masih ada banyak kampung tradisi dan juga sebahagiannya, itulah ada kecelaruan saya hendak sebut di sini dalam Butiran 020000 – KEMAS ini. Saya juga ingin menyebut tentang Butiran 020000, Butiran 020300 – Pembangunan Desa. Jadi saya ingin tahu daripada Menteri, lima tahun kebelakangan ini, banyak mana sudah yang diturunkan peruntukan dan apakah program-program kedesaan yang

telah dilaksanakan di sana, di kampung-kampung di kawasan saya? Ini kerana saya tidak nampak apa-apa perbezaan. Mungkin ada jalan-jalan kampung sedikit sebanyak.

Masalahnya ialah begini, Tuan Pengerusi. Apabila PBT-PBT meluaskan kawasan-kawasan mereka dan mengutip cukai-cukai pintu seperti rumah taman-taman, maka penduduk-penduduk kampung mengharapkan servis ataupun perkhidmatan diberi oleh PBT-PBT. Namun, PBT pula memberi alasan bahawa peruntukan pembangunan desa, jalan dan sebagainya tidak diberi kepada mereka dan dibebani kepada PBT.

Jadi saya minta kepada pihak kerajaan, KKLW ini dan juga PBT iaitu KPKT untuk duduk berunding supaya buat *delineation* ataupun sempadan semula kerana dari segi pentadbiran amatlah sukar – saling tuduh menuduh, saling mengatakan bahawa ini bukan kawasan kami. Contohnya parit kampung, jalan kampung kalau ada banjir dan sebagainya, kampung-kampung ini ialah kepunyaan individu. Hak-hak lot tanah dan sebagainya ialah hak-hak persendirian. Maka apabila parit-parit mereka tersumbat ataupun air tidak jalan, mereka mengharapkan PBT untuk membetulkannya sedangkan mereka di bawah kuasa KKLW.

Jadi ada banyak kecelaruan di sini. Biarlah kalau boleh yang duduk di bandar yang sudah bayar cukai pintu, serahkan semuanya kepada PBT termasuk dengan peruntukan-peruntukan yang sepatutnya sampai kepada kampung-kampung ini. Bila bercakap mengenai lampu jalan, sebenarnya PBT sudah banyak membantu kampung-kampung tradisi ini dengan melakukan apa sahaja setakat mampu mereka untuk memperbaiki keadaan kampung-kampung dan desa-desa ini. Namun, keadaan ini tidak selesai selagi mana pentadbiran tidak diselaraskan.

Saya ada tiga PBT di bawah Kota Raja dan dua pejabat daerah. Bayangkan, *complexity* masalah yang dihadapi, dan Jawatankuasa Tindakan DUN (JKTD) pun sendiri kadang-kadang tidak boleh menangani sesetengah masalah ini disebabkan *basically* balik kepada bajet. Bajet ini di bawah KKLW. Akan tetapi orang mengharapkan, penduduk mengharapkan PBT yang buat. Jadi saya minta penjelasan bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini.

Seterusnya saya ingin menyebut Butiran 090000 – Majlis Amanah Rakyat (MARA) ini. Saya juga mendapat aduan daripada rakyat terutamanya *parents*, ibu bapa kepada penuntut-penuntut AUCSM yang ditaja oleh MARA. Di sini mengatakan bahawa pelajar tajaan MARA yang belajar doktor perubatan di USU, Universiti Sumatera Utara, secara program berkembar dengan AUCSM, MARA telah membayar AUCSM sepenuhnya, tetapi AUCSM berhutang sebanyak RM6 juta kepada USU. USU enggan membenarkan pelajar mengambil peperiksaan kerana kegagalan AUCSM melangsaikan hutang. Akan tetapi dengan rayuan pelajar, ibu bapa, anak-anak dibenarkan mengambil peperiksaan.

Akan tetapi sekarang masalahnya, apabila mereka sudah tamat belajar dan telah melakukan *housemanship* di Hospital Muar, akan tamat hujung tahun ini, masalahnya mereka cuma ada transkrip sahaja. Untuk mereka diserapkan ke jawatan tetap kerajaan, mereka perlu ijazah dari USU. Malangnya, Universiti Sumatera Utara tidak akan mengeluarkan ijazah kepada mereka selagi mereka tidak menerima bayaran hutang lapuk mereka daripada AUCSM.

Perkara ini telah diajukan kepada MARA dan jawapan MARA ialah mereka telah membayar penuh kepada AUCSM dan masalah tersebut tidak ada kena mengena dengan MARA lagi. AUCSM lepas tangan kerana USU juga telah menamatkan *twinning program* mereka dengan AUCSM. Jadi sekarang ini yang menjadi mangsa ialah anak-anak ini yang akan tamat latihan mereka tetapi tiada ijazah untuk membolehkan mereka diambil pekerjaan di dalam Kementerian Kesihatan. Jadi minta penjelasan mengenai perkara ini.

Seterusnya saya ingin menyebut sedikit mengenai kelas-kelas KEMAS yang ada di seluruh negara. Kalau kita tengok perbelanjaannya adalah besar. Di kawasan-kawasan di mana ada PASTI atau Pusat Asuhan Tunas Islam, pusat asuhan kanak-kanak ini yang dikendalikan oleh PAS, kami dapati bahawa orang-orang UMNO sendiri menghantar anak-anaknya ke PASTI. Jadi apa salah kiranya KEMAS duduk dengan PASTI yang di bawah Dewan Pemuda untuk melihat kepada kurikulum PASTI yang sangat banyak mendapat pujian daripada ibu bapa. Walaupun dengan yuran yang tidak tinggi, mereka boleh melaksanakan program-program yang dilihat begitu membina penyediaan kerohanian dan juga akademik anak-anak ini lebih baik daripada KEMAS.

Kalau kita sudah membelanjakan begitu banyak, kenapa tidak – kita bercakap mengenai anak-anak kita, orang Melayu, beragama Islam, di kampung dan saya kira Pemuda PAS tidak keberatan untuk bekerjasama kerana pendidikan ini ialah hak semua dan kita juga suka melihat anak-anak daripada KEMAS kalau boleh menghafal ayat-ayat Quran, faham asas-asas agama yang seperti diajar di sekolah-sekolah PASTI kita ini.

Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerantut.

9.27 mlm.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Saya hendak merujuk kepada Perkara B.22, Butiran 020100 – Sumber Manusia dan Pentadbiran yang melibatkan rakan-rakan kita warga KEMAS di seluruh negara. Saya mengharapkan agar kerajaan kalau tidak dapat beri mereka bertaraf tetap sekalipun, sekurang-kurangnya mereka ini diberikan imbuhan yang lebih selesa ketika mereka berpencen nanti. Sekurang-kurangnya bila mereka mendapat ganjaran ataupun jumlah imbuhan tertentu, dapatlah membantu kepada mereka untuk meneruskan kehidupan selepas mereka bersara nanti.

Kepada Perkara B.22, Butiran 011400 – Pembangunan dan Pemantauan Projek. Terima kasih kepada pihak KKLW kerana berjaya melaksanakan beberapa projek pembangunan untuk kemudahan rakyat di seluruh negara. Cuma, pada pandangan saya, terdapat kekangan apabila dari segi pemantauan projek yang dilaksanakan oleh kementerian kerana mereka tidak mempunyai pegawai yang cukup terutamanya di peringkat daerah ataupun peringkat parlimen. Hanya kadang-kadang terdapat pegawai di peringkat negeri sahaja. Jadi apabila keadaan ini

berlaku, sudah pasti kebanyakan projek yang dijalankan terlepas dari segi pemantauan untuk memastikan projek-projek yang dilaksanakan oleh kementerian benar-benar memberi faedah serta menepati jadual kerja yang sepatutnya disediakan untuk kepentingan rakyat.

Di bawah Perkara B.22 Butiran 090100 – MARA. Terima kasih sekali lagi kepada MARA yang terus menerus memberikan perkhidmatan kepada rakyat khususnya kepada kaum bumiputera terutama dari segi pembelian rumah kedai. Saya sangat berharap agar MARA dapat terus menambah peruntukan untuk membeli rumah-rumah kedai yang ada di bandar-bandar kecil, contohnya seperti di Jerantut, yang harganya telah melambung tinggi hingga ke paras melebihi RM1 juta bagi setiap unit.

■1930

Ini sudah pasti turut memberikan kekangan kepada mereka yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Akan tetapi dengan adanya bantuan daripada MARA yang boleh membeli sejumlah kedai kemudian disewa ataupun disewa belikan kepada mereka sudah pasti ianya secara tidak langsung akan dapat menambah bilangan peniaga-peniaga bumiputera dapat bersaing berniaga di kawasan-kawasan bandar.

Kepada Kepala B.22 Butiran 100000 iaitu Program Kursus Luar Bandar. Terima kasih juga terhadap Perluasan Program RTC yang sudah pasti memberikan manfaat yang banyak kepada rakyat khususnya di luar bandar. Saya merayu kepada pihak kementerian agar dapat meneruskan projek ini ataupun program ini kepada Parlimen Jerantut khususnya untuk RTC di Kuala Tahan iaitu satu pusat pertumbuhan pelancongan yang buat masa ini sangat kurang dari segi kemudahan untuk kemudahan rakyat setempat dan juga para pelancong yang hadir ke kawasan tersebut.

Kepada perkara B.22 Butiran 00400 – Pendidikan Prasekolah. Tahniyah kepada pihak KEMAS yang rata-rata mempunyai Tadika KEMAS di kampung-kampung juga di kawasan pedalaman walaupun ada pihak yang meragui khidmatnya dengan membandingkan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Akan tetapi bagi saya khidmat Tadika KEMAS ini sudah menyeluruh dan sangat baik buat masa ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Walau bagaimanapun kita bersedia menerima perubahan untuk ke arah kebaikan. Jadi untuk ini saya juga lagi sekali merayu agar pihak kementerian dapat membina Tadika KEMAS yang lebih sempurna dibandingkan buat masa ini ada juga di kawasan Parlimen Jerantut ini yang Tadika KEMAS ini masih lagi menyewa di rumah-rumah persendirian. Jadi adalah diharapkan keadaan ini dapat kita ubah.

Juga Tadika KEMAS ini dapat kita memperluaskan kepada penempatan-penempatan rakan kita, masyarakat Orang Asli yang buat masa ini ada setengahnya seperti mana yang saya katakan tadi menumpang di rumah-rumah sewa atau di balai-balai raya yang sudah pasti tidak mempunyai kemudahan yang sesuai dengan suasana pembangunan negara yang terkini.

Seterusnya ialah program yang terakhir yang saya hendak sentuh iaitu P.22 di bawah Kepala 03200 – Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat yang berjumlah RM275 juta. Ianya merupakan satu program yang sangat baik bagi membantu terutamanya bagi masyarakat di luar bandar. Cuma saya ingin mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri sehingga kini berapakah bilangan rumah-rumah yang telah kita bantu untuk dibina baru dan juga yang diperbaiki di setiap Parlimen terutamanya di Parlimen Jerantut.

Tahniah sekali lagi kepada kementerian yang telah tidak jemu-jemu untuk membangunkan rakyat di negara kita. Tuan Pengerusi, sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lumut.

7.33 mlm.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sekadar ingin merujuk kepada P.22 Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. *Insyah-Allah* tahun hadapan kementerian diperuntukkan sebanyak RM944 juta untuk projek tersebut. Saya sekadar ingin tahu berapa banyak peruntukan diberi kepada negeri Perak untuk besarkan ataupun buat jalan-jalan di kampung ini.

Seterusnya Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Saya rasa Perak ini dah semuanya sudah ada air paip, air bersih. Akan tetapi tidak tahulah kalau Lenggong masih lagi tidak ada kita kena bekalkanlah. Begitu juga di Gerik dan tempat-tempat lain.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [*Menyampuk*]

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Jadi kita hendak tahu juga berapa banyak peruntukan untuk negeri Perak kerana tahun depan diperuntukkan RM120 juta. Begitu juga dengan bekalan elektrik luar bandar, Semenanjung Butiran 01701 peruntukan sebanyak RM65,557,500. Kita mohonlah kementerian untuk memberikan sedikit peruntukan untuk kita pasang lampu-lampu di kampung-kampung negeri Perak supaya terang-benderang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Limbang.

7.34 mlm.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk Butiran 022002 – Bekalan Air Luar Bandar Sarawak. Jadi saya ingin hendak menyentuh bahagian hendak penyambungan bekalan air luar bandar dari Simpang Hukum menuju ke *sub district* dengan *epidemic* kerana sekolah menengah ada, jabatan-jabatan kerajaan pun ada, *new township* pun ada. Jadi ianya amat memerlukan sebab kalau musim kemarau *especially the student* Yang Berhormat Menteri terpaksa mandi ke sungai kalau musim kemarau. Saya berharap benar supaya penyambungan dari Simpang Hukum bekalan air luar bandar kemudian ini dapat di adakan pada tahun hadapan.

Satu lagi ialah Butiran 023000 – Jalan-jalan Luar Bandar. Saya hanya hendak mengulangi iaitu tentang permohonan untuk menyelesaikan jalan luar bandar Meritam, Telahak, Bong Abai, Pengkalan Rejab. Fasa satu sudah siap. Fasa dua saya harap akan bermula yang terbengkalai itu, *re-tender*. Fasa tiga untuk *diversion*, saya difahamkan tender sudah keluar. Yang penting ialah fasa keempat ini supaya jalan itu sebab kalau fasa ketiga sahaja yang siap ianya akan berhenti di tengah-tengah hutan.

Jadi fasa empat itu amat penting diteruskan mudah-mudahan dalam Bajet 2015 ini akan dimasukkan yang menuju ke Pengkalan Rejab barulah jalan ini akan mempunyai makna sebagai jalan alternatif kepada rakyat di persisiran Sungai Limbang itu untuk sampai ke bandar selain daripada *Pan Borneo Highway*.

Satu lagi ialah pra sekolah iaitu KEMAS. Saya pun juga seperti sahabat-sahabat lain memang mengharapkan diperbaiki keadaan sekolah KEMAS sebab banyak juga yang menumpang. Ada yang masih menumpang macam di rumah panjang pun hanya menggunakan bilik. Di rumah panjang, ada setengah itu menggunakan ruai.

Jadi saya berharap KEMAS, pra-prasekolah Tadika KEMAS ini yang masih menumpang ini dapat diberikan sebuah bangunannya sendiri supaya kanak-kanak ini yang di luar bandar ini juga mempunyai peluang yang sama untuk belajar dalam keadaan selesa daripada peringkat awal ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Stampin.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh belum?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Seputeh kawasan pekan, bukan pinggir bandar.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Stampin bagaimana? Lima minit cukup Yang Berhormat Stampin.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Seputeh kawasan bandar dia.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya mahu tolong orang kampung.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya punya kes spesifik.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila. Yang Berhormat Seputeh, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Walaupun kawasan saya di pusat bandar Kuala Lumpur tapi saya amat simpati kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mana kawasan mereka di luar bandar. Stampin pula.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak mahu bertanding lagi Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi saya mahu tolong menghulurkan bantuan. Saya mahu merujuk kepada Butiran 0203 - Sabah. Di kawasan Pitas terdapat enam kampung iaitu Kampung Dowonkon, Kampung Mandamai, Kampung Kobon, Kampung Terubuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Asal Parlimen mana ini?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Seputeh kah ini?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kampung Maliau Pusat, Kampung Maliau Layung, Pitas. Di Pitas.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lepas ini dia mahu bertanding situ.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Parlimen?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Parlimen Kudat. Itu Kudat. Ya, Parlimen Kudat. Okey di sini ada enam kampung itu tidak ada jalan yang menghubungkan kampung mereka ke kawasan bandar. Ini amat susah kepada khususnya mereka yang sakit, khususnya wanita yang hamil. Saya difahamkan wanita yang kalau hamil hendak melahirkan anak mereka terpaksa menaik bot di Kampung Pinapok selama 12 kilometer atas Sungai Bengkoka ke klinik kerajaan di Kampung Tanduo.

Jadi pendapatan orang kampung itu biasanya adalah RM150 hingga RM200 sebulan. Jadi sejak tahun 80an sampai sekarang kononnya ada enam wanita mereka melahirkan bayi di perahu dalam perjalanan ke hospital. Jadi enam kampung di sana amat perlukan jalan dibuat untuk mereka.

Terdapatnya satu *Facebook Pitas Road Project* kerana selepas ini dilaporkan dalam surat khabar.

■1940

Jadi memang ada orang hendak derma. Bagi DAP, kita melalui Projek Impian Sabah, kita sudah menolong orang kampung itu buat *phase 1*, fasa pertama yang supaya ada jalan, sekurang-kurangnya kereta boleh melalui tempat itu masuk ke keenam-enam kampung itu.

Akan tetapi masalahnya, walaupun secara baik hati kami pungut derma dari bandar pergi buat projek, tetapi saya difahamkan yang kontraktor dan pekerja sana menghadapi tekanan yang amat besar daripada pihak Barisan Nasional di Sabah. Mereka tidak suka orang kampung biarkan kami buat projek melalui Impian Sabah pergi sana buat projek dan memberi ugutan kepada orang kampung, jawatankuasa kampung, ketua kampung, kontraktor dan sebagainya.

Jadi di sini saya berharap pihak kementerian boleh lihat rungutan dan sungutan orang kampung, masalah orang kampung di keenam-enam kampung yang saya sebutkan di Pitas itu. Ini semua keluar dalam surat khabar. Kalau pegawai tidak tahu, boleh tanya saya juga. Jalan ini akan membawa manfaat kepada 3,000 orang kampung. Jadi saya berharap pihak kementerian mengambil perhatian dan menghulurkan bantuan kepada orang kampung di sana.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak rujuk kepada Butiran 01000 – Jabatan Kemajuan Orang Asli. Saya sebenarnya dapat satu video klip. Video klip itu ialah berita daripada televisyen luar negara. Mereka melaporkan bahawa yang Jabatan Orang Asli ini mereka di satu kampung Orang Asli di Pahang, yang mana di sebelah kampung itu semua rumah cantik-cantik kerana pegawai Jabatan Orang Asli memberi ugutan kepada orang kampung, dia kata, kalau tidak peluk

Islam, jadi kerajaan tidak akan bagi bantuan air kah, elektrik tidak akan disambung ke tempat mereka. Ini bukan apa, ini semua yang disiarkan dalam televisyen.

Saya hendak bangkitkan isu ini kerana ini tidak disiarkan dalam RTM ataupun TV3 dan sebagainya. Akan tetapi kalau ini disiarkan di dalam televisyen di luar negara, ini memang satu perkara saya rasa yang pihak kementerian – ini adalah apa yang saya dapat dari sini... [*Sambil memainkan video pada telefon bimbit*] Kalau hendak peluk Islam, baru dapat manfaat bantuan daripada jabatan ini.

Mungkin ini bukan dasar kementerian tetapi kalau adanya pegawai yang melakukan tindakan macam ini, saya rasa tidak patutlah. Kalau kerajaan hendak tolong sama ada dia agama apa pun atau tidak percaya pada apa-apa agama pun, kita juga harus hulurkan bantuan kerana ini ialah tanggungjawab kerajaan. Saya minta pihak kementerian mengambil perhatian tentang apa yang dilaporkan dalam televisyen di luar negara ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

7.43 mlm.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri peluang saya bercakap dalam B.22. Cuma saya minta kementerian bagi perhatian di Parlimen Seputeh, banyak sekolah tadika, pelajar-pelajar yang cemerlang tidak dibantu kerana Ahli Parlimennya tidak ambil tahu. Dia ambil tahu Parlimen lain. Jadi minta tolong uruskan. [*Ketawa*]

Butiran 090000 – MARA...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *You* tahu mana kawasan saya mana kah?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tahu,

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Cakap macam ini, sangat macam kampung...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jadi minta kementerian tolong beri perhatian isu-isu yang saya bangkitkan tadi di Seputeh. Ini kerana Yang Berhormat Seputeh dia suka ambil tahu kawasan orang lain. Kawasan dia, dia lupa. Jadi minta kementerian tolong pelajar-pelajar cemerlang...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Seputeh rajin.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Menang majoriti paling besar di Malaysia.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Butiran 090000 – MARA. Saya ucap terima kasih kerana MARA ada dua dalam kawasan Parlimen saya, MRSM Gerik dan MRSM Lenggong. Cuma saya minta supaya pihak kementerian tolong beri perhatian khususnya dekat dengan MRSM Gerik kerana di kawasan berkenaan tidak ada langsung gerai atau kedai yang membolehkan pelajar-pelajar untuk menyelesaikan isu-isu dan masalah-masalah kecil. Oleh sebab itu dia terpaksa pergi ke Pekan Gerik yang jauh. Oleh sebab itu, saya harap kita di

peringkat daerah telah pun menyediakan dan ada kawasan tanahnya dan minta dibina gerai MARA dekat dengan MRSM Gerik...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Bagi membolehkan pelajar-pelajar..

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong tidak hendak bantu Pengerusi kah? Pengerusi pun tidak ada Maktab Rendah Sains MARA di Kuala Krau.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah lama minta ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Permintaan Tuan Pengerusi tadi masuk dalam ucapan saya. Jadi bina satu MRSM di Kuala Krau. Jadi tambah dua minit lagi boleh ya? *[Ketawa]*

Jadi, jika ada gerai MARA ini, memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar. Minta dipertimbangkan termasuk MRSM Lenggong itu ada saya difahamkan MARA masih mencadangkan untuk membuat pengambilan sebidang tanah juga untuk tujuan yang sama. Saya harap MARA mengambil tindakan untuk perkara ini.

Perkara yang sama juga, terima kasih kerana Kolej Pengajian Tinggi MARA yang sebenarnya telah pun dilakukan pecah tanah oleh Yang Berhormat Menteri dulu lagi, Yang Berhormat Padang Rengas, dan kemasukan pelajar masih lagi belum dilakukan, dan difahamkan pada tahun hadapan. Oleh kerana Kolej Pengajian Tinggi MARA ini besar, jumlah pelajar pun ramai, kita hendak cadangkan supaya MARA mengkaji bagi membolehkan Kolej Pengajian Tinggi MARA ini dinaik taraf menjadi kampus cawangan Universiti Kuala Lumpur supaya ada sebuah kampus cawangan universiti di Daerah Hulu Perak ini kerana ketika ini tidak ada langsung institusi pendidikan yang bertaraf universiti di kawasan berkenaan. Saya fikir kerajaan negeri pun bersetuju dan perkara ini pernah disebut dan diucap di hadapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya harap MARA dapat bersetuju dengan cadangan ini untuk membolehkan Kolej Pengajian Tinggi MARA Lenggong dinaik taraf menjadi kampus cawangan Universiti Kuala Lumpur misalnya. Saya harap perkara ini diberi kajian.

Saya juga hendak sebut Butiran 00900 – INFRA, Kampung Lestari. Program Kampung Lestari saya lihat memang cukup baik, yang mana usaha kementerian untuk meningkatkan pembangunan ekonomi kepada masyarakat luar bandar. Cuma, saya lihat dalam bajet kali ini dia kurang sedikit peruntukannya. Jadi minta kementerian untuk menambah atau memberi tumpuan kepada Projek Kampung Lestari ini kerana Projek Kampung Lestari ini sebenarnya satu projek yang programnya yang cukup baik dan memberi kebaikan, terutama sekali meningkatkan ekonomi kawasan luar bandar.

Butiran 020000 – KEMAS. KEMAS kita akui ialah agensi yang penting yang memainkan peranan dalam banyak perkara. Oleh sebab itu, saya minta supaya kementerian untuk mengkaji

dari segi perjawatan pegawai ini. Banyak di kalangan mereka yang kontrak, yang gajinya kecil dan dengan kedudukan ini, mereka tidak dapat kemudahan yang banyak sedangkan peranan yang mereka mainkan cukup berkesan dan penting dalam usaha untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat luar bandar.

Akhir sekali ialah Butiran 03100 – FELCRA. Satu lagi agensi di bawah kementerian ini yang memainkan peranan dalam usaha untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Cuma, saya mohon kementerian untuk mengkaji, bolehkah kementerian menghapuskan hutang pembangunan ini, yang begitu banyak dan ditanggung oleh peserta-peserta FELCRA, hutang pembangunan. Jadi kalau dapat ia dilakukan, ia akan tentunya memberikan kesenangan kepada peserta-peserta FELCRA.

Perkara lain ialah Butiran 100900 – Program Mini RTC. Satu lagi program yang baik dan ini mesti diperbanyakkan. Saya percaya dengan kewujudan mini RTC yang banyak di kawasan-kawasan luar bandar, perkhidmatan kerajaan dapat dinikmati oleh masyarakat luar bandar. Yang Berhormat Sibuti pun hendak satu, jadi Lenggong pun harap juga dapat satu. Tentunya kita memerlukan tempat dan saya lihat di kawasan Parlimen Lenggong ada Pusat Pemprosesan Industri Perikanan yang nampaknya tidak begitu berkesan dan tidak beroperasi dengan begitu baik, kalau tempat ini diambil alih oleh kementerian dan dijadikan mini RTC, ia cukup baik. Saya percaya ini program baik dan tentu Yang Berhormat Kuala Krau juga perlukan satu mini RTC di Kuala Krau.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang. Selepas Yang Berhormat Sepang...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Stampin.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya nampak Yang Berhormat Paya Besar ada? Selepas Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Paya Besar. Sila.

7.49 mlm.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahas tentang tiga item.

■1950

Pertamanya mengenai UiTM, kerajaan dalam proses di Dengkil, sedang dalam proses pembinaan UiTM di Dengkil. Saya ingin bertanyakan kepada Menteri, pertamanya adakah pembinaan ini sekarang ini, adakah mengikut jadual yang telah ditentukan dan adakah mana-mana *company* yang diberikan tender ini dibuat secara *open tender*? Keduanya, berapakah kos yang telah dianggarkan dan setakat ini macam mana proses pembinaan itu? Sampai ke tahap berapa *percent* dah? Oleh sebab saya difahamkan bermula daripada 2012, sepatutnya siap pada November 2015. Adakah ia mampu mencapai *target* itu?

Keduanya, apabila dibina UiTM ini, berapakah kapasiti pelajar yang akan masuk ke situ lah? Berapa kapasiti yang boleh memuatkan pelajar. Saya juga difahamkan – tetapi saya tidak ada dokumen. Saya difahamkan ada aduan dibuat oleh Pejabat Daerah Sepang berkenaan pembinaan UiTM ini sebab katanya ada melibatkan *complaint* berkaitan banjir kilat di situ. Jadi, saya ingin tanyakan adakah benar dakwaan ini? Kalau benar, apakah langkah yang telah dibuat oleh pihak kerajaan atau kementerian untuk menyelesaikan aduan ini?

Yang keduanya berkenaan dengan MARA juga, yang dipanggil MRSM. Saya difahamkan di Selangor, saya minta Menteri betulkan, hanya ada satu sahaja MRSM di Selangor ini, iaitu di Kuala Kubu. Sedangkan di negeri-negeri yang lain, tadi kata Yang Berhormat Lenggong, di tempatnya ada dua. Jadi saya ingin bertanyakan, adakah kerajaan bercadang untuk menambah MRSM di negeri Selangor? Kalau ada, dalam perancangan, saya ingin mencadangkan supaya dibina di Sepang, itu yang pertama.

Keduanya, saya ingin bertanyakan, apakah pencapaian MRSM yang menawarkan kursus tahfiz ini? MRSM yang ada pengajian tahfiz, iaitu yang ada di Negeri Sembilan, di Terengganu dan juga setakat ini di Pulau Pinang. Adakah kerajaan juga bercadang untuk menambah lagi bilangan MRSM yang menawarkan juga tahfiz ini? Setakat ini, macam mana pencapaian? Adakah pelajar-pelajar yang mengambil ataupun dimasukkan MRSM yang sebegitu dapat membawa atau dapat menguasai akademik di samping dapat menghafal ayat al-Quran sebanyak 30 juzuk itu? Jadi, saya ingin minta Menteri memberikan penjelasan

Keduanya, saya ingin menyentuh Butiran 030000 iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Saya ingin membuat sedikit aduan dan saya ingin mengatakan adakah Ahli-ahli Parlimen khususnya daripada pembangkang ini Pakatan Rakyat ini, memang ada arahan untuk mereka tidak dibenarkan memasuki perkampungan Orang Asli ini? Saya katakan begitu sebab saya ada pengalaman apabila kita ingin membuat program Hari Raya Korban dan kita telah pun beli lembu dan memang bersedia untuk pergi ke kawasan itu untuk memberikan korban, untuk menghadiahkan daging korban kepada penduduk di situ tetapi dihalang atas alasan Ahli Parlimen pembangkang.

Jadi saya ingin bertanyakan, wajar kah halangan itu dibuat? Sedangkan kita sebagai Ahli Parlimen, kita mewakili semua rakyat tanpa mengira parti politik, tanpa mengira ideologi politik. Jadi, saya minta supaya pihak Menteri boleh menyiasat hal ini. Saya pada pagi tu dah nak pergi dah. Tiba-tiba dapat tahu tak dibenarkan masuk. Jadi, saya harap benda ini tidak akan berlaku. Ini zaman kita dah hendak capai negara maju, politik-politik yang begitu tu kita letaklah dekat tong sampah dah. Itu politik lama ya. Maksudnya kita seharusnya lebih terbuka, lebih demokratik sebab saya rasa kalau saya sendirilah, wakil dari BN atau Ahli Parlimen, wakil dari ADUN sebab di Parlimen Sepang ini kita ada satu sahaja DUN yang dikuasai Barisan Nasional, iaitu DUN Dengkil. *In fact*, DUN Dengkil itu, dia pun pembangkang, saya pun pembangkang. Parlimen Sepang dikuasai oleh pembangkang. DUN Dengkil pun dikuasai oleh pembangkang iaitu BN di kawasan Kerajaan Negeri Selangor. Bermakna dua-dua pun pembangkang.

Jadi, saya harap kami ini diberi layanan yang adil, sepertimana kita beri layanan yang adil kepada DUN Dengkil itu. Saya harap peristiwa ini insiden ini dapat disiasat oleh Kementerian. Saya rasa kita memang berniat baik untuk memberikan bantuan kepada Orang Asli ini.

Keduanya, ada satu perkampungan Orang Asli, iaitu Kampung Baja di DUN Dengkil itu yang memang terlalu daif. Untuk makluman Menteri, jalan yang nak menuju ke kampung itu pertamanya begitu jauh dan jalannya begitu teruk, tidak lagi berturap. Jadi, saya harap pihak Menteri boleh mencadangkan supaya JKR untuk mengambil inisiatif membetulkan jalan itu. Saya ada menziarahi kes di mana ada berlakunya kematian di Kampung Baja itu. Saya tanyakan pada penduduk di situ, dia kata memang sukar untuk mereka pergi ke hospital atau klinik. Jadi, saya harapkan mungkin pihak Jabatan Orang Asli ini boleh sediakan melalui kerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk sediakan perkhidmatan kesihatan secara bergerak. Mungkin seminggu sekali kah, supaya mereka dapat rawatan. Mereka mengadu kepada kita bahawa mereka menghadapi kesukaran apabila berlaku sakit dan sebagainya.

Yang ketiganya, berkaitan dengan KEMAS ini. Saya tidak ada masalah, kita tahu KEMAS ini memang dapat peruntukan daripada pihak MARA untuk membantu pelajar-pelajar prasekolah ini. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Raja tadi, saya mengharapkan apabila bercakap tentang soal pendidikan ini, sama ada prasekolah atau pengajian tinggi, mesti ada liberalisasi di situ.

Liberalisasi bermakna biarlah segala sekolah-sekolah prasekolah ini sama ada dihandle oleh kerajaan atau pembangkang atau NGO, mestilah dibantu sebab hakikatnya apabila kita pihak-pihak yang selain dari kerajaan menyediakan pendidikan prasekolah kepada rakyat ini, hakikatnya kita bantu kerajaan. Sebab apa? Kerajaan telah dapat jimatkan kos, kerana kerajaan tidak perlu nak menyediakan pusat prasekolah ini yang begitu banyak. Jadi, saya harapkan di sini perlu ada liberalisasi dan bukannya diskriminasi. Kenapa kah tidak, mungkin pihak MARA juga boleh adakan peruntukan untuk bantu sekolah-sekolah atau pihak-pihak yang menyediakan prasekolah ini tanpa mengira prasekolah yang macam mana.

Saya katakan tadi, dalam segi ini, kita boleh pergi *beyond politics*. Kita mesti boleh merentasi fahaman politik. Saya katakan tadi, dari segi PASTI, kami dari pihak PAS, seperti mana yang kita tahu, bukan sahaja orang Islam, malahan orang bukan Islam pun, di Selangor itu ada anak-anak mereka yang belajar di PASTI, yang ibu bapa mereka hantar. Sabak Bernam dulu ada anak-anak orang Cina yang hantar tetapi diugut. Ada polis datang ke rumah bapa dia, kata, "*Kenapa kamu hantar ke PASTI?*" Jadi, saya harap benda-benda ini jangan berlaku. Saya mengharapkan supaya – PASTI ini kita boleh buktikan. Pertamanya, kita punya organisasinya ialah kita ramai tokoh-tokoh dari akademik, dari pendidikan hatta daripada PhD dalam bidang prasekolah, yang menyediakan segala prasarana, *syllabus* dan sebagainya. Seperti mana yang saya katakan tadi, saya nak gulung ini. Saya katakan tadi saya sendiri menerima aduan daripada pihak KEMAS.

■2000

Saya kata tadi walaupun KEMAS ini lebih kepada pihak kerajaan tetapi saya sebagai seorang rakyat Malaysia, sebagai ahli Parlimen, sebagai rakyat yang rasa perlu untuk kita bantu saya harapkan kerajaan kena ambil berat tentang KEMAS ini dari segi menyediakan pendidikan prasekolah yang berkualiti. Saya kata tadi rumah saya itu berhadapan dengan sekolah KEMAS tetapi guru itu mengadu pada isteri saya dia kata tidak cukup tenaga.

Seorang guru untuk menguasai dekat 30 hingga 40 orang murid untuk murid umur lima tahun dan juga enam tahun yang menyebabkan dia kata dia hanya fokus kepada murid enam tahun sahaja tanpa dapat memberikan pendidikan kepada murid lima tahun sedangkan kita di peringkat pasti ini walaupun kita tahu mungkin kita kekurangan dana tetapi kita boleh bagi pendidikan di peringkat lima tahun lagi malah sekarang kita sudah buka sampai empat tahun untuk kita menyediakan pendidikan. Mereka boleh hafal, mereka boleh menguasai ilmu-ilmu yang kita rasa asas itu dengan lebih baik. Jadi saya harap dari segi hal ini perlu ada *collaboration*. Tidak semestinya dalam semua perkara kita bergaduh. Ada perkara yang boleh kita duduk bersama untuk kita bincangkan demi kepentingan rakyat kita bersama. Jadi saya harapkan...

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Boleh bertanya sedikit?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak payahlah Yang Berhormat Parit. Cukup. Masa sudah habis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh tidak? Boleh kot?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup, cukup. Sila Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Eh, saya belum *landing* lagi ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah habis, cukuplah.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Tidak payah *landing* lah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jatuh bahaya, berlanggar nanti. Saya hendak katakan berdasarkan apa yang saya katakan ini saya harap kementerian dapat memperuntukkan bantuan yang diberikan sedikit kepada mungkin dapat menambah peruntukan dan kita boleh bagi juga kepada sekolah-sekolah prasekolah ataupun tadika yang bukan milik KEMAS sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Sila Yang Berhormat Paya Besar.

8.01 mlm.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kepala B.22 Butiran 020000 – KEMAS. Saya bersetuju dengan rakan saya tadi Yang Berhormat Jerantut dan juga Yang Berhormat daripada Jerlun berhubung dengan kedudukan Pembantu Masyarakat KEMAS ataupun guru-guru KEMAS ini. Saya rasa sudah sampai masanya kerajaan mempertimbangkan untuk memberi jawatan tetap dan berpencen kepada pegawai-pegawai KEMAS ini kerana mereka ini sudah berkhidmat berpuluh-puluh tahun. Kalau yang dahulu itu

yang sekarang ini sudah berpencen saya bersetujulah kerana mereka ini merupakan pemilihan daripada jawatan daripada ahli-ahli politik. Akan tetapi kebelakangan ini kita tengok jawatan-jawatan yang diiklankan adalah melalui SPA dan yang memohon itu merupakan graduan-graduan yang tidak mempunyai pekerjaan selain daripada apa yang mereka minta.

Jadi saya mohon kepada kerajaan beri pertimbangan semula. Jangan akhirnya setelah kita latih guru-guru KEMAS ini ataupun pembantu-pembantu masyarakat ini dengan latihan yang begitu sofistikated ataupun dengan lebih telus lagi yang merupakan orang kata mata dan telinga kerajaan untuk memberi maklumat kepada rakyat ini kita abaikan. Kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana telah meluluskan peruntukan kepada bekas-bekas pegawai KEMAS, JASA dan sebagainya sebanyak RM300. Akan tetapi adakah ini mampu bagi pegawai-pegawai KEMAS ini yang telah kita latih diberi jumlah yang begitu kecil bawah daripada paras kemiskinan. Jadi saya berharap kementerian mempertimbangkan semula kerana mereka ini tidak lagi merupakan pemilihan daripada orang-orang politik ataupun jawatan-jawatan politik. Lantiklah mereka ke jawatan tetap dan berpencen.

Butiran 030000 – Jabatan Kemajuan Orang Asli di bawah Butiran Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan Orang Asli. Di kawasan Parlimen Paya Besar saya ada lima perkampungan Orang Asli. Sudah sampai masanya kerajaan menyusun semula pembangunan Orang Asli ini kerana kalau kita lihat daripada kemajuan yang dicapai oleh anak-anak Orang Asli ini ada yang berkelulusan daripada universiti, ada yang jadi *engineer* di Jabatan Parit dan Saliran, ada yang menjadi doktor.

Jadi kalau mereka balik ke perumahan orang tua mereka keadaan mereka sama tahun 1957. Ada yang rumah PPRT yang telah dibina oleh kerajaan tetapi yang lebih banyaknya rumah-rumah yang mereka bina sendiri. Daripada kelengkapan yang serba kelengkapan yang serba kekurangan. Tidak ada tandas, tidak ada bilik air dan tumpuan mereka kepada sungai-sungai.

Jadi saya memang bercadang untuk menyusun semula salah satu daripada perkampungan Orang Asli dalam Parlimen Paya Besar ini supaya ia menjadi perkampungan contoh bagi Orang Asli dan saya berharap kementerian dapat membantu saya dalam menyusun semula masyarakat Orang Asli dalam Parlimen Paya Besar.

P.22 Butiran 01707 – Pemasangan Baru Lampu Jalan Kampung. Saya percaya bukan sahaja di Paya Besar malah di Kuala Krau dan di Beluran juga kita perlukan lampu-lampu jalan ini. Mengampu. [*Ketawa*]

Jadi saya berharap kementerian dapat mempertimbangkan beri peruntukan kepada daerah-daerah ini berapa lampu jalan yang mereka perlukan. Minta jumlah ini daripada ketua-ketua kampung yang tahu berapa keperluan lampu-lampu jalan di kampung masing-masing kerana sekarang ini kita sudah ke arah zaman moden. Zaman 20-an. Bukan lagi zaman tahun 50-an. Kita hendak menghadapi tahun 2020 tetapi keadaan di kampung walaupun dalam bandar tetapi masih daif lagi. Jadi berharap kementerian memberi perhatian kepada kampung-kampung terutamanya kampung-kampung di pinggir bandar.

02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Saya dapati masih banyak lagi jalan-jalan luar bandar yang diabaikan. Dahulu kita memperkenalkan macam-macam konsep jalan tetapi yang kita laksanakan masih juga jalan yang lama Cuma apabila rosak kita turap, bila rosak kita turap. Akhirnya jalan-jalan ini tidak dilebarkan tetapi ditinggikan dan ini akan membahayakan kepada pemandu-pemandu yang lalu terutamanya kereta-kereta seperti kancil, Myvi dan sebagainya. Tidak akan mereka sanggup hendak berselisih dengan Mercedes ataupun Harrier.

Jadi ini yang harus kita tumpukan. Kita tidak hendak lagi anak-anak muda yang ada di kampung-kampung pada hari ini sejak mereka dilahirkan, dibesarkan di sekolah-sekolah kebangsaan dan menengah melihat keadaan jalan di kampung mereka masih sama. Kita tegur satu keluarga sampai tiga empat buah kereta kerana mereka telah dapat melahirkan anak-anak yang berjaya. Maka, apabila anak-anak mereka yang berjaya tentulah mereka ini mempunyai kereta. Jadi kalau tengok dari jalan-jalan yang ada di kampung-kampung khususnya di pinggir-pinggir bandar macam di Kampung Permatang Badak, Bukit Rangin dan sebagainya masih lagi dalam keadaan lama. Lebarnya masih tetap tujuh ataupun sepuluh kaki sahaja.

Sudah sampai masanya kerajaan mencari jalan penyelesaian melaburkan peruntukan untuk membina jalan-jalan kampung yang lebih lebar sekurang-kurangnya 20 kaki supaya dua kereta boleh selisih. Dengan keadaan yang ada sekarang ini seorang terpaksa berhenti itu pun kalau ada yang sanggup hendak mengalah. Kalau ada yang tidak sanggup mengalah boleh berkelahi. Jadi saya berharap kementerian memberi pertimbangan yang sewajarnya ke arah pembangunan kampung-kampung yang telah saya sebutkan tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah.

8.08 mlm.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Kepala B.22. Perkara pertama yang hendak saya sentuh ialah berkaitan dengan Butiran 030300 – Jabatan Kemajuan Orang Asli. Dalam mengejar arus pembangunan kita tidak boleh melupakan Orang Asli. Justeru, saya hendak meneliti perbelanjaan untuk Jabatan Kemajuan Orang Asli. Di sini dalam anggaran perbelanjaan persekutuan saya lihat satu perbezaan yang jelas iaitu anggaran peruntukan pada tahun 2014 untuk Jabatan Kemajuan Orang Asli ialah sejumlah RM68,727,300. Manakala anggaran untuk perbelanjaan untuk jabatan yang sama telah berkurangan iaitu kepada RM57,308,900 iaitu perbezaan ataupun pengurangan sebanyak RM11,418,400.

■2010

Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, kenapa untuk Jabatan Orang Asli, anggaran perbelanjaan telah dikurangkan lebih daripada RM11 juta kalau berbanding dengan tahun sebelum. Kenapa berlakunya pengurangan ini? Saya juga dapat lihat pengurangan yang agak ketara dalam Butiran 030400 iaitu Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan Orang Asli iaitu sebanyak RM7,463,700.

Saya juga ingin mendapatkan beberapa maklumat daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan Orang Asli. Saya hendak tahu, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam mengatur program-program pembangunan sosioekonomi Orang Asli dalam usaha meningkatkan pendapatan mereka serta memperluaskan prasarana? Soalan kedua saya ialah berapakah jumlah graduan Orang Asli di peringkat ijazah, sarjana dan kedoktoran?

Tadi seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Paya Besar, memang ramai dari kalangan Orang Asli sekarang sudah menjadi graduan. Akan tetapi saya hendak tahu bilangan, berapakah daripada yang memiliki ijazah, ijazah sarjana dan juga ijazah kedoktoran. Saya juga ingin tahu, berapakah jumlah Orang Asli yang diserapkan dalam perkhidmatan awam, yang berkhidmat dalam peringkat ikhtisas dan juga di peringkat sokongan.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengetahui berapakah jumlah pemberian tanah kepada Orang Asli di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan yang telah berikan. Saya hendak tahu, berapakah lagi Orang Asli yang masih mengharapkan kerajaan untuk mendapatkan tanah untuk aktiviti-aktiviti ekonomi mereka. Saya juga ingin tahu sama ada kerajaan mempunyai apa-apa niat atau tidak untuk mewujudkan rancangan ataupun program seperti FELDA untuk membantu membangunkan ekonomi Orang Asli. Itu saja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ramai lagi. Ya, boleh semua. Ada berapa orang semua? Ya Yang Berhormat Bagan Serai.

8.12 mlm.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada P.22, Butiran 00602 - MRSM (Maktab Rendah/Kolej Sains MARA). Di negeri Perak yang ada sepuluh daerah, Bagan Serai ataupun Daerah Kerian, satu-satunya daerah yang tidak ada lagi MRSM. Tadi kita dengar Lenggong ada dua. Kira kita rasa kecil hatilah. *[Ketawa]* Kita rasa terpinggirlah sebab masuk MRSM ini satu kebanggaan, hinggakan orang yang tinggal di bandar-bandar pun dia hantar anak dia di MRSM. Kita jumpa bila keluar keputusan peperiksaan, kita tanya anak kamu dapat mana, dapat MRSM, punyalah bangganya. Jadi cubalah kita bayangkan. Saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri, anak-anak di luar bandar di kawasan Parlimen Bagan Serai, yang rata-ratanya ialah petani yang tidak ada pendapatan yang tetap dan banyak juga yang miskin. Anak-anak ini sebenarnya telah mendapat pencapaian yang hebat di Parlimen Bagan Serai atau di Daerah Kerian.

Saya ingin membacakan keputusan-keputusan peperiksaan pada tahun-tahun yang lepas menunjukkan pelajar-pelajar di luar bandar ini mempunyai keputusan yang cemerlang. Mereka ini layak untuk masuk MRSM dan MRSM tidak ada di Parlimen atau di Daerah Kerian, Bagan Serai. UPSR pada tahun 2010 daripada sepuluh daerah, kita nombor empat, tahun 2011 kita nombor tiga, tahun 2012 Daerah Kerian nombor dua dan pada tahun 2013 Daerah Kerian mendapat nombor dua juga. Kalau dikirakan dari sekolah kebangsaan saja, maka Daerah Kerian akan dapat nombor satu dalam seluruh negeri Perak.

Pencapaian PMR, PMR sudah tidak ada. Tahun 2010 kita nombor lima dari sepuluh daerah, tahun 2011 nombor empat, tahun 2012 nombor empat dan tahun 2013 nombor dua. Kalau ada tahun ini mungkin nombor satu. Pencapaian SPM. Tahun 2010 kita nombor 5, tahun 2011 kita nombor dua, tahun 2012 Daerah Kerian nombor dua dan tahun 2013 nombor satu, yang terbaik di negeri Perak

Tuan Pengerusi, inilah yang saya katakan menjadi hasrat dan impian orang-orang di kawasan Parlimen Bagan Serai yang mereka tanya-tanyakan sebab di sini bukan saja tidak ada MRSM, kita juga tidak ada SBP. Tidak apalah, SBP saya cakap di kementerian yang lain. Akan tetapi untuk MRSM ini dan rata-rata juga di tempat-tempat yang agak pedalaman tidak ada bas dari kawasan yang banjir dan sebagainya. Anak-anak yang cemerlang ini, mereka ini keluar dari kawasan Bagan Serai. Mereka pergilah MRSM Lenggong, MRSM Gerik, MRSM mana lagi, jauh lagi. Jadi, ibu bapa ini ialah petani-petani yang agak miskin dan banyak juga yang mempunyai masalah, perbelanjaan meningkat hendak menghantar. Ini kita belum kira lagi kalau anak-anak ini ada mengalami kesakitan atau sakit apa-apa, jadi ibu bapa ini terpaksa pula berangkat pergi melihat. Ini semua menambahkan perbelanjaan.

Kalau kita lihat di Parlimen Bagan Serai, kita memang ada kawasan-kawasan lagi. Seperti mana yang saya sebut semalam, kita ada kawasan untuk lapangan terbang, kita ada kawasan-kawasan untuk buat MRSM ini. Tanah-tanah contohnya di perkampungan Sungai Dungun, Sungai Gedung ataupun Sungai Pinang. Bagan Serai ialah tempat yang strategik, berhampiran dengan *inter change* dengan persimpangan bertingkat *highway*. Di lebuhraya yang paling dekatnya di Taiping Selatan dan juga di Bukit Merah dan akan datang persimpangan di Alor Pongsu. Jadi kalau ada MRSM di tempat kita ini, maka ini memberikan satu peluang pertumbuhan ekonomi, peluang pertumbuhan pembangunan di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai, satu isu saja? MRSM?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya, satu isu saja. Jadi Tuan Pengerusi, menunjukkan betapa pentingnya MRSM di Parlimen Bagan Serai. Jadi, menjadi harapan besar kami di Parlimen Bagan Serai di Daerah Kerian, adalah sekolah berasrama penuh, untuk ada MRSM yang kita hajat-hajat ini. Kita sedang menanti-nantikan kemunculan, kewujudan MRSM Bagan Serai. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Pengerusi, Stampin.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Stampin.

8.17 mlm.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana bagi Stampin peluang. Tuan Pengerusi, memandangkan banyak Yang Berhormat menaikkan isu KEMAS, saya juga hendak ambil kesempatan untuk membangkitkan isu berkenaan dengan

KEMAS iaitu Butiran 020000. Tuan Pengerusi, Tadika KEMAS Kampung Lubok Buang, Stutong Resettlement Scheme Kuching, Sarawak dengan izin.

Tuan Pengerusi, pada keluarga yang berpendapatan rendah di kawasan Skim Penempatan Semula Stutong, Kuching, kewujudan sebuah Tadika KEMAS yang menyediakan khidmat pendidikan awal kanak-kanak pada kadar bayaran yang berpatutan adalah merupakan satu rahmat yang sangat bermakna sekali.

Mereka sememangnya tidak mampu untuk menghantar walaupun seorang anak sahaja ke tadika swasta yang mengenakan caj bayaran bulanan sebanyak RM350. Akan tetapi Tuan Pengerusi, Tadika KEMAS walaupun Tadika KEMAS Kampung Lubok Buang ini adalah merupakan satu-satunya yang ada di kawasan Skim Penempatan Semula Stutong yang didiami oleh lebih kurang 2,500 orang penduduk pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, Iban, Bidayuh dan lain-lain bumiputera di Sarawak.

Tuan Pengerusi Tadika KEMAS Kampung Lubok Buang semenjak tahun 2012, menggunakan dewan komuniti usang milik penduduk kampung sebagai tempat untuk mereka berteduh, menimba ilmu duniawi. Kanak-kanak berumur empat sehingga enam tahun, mereka perlu menghadapi matahari yang terik apabila cuaca yang panas dan apabila pada hari hujan pula, kanak-kanak kecil malang pula terpaksa belajar sambil mengesat muka yang basah kerana terkena tempas hujan lebat yang bertiup dari semua arah sambil bergelumang dengan cuaca dingin yang menusuk tulang. Kadangkala sesi pembelajaran terpaksa dihentikan kerana air hujan membanjiri lantai dewan komuniti yang usang tersebut.

Tuan Pengerusi, Tadika KEMAS ini tidak memiliki bilik darjah dilengkapi oleh meja, tidak ada kerusi, kipas, lampu, papan tulis, tandas serta *pantry* yang sesuai seperti mana-mana institusi pendidikan awal kanak-kanak lain yang terdapat di negara ini. Saya hendak ambil perhatian bahawa ini di tempat kawasan Stampin, bukan di *rural area* dengan izin. Premis tadika ini tersangatlah usang di mana keadaan lantainya pecah, atapnya bocor di sana sini serta lokasinya dikelilingi oleh semak samun tebal serta berdekatan dengan longkang terutamanya, menambahkan lagi penderitaan dan kesengsaraan kanak-kanak kecil yang belajar di situ.

■2020

Saya difahamkan oleh pihak pengurus Tadika KEMAS Kampung Lubok Beruang, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh membuat penyiasatan terhadap perkembangan tersebut bahawa masalah sebenar adalah bukan berpunca daripada keengganan pihak Kerajaan Negeri Sarawak untuk memberi tapak tanah bagi mendirikan premis bangunan tadika tersebut tetapi permohonan rasmi bagi mendapatkan tanah telah pun dihantar ke Jabatan Tanah dan Ukur Bahagian Kuching untuk dipertimbangkan. Masalah sebenarnya adalah keengganan pihak pengurus KEMAS Sarawak untuk menyediakan dokumen sokongan bagi tujuan permohonan tapak tanah tersebut.

Tuan Pengerusi...

Tuan Manivannan a/I Gowindasamy [Kapar]: Minta pencelahan, KEMAS.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Stampin. Saya beberapa kali ada dengar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh Tadika KEMAS. Kalau PERMATA boleh diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, apa pendapat Yang Berhormat Stampin kalau KEMAS pun kita letak di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kalau kita menghadapi masalah sebegini, kalau PERMATA boleh dapat satu pandangan yang berbeza, luar biasa kenapa KEMAS tidak dilakukan sedemikian?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Kapar. Jadi saya harap masukkan dalam isi kandungan saya. Jadi bersambungan dengan isu tadi, tentang dokumen yang tidak disediakan oleh pihak pengurusan Kemas, bangunan serta pelan umum dan lokasi premis Tadika KEMAS yang perlu disediakan oleh firma arkitek yang bertauliah tidak disediakan disebabkan ketiadaan kedua-dua pelan tersebut, maka permohonan pengurusan Tadika KEMAS bagi kampung tersebut untuk mendapatkan tapak tanah bagi tujuan pembinaan premis bangunan Tadika KEMAS itu tidak dapat diproses semenjak tahun 2012.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga mendapatkan kesempatan ini untuk membangkitkan satu isu lagi. Saya telah pun ada pergi membuat lawatan ke tempat tersebut, malangnya saya tidak dibenarkan masuk. Bayangkan, sebagai seorang wakil rakyat, Ahli Parlimen Stampin tidak boleh masuk ke kawasan untuk menyiasat dan melawat ke kawasannya. Saya dengar arahan ini dibagi daripada Pengurus KEMAS. Jadi kenapakah ini berlaku? Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh membuat satu penyiasatan dan mengambil berat hal ini kerana adalah tidak berpatutan jika seorang wakil rakyat dihalang menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada dia.

Tuan Pengerusi, perkara yang terakhir iaitu 02002 iaitu Bekalan Air Sarawak. saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Menteri Tuan Pengerusi, apabila saya ada kesempatan untuk menyertai Impian Sarawak yang dianjurkan daripada *volunteer* dengan izin, saya dapati bahawa apabila saya mengunjungi ke kampung-kampung di Serian, saya dapati bahawa di kampung ataupun *long house* yang berpihak kepada Barisan Nasional, mereka mendapat tangki biru, tangki air. Akan tetapi perkampungan *long house* yang berpihak kepada mereka sangka mereka lebih cenderung kepada pihak pembangkang, tidak terdapat tangki air. Saya ada ambil gambar-gambar juga, saya boleh tunjukkan kepada Yang Berhormat Menteri. Kenapakah hal ini berlaku?

Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Sepang bahawa perkara ini tidak patut berlaku kerana Kerajaan Malaysia ialah kerajaan kepada semua. Tidak kisah pihak, betul tak? Ya, dan Tuan Pengerusi, satu lagi kampung, Kampung Padawan di Batu 17, berdekatan dengan Kuching. Walaupun Kampung Padawan tersebut hanya dua kilometer ataupun lima kilometer dari pekan kecil yang mempunyai paip yang besar tetapi tak ada bekalan air.

Jadi perkara ini sangat menyedihkan. Tak usah kita cakap kampung-kampung yang begitu dalam, hanya kampung-kampung yang berdekatan dengan pekan sahaja, tak ada air, tak ada elektrik. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mengambil berat terhadap perkara

tersebut supaya terutamanya kampung-kampung yang berdekatan dengan pekan boleh dipercepatkan bekalan-bekalan asas. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

8.25 mlm.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, saya hendak cakap satu sahaja, 020000 – KEMAS. KEMAS ini kita sedia maklum, tajuknya pun KEMAS ini kemajuan masyarakat. Nampaknya KEMAS ini makin lama dia macam makin malaplah kerana kurang diberikan perhatian.

Saya dengar tadi Yang Berhormat Parit pun ada sebut pasal perjawatan. Perjawatan ini kita KEMAS dapat lihat balik. saya ambil contoh, guru prasekolah ini grednya S27, yang memantau guru prasekolah ini ialah dia punya penyelia dia. Penyelia Kemajuan Masyarakat ini S17. Jadi ertinya, orang yang memantau, grednya lebih rendah daripada orang yang dipantau.

Begitu juga dengan Penyelia Kanan KEMAS. Dia hanya ada dapat gred S22, pun lebih rendah daripada S27. Pegawai KEMAS daerah, dia sama taraf. Sama gred dengan guru KEMAS ini iaitu S27. Jadi kalau penstrukturan perjawatan ini juga kita tengok kelam kabut, tidak tersusun, bagaimana jentera KEMAS di bawah ini ingin bergerak dengan baik? Saya betul kesian tengok Pengarah KEMAS negeri. Macam di Selangor, hanya gred S48, di Johor S52. Jadi, gred S48 ini, saya dimaklumkan sejak tahun 2003 dahulu. Sudah dekat 12 tahun lebih dah tidak ada peningkatan gred. Jadi supaya KEMAS ini dapat digerakkan dengan baik, maka perjawatan pengarahnya mesti ditingkatkan lagi. Sekurang-kurangnya S54. Kalau JUSA C pun apa salahnya, kerana ini untuk membantu masyarakat di luar bandar.

Yang kedua, saya tengok program *long-life education*. Ini pun semakin malap. Dulu waktu KEMAS waktu hebat, kita lihat peluang-peluang orang kampung untuk belajar jahitan sebagai contoh, banyak bengkel jahitan dibuat dan memberi peluang kepada ibu-ibu di luar bandar untuk mendapat latihan pendidikan jahitan, boleh menambahkan pendapatan apabila hari raya. Tempahan-tempahan ini dapat dibuat. Hari ini kita lihat, jawatan untuk penyelia jahitan ini pun bila sudah jawatan pegawai lama itu telah berhenti, penambahannya amat kurang sekali.

Saya pun tengok Program Bina Insan, pun saya tak tahu adakah tak ada lagi? Dahulu ada Pegawai Pembangunan Bank Insan di tiap-tiap Parlimen. Hari ini tempat saya Tanjong Karang sebagai contoh sudah tak ada dah. Kalau tidak, pegawai-pegawai pembangunan bank insan ini, dia tiap-tiap minggulah, dia buat kelas-kelas, dia bagi pengajian agama, menyediakan semangat-semangat pembangunan insan. Ini yang hendak dimajukan masyarakat. Begitu juga dengan program-program gotong-royong. Dahulu ada peruntukan program-program gotong-royong. Nama pun kemajuan masyarakat, ertinya kita hendak menghidupkan semula suasana gotong-royong. Akan tetapi hari ini bila saya tanya ada lagikah peruntukan untuk program-program gotong-royong? Saya difahamkan, peruntukan itu pun sudah tidak ada. Jadi di mana fungsi KEMAS? Kita dengar tadi banyak orang bercakap pasal KEMAS.

Yang Berhormat Stampin itu pun dia kompelin, dia kompelinlah. Memanglah yang sokong BN pun belum dapat tangki biru habis lagi, pembangkang kemudianlah. Bila sudah dapat kepada BN, kita berilah kepada pembangkang.

Jadi ini yang kita harap supaya pembangunan modal insan ini mesti dibawa daripada kecil. Kita tengok jasa yang dahulunya ada kelas dewasa, sekarang sudah ada tadika Kemas kerana pembangunan modal insan ini penting. Kita tadi saya dengar Yang Berhormat Sepang bercakap mesti ada nilai-nilai agama. Betullah saya setuju ada nilai-nilai agama. Akan tetapi yang pentingnya apabila dia dewasa ini, dia boleh teruskankah pegang kepada prinsip keagamaan? Macam Yang Berhormat Sepang ini, tahun 2005 dialah kepala buat demonstrasi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini jolok, jolok apa? Tebuankah?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tak, tak, tak, duduklah, duduklah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Nanti dia gigit kepala pula.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Contoh, contoh! Contoh, tahun 2005..

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tahu hendak pergi mana itu?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tahun 2005 dialah kepala supaya kita mendesak mengharamkan Sisters in Islam, sekarang dia pula jadi jaguh meletakkan Sisters in Islam. Itu sebab saya bagi contoh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya minta kalau boleh, boleh. UMNO pun kena haram, diam-diamlah jangan cakap pasal halal haram.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Taklah, yang marah pasal apa? Contoh ini...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: UMNO ini, parti dapat diharamkan. Sekarang muncul balik ini hantu benda yang...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Taklah, marahkah? Kalau bercakap betulkah tak betul?

■2030

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Sepang jangan, dia baru hendak bincang itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jawab DR Mahathir punya *complaint* lah, jangan cakap dengan orang lain.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia baru hendak bincang dengan Dr Mahathir, sabar. Jangan marah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya bagi contoh...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dari Mahathir sudah kritik UMNO Selangor ini. Tidak payahlah cerita orang lain.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini sebagai contoh pembangunan modal insan. Kita ini tadi Yang Berhormat cakap dalam bab agama ini, kalau kita betul, kita janganlah berpecah. Jangan waktu kita tidak bersama DAP, kita kata Sisters in Islam ini harus

diharam. Duduk dengan DAP kita hendak jadi jaguh pula mempertahankan Sisters in Islam. Itu sebagai contoh, contoh Yang saya tengok pembangkang bercakap tidak serupa bikin.

Jadi saya hendak balik kepada KEMAS, bahawa kalau betul KEMAS ini hendak dimajukan memainkan peranan sebegini kemajuan masyarakat hendak memajukan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Patutlah Dr. Mahathir itu berhenti. Macam ini punya kualiti pun ada. Allah, teruklah. Malulah, tutup sahajalah.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ini pendidikan KEMAS, mulut bukan main jahat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bukan, dua-dua ini Selangor. Saya dengar Yang Berhormat Kota Raja pun sama. Dia kata dia keliru, memang dia yang keliru. Peranan kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan pun dia tidak boleh beza. Yang memecahkan kawasan perbandaran ini ialah kerajaan negeri. Yang menentukan kawasan kampung pun kerajaan negeri.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Itu kita tahulah. Kita minta penyelarasan, ada pertindihan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Penyelarasan ini kerajaan negeri.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tidak boleh....

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dr. Mahathir pun dah tidak suka dengan dia, sibuk pulak.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tiada penyelarasan, tiada pertindihan, ini yang kita minta selaraskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Baliklah, balik. Meniaga udang.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Bukan tidak faham. Itu sarang tebuan, ini sarang lain tahu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *[Ketawa]* Ini saya bagi contoh...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: UMNO Selangor hendak...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Benda ini yang saya kata semalam.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Contoh bagi kat diri sendiri, jangan cari dekat orang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Contoh saya hendak kata Ahli-ahli Parlimen, kadang-kadang dia cakap, dia tidak tahu apa yang dia cakap. Itu tugas kerajaan negeri. Dia suruh KKLW.....

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ini hendak takbur

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini yang Tun Mahathir suruh turun ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Menyelaraskan. Itu menunjukkan semua tak reti.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terlampau pandai bercakap, sampai Tun Mahathir cakap, turunlah. Terlampau pandai cakaplah ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, okey. Boleh jawab, boleh jawab. *No problem.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jawablah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduklah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jawab dengan Dr. Mahathir dahulu. *Settle* pada Dr. Mahathir dulu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduk, duduk. Kita UMNO ini...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak ada *point*, duduklah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dengar dahulu. Kita UMNO ini kita patuh pada arahan Presiden. Kalau Presiden suruh berhenti, kita berhentilah, apa ada masalah. Kita bukannya macam PAS. Arahan Presiden pun tidak ikut, arahan Majlis Syura pun tidak ikut. Lagi teruk. Itu PAS, Kalau PKR lagi teruk, meleleh air mata Presiden...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Jangan pula syak. Sudah melalut ini, tiba-tiba PKR. Dari PAS ke PKR. Dia kena *reject* itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi, dia sudah tidak ada *point*, dia belit-belit. Pusing-pusing. Kesianlah dia ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: UMNO dah *reject* dia letak jawatan, tak letak jawatan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Satu, dua tiga ini semua sama.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Belalah orang kampung dahulu, cakap pasal orang luar bandar, tetapi melelong buang masa sahaja.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tidak ada standard, lompat sini, lompat sana. Kalau KEMAS, KEMAS sahaja lah..

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya cakap, ini tiga-tiga Selangor ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tak KEMAS betul. Dia punya tajuk pun dia tak faham. Dia tidak pernah kemas.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Kapar Selangor.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini masalah dia.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Sepang Selangor, Yang Berhormat Kota Raja, Selangor. Dia tak faham.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Identiti pun hilangkah?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Hey anney....

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa bang? Tiba-tiba PKR tadi apa hal?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Baik, saya jawab soalan Yang Berhormat Sepang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang. Apa hal lah? Adoi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ia tetapi walau macam mana pun saya ingat....

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Maintain-maintain. KEMAS, maintain.*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Daripada semalam saya tengok Yang Berhormat Kapar ini bila sentuh PAS sahaja, Yang Berhormat Kapar mesti melompat. Agak-agak kalau Yang Berhormat Kapar boleh jadi ahli PAS, jadi ahli PAS sahajalah. *[Ketawa]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Semangat Pakatan Rakyat Tuan Pengerusi. Dia UMNO pun dia kena marah-marah dia.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Walau macam mana pun, Yang Berhormat punya orang kuat sudah jadi Menteri Besar, kira okeylah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tidak ada hal.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya nak balik, saya nak balik. Saya beritahu ialah bahawa pertama peranan KEMAS. KEMAS ini kena dimajukan. Yang saya dengar daripada Yang Berhormat Kota Raja, saya pun hairan juga macam mana Yang Berhormat Kota Raja boleh cakap macam itu? Itu peranan kerajaan negeri, memberi kawasan PBT, memberi kawasan kampung. Itu PBT - itu kuasa kerajaan negeri. Ini yang saya hendak beritahu. Kadang-kadang kita bercakap bukan main hebat, tetapi kita tidak tahu apa yang kita cakap.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jadi, cukuplah Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya tahu apa yang saya cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya kata kawasan kampung di bawah KKLW. Yang Berhormat Tanjong Karang tahu tidak yang mereka bayar cukai pintu? Apabila bayar cukai pintu, makna bayar kepada PBT.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, faham, faham dah.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Jadi ada kerja, ada tempat yang di mana PBT tidak boleh menjalankan kerja-kerja di bawah KKLW.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Betullah, setuju.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Peruntukannya dengan KKLW. Ini bukan saya celaru, saya minta penyelarasan itu sahaja. Siapa yang celaru ini?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya faham, faham. Sebab itu saya kata penyelarasan kena jumpa dengan Ahli Parlimen Gombak. Dia yang boleh buat penyelarasan di peringkat negeri, mana kawasan PBT, mana kawasan kampung. Itu maksud saya. Dia yang tidak tahu bidang kuasa ini. Ini masalahnya. Baik, tidak apa. Saya cakap fasal KEMAS. Saya harap KEMAS ini hendaklah dibagi satu suntikan yang baru.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya cadangkan Yang Berhormat Tanjong Karang menjadi guru KEMASlah, layak itu sahaja. Tidak payah jadi Ahli Parlimen, guru

KEMAS cukuplah. Kurang guru KEMAS ini. Guru KEMAS sudah kurang Yang Berhormat. Mohonlah, mohon.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sudah habis? Dah habis dah? Eh, Yang Berhormat Sepang, saya guru KEMAS pun tidak apa. Walaupun standard saya guru KEMAS, Yang Berhormat sudah dua kali kalah dengan saya, jangan lupa. Kalah di pilihan raya sekali...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Lagi, lagi ini. Mabuklah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kalah dalam pilihan raya sekali. Dengar dulu. Apa mabuk? Ini kenyataan. Ini masalah...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya sudah kata, saya menang di sana sebab Yang Berhormat Tanjong Karang taja dua calon. Ketua Pemuda UMNO, tukar AJK bahagian. Kamu juga yang taja hendak bagi saya menang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, dah habis. Okey, duduklah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Zin pula pergi taja Hermantino lawan dengan Tanjong Karang. Saya sudah cakap banyak kali.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduklah. Ini yang saya kata...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi, KEMAS, KEMAS, KEMAS.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Kapar, duduk. Ini yang saya kata nama sahaja peguam *half-half good lawyer* sebab apa. Masa bila Yang Berhormat lawan saya? Yang Berhormat lawan saya tahun 2008 di Tanjong Karang. Apa kena-mengena sekarang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Tanjong Karang taja dua orang calon di Sepang, lagi tidak faham. Ini peguam apa saya tidak tahulah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Tanjong Karang cukuplah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Tanjong Karang saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat lain pun dan celik mata, tidak mengantuk. Saya sengaja biarkan. Semua orang sudah jaga, cukuplah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Sepang ini, dia jangan hendak melawan. Okey, dalam *proceed* dia kalah. Lawan saya di mahkamah, dia jadi *lawyer* zaman saya, dia pun kalah. Dia pun kalah, Ini semua fitnah. Kita mahu fitnah dia.. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kes mahkamah biasalah menang kalah, apa masalahnya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Sepang ini bukan *standard* sayalah. Terima kasih banyak, duduklah Yang Berhormat Sepang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

8.37 mlm.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bahaskan 090000 - MARA. Saya bersama dengan Yang Berhormat Ketereh dalam hal ini apabila melihat bahawa harus ada kekuatan oleh kementerian untuk melihat bagaimana menghantar anak-anak Melayu dan bumiputera khususnya untuk mengikuti program-program profesional, bukan sahaja dalam negara tetapi juga di luar negara.

Saya lihat satu masa dahulu pada tahun 90-an khususnya, ramai anak-anak Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak ini dihantar ke luar negara untuk mengikuti kursus program profesional kursusnya yang amat jauh ketinggalan dalam pasaran termasuklah kursus saya kira juruterbang ataupun *pilot*. Saya kira MARA harus mengambil langkah berani, waktu inilah walaupun ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa ada sesetengah bidang itu telah pun 'gelan'. Contohnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengatakan bahawa kita mempunyai terlalu banyak *doctors*, ataupun *dentist* ataupun *pharmacist*.

Jadi kita kena *stream line* balik supaya graduan-graduan dalam bidang-bidang ini mungkin diperlihatkan semula agar jumlahnya tidak begitu ramai kerana ini akan memberikan masalah di masa hadapan. Saya kira MARA harus berani *train* anak-anak kita dalam bidang-bidang ini, malah saya menggesa supaya kita boleh juga mengeksport anak-anak kita ini ke luar negara. Contohnya baru-baru ini saya jumpa ramai *pilot-pilot* Malaysia khususnya anak-anak Melayu dan dari Sabah dan Sarawak yang menjadi *pilot* di Timur Tengah. Maknanya mereka dapat latihan di dalam negara dengan bantuan MARA, tetapi mereka juga bekerja di persada antarabangsa. Ini saya rasa memberikan kekuatan kepada kita sementara kita berkhidmat untuk negara kita membawakan satu imej yang baik tetapi kita juga memasuki pasaran antarabangsa.

Jadi saya kira saya amat bersetuju dengan Pengerusi MARA Yang Berhormat Ketereh yang harus melihat ini sebagai satu wadah baru yang akan membantu anak-anak Melayu dan bumiputera *insya-Allah*. Soalan yang kedua ialah tentang Institut Kemajuan Desa ataupun INFRA. Saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri, apakah kurikulumnya, ke manakah institut ini ke hadapan.

■2040

Apakah yang akhirnya diharapkan daripada INFRA ini sebab saya tengok di kawasan, saya tidak tahu kawasan lain tetapi di kawasan utara tidak ada gagasan yang jelas ke manakah Institut Kemajuan Desa ini. Adakah ini untuk mengajar siapa. Ini saya perlukan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya Tuan Pengerusi ialah tentang Institut Kemahiran MARA dan Program GIATMARA. Sudah pasti kita lihat banyak program GIATMARA ini diadakan di kawasan-kawasan

tetapi pokok pangkalnya Tuan Pengerusi ialah setelah anak-anak ini dididik saya melihat ramai yang tidak menjadi usahawan. Maknanya kalau dia mahir dalam bidang motor mekanik tetapi dia setakat jadi formen sahaja. Jadi, saya rasa harus ada satu usaha untuk bukan sahaja menyiapkan diri mereka untuk menjadi mekanik yang baik, motor mekanik atau pun mekanik kereta tetapi harus ada program untuk menggalakkan mereka menjadi usahawan.

Begitu juga dengan Institut Kemahiran MARA. Bukan sahaja mereka menjadi sama ada mereka yang mahir dalam buat rumah dan sebagainya tetapi juga harus mengajar mereka untuk menjadi usahawan atau pun seterusnya menjadi *developer* kalau boleh. Jadi saya kira program ini bukan sahaja program terhenti kepada teknik-teknik untuk melaksanakan kerja-kerja yang dianggap begitu ikhtisas tetapi juga ilmu untuk menyediakan diri mereka untuk menjadi usahawan dan akhirnya sama-sama membangunkan negara ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah tentang *one-off* 102500 iaitu Dana Khas Pendidikan MARA yang diperuntukkan RM200 juta. Ke mana kah duit ini dan apakah wang *one off* maksudnya di sini dan siapakah yang akan mendapat manfaat daripada ini dan perincian itu diperlukan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kota Samarahan.

8.42 mlm.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi peluang untuk saya berbahas di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya ingin merujuk kepada P.22 02000 iaitu KEMAS yang merujuk kepada Butiran 00400 – Pendidikan Prasekolah. Seperti Yang Berhormat kawasan lain yang telah memperkatakan tentang Pendidikan Prasekolah ini, saya juga dari Kota Samarahan ingin hendak melahirkan suara daripada masyarakat Samarahan untuk memohon pertimbangan daripada pihak kementerian.

Sebenarnya kita sebenarnya amat berterima kasih kepada KEMAS khasnya yang telah pun berusaha dan juga telah berjaya menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam membangunkan masyarakat luar bandar khasnya membuat gerakan-gerakan untuk membangun masyarakat dalam pelbagai bidang di luar bandar dan begitu juga dalam pendidikan pra sekolah. Saya sebenarnya amat memuji dan berbangga dengan warga KEMAS di Kota Samarahan yang penuh kreatif, penuh inovatif dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam serba kekurangan.

Tuan Pengerusi, oleh itu saya ingin hendak menarik perhatian kementerian untuk mempertimbangkan tentang prasarana kelengkapan tadika-tadika dan taska di Kota Samarahan. Seperti kawasan lain tadika-tadika dan taska di kawasan kita juga dalam keadaan uzur, keadaan yang daif dan separuhnya masih lagi menumpang. Saya dimaklumkan oleh Pengurusan KEMAS Daerah bahawa perancangan untuk menaik taraf pembangunan tadika dan juga taska ini telah lama dibuat dan masalahnya begitu juga isu-isu dan masalah berkaitan dengan pembangunan ini

telah pun diselesaikan di peringkat bawah seperti penyediaan tapak dan sebagainya. Hanya menunggu peruntukan sahaja.

Jadi, antara tadika-tadika yang saya rasa perlu diambil perhatian segera seperti Tadika Kampung Tanjung Parang, Tadika Mior Laut, Tadika Serpah Laut, Tadika Serpah Ulu, Tadika Nai Baru yang mana bukan sahaja daif tetapi berstatus menumpang. Jadi, kita amat mengharapkanlah agar peruntukan untuk tahun 2015 ini dapat memberi sedikit ruang untuk kemudahan menaik taraf infrastruktur tadika di kawasan Kota Samarahan.

Seterusnya KEMAS juga Butiran 020600 – Kurikulum dan Naziran. Yang ini berkaitan dengan penaiktarafan pusat sumber pusat sumber yang berada di kampung-kampung di kawasan saya. Begitu juga dalam keadaan daif, dalam keadaan yang uzur dan tidak memberi jaminan untuk keselesaan pengguna-pengguna di kawasan berkenaan. Kita lihat KEMAS telah melaksanakan tugas untuk meningkatkan daya cecik IT di peringkat kampung. Namun begitu, kemudahan kelengkapan seperti komputer semuanya *out dated* yang telah dibeli zaman tahun 2000 lagi. Rasa saya tidak bersesuaian lagi untuk digunakan pada masa ini.

Saya amat berharaplah pihak kementerian dapat melihat, meninjau dan menyiasat perkara ini supaya penambahbaikan infrastruktur seperti ini dapat ditingkatkan di kawasan luar bandar. Seterusnya melalui Butiran 02033 di bawah Pembangunan Desa. Di sini saya mencadangkan, ingin mencadangkan seperti Yang Berhormat Tanjong Karang tadi yang mana salah satu program KEMAS ialah pembangunan desa iaitu mengaktifkan pembangunan ekonomi-ekonomi desa yang bagi saya amat efektif sekali, amat berjaya sekali khasnya seperti kelas latihan keusahawanan, pendidikan kemahiran, kelas jahitan, kraf tangan, tenunan, cara berniaga dan sebagainya yang telah banyak memberi manfaat dan mendatangkan ekonomi kedua dalam keluarga-keluarga orang yang kurang berpendapatan di luar bandar.

Jadi, saya amat berharap agar KEMAS diberi peruntukan lebih. Sebelum ini, saya rasa tahun lepas tidak ada peruntukan untuk tujuan-tujuan ini walaupun KEMAS atas inisiatif, kreativiti masih melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini di peringkat kampung. Jadi, saya amat berharaplah tahun ini kementerian dapat melihat, memberi perhatian untuk memberi sedikit peruntukan untuk memastikan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat Kota Samarahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sibuti tidak apa, Yang Berhormat Sibuti nanti ada peluang bahas ya.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Okey.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Memperkemaskan lagi operasi dan juga tanggungjawab KEMAS dalam mendidik dan juga memberi pembangunan masyarakat luar bandar. Seterusnya Butiran 0600 – Pembangunan Latihan KEMAS. Di sini saya ingin hendak menyuarakan suara masyarakat di kawasan saya. Sebenarnya isu lama dah, berkaitan dengan Pusat Latihan KEMAS.

Pusat Latihan KEMAS ini sebenarnya telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Sekarang sudah Rancangan Malaysia Kespuluh tetapi sampai sekarang belum dilaksanakan. Kita dimaklumkan bahawa pengambilan tanah, pembersihan tanah telah dilaksanakan. Namun, belum ada tanda-tanda untuk melaksanakan Pusat Latihan KEMAS ini. Kita merasakan Pusat Latihan KEMAS ini amat penting sekali di kawasan. Bukan sahaja di kawasan saya malah di Batang Sadong, di Serian, di Kuching yang boleh mengambil kesempatan dengan pewujudan pusat latihan ini khasnya untuk pembangunan latihan-latihan, kampung-kampung yang berdekatan di kawasan kita. Oleh itu, saya amat berharap pihak kementerian dapat menjelaskan status pelaksanaan Pusat Latihan KEMAS Kota Samarahan.

Akhir sekali, Butiran 02300 – Jalan Luar Bandar. Kita sebenarnya mengucapkan ribuan terima kasih. Kota Samarahan mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian. Memang selama ini kementerian telah banyak melaksanakan penaiktarafan dan juga pembuatan jalan luar bandar di kawasan kita, maksudnya di Kota Samarahan, malah di seluruh Sarawak. Namun begitu disebabkan keluasan kawasan, banyak lagi jalan-jalan yang perlu dilaksanakan perlu dinaik taraf, perlu dibuat bukan sahaja memudahkan perhubungan di antara satu kampung dengan satu kampung, perhubungan di dalam kampung, malah juga boleh meningkatkan ekonomi yang mana jalan ini boleh dijadikan sebagai pengangkutan keluar hasil-hasil pertanian ke pasaran-pasaran bukan sahaja di Samarahan dan juga di luar Samarahan.

Oleh itu, kita juga mengharapkan kementerian dapat memberi peruntukan lagi untuk tahun depan untuk menaik taraf dan membina jalan-jalan luar bandar khasnya seperti Jalan Kampung Asal Jaya Laut, Kampung Sampir, Kampung Nik, Kampung Empilai, Kampung Layu dan banyak lagi yang kita telah *request* sebenarnya, yang kita telah mohon tetapi belum mendapat pertimbangan lagi daripada pihak kementerian.

■2050

Jadi, itu sahaja, Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

8.50 mlm.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja tentang Butiran 020000 – KEMAS. Sekarang ini kita lihat ada tadika untuk prasekolah di sekolah-sekolah. Di tempat saya, bilangan pelajar di KEMAS dan juga di PASTI juga berkurangan kerana ramai pelajar dari kampung ini lebih menumpukan belajar di prasekolah. Jadi ini satu keadaan yang mungkin berlaku di tempat-tempat lain juga. Bermakna, di sana itu ada banyak peluang untuk dihantar anak-anak kecil untuk pergi ke tadika sama ada di prasekolah, KEMAS, PASTI atau di tadika-tadika swasta.

Jadi oleh sebab itu, saya tidak tahulah sama ada KEMAS ini akan memperkemaskan lagi pembangunannya untuk tadika-tadika ini atau sepatutnya penumpuan diberikan kepada program-program kebajikan masyarakat yang lain khususnya untuk memberikan kesedaran kepada

semua peringkat termasuk yang tua atau yang dewasa di kampung-kampung yang mana mereka ini perlu juga latihan dan tumpuan ini patut diberikan lebih kepada mereka.

Kemudian kita lihat juga bahawa bantuan yang diberikan kepada KEMAS ini banyak sebenarnya, per kapitanya diberikan dan juga bantuan makanan. Jadi saya hendak tahu, sebanyak RM100 juta disediakan untuk makanan, adakah makanan ini mempunyai menu yang khusus yang sesuai untuk anak-anak ini atau mengikut kehendak guru-guru di situ sahaja? Jadi ini satu yang saya ingin tahu sama ada menu yang berkhasiat yang dinasihatkan oleh doktor sendiri diberikan kepada pelajar-pelajar ini atau dibiarkan kepada guru-guru yang mana kita tahu kalau dibiarkan sedemikian, maka anak-anak kita mungkin tidak akan mendapat makanan yang sesuai untuk mereka, untuk tumbesaran mereka, untuk otak mereka dan juga fizikal mereka.

Kedua ialah Butiran 090000 – MARA. Di Pasir Puteh tidak ada lagi MRSM. Walau bagaimanapun, MARA ini telah berjaya, MRSM ini ialah tempat yang dituju, menjadi tumpuan pelajar-pelajar kita yang cemerlang. Adik-beradik saya dua orang pergi ke MARA dan *alhamdulillah*, berjaya semuanya. Tempat yang menjadi kegemaran untuk pelajar-pelajar kita yang cemerlang. Jadi kita harap, *insya-Allah*, MRSM akan terus melahirkan anak-anak Melayu atau bumiputera yang cemerlang dalam kerjaya mereka di masa depan, *insya-Allah*. Permohonan saya kalau boleh adakan satu lagi MRSM di Pasir Puteh.

Kemudian tentang JKK, belanjawan JKK dalam Butiran 100000 – Program Khusus iaitu untuk JKK yang banyak mendapat peruntukan. Saya ingin tahu bilangan JKK yang ada di Kelantan dan berapa banyakkah peruntukan yang disediakan untuk mereka? Ini kerana rata-rata mereka merasakan bahawa peruntukan ini tidak mencukupi dan gajinya cukup rendah dan masa depan mereka pun tidak begitu terjamin dengan peruntukan yang disediakan.

Akhir sekali, saya lihat dalam buku ini dalam Butiran 100100 – Emolumen Kakitangan Kontrak itu begitu banyak, sebanyak RM679 juta. Jadi selalunya kita tidak berapa minat kepada kakitangan-kakitangan kontrak ini kerana mungkin disebabkan oleh kontrak inilah, maka mereka ini buat kerja sambil lewa atau menanti untuk bekerja di tempat lain. Jadi saya hendak tahu, apakah pekerja-pekerja kontrak yang begitu banyak ini sehingga RM679 juta ini dan adakah mereka ini dalam menunggu giliran untuk ditetapkan dalam pekerjaan mereka? Nikah petugas-petugas kita di KEMAS misalnya yang mana mereka ini dalam kontrak, maka mereka tidak bersemangat sangat untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk mentarbiahkan anak-anak kita dan keadaan tempat kerja mereka pun tidak begitu baik, maka disebabkan keadaan mereka dalam bentuk kontrak inilah menyebabkan kualiti kerja mereka tidak begitu baik.

Jadi itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Yang Berhormat Pasir Puteh ini anaknya doktor gigi di kawasan saya. Ya, Yang Berhormat Gerik. Ramai lagikah? Yang Berhormat Gerik, sekejap. Saya hendak tengok ramai lagikah. Sepuluh orang. Lima minit boleh? Okey, sila Yang Berhormat Gerik.

8.55 mlm.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga turut bersama hendak membahaskan dalam Jawatankuasa tentang Kementerian ini.

Pertamanya RISDA...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Menteri jawab esok ya.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Satu ketika, RISDA di tempat saya telah meminta penduduk-penduduk kampung menukar tanaman getah kepada kelapa sawit sehinggalah pada tahun ini, sudah 15 tahun tidak silap saya. Jadi, mereka berjumpa balik pekebun untuk disambung kontrak. Penduduk-penduduk tidak bersetuju kerana ditunjukkan setiap peserta yang terlibat dengan RISDA tadi berhutang mengikut keluasan tanah. Maka, saya beritahu kepada pekebun-pekebun, tidak payah *sign*. Cuma, saya hendak minta supaya dibuat satu dasar kepada kementerian supaya dilupuskan hutang tersebut kerana sebenarnya bukan peserta yang salah tetapi ialah pengurusan RISDA yang salah menipu pekebun-pekebun ketika itu mungkin melihat penukaran daripada getah ke kelapa sawit adalah yang – kita tidak memahami perkara tersebut. Maka saya berharap satu dasar dan saya selaku Ahli Parlimen akan menulis surat kepada pihak RISDA supaya perkara ini dapat kita bantu penduduk-penduduk.

Dalam masa yang sama, saya minta kementerian melihat juga RISDA sebagai waktu harga getah yang turun ini, melihat perkara-perkara lain yang boleh membantu pekebun-pekebun kecil di kawasan. Mungkin kita melihat perkara-perkara yang – sebelum ini pun saya rasa RISDA pernah buat bantuan-bantuan selain daripada *one-off*, diberi juga pilihan untuk buat industri-industri kecil yang lain. Maka saya harap perkara ini dapat difikirkan supaya boleh diberi pulangan yang terbaik mengikut RISDA dalam Butiran 060100.

Begitu juga saya hendak beralih kepada Butiran 01707 – Pemasangan Baru Lampu Jalan Kampung. Dalam bajet kali ini RM30 juta, saya berharap supaya lampu-lampu ini dapat – peruntukan memasang lampu luar bandar ini dapat diperturunkan dengan seadilnya di kampung di peringkat bawah.

Dalam masa yang sama, pihak TNB yang melaksana mesti merujuk dengan pejabat daerah dan juga ketua kampung. Janganlah pihak TNB yang diamanahkan ikut suka dia sahaja hendak pasang di mana dia suka. Ini mendapat *complaint* yang banyak daripada kampung. Sepatutnya kita pasang di tempat laluan ramai tetapi mereka memilih tempat yang mereka lebih senang untuk memasang lampu tersebut. Diharapkan pihak kementerian membuat pemantauan bersama kerajaan negeri, bersama pejabat daerah dan juga ketua-ketua kampung supaya pemasangan lampu luar bandar tadi memberi manfaat kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Dalam masa yang sama, kalau ada kerosakan lampu-lampu, contohnya *bulb* dah terbakar, wayar dah putus kerana tidak diselenggarakan dalam masa yang panjang, supaya penyelenggaraan tadi juga mungkin dalam peruntukan ini boleh dibaiki kepada setiap tiang-tiang yang telah alami kerosakan.

Dalam masa yang sama, saya hendak bercakap juga soal Butiran 01000 – Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang diperuntukkan RM305 juta.

■2100

Pertama, yang saya melihat ialah soal pendidikan. Apa yang kita lihat laporan daripada Jabatan Pelajaran terutama tempat saya dalam Parlimen Gerik. Saya mempunyai penduduk Orang Asli yang dikirakan yang paling rendah tarafnya antara suku-suku yang ada dalam Malaysia. Antaranya suku Temiar, suku Jahai, suku Kintak, suku Lanoh. Jadi, pencapaian keputusan daerah terjejas kerana ketidakhadiran ataupun keciciran di kalangan anak Orang Asli. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya JAKOA melihat balik perkara tersebut.

Mungkin kerana kedudukan penduduk orang kampung Orang Asli ini di pedalaman kita kena fikir menyediakan kenderaan untuk mengangkut anak-anak pergi ke sekolah. Dengan bajet yang ada ini kerana saya percaya sekolah sudah disediakan oleh kerajaan tetapi soal sikap tidak mahu datang ke sekolah ini kita perlu cari jalan satu kaedah. Supaya ada pengangkutan sebab di dalam hutan kita tidak boleh bagi bas, kita mungkin kena sediakan *Hilux* ataupun *land rover*.

Jadi tiba masanya pihak JAKOA kena melihat perkara tersebut walaupun saya faham JAKOA di Gerik buat perkara-perkara tersebut tetapi saya berharap supaya tidak ada alasan pihak pelajaran mengatakan keputusan kecemerlangan pelajar kerana disebabkan Orang Asli ramai yang tidak datang ke sekolah. Dalam masa yang sama disebabkan oleh kawasan kampung Orang Asli dalam Parlimen saya agak pendalaman. Saya amat berharap supaya dengan peruntukan yang ada ini kementerian sama ada menambah melalui kepala-kepala lain supaya dapat membuat jalan menghubungkan antara kampung-kampung.

Saya ada tiga kampung Orang Asli yang paling besar RPS Kemar ada 15 kampung, RPS Banun ada 14 kampung dan satu lagi kampung dalam DUN Pengkalan Hulu itu dia ada dua kampung. Kalau boleh pihak kementerian, saya sudah minta banyak kali, pernah menulis surat pada Yang Berhormat Menteri tetapi surat boleh tulis jawapannya tidak ada. Jadi, saya berharap supaya perkara-perkara ini dapat kita pertimbangkan kerana hari ini di kawasan Orang Asli bukan satu kawasan yang selamat. Ini kerana ada anasir-anasir yang cuba memecahbelahkan perpaduan Orang Asli melalui jaringan, cuba memperhangatkan Orang Asli supaya minta hak milik tanah daripada kerajaan negeri.

Saya berpandangan supaya perkara-perkara ini kita bagi tumpuan supaya mereka tidak terasa diri mereka ketinggalan daripada masyarakat lain dalam negara kita. Air bersih saya pernah sebut tetapi setakat ini nampaknya Orang Asli masih tidak mendapat air yang dirawat walaupun Yang Berhormat Menteri dalam penggal sidang sudah pernah menjawab tentang air bersih. Akan tetapi saya berharap supaya perkara tersebut dicari satu penyelesaian yang terbaik supaya Orang Asli juga mendapat bekalan air bersih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said] Ya, Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Akhir sekali ialah tentang KEMAS. Sama juga, saya berpandangan dengan adanya bajet yang ada ini di Parlimen Gerik saya tidak – supaya merasakan kelas Tadika KEMAS penyumbang kepada orang-orang kampung peringkat awal untuk pembelajaran peringkat tadika. Jadi, kalau mana-mana yang sudah mula nampak tidak

baik bangunan tersebut, dilihat uzur, bolehlah kita baiki, kita perelokkan. Saya yakin setiap orang mempunyai harapan bahawa KEMAS antara salah satu tadika yang menyumbang kepada pembelajaran anak-anak sebelum masuk ke sekolah rendah. Akan tetapi pihak kementerian ataupun pihak KEMAS sendiri kena duduk dengan Kementerian Pendidikan kerana juga di tempat saya juga dimaklumkan bahawa dari segi LINUS,

Maksudnya kalau kita hantar anak-anak di Tadika KEMAS difahamkan anak-anak ini menjejaskan pembelajaran di Tahun 1, Tahun 2, Tahun 3. Soal mereka mungkin boleh menguasai perkara lain tetapi tidak menguasai LINUS iaitu membaca, menulis dan mengira, begitu juga difahamkan PASTI juga antara penyumbang kepada – betul dari segi rohani dia baik tetapi bila masuk ke alam persekolahan mereka terpaksa guru di Tahun1, Tahun 2, Tahun 3 mengajar semula untuk menguasai LINUS tadi. Jadi, dengan ini Yang Berhormat Gerik menyokong dalam Jawatankuasa. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kapar.

9.05 mlm.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas B.22 dan P.22. Saya ingin membawa perhatian Tuan Pengerusi tentang Butiran 100900 – Program Mini RTC. Tahun ini RM2.6 juta telah diperuntukkan untuk Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC). Persoalan saya ialah kadar penggunaan dan keberkesanan RTC setakat ini dan juga ingin mendapat penjelasan di berapa negeri kah RTC ini diadakan? Saya juga ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi tentang dana yang telah berkurangan tepat-tepat sebanyak RM1 juta iaitu tahun lepas RM3.655 juta kepada RM2.655 juta tahun ini. Mengapakah pengurangan sebanyak RM1 juta ini telah berlaku?

Saya juga ingin masuk kepada Butiran 100400, ia berkenaan dengan penajaan pelajar cemerlang iaitu sebanyak RM22.888 juta sama seperti tahun 2014. Berapa ramai pelajar kah yang ditaja melalui program ini? Adakah sebarang prasyarat yang telah diletakkan untuk pelajar-pelajar ini sebelum mereka ditaja? Mereka ini ditaja ke mana? Itu persoalan dia.

Butiran terakhir saya ialah 100300 iaitu Peningkatan Taraf Hidup Orang Asli. Sebanyak RM46.433 juta telah diperuntukkan. Apakah pelan dan perancangan yang akan dijalankan di bawah butiran ini? Apakah sasaran kementerian melalui peruntukan RM46.333 juta ini, apakah sasaran mereka? Apakah ini akan meningkatkan taraf hidup Orang Asli? Dari sudut apakah yang sedang dirangka oleh kementerian untuk betul-betul ada peningkatan taraf hidup Orang Asli pada masa yang akan datang. Terima kasih Tuan Pengerusi, salam reformasi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya seorang sahaja wanita sekarang. Yang Berhormat Parit Sulong.

9.08 mlm.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus hendak menyentuh Butiran 090000 iaitu berkaitan dengan MARA, dibuat bersekali dengan Butiran 00602 – MRSM dan Butiran 00611 – Program GIATMARA. Jadinya, tiga tajuk saya rangkumkan jadi satu. MRSM Batu Pahat ini dia terletak dekat Parlimen Parit Sulong iaitu Parlimen saya dan setakat ini pembangunan saya tengok dekat kawasan MRSM ini dia meliputi 40 ekar. Sedangkan yang selebih itu masih lagi kosong dan masih lagi boleh dibangunkan. Dalam waktu yang sama di tempat saya juga ada GIATMARA tetapi di GIATMARA ini kedudukannya adalah tersorok dan tidak dapat dilihat dengan nyata dari jalan besar. Jadinya saya bertanya kepada pihak MARA sama ada, ada perancangan untuk menjadikan *area* di kawasan MRSM itu yang begitu luas sekali. Untuk dijadikan satu tempat yang boleh dinamakan sebagai pusat pendidikan dan juga keusahawanan untuk MARA.

Di mana mungkin adakah kementerian juga ada cadangan untuk memindahkan GIATMARA Parit Sulong yang tadi saya katakan dia punya kedudukannya memang sangat tidak nampak langsung. Tidak nampak pun yang itu ada GIATMARA. Jadinya adakah perancangan untuk memindahkan GIATMARA Parit Sulong ini bersebelahan di tanah di kawasan lapang di kawasan MRSM itu sendiri yang berdekatan dengan MRSM. Seterusnya adakah MARA juga bercadang untuk menambah gerai-gerai di hadapan MRSM? Saya tengok ada beberapa gerai yang telah dibuat oleh MARA. Jadi, adakah MARA juga dalam waktu yang sama selain daripada mengatur semula semua program bawah MARA ini, ada juga cadangan untuk memajukan lagi kawasan tersebut sebagai satu kawasan yang boleh dimajukan untuk dijadikan sebagai satu tempat di mana boleh adanya peningkatan ekonomi di kalangan masyarakat setempat.

■2110

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya juga nak bertanya kepada pihak kementerian, pada saya, kekuatan MARA ini adalah MRSM iaitu fokusnya kepada pendidikan dan modul di MRSM ini memang dikejar-kejar dan dinanti-nanti oleh semua orang malah ramai orang memohon untuk masuk ke dalam MRSM. Walau bagaimanapun, disebabkan kedudukan ataupun limitasi daripada segi *entry* itu maka tidak ramai yang masuk.

Jadinya soalan saya kepada pihak kementerian adalah, adakah kementerian bercadang untuk mungkin membuat satu cara lain dalam usaha untuk mengembangkan modul-modul MRSM ini dengan meng*offer* ataupun memberi peluang kepada yang lain secara *private* ataupun melalui bayaran dan buka mereka kepada sesiapa masyarakat di luar sana yang nak masuk dan menghantar anak-anak mereka melalui satu sekolah yang sama modul dia seperti MARA tetapi dibuat secara *private* tapi di *rganize*, diatur dan dijalankan oleh MARA itu sendiri. Adakah kementerian bercadang untuk membuka dan melebar luaskan lagi modul-modul MRSM ini melalui satu *private college* yang mungkin boleh diurustadbirkan oleh MARA itu sendiri tetapi mengenakan bayaran.

Bermaksud sekiranya orang ada yang mempunyai keupayaan, yang hendak mendapatkan modul seperti MRSM, mereka boleh untuk pergi dan mendapatkannya melalui

private college yang dioffer oleh MARA ini. Jadi, itu sahaja soalan-soalan saya kepada pihak kementerian. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sibuti.

9.12 mlm.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin nak membahaskan B.22 dan P.22 – Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Butiran 02000, 02300 – Bekalan Air Luar Bandar, Jalan-jalan Kampung. Di kawasan saya, Sibuti saya ingin nak mengatakan bahawa banyak sudah dibantu oleh Kementerian Luar Bandar pasal bekalan air luar bandar tetapi ada juga bahagian-bahagian seperti Kampung Batu Lapan, Lambir, Kampung Opak Bekenu, Kampung Muhibah Ladang Tiga memerlukan bantuan untuk memasang paip air bersih.

Untuk jalan-jalan kampung, kampung-kampung seperti kampung-kampung di beberapa kawasan di Sibuti dan juga di rumah-rumah panjang perlu dinaiktarafkan. Juga Butiran 01707 – Lampu-lampu Jalan. Kebanyakan kampung di kawasan Sibuti walaupun ada satu dua tiang lampu di kampung, kita memerlukan keseluruhan kampung itu mesti ada lampu jalan bagi memudahkan anak-anak kampung balik sekolah ataupun balik mengaji. Terang di jalan raya, tidak mereka di dalam ketakutan.

Butiran 020000 – KEMAS. Saya menyokong penuh saranan Yang Berhormat Paya Besar dan juga Yang Berhormat Kota Samarahan dan juga Yang Berhormat yang sudah bercakap tadi pasal KEMAS patut *scale* gaji mereka juga dinaikkan supaya mereka dapat memberi khidmat yang baik sebab merekalah kebanyakan insan-insan anak-anak cucu kita itu sudah menjadi bijak pandai. Saya mengharap juga peruntukan untuk mereka menjalankan tugas ke luar bandar kerana kawasan kita luar bandar diberikan peruntukan yang cukup untuk mereka menjalankan tugas di luar bandar.

Saya sentuh juga 00611 – GIATMARA. GIATMARA di kawasan saya baru menjalankan kursus mekanik motor dan juga sedikit elektrik dan mereka hendak menambahkan lagi bidang yang mereka hendak ajar di GIATMARA dan kita mohon peruntukan untuk mereka mengubahsuai bangunan-bangunan lama untuk menjadi kelas-kelas untuk menjalankan pastri dan yang lain-lain ataupun jahitan dan sebagainya.

Inilah keperluan-keperluan yang kita hendakkan bahawa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan kita di luar bandar. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Langkawi.

9.16 mlm

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi ruang kepada saya untuk berbahas di peringkat jawatankuasa tentang Kementerian Luar Bandar.

02300 – Jalan Luar Bandar. Sebanyak RM943,979,900 telah diperuntukkan untuk jalan luar bandar bagi tahun hadapan. Saya memohon kepada menteri yang berkenaan agar dapat memberi perhatian kepada keperluan di kawasan saya iaitu Pulau Langkawi kerana lebih 10 tahun jalan-jalan luar bandar tidak lagi diperbaiki dan kebanyakan jalan-jalan di dalam kawasan saya telah pun rosak dengan teruknya menyebabkan berlaku *accident* dan sebagainya dan ditambah pula jalan-jalan di Pulau Langkawi merupakan jalan yang selalu dilalui oleh pelancong-pelancong terutamanya pelancong dari luar negara seperti pelancong Arab yang suka melihat kepada keindahan alam dan juga pelancong-pelancong dari Eropah.

Jadi ini sudah tentu akan memberi gambaran yang tidak baik kepada pelancong-pelancong luar negara apabila melihat keadaan jalan luar bandar yang tidak begitu baik di kawasan saya. Jadi saya memohon agar menteri dapat memberi alokasi sedikit lebih kurang dalam RM5 juta untuk kita perbaiki keadaan ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan 02000 – Bekalan Air Luar Bandar, saya membawa pesanan daripada penduduk di kawasan saya yang mana ada satu projek RM3 juta untuk memberi bekalan air di kawasan bukit di Kampung Penarak, Kuah telah ditarik dan diberi kepada Pendang pada tahun yang lalu sebanyak RM3 juta. Oleh itu saya memohon supaya dalam bajet yang mempunyai RM354 juta kali ini dapat diberi kembali kepada kawasan ini kerana penduduk-penduduk di kawasan ini sangat bimbang menggunakan air dari sungai memandangkan wabak kencing tikus banyak berlaku di akhir-akhir ini di seluruh negara.

Jadi ini sudah tentu membahayakan kesihatan penduduk dan mereka berpesan kepada saya untuk menyatakan hasrat ini di dalam Parlimen. Saya juga ingin menyentuh 00400 iaitu Pendidikan Prasekolah. RM3,395,000 yang diperuntukkan pada tahun hadapan. Bagi saya, sekolah KEMAS ini amatlah baik kerana kita mendidik anak-anak kita di peringkat awal iaitu lima dan enam tahun tetapi saya memohon agar kementerian dapat memberi penekanan kepada anak-anak ini kerana daripada segi modul pembelajarannya supaya memberi penekanan kepada keagamaan dan juga kepada peningkatan penguasaan bahasa Inggeris.

Kelas KEMAS ini terutamanya di kampung-kampung dan di luar bandar sudah tentu bahasa Inggeris itu tidak menjadi keutamaan sedangkan sekiranya kita beri penekanan kepada anak-anak di peringkat umur yang baru ini, mereka akan lebih tertarik dan juga mempunyai *confident level* yang lebih tinggi untuk mereka menguasai bahasa Inggeris di masa hadapan dan sudah tentu akan dapat memberi kebaikan kepada mereka apabila mereka besar kelak. Jadi setakat itu dahulu, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang.

9.29 mlm.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Kepala 010800 berkenaan dengan Pengupayaan Ekonomi iaitu berjumlah RM2.3 juta.

■2120

Berkenaan dengan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED). Saya ingin mengetahui berapakah jumlah mereka yang telah mendapat Skim Pembiayaan Ekonomi Desa ini, berapakah tempoh masa untuk kelulusan untuk mendapatkan permohonan bagi SPED ini dan berapa orangkah mereka yang telah berjaya mendapat peruntukan ini. Saya minta jasa baik daripada pihak kementerian untuk memperbaiki berkenaan dengan syarat untuk mendapatkan permohonan ini iaitu premis yang berasingan ataupun premis yang tidak berasingan untuk menjalankan perniagaan ini, kita harap dapat diberikan lebih daripada jumlah. Kalau sebelum ini premis yang berada di kawasan rumah hanya boleh mendapat pinjaman sebanyak RM30,000, tetapi kita minta supaya ia ditambah kepada RM50,000 hingga RM100,000.

Kemudian untuk Kepala 020000 iaitu KEMAS. Saya ingin bertanya kepada pihak KEMAS ini, berapa lamakah proses untuk dikaji semula silibus berkaitan dengan KEMAS? Oleh kerana kita tahu silibus KEMAS ini jarang ditukar, jadi kita hendak tahu berapa lama proses untuk *direvise* dengan izin, ataupun dikaji semula silibus daripada Tabika KEMAS. Minta jasa baik pihak kementerian juga untuk menyemak kualiti makanan daripada Tabika KEMAS ini kerana kita tahu adik-adik kita yang belajar di Tabika KEMAS ini, mereka dimaklumkan kualiti makanan itu kadang-kadang makan nasi lemak seminggu, kemudian ada yang makan mihun sahaja seminggu. Jadi kita hendak tahu, bagaimana kualiti makanan itu diberikan kepada pelajar-pelajar ini.

Kemudian bagi Kepala 00611 iaitu GIATMARA, ada peruntukan sebanyak RM35 juta. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian melalui GIATMARA ini atas peruntukan untuk membaik pulih beberapa buah rumah. Cuma ada beberapa buah rumah yang telah dibaikpulih ini telah memaklumkan kepada saya ada berlaku ketidakpuasan hati dalam kalangan mereka ini yang telah dibaiki rumahnya. Ada beberapa kes juga yang telah dijanjikan untuk dibaiki, tetapi sehingga kini masih belum dapat diselesaikan untuk dibaiki rumah tersebut walaupun telah diberitahu rumah mereka akan dibaiki oleh pelajar-pelajar daripada GIATMARA ini.

Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tebrau.

9.23 mlm.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh Butiran 010700 – Kesejahteraan Rakyat dan Butiran 011100 – Infrastruktur. Tuan Pengerusi, sebenarnya ramai orang saya ingat termasuk pegawai-pegawai daripada KKLW anggap Tebrau sebagai satu kawasan yang biasa sahaja. Ini kerana tidak boleh dinafikan kalau datang ke Tebrau, nampak banyak kawasan perumahan, ada kilang, ada perniagaan dan sebagainya. Akan tetapi di samping ini, sebenarnya kaum Tebrau pun ada banyak kampung tradisional, kampung Cina, bahkan ada kampung Orang Asli. Jadi setakat ini, Tebrau seolah-olah langsung tidak wujud dalam rekod dan di dalam buku Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan

Wilayah. Oleh kerana setakat ini, kami tidak pernah dapat sebarang bantuan walaupun mohon dan mohon daripada kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya hendak tegaskan bahawa memang tidak boleh dinafikan bahawa ada kampung-kampung Melayu yang sebenarnya di bawah pentadbiran PBT yang berkenaan, misalnya Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Akan tetapi oleh kerana kampung-kampung yang berkenaan atas sebab-sebab teknikal yang tertentu, setakat ini masih belum lagi diketuk pintu oleh PBT-PBT yang berkenaan. Jadi, PBT anggap bahawa mereka susahlah hendak berikan bantuan, hendak membangunkan kawasan-kawasan yang berkenaan. Kalau Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pun tidak membantu, memang susah kalau mereka hendak bergantung semata-mata kepada Ahli Parlimen, berapa banyak yang kita boleh bantu. Jadi, ini saya minta bahawa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk memberikan simpati dan pertimbangan.

Tuan Pengerusi, seterusnya Butiran 030000 – Jabatan Kemajuan Orang Asli, Butiran 030300 – Pembangunan Sosioekonomi dan Butiran 100300 – Peningkatan Taraf Hidup Orang Asli. Ini yang ramai orang tidak percaya. Di Tebrau, saya ada tiga buah kampung Orang Asli iaitu Kampung Teluk Kabung, Kampung Pasir Salam dan Kampung Pasir Putih. Jadi di antaranya ada misalnya Kampung Teluk Kabung dan Kampung Pasir Salam, sampai ke hari ini belum ada bekalan air paip, belum ada bekalan elektrik. Jadi kawasan seperti ini, kalau bukan luar bandar, kalau bukan dianggap kawasan terpencil, apakah ia? Akan tetapi setakat ini, kami masih belum dapat apa-apa peruntukan.

Jadi Tuan Pengerusi, sebenarnya tujuan saya berhujah pada malam ini, semata-mata untuk menarik perhatian kementerian yang berkenaan. Jadi Tuan Pengerusi, saya gulungkan hujah saya dengan:

*'Kelantan tarian Mak Yong,
Johor tarian zapin,
Hujah yang pendek,
Jangan dianggap tidak penting'.*

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gerik. Berapa orang lagi?

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Yang Berhormat Gerik atau Yang Berhormat Sik?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sik.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: *Last*, saya. Terima kasih, sekejap sahaja, pendek.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau pendek, saya boleh sambung 15 minit. Esok, Yang Berhormat Menteri terus menjawab. Sila.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap sedikit, pendek sahaja dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Saya terus pergi kepada Butiran 02001 iaitu Bekalan Air Luar Bandar bagi Semenanjung, spesifik bagi kawasan saya yang mana bagi Semenanjung, peruntukan sebanyak RM120.38 juta. Saya mohon sebahagian daripada peruntukan ini yang pertama, supaya KKLW memberikan perhatian dan kelulusan dalam bajet ini untuk pelan penstrukturan semula pembangunan air Kedah yang melibatkan kawasan Padang Terap-Sik iaitu sempadan Padang Terap-Sik dan melibatkan kawasan di dalam kawasan Parlimen Sik iaitu kawasan Nami dan kawasan Gulau.

Kedua ialah kawasan perumahan. Ada dua buah kawasan perumahan KEDA, agensi di bawah KKLW yang mengalami masalah yang teruk daripada masalah bekalan air iaitu yang pertama, perumahan KEDA Gulau dalam Dewan Undangan Negeri Belantik dan perumahan KEDA Sungai Semiar dalam Dewan Undangan Negeri Jeneri. Dahulunya bekalan air ini di bawah JKR dan pada masa itu, ketika mula-mula perumahan KEDA dibina tidak ada apa-apa masalah sebab bekalan air di sana mempunyai tekanan air yang cukup.

Selepas JKR diambil alih oleh syarikat SADA iaitu *state* GLC, tetapi disebabkan oleh pembinaan banyak rumah di sekeliling kawasan perumahan KEDA itu yang mana rumah-rumah yang dibina ini di tempat yang lebih tinggi daripada kawasan perumahan KEDA itu, ini menyebabkan tekanan airnya menjadi rendah. Sampai pada satu ketika, tidak ada air langsung yang sampai ke rumah-rumah di perumahan KEDA itu. Saya difahamkan bahawa SADA, *state* GLC ini tidak mempunyai cukup peruntukan untuk membina infrastruktur air ini dan sudah memohon kepada Bahagian Air Luar Bandar daripada KKLW. Saya mohon KKLW segera meluluskan projek ini, permohonan ini disebabkan oleh penduduk di kawasan perumahan KEDA di dua buah tempat ini sudah mengalami masalah ini lebih kurang dua tahun.

Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

9.29 mlm.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menjurus kepada Butiran 080000 – Jalan Kampung. Saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas penambahan peruntukan lampu jalan kepada sepuluh buah lampu setiap kampung. Saya ingin memohon kepada pihak kementerian untuk memastikan kaedah pemasangan lampu jalan ini dapat dilibatkan juga pejabat Ahli Parlimen dan juga Pengerusi JKKK.

■2130

Keduanya, Butiran 01100. Saya mohon agar diwujudkan mini RTC dalam Parlimen Kuala Selangor kerana ianya merupakan satu ikon bagi mewujudkan satu koordinasi bantuan-bantuan KKLW dalam Parlimen Kuala Selangor.

Ketiga, saya menjurus kepada Butiran 090000 – MARA. Saya juga melihat institusi Giat Mara merupakan satu institusi yang sangat penting dalam memastikan belia-belia khususnya dalam Parlimen Kuala Selangor dapat melanjutkan pengajian dalam bidang teknikal dan sehubungan dengan itu, saya amat berharap apakah perancangan pihak KKLW terutama sekali MARA untuk menaik taraf atau mengembangkan pejabat ataupun pusat GIATMARA dalam Parlimen Kuala Selangor.

Yang terakhir, Butiran 020000 – KEMAS. Saya juga menerima banyak aduan dan juga permintaan khususnya bagi tabika KEMAS dalam Parlimen Kuala Selangor yang sangat memerlukan bantuan balik pulih dan ianya sangat penting untuk memastikan jenama dan imej tadika KEMAS dapat diperkasakan. Sehubungan dengan itu, saya memohon juga apakah perancangan di peringkat KEMAS melalui KKLW untuk baik pulih tabika KEMAS yang ada dalam Parlimen Kuala Selangor. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pasir Gudang.

9.31 mlm.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020000 – KEMAS, 020500 – Bina Insan. Saya dapati kelas bina insan ini sangat berkesan dan sangat baik untuk masyarakat. Jadi saya mohonlah pihak KEMAS untuk menambah kelas-kelas bina insan ini. Di kawasan saya, saya mohon sekurang-kurangnya dapatlah membuat penambahan lima buah kelas. Kebanyakan daripada alasan yang diberikan kurang cikgu, jadi kita mohonlah kalau kurang cikgu, mana cikgu-cikgu yang dah pencen itu kita sambunglah kalau tidak ada tenaga muda yang boleh mengajar seperti tenaga sedia ada.

Seterusnya berhubung dengan Butiran 030000 – Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Saya pun nak bawa jugalah kepada kementerian supaya melihat. Saya ada beberapa kampung Orang Asli dan supaya beberapa permasalahan mereka ini terutama sekali dari soal kepunyaan tanah mereka yang dah berpuluh tahun ini dapat diselesaikan dengan segera supaya masalah ini taklah terjadi nanti tanah ini diambil oleh pemaju dan kasihan kepada mereka ini, jadi tolong selesaikan. Mereka jumpa saya tak putus-putus dan saya berharap perkara ini dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat.

Berhubung dengan jalan kampung, saya juga ingin memohon macam juga masalah Tebrau, orang ingat Pasir Gudang ini bandar tak ada kampung. Padahal saya ada sebelas kampung tapi tak dimasukkan pun di bawah kementerian ini. Tak ada bajet-bajet khusus untuk kawasan saya bagi kawasan-kawasan luar bandar. Jadi ada beberapa kampung yang memang memerlukan lampu jalan. Ahli Parlimen pun tak larat dia orang minta banyak, jadi sekurang-kurangnya adalah kampung-kampung ini dimasukkan bajetnya bagi dipasang lampu-lampu jalan di dalam kawasan kampung saya. Kalau boleh dapatlah dihubungi Ahli Parlimen supaya kita dapat susun dan atur mana yang betul-betul perlu.

Tentang 030400 – Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan Orang Asli. Saya pun mohonlah diadakan kelas-kelas tertentu, saya mempunyai beberapa orang yang sedia bekerjasama tetapi kita kalau tidak ada penstrukturan yang baik dari sudut bagaimana kelas-kelas ini dapat dijalankan, bersesuaian pendidikan kepada mereka, saya tidak dapat membantu banyak tetapi mungkin dengan peranan jabatan, kita dapat memainkan peranan yang sebaik mungkin.

Yang terakhir untuk KEMAS ialah tentang pesanan daripada guru-guru KEMAS yang sekarang ini kontrak mereka masih lagi kekal sebagai kontrak, tidak diserapkan sedangkan guru-guru baru telah diserapkan. Begitu juga dengan tahap pembayaran elaun bagi pembantu-pembantu KEMAS yang masih di bawah tahap yang sangat rendah. Jika mereka ini perlu diberi kursus, dimestikan pergi ke kursus, hantarlh mereka pergi kursus kerana mereka mendidik anak-anak kita, menjaga anak-anak kita.

Dalam keadaan ekonomi yang semakin meningkat ini, kelas-kelas KEMAS sangat diperlukan terutama sekali di kawasan-kawasan *flat*. Saya ada beberapa kawasan yang satu kawasan *flat* ada 12 – 13 blok, ada yang 18 blok. Mereka memerlukan kelas-kelas KEMAS. Jadi mohon supaya pihak Menteri bila saya buat permohonan, diluluskanlah untuk kelas-kelas KEMAS ini kerana melalui negeri tidak dapat berbuat demikian. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Labuan. Lepas Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Parit lepas itu Menteri menjawab.

9.35 mlm.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Labuan sikit sahaja. Satu adalah MARA di mana Labuan memerlukan dana untuk latihan atau *training*, jadi mungkin boleh dimasukkan dalam Butiran 00611 – Program Giat Mara. Di Labuan, kita ada Pusat Giat Mara dan pada masa ini sebenarnya program latihan memang yang nak dilatih itu memang ada, boleh dikumpulkan dan yang memerlukan orang yang dilatih itu memang tinggi sangat di dalam industri minyak dan gas seperti *scaffolding*, *welding* dan sebagainya, cuma kita perlukan dana sahaja lagi dan dia boleh *training* ini adalah *training* yang agak *special* iaitu setelah mereka mendapat *training* yang *basic* daripada GIATMARA, maka kita perlukan *bridging cost* lebih kurang sebulan untuk kita buat *training* bersama-sama dengan pemain-pemain industri ini.

Jadi saya berharap dapat disalurkan dana yang cukup. Saya boleh berhubung dengan GIATMARA dan MARA untuk melaksanakan program ini. Selain daripada itu, kita juga perlukan gerai MARA. Kalau ini dapat diperuntukkan, Perbadanan Labuan akan boleh mencari tanah yang sesuai dan kita buat untuk peniaga-peniaga baru bumiputera. Yang *last* sekali, MARA saya lihat sesuai dengan agenda memantapkan, memperkasakan agenda bumiputera di mana saya lihat MARA boleh memainkan peranan dengan lebih agresif untuk memastikan perniagaan-perniagaan yang boleh dibuat di kawasan bandar-bandar besar ataupun bandar-bandar

sederhana besar seperti francais-francaisi di mana bumiputera kebanyakannya tidak mampu untuk memulakannya, memerlukan beberapa juta untuk memulakannya.

Jadi saya lihat agensi-agensi seperti MARA patut memulakannya, mengadakannya dan profesional ataupun graduan-graduan baru bumiputera bolehlah dijadikan pengurus dan setelah mereka mempunyai pengalaman dan setelah *businesses* unit ataupun francais-francaisi ini mempunyai *cash flow* yang positif, maka kita akan *divest* dia kepada pengurus-pengurus yang kita lantik itu untuk mereka memiliki perniagaan-perniagaan ini. Ini boleh dibuat di Kuala Lumpur dan juga di bandar-bandar lain di mana perniagaan-perniagaan ini *viable*. Jadi ia akan membantu memperbesarkan komuniti peniaga bumiputera sebelum kita mencapai 2020 Negara Malaysia yang telah membangun. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit.

9.39 mlm.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama, saya ingin menyentuh 01000 – JAKOA. Saya telah bangkit dalam ucapan Bajet dan Menteri kata telah bina jadi saya minta supaya JAKOA memberikan peruntukan tambahan untuk membina rumah di Perkampungan Orang Asli Kampung Sungai Perah, Kampung Suak Padi, Kampung DUN Batu dan Kampung Tumbuh Hangat sebab masih tak mencukupi. Hanya empat biji sahaja yang dibuat tetapi penggunaannya lebih daripada itu. Jadi saya harap JAKOA dapat pertimbangkan.

Yang kedua, 02300 –Jalan-jalan Luar Bandar. Di kawasan saya, kawasan Parlimen Parit, jalan-jalan kampung telah pun dibina. Jalan ke sekolah, jalan ke bendang, jalan ke sekolah rakyat, jalan ke masjid telah ada, cuma saya nak minta sedikit kelonggaran daripada kementerian untuk membenarkan jalan-jalan dibina ke rumah-rumah rakyat di kawasan Parlimen Parit sebab itulah erti kemerdekaan kepada mereka.

Perkara 02503 – Pembangunan Ekonomi Luar Bandar. Usaha-usaha kerajaan untuk menambahkan pendapatan atau ekonomi penduduk luar bandar satu perkara yang cukup baik tetapi seperti rakan-rakan yang lain, oleh kerana pemantauannya kurang maka banyak program yang telah pun gagal dan telah pun gulung tikar.

Akhir sekali KEMAS. PM-PM KEMAS merupakan pemaju masyarakat, mereka dekat dengan masyarakat tetapi oleh kerana mereka bertaraf kontrak dan gaji mereka rendah jadi ini menyebabkan mungkin mereka kekurangan inisiatif untuk bekerja sebagai pemaju masyarakat. Jadi kerana itu, saya mencadangkan supaya kerajaan atau kementerian memikirkan untuk memberikan mereka berjawatan tetap dan berpencen dan berikan kenaikan gaji kepada mereka bagi membolehkan mereka bekerja dengan baik, bersungguh-sungguh dan membantu masyarakat di kawasan luar bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

9.41 mlm.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 peringkat jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kita sambung esok ya.

Tuan Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Tuan Pengerusi.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Khamis, 13 November 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.42 malam]